

# KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:-</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2004	
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b>	
<b><u>Jadual:-</u></b>	
Maksud B. 43	(Halaman 16)
Maksud B. 44	(Halaman 64)
Maksud B. 45	(Halaman 98)
<b>USUL-USUL:-</b>	
Anggaran Pembangunan 2004	
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b>	
Maksud P. 43	(Halaman 16)
Maksud P. 44	(Halaman 64)
Maksud P. 45	(Halaman 98)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 15)
Meminda Jadual Dalam Rang Undang-undang Di Bawah Peraturan Mesyuarat 66(9)	(Halaman 16)



**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ *Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)*
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. D.C.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Menteri Kewangan Kedua, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
- “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, P.J.N., D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, D.S.P.N., P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad, D.M.S.M. (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datin Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)

- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Ir. Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- " Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- " Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- " Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
- " Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
- " kosong (Kangar)
- " Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- " Tuan Abd. Rahman bin Yusof, (Kemaman)
- " Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
- " Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- " Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- " Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- " Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- " Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P., D.M.S.M. (Larut)
- " Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- " Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- " Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- " Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- " Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- " Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- " Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- " Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- " Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- " Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- " Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- " Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- " Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)

## Yang Berhormat Dato Goh Siow Huat (Rasah)

- " Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- " Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- " Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- " Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- " Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- " Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- " Dato' Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- " Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- " Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- " Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- " Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- " Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- " Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- " Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
- " Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- " Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- " Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- " Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- " Tuan Liew Teck Chan (Gaya)
- " Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- " Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- " Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- " Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- " Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- " Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- " Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- " Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- " Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- " Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- " Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- " Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- " Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)

Yang Berhormat Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)

- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M. (Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)



- Yang Berhormat Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Tan Sri Dato' Dr. Ting Chew Peh, P.S.M., D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato' Tiong Thai King (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.S.M., J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tan Sri Hajah Zaleha binti Ismail, P.S.M., S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

#### **MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Datuk Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**  
Roosme binti Hamzah  
Zamani bin Haji Sulaiman

**Penolong Setiausaha**  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat  
Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaiton binti Yaacob  
Abd. Talip bin Hasim  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah Mohd. Azir  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd. Izhar bin Hashim  
Chong Lai Peng

**PETUGAS-PETUGAS****UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof  
Mohamed Shahrizan bin Sarif  
Alias bin Mohd. Nor

**JURUBAHASA SERENTAK**

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin  
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed

**BENTARA MESYUARAT**

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman  
Zafniza binti Zakaria  
Hindun binti Wahari  
Rozaimah binti Mohamad Ariffin  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norlaila binti Abdullah Sidi  
Ropiah binti Tambi  
Suhairi bin Othman

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Selasa, 21 Oktober 2003****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Richard Riot ak. Jaem [Serian]** minta Menteri Pertahanan menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memastikan keselamatan di sempadan Sarawak/Kalimantan Indonesia sentiasa terkawal.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, keselamatan di sempadan Sarawak/Kalimantan sentiasa dikawal dengan baik. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ATM kini menempatkan dua batalion tentera untuk penugasan ini, yang melibatkan seramai lebih kurang 1,500 anggota. Bagi kawasan maritim, ia sentiasa dikawal oleh TLDM dan TUDM bagi menentukan kawasan laut dan ruang udara angkasa Malaysia tidak akan dicerobohi. Selain daripada itu operasi-operasi juga dilaksanakan bersama dengan PDRM, terutamanya operasi untuk membanteras kegiatan penyeludupan dan pendatang tanpa izin.

**Tuan Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ini ditumpukan kepada kawasan Parlimen Serian. Di kawasan Parlimen saya, Serian, terdapat banyak jalan yang dipanggil sebagai '*jalan tikus*'. Dan melalui '*jalan tikus*' inilah aktiviti-aktiviti penyeludupan berlaku. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Parlimen saya, Serian, memang sudah tertubuh Pasukan Askar Wataniah. Sepertimana yang saya telah sebutkan sebentar tadi, di kawasan Parlimen saya banyak jalan-jalan tikus.

Saya berpendapat bahawa satu daripada cara yang boleh kita buat untuk membendung aktiviti penyeludupan ini melalui '*jalan tikus*' ialah untuk menubuhkan satu Pasukan Askar Wataniah dan ahli-ahli atau anggota-anggota Pasukan Askar Wataniah ini haruslah mereka yang berasal dan tinggal di kampung-kampung pedalaman yang berdekatan dengan jalan-jalan tikus ini. Jadi, soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian bersedia untuk menubuhkan Pasukan Askar Wataniah di Serian lagi. Sekian, terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Serian. Cadangan Yang Berhormat adalah selaras dengan apa yang kita sedang laksanakan di peringkat Kementerian Pertahanan, di mana kita berhasrat untuk mewujudkan di setiap kawasan Parlimen, agar wujud Askar Wataniah bukan hanya untuk melibatkan masyarakat yang berkeupayaan untuk berlatih sebagai pasukan keselamatan. Bahkan juga melibatkan penduduk tempatan yang lebih arif tentang suasana dan keadaan, budaya setempat itu. Insya-Allah, cadangan Yang Berhormat, kita akan ambil perhatian dan seperti yang saya sebutkan, sememangnya Kementerian Pertahanan mengambil perhatian berat tentang cadangan-cadangan mewujudkan Askar Wataniah .

Di samping itu, pihak kementerian juga mengambil beberapa langkah untuk cuba mengatasi masalah seperti Yang Berhormat sebutkan laluan-laluan yang begitu banyak di persempadanan. Penugasan operasi bersama dengan Indonesia juga kita lakukan di beberapa tempat yang strategik seperti di Kem Lubuk Antu, Kem Biawak, operasi telah berjalan sejak 1974. Di Semanggis, kita telah laksanakan semenjak tahun 2002 lagi.

Kita dapati bahawa sedikit sebanyak kita telah membanteras kegiatan-kegiatan penyeludupan, bukan hanya berangan bahkan juga menegah pendatang tanpa izin yang cuba untuk membolosi sempadan negara kita.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]* Orang belakang macam-macam cakap, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Teruskan soalan.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Teruskan soalan. Memang benar, Tuan Yang di-Pertua, ada 160 lebih 'jalan tikus' mengikut maklumat terkini yang kita dapati menyeludup keluar dan masuk dari Sarawak dan Kalimantan. Baru-baru ini ada berlaku satu insiden tembakan di kawasan Lundu, seorang polis dari Indonesia mati tertembak oleh *security guard, Palm Oil Plantation*.

Masalah perang mulut di antara Malaysia dengan Indonesia terutama sekali di Sarawak, oleh kerana penyeludupan kayu balak dari Indonesia pergi ke Malaysia. Sekarang menjadi satu isu internasional, hingga dikatakan bahawa jangan beli balak Malaysia kerana balak ini diseludup dari Indonesia.

Jadi, dalam keadaan sedemikian amat membimbangkan juga, walaupun perkara ini kecil, apakah tindakan khusus yang pasti diambil tindakan sekarang, sebelum ia menjadi satu perang mulut besar, sebagaimana berlaku di antara Malaysia dengan Singapura. Kita tidak mahu lagi bergaduh dengan jiran-jiran kita ini. Jadi, tindakan awal, pendamaian awal, apa sahaja perlu dibuat supaya tidak berlaku persengketaan di antara jiran yang begitu rapat dan akrab sekali dengan Indonesia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Batang Lupar yang agak prihatin tentang keselamatan di kawasan persempadanan Kalimantan ini. Saya memang akui bahawa beberapa kejadian sebelum ini pun berlaku di persempadanan kita tentang penyeludupan khususnya kayu balak. Langkah-langkah ini kita telah cuba mengatasinya dengan membanteras kegiatan-kegiatan ini dan alhamdulillah kalau berdasarkan dari rekod yang ada keadaan telah dapat kita bendung dengan begitu baik. Bilangannya sudah pun menurun berbanding dengan dahulu. Walaupun demikian, ini tidak bererti bahawa kita harus *complacent*, dengan izin, bahawa dalam keadaan kita dapat membendung kita tidak harus leka.

Dalam keadaan ini kita harus mempertingkatkan keselamatan, dan salah satu langkah seperti yang saya sebutkan di peringkat awal ialah pengawalan, kerjasama dengan pasukan keselamatan tentera Indonesia dan juga pihak negara kita. Walaupun sedikit sebanyak ada mencemarkan nama, kadang-kadang melibatkan kononnya, anggota keselamatan juga dibabitkan dengan kegiatan ini. Walaupun demikian, bilamana keadaan ini, kita iktiraf bahawa ia boleh mencetuskan suasana yang tidak begitu baik, kita sering mengadakan perbincangan, khususnya dengan Panglima-panglima Angkatan Tentera di peringkat atasan untuk cuba meredakan keadaan ini dan untuk mengeratkan hubungan dan kerjasama dapat dipertingkatkan di antara kedua-dua negara jiran kita.

Alhamdulillah, setakat ini langkah-langkah diplomatik yang telah kita laksanakan, sama ada menerusi perbincangan di peringkat Angkatan Tentera Malaysia dengan Angkatan Tentera Indonesia, dan juga kalau ia menjadi agak serius, kita akan berhubung rapat dengan Wisma Putra untuk membantu kita, bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini. Setakat ini Alhamdulillah, keadaan tidaklah membimbangkan sangat, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

2. **Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]** minta Menteri Kesihatan menyatakan status kemaraan penyakit AIDS di Malaysia dan langkah-langkah untuk melindungi penduduk-penduduk di luar bandar yang tidak arif tentang penyakit itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:** Tuan Yang di-Pertua, wabak jangkitan HIV AIDS di Malaysia bolehlah dikategorikan sebagai berada di peringkat *concentrated epidemic*, di mana jangkitan tertumpu kepada golongan berisiko tinggi termasuk penagih dadah dan pelacur. Kadar jangkitan di kalangan penagih dadah yang berkongsi jarum suntikan dianggarkan sekitar 18 peratus dan di kalangan pelacur wanita di antara lima hingga tujuh peratus. Walau bagaimana pun, kadar jangkitan di kalangan orang awam masih terkawal, di mana kadar jangkitan di kalangan penderma darah dan ibu mengandung adalah sekitar 0.03 peratus. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi melindungi rakyat terutamanya penduduk luar bandar adalah seperti berikut:

- (i) ujian saringan HIV dan rawatan dengan *Azidothymidine* ataupun nama singkat AZT, ke atas ibu-ibu mengandung bagi mencegah jangkitan kepada bayi semasa dalam kandungan dan selepas kelahiran;
- (ii) ujian HIV secara sukarela kepada mereka yang merasakan diri mereka dijangkiti HIV dan rujukan ke klinik kesihatan untuk rawatan lanjut bagi mereka yang positif;
- (iii) ujian saringan HIV ke atas banduan penjara dan pelatih Pusat Serenti dan rujukan serta lawatan susulan;
- (iv) memastikan keselamatan darah melalui saringan darah dan bahan darah;
- (v) aktiviti pendidikan AIDS melalui ceramah, pameran, forum, seminar dan lain-lain;
- (vi) mempromosikan cara hidup sihat dengan menggunakan media elektronik, media cetak, media luar dan lain-lain;
- (vii) menganjurkan kempen anti-AIDS atau sambutan Hari Khas AIDS bagi memberi kesedaran kepada orang ramai tentang bahaya AIDS;
- (viii) menyediakan khidmat nasihat serta kaunseling di klinik-klinik kesihatan dan hospital kerajaan;
- (ix) menyediakan kemudahan perkhidmatan rawatan dan penjagaan di klinik kesihatan dan hospital kerajaan dan
- (x) program khas untuk remaja iaitu PROSTAR, iaitu Program Sihat Tanpa AIDS untuk remaja meliputi kawasan luar bandar.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, pada satu masa dahulu, Puan Marina Mahathir telah menggunakan cara yang kreatif untuk menyedarkan orang ramai tentang bahaya AIDS, tetapi telah dikritik, dikedam oleh pihak pembangkang. Soalan saya, adakah kerajaan masih menggalakkan cara yang positif, yang membina, yang nyata, yang *frank* untuk menyedarkan orang ramai yang masih malu, yang masih segan untuk menghadapi isu ini, dan adakah peruntukan kewangan diberi kepada NGO yang ingin terlibat?

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita haruslah lebih praktikal dalam menangani masalah AIDS ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Aman, yang tampil ke hadapan untuk memberi sokongan ke atas program-program yang dilaksanakan, khususnya oleh Majlis AIDS Malaysia yang bersama-sama dengan kementerian. Jadi, harapan kita adalah untuk memastikan bahawa mana-mana program yang dilaksanakan janganlah dipolitikkan, itu yang pertama.

Kedua, dari segi kementerian, kita memberi sokongan sepenuhnya, khusus kepada Majlis AIDS Malaysia, yang memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat. Itulah sebabnya kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM4 juta setahun untuk tempoh 10 tahun untuk membolehkan mereka

menggiatkan lagi usaha-usaha mereka untuk sama-sama kita menyedarkan rakyat Malaysia tentang bahaya AIDS dan cara-cara mencegahnya.

**Tuan Saupi bin Daud:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian berhubung dengan kes-kes kematian yang melibatkan isteri-isteri mengandung akibat daripada pemindahan atau pertukaran darah, yang dahulu melibatkan isteri seorang peneroka telah meninggal dunia. Yang keduanya, kita lihat bahawa hari ini kegiatan penagihan dadah telah merebak dengan begitu meluas di peringkat kawasan luar bandar. Daripada apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, saya kurang yakin dengan masalah yang dihadapi oleh hospital-hospital dan juga klinik-klinik di luar bandar yang tidak mempunyai doktor-doktor pakar yang mencukupi. Walaupun langkah-langkah yang disebutkan tadi banyak, tetapi sejauh manakah langkah tersebut dapat diatasi dengan kekurangan doktor-doktor pakar yang ditempatkan di luar bandar. Saya ingin mendapat penjelasan.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, cara yang paling baik untuk kita menangani gejala ini ialah melalui pendidikan dan mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat. Walaupun bilangan doktor pakar kurang, tetapi itu tidak menghalang usaha kita untuk menangani masalah ini, cuba mengelakkan masalah ini. Dari segi *curativenya*, beberapa langkah telah pun kita ambil dan juga perubatan yang telah kita perkenalkan di hospital-hospital, khususnya baru-baru ini kita telah mendapat kelulusan untuk membeli perubatan dari negara India untuk bekalan ubatan *anti-retroviral* bagi pesakit-pesakit AIDS ini. Jadi, cara yang paling baik ialah supaya jangan kita gunakan alasan kekurangan doktor sebagai satu halangan untuk kita menangani masalah ini. Cara yang paling baik ialah melalui pendidikan dan kesedaran. Itulah yang kita memberi tumpuan pada masa ini.

3. **Dato' Kamarudin bin Jaafar [Tumpat]** minta Perdana Menteri menyatakan kriteria-kriteria yang digunakan di dalam kenaikan pangkat hakim-hakim.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan para Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi, adalah termaktub di bawah pPerkara 122B(l) Perlembagaan Persekutuan, yang memperuntukkan bahawa Ketua Hakim Negara, Presiden Hakim Mahkamah Rayuan dan Ketua-Ketua Hakim di Sabah, Sarawak dan Semenanjung, serta para Hakim Mahkamah Tinggi adalah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong di atas nasihat Perdana Menteri, setelah merundingi Majlis Raja-Raja. Pelantikan para hakim juga, Tuan Yang di-Pertua, adalah diasaskan kepada, dengan izin, "*the basic principles on the independence of the Judiciary*" yang telah diluluskan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1985.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri, di atas jawapan itu. Saya fikir jawapan itu, walaupun saya dapat terima pada prinsipnya, adalah terlalu ringkas dan susah untuk meyakinkan rakyat biasa, seperti rakyat daripada Tanah Merah yang datang pada hari ini, [*Merujuk kepada kehadiran ramai pelawat dalam Dewan*] untuk memahami bagaimana, misalnya, hakim-hakim tertentu seperti Hakim Pajan Singh, Ariffin Jaka, Augustine Paul, yang mana khususnya seperti Augustine Paul, telah dikritik oleh Hakim Mahkamah Rayuan bahawa sikapnya dalam kes Zainur Zakaria adalah lebih sebagai pendakwa dan bukan sebagai Hakim. Jadi, prinsip-prinsip apakah yang dipakai dalam kes beberapa hakim tertentu, yang dinaikkan pangkat baru-baru ini, yang menimbulkan perasaan tidak puas hati, yang amat memuncak di kalangan para peguam, yang ada dalam negara kita ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, pada fikiran saya berkenaan dengan hakim-hakim, perangnya dan tingkah lakunya tidak boleh dikemukakan dalam Majlis ini.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Saya memetik.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau mengikut peraturan, melainkan kalau ada satu usul persendirian berkenaan dengan perkara itu.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Saya sekadar memetik apa yang disebutkan oleh Hakim Mahkamah Rayuan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hakim boleh mengkritik sesama sendiri. Kuasa hakim boleh mengkritik sesama sendiri, bahkan lazimnya berlaku Hakim-hakim Mahkamah Rayuan mengkritik hakim-hakim di bawahnya, selalunya berlaku. Ini tidaklah boleh orang lain yang mengatakan bahawa perbuatan itu tidak baik.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Soalan yang agaknya boleh ditanya dalam Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, sila.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Iaitu tentang pandangan Majlis Peguam Negara berkaitan dengan usaha mereka hendak mengadakan suatu mesyuarat agung khas untuk membincangkan tentang kriteria-kriteria pelantikan hakim-hakim.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat tidak boleh bertanya kerajaan begitu ya. Benda itu kita kena kemukakan kepada Majlis Peguam. Soalan lain, Yang Berhormat. [*Disampuk*] Saya masuk soalan lain.

4. **Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah kriteria pemilihan yang akan digunakan oleh kerajaan untuk menentukan kelayakan calon-calon untuk mengikuti program angkasawan nasional di dalam 'offset' pembelian pesawat pejuang Sukhoi SU-30 dari negara Rusia.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Seri Law Hieng Ding]:** Tuan Yang di-Pertua, kriteria pemilihan angkasawan negara telah pun dibincangkan dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemantau Program Angkasawan Kebangsaan di Kementerian Pertahanan Malaysia. Pemilihan angkasawan akan diadakan secara berperingkat. Bagi saringan pertama, pencalonan dibuka kepada semua rakyat Malaysia yang berminat dan berumur lebih dari 21 tahun. Pemilihan adalah berdasarkan ciri-ciri berikut:

- (i) kesediaan menjalani latihan selama satu setengah tahun di Rusia;
- (ii) latar belakang pendidikan;
- (iii) keadaan fizikal – keperluan minimum:
  - (a) penglihatan yang sempurna (*perfect vision*);
  - (b) tekanan darah 140/90 diambil dalam keadaan duduk;
  - (c) kesihatan mental; dan
  - (d) *aptitude*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang kelima apa Yang Berhormat?

**Dato' Seri Law Hieng Ding:** *Aptitude*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Aptitude*. Ya.

**Dato' Seri Law Hieng Ding:** Bagi saringan kedua, kriteria tambahan yang akan dikenakan ialah:

- (i) mempunyai ijazah;
- (ii) mempunyai pengalaman kerja berkaitan penerbangan atau sains;
- (iii) penglibatan di dalam aktiviti-aktiviti penerbangan, *scuba diving*, *mountain climbing*, *public speaking*, dengan izin, dan lain-lain.

Diikuti dengan tahap saringan ketiga di mana pemohon-pemohon akan dikehendaki mengemukakan CV lengkap dan menghadiri temu duga.

Pada saringan tahap keempat, pemohon-pemohon akan dikehendaki menjalani ujian pelbagai di Rusia. Terima kasih.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan tadi dan saya yakin usaha kerajaan untuk membangunkan angkasawan nasional menerusi program ini, insya-Allah, akan berjaya. Semangat daya saing 'Malaysia Boleh' akan membawa kecemerlangan negara kita selaku negara Asia Tenggara mempunyai angkasawannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, program angkasawan negara adalah satu usaha murni dan perlu disokong dan dipupuk supaya berjaya. Walau bagaimanapun, soalan tambahan saya ialah ia tidak wajar dihadkan hanya kepada menghantar rakyat ke angkasa lepas. Kriteria pemilihan calon yang kita dengar tadi termasuklah mungkin ada bakal-bakal calon Ahli Parlimen di sini, wajar juga menitikberatkan kepada aspek-aspek bukan sahaja kepada kesihatan yang dimaklumkan tadi termasuk *aptitude*, mental, fizikal, tetapi juga aspek-aspek ilmiah atau pengetahuan yang perlu disumbang oleh calon-calon yang dipilih semasa *the mission*, dengan izin, dan menyambung selepas pulang ke bumi, dengan izin, *post-mission* supaya diwajibkan menyumbang kepada industri yang disebutkan tadi iaitu industri sains termasuklah mikrobiologi, komunikasi, pertanian, *metrology*, pertahanan di dalam tempoh 10 ke-15 tahun.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, soalan Yang Berhormat.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** .....selepas kepulangan mereka. Terima kasih.

**Dato' Seri Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian akan mengambil perhatianlah.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini saya membaca dalam akhbar bahawa lebih kurang 5,000 orang peminat telah mengemukakan permohonan untuk mengikuti program ini. Jadi, saya hendak tahu berapakah kos keseluruhan untuk program ini dan siapakah yang akan membiayai ini sama ada negara Rusia akan turut membiayai ini? Apakah objektif yang ingin dicapai oleh kerajaan dalam mengadakan program ini. Saya harap bukan setakat 'Malaysia Boleh'.

**Dato' Seri Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, memang ini adalah satu projek *prestige* untuk negara. Nampaknya negara China baru-baru ini telah menghantar seorang angkasawan ke angkasa lepas dan kita boleh lihat publisitinya. Diharapkan negara Malaysia ini juga akan mencapai tahap itu pada satu hari akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini tidak melibatkan apa-apa kos. Ini adalah salah satu *offset programme* dengan pembelian pesawat Sukhoi dari pihak Rusia.

**[Soalan No.5 – Y.B. Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap) tidak hadir]**

6. **Tuan Mohd. Amar bin Abdullah [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah katil di ICU bagi menampung pesakit (wabak denggi) dan lain-lain yang semakin banyak mengorbankan nyawa rakyat di setiap negeri seluruh negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:** Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan rawatan intensif (*intensive care services*) adalah sebahagian daripada perkhidmatan hospital yang menyediakan rawatan khusus untuk pesakit tenat yang memerlukan bantuan pemerhatian yang rapi seperti bantuan pernafasan, bantuan sistem cardiovascular dan pemerhatian rapi fungsi organ-organ. Pesakit yang memerlukan rawatan ini adalah pesakit yang menghidap penyakit tenat di tahap yang boleh membawa kepada kegagalan organ.

Pada masa ini terdapat sebanyak 376 buah katil ICU, iaitu ICU umum dan khusus di hospital-hospital kerajaan. Pada masa sekarang tidak terdapat Unit Rawatan Rapi Intensif yang spesifik untuk kes demam denggi. Pesakit yang mengalami demam denggi yang teruk akan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi Intensif Umum.



7. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Perdana Menteri menyatakan:-
- (a) sama ada pemaju pembangunan Bandar Bukit Jalil akan mempunyai kos pembinaan jejambat yang akan dibina di persimpangan Jalan Bukit Jalil/ Jalan masuk ke Bandar Bukit Jalil; dan
  - (b) jika ya, bilakah jejambat itu akan dibina bagi menggantikan lampu isyarat lalu lintas di persimpangan itu.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Datuk Adnan bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, sebuah persimpangan bertingkat akan dibina di Jalan Bukit Jalil dan jalan masuk ke Bandar Bukit Jalil. Pembinaan persimpangan ini merupakan salah satu syarat yang dikenakan kepada pemaju yang melaksanakan projek Bukit Jalil tersebut. Berdasarkan kepada perancangan yang ditetapkan, persimpangan ini dijangka akan dibina pada Mei 2004.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sudah kita dapatlah keputusan telah dibuat untuk membina jejantas di situ, tetapi buat waktu ini semasa pelaksanaan pembinaan di persimpangan bertingkat di situ, apa langkah akan diambil untuk mengelakkan kemalangan yang sering berlaku berdekatan dengan lampu isyarat di situ dan bagaimana untuk mengatasi kesesakan sepanjang Jalan Bukit Jalil kerana lampu isyarat di situ?

**Tengku Datuk Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan kemalangan, saya mohon Ahli Yang Berhormat supaya menasihatkan pengguna-pengguna khususnya pengundi-pengundi Yang Berhormat itu supaya berhati-hati dalam kawasan tersebut.

Dan untuk masalah yang telah dibangkitkan, kita juga menyediakan suatu pusingan 'U' yang ada disediakan di persimpangan supaya pengguna-pengguna jalan raya dapat menggunakan persimpangan U ini supaya kesesakan dapat diatasi.

*[Soalan No. 8 – Y.B. Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Keria) tidak hadir]*

9. **Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan dalam keghairahan mengejar untuk mendapatkan ISO 9000/9002 oleh pelbagai institusi perkhidmatan mahupun pengeluaran, adakah kerajaan memastikan mutu tetap terpelihara kerana dibimbangi ia hanya gimik dagangan yang kadangkala mengelirukan masyarakat pengguna.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Seri Law Hieng Ding]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu cara untuk menjamin agar mutu persijilan ISO 9000/9002 tetap terpelihara adalah dengan memastikan badan-badan persijilan berkenaan diakreditasi oleh badan bertauliah. Ini kerana tujuan utama akreditasi dijalankan adalah untuk menilai dan memastikan sesuatu badan persijilan itu berkelayakan dan kompeten dalam memberi perkhidmatan persijilan kepada industri perkhidmatan dan pengeluaran.

Di Malaysia, Jabatan Standard Malaysia (JSM) adalah satu jabatan yang telah ditugaskan untuk melaksanakan akreditasi badan-badan persijilan yang memberikan perkhidmatan persijilan ISO 9000. Walau bagaimanapun, permohonan untuk diakreditasi adalah dilaksanakan secara sukarela. Setakat ini belum ada peraturan yang mewajibkan badan-badan persijilan mendapat akreditasi dari JSM.

Walaupun, bagi maksud perolehan kerajaan, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 tahun 2002 menggariskan bahawa sekiranya persijilan sistem kualiti diperlukan, pembekal-pembekal kepada perolehan kerajaan perlu memastikan bahawa sijil yang mereka diperolehi adalah dikeluarkan oleh badan persijilan yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia.

Sehingga kini, hanya tiga badan persijilan yang telah mendapat akreditasi JSM secara sukarela, iaitu SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (anak syarikat milik penuh SIRIM Berhad), AOQC Moody (Malaysia) Sdn. Bhd. dan CI Certification (Malaysia) Sdn. Bhd.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan kredibiliti dan pasaran barangan buatan Malaysia melalui satu lagi Sijil Akreditasi perkhidmatan persijilan ISO 9000 yang diperolehinya dari *United Kingdom Accreditation Service* (UKAS). UKAS adalah sebuah badan akreditasi terkenal di dunia dan telah lama bertapak (*established*), dengan izin, dalam bidang ini. Selain itu, usaha juga telah diambil bagi meningkat dan memantapkan kelayakan dan kecekapan juruaudit SIRIM QAS International Sdn. Bhd. melalui pematuhan kepada satu lagi standard ISO, iaitu ISO 10011 sebuah standard yang menetapkan kelayakan dan *competency* seseorang juruaudit.

Bagi pihak kerajaan pula, JSM telah mempertingkatkan kredibiliti akreditasi yang dilaksanakannya dengan memperoleh Perjanjian Persefahaman Pelbagaihalala (MLA) *International Accreditation Forum* (IAF) pada tahun 1999. Ini bermakna akreditasi yang dilaksanakan oleh JSM adalah bertaraf dunia dan justeru itu, menjadikan badan-badan persijilan yang diakreditasikan oleh JSM berada di taraf yang sama. Sekian, terima kasih.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan yang cukup panjang lebar. Pelbagai institusi ghairah dan berlumba-lumba untuk mendapatkan sijil ISO 9000/9001/9002 dan sebagainya ini, termasuk juga dalam teknologi penyediaan makanan, barang-barang makanan yang didapati bercampur aduk dengan benda-benda asing, begitu juga bank, mesin ATM selalu tergendala, offline, telan kad, tidak keluar wang, saya tidak perlu sebut institusi bank mana, di IPTA pun juga begitu, sedangkan kawalan terhadap pelajar-pelajarnya tidak begitu kemas, pergaulan bebas, penagihan dadah dan sebagainya. Bagaimanakah hal-hal yang seperti ini boleh diberikan sijil ISO sebegitu? Terima kasih.

**Dato' Seri Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Malaysia adalah sebuah negara yang membangun, oleh sebab saya ingat sekarang kita hanya mempunyai kurang lebih 3,000 standard yang ada di negara kita ini, jikalau kita hendak menjadi sebuah negara yang membangun atau *developed Malaysian*, standard yang diperlukan adalah tidak kurang dari 6,000, oleh sebab itu kementerian saya melalui Jabatan Standard Malaysia berusaha untuk menambah standard-standard ini termasuk apa yang dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sekian, terima kasih.

*[Soalan No. 10 – Y.B. Dato' Mustafa bin Ali [Dungun] tidak hadir]*

11. **Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop [Alor Gajah]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk menggubal undang-undang bagi mengatasi kes perceraian melalui SMS dan setakat ini berapa banyak kes seperti ini telah berlaku.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada cadangan untuk menggubal undang-undang bagi mengatasi kes perceraian melalui SMS. Pada masa ini undang-undang mengenai perceraian telah mencukupi dan peruntukan mengenai perceraian telah dimasukkan di dalam Undang-undang Keluarga Islam.

Perceraian melalui SMS dikategorikan sebagai perceraian yang dilakukan di luar mahkamah dan perceraian yang dilakukan di luar mahkamah merupakan satu kesalahan. Seksyen 124 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan bahawa sesiapa yang melakukan perceraian di luar mahkamah dengan apa-apa bentuk tanpa kebenaran mahkamah adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau keduanya sekali. Data-data mengenai perangkaan bagi kes perceraian melalui SMS sedang dikumpulkan. Terima kasih.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa perceraian melalui cara moden ini, banyak dikeji oleh masyarakat bahawa ia seolah-olah adalah tindakan yang tidak bermoral, bahawa

apa yang saya ingin tahu sama ada daripada lunas undang-undang hukum syaraknya, adakah perceraian melalui SMS ini sah dan kalau daripada segi SMS ini ada berlaku di mana SMS message yang disampaikan mungkin tidak betul, ataupun daripada pengantar mungkin orang yang lain yang menghantar mesej tersebut. Jadi, daripada kesahihan mesej itu ada keraguannya. Bagaimana pandangan pihak berkuasa?

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Alor Gajah. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, baru-baru ini Majlis Fatwa telah pun membuat fatwa di mana cerai SMS ini tarafnya sama, seperti cerai melalui surat, oleh kerana cerai melalui surat ini kita memerlukan pengesahan daripada orang yang menulis surat. Maka, cerai SMS juga, kaedahnya sama. Kita tidak boleh mengatakan cerainya sah sehinggalah kita memanggil suami tersebut untuk mengesahkan bahawa suami inilah yang benar-benar menghantar SMS dan niatnya ketika dia menghantar SMS. Jika mahkamah mendapati suaminya membuat pengakuan dan niatnya juga memang untuk menceraikan isterinya, maka mahkamah akan menjatuhkan hukum dan tarikh kuat kuasa cerai itu ialah daripada tarikh SMS itu dibuat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya lelaki yang bertanggungjawab dan suka kepada lelaki yang bertanggungjawab. Pernikahan atau perkahwinan dihalalkan oleh Islam, malahan digalakkan dan Nabi amat suka kepada umatnya yang bernikah dan mengikut sunnahnya. Dalam pernikahan, ada pelbagai undang-undang dan peraturan yang kita kena ikut. Sesuatu yang halal, tetapi tidak disukai oleh Allah ialah perceraian. Ini semua *basic* yang sudah diketahui oleh seluruh orang Islam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Masa berubah dan bertukar.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat, apa soalnya Yang Berhormat, ya. *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya? Saya tengok soalnya ada 15 sahaja, tetapi ramai rakan tidak datang. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. *[Dewan gamat seketika]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi, saya rasa ada masa untuk saya.....

**Seorang Ahli:** Membahas sedikit.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** .....membuat sedikit mukadimah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Di Wilayah Persekutuan, jelas bahawa perceraian di luar mahkamah satu kesalahan seperti Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri menjawab tadi, hukumannya RM1,000. Lelaki yang tidak bertanggungjawab, yang menceraikan isteri melalui SMSnya, bagi saya lelaki yang patut diajar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalnya Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Soalnya, adakah undang-undang yang dipraktikkan di Wilayah ini, ia sama dengan undang-undang di negeri-negeri lain termasuk Kelantan dan Terengganu, adakah tidak undang-undang ini? Ini, Kelantan dan Terengganu temberang sahaja lebih kadang-kadang. Tetapi, saya tidak tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, cukuplah ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kemudian Tuan di-Pertua, bolehkah hukuman ini digandakan, diberatkan Tuan Yang di-Pertua supaya menjadi pengajaran dan menjadi satu rasa ketakutan jangan sewenang-wenangnya menghina wanita yang telah dipeluk cium dan dikahwini berpuluh-puluh tahun, tiba-tiba diceraikan di tepi jalan dengan menggunakan beberapa tekanan jari.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi, saya hendak minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya memang faham dan saya akuih Yang Berhormat seorang suami yang adil dan bertanggungjawab. *[Ketawa]* Tidak ramai orang boleh buat seperti Yang Berhormatlah. Yang lain itu ramai takut Yang Berhormat. Mengenai pandangan Yang Berhormat, memang kita sedia maklum, seluruh masyarakat memang mengutuk cara perceraian yang dibuat melalui budaya moden ini, kerana ia boleh menghina Islam itu sendiri. Ini kerana, kita sedia maklum, waktu berkahwin ada adat, ada acaranya, ada keramaiannya, saudara semua datang, tetapi bila hendak bercerai tidaklah begitu mudah. Kalau kita tidak bendung masalah ini, orang akan memandang rendah kepada agama Islam sendiri.

Oleh itu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun membuat undang-undang penyeragaman ini di mana kesalahan cerai di luar mahkamah, tetapi ia tidak tulislah SMS, kesalahan perceraian di luar mahkamah ini adalah merupakan satu kesalahan dan penyeragaman undang-undang keluarga Islam ini setakat ini telah pun diterima oleh banyak negeri.

Yang kedua, cadangan Yang Berhormat untuk meninggikan lagi hukuman. Ini akan melibatkan *jurisdiction* mahkamah. Kalau sekarang kita kenakan denda RM1,000 ia boleh didakwa di Mahkamah Rendah Syariah. Tetapi, kalau kita naikkan sampai RM2,000, maka kes ini kena bawa ke Mahkamah Tinggi Syariah kerana sudah masuk *jurisdiction*, sudah melebihi *jurisdiction* Mahkamah Syariah.

Tetapi, kalau kita lihat undang-undang yang sedia ada ini sudah cukup untuk kita memberikan pengajaran kepada suami-suami yang tidak bertanggungjawab ini, kerana selain daripada hukuman denda RM1,000, ia juga boleh dikenakan hukuman penjara. Sebab itu kita berikan budi bicara ini kepada pihak mahkamah untuk mereka meneliti bagaimana satu-satu kes dan kita juga berharap mahkamah kalau didapati kes-kes yang boleh menyebabkan perceraian ini begitu mudah, kita minta mahkamah mestilah mengadakan hukuman seperti mana yang telah diberikan oleh undang-undang kepada mahkamah.

**[Soalan No. 12 – Y.B. Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang) tidak hadir]**

**[Soalan No. 13 – Y.B. Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) tidak hadir]**

**[Soalan No. 14 – Y.B. Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh) tidak hadir]**

**[Soalan No. 15 – Y.B. Tuan Philip Benedict Lasimbang (Penampang) tidak hadir]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, kita berbalik semula. Ya, Yang Berhormat Tuan Zawawi bin Haji Ahmad. *[Ketawa]*

5. **Tuan Zawawi bin Haji Ahmad [Padang Terap]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah pelan tindakan jangka panjang dan jangka pendek yang diatur kementerian bagi mengatasi masalah gejala sosial di kalangan masyarakat remaja.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya sudah jawab semalam. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya? Sekejap, sekejap Yang Berhormat. Apa yang Yang Berhormat jawab tadi?

**Dato' S Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan ini semalam Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ooh, ya, ya. Ya, soalan tambahan? *[Dewan gamat seketika]* *[Ketawa]*

**Tuan Zawawi bin Haji Ahmad:** Jawapan itu saya tidak terima pun. Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Zawawi bin Haji Ahmad:** Antara punca berlakunya gejala sosial di kalangan masyarakat dan muda-mudi kita khususnya ialah keadaan sekeliling seperti kalau di bandar-bandar ini rumah yang sempit, khususnya keluarga yang berada di rumah-rumah pangsa. Antara lain juga sikap orang dewasa dan mereka melihat orang-orang dewasa berkelakuan seperti itu, ganas dan sebagainya seperti mana sesetengah orang yang berkedudukan pernah menerajang orang yang belum tentu bersalah dan sebagainya. Jadi, dia hendak cuba. Selain daripada itu, ialah media massa yang memaparkan gambar-gambar dan sebagainya yang ganas dan ini mempengaruhi masyarakat muda-mudi. Adakah kementerian mengambil kira masalah-masalah ini dan apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian bagi mengatasinya? Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kementerian mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat berkenaan kerana begitu prihatin. Memang kita sedar ada sesuatu sebab yang menyebabkan gejala sosial, iaitu suasana di sekelilingnya. Gejala sosial ini jika kita perlu mengatasinya, semua penduduk termasuk pemimpin-pemimpin perlu memainkan peranan yang penting untuk mengatasi masalah ini.

Seperti saya katakan semalam, kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain, masalah sosial yang kita hadapi tidak begitu rumit, masih dalam kawalan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kementerian saya telah mengambil banyak tindakan yang telah saya sebut semalam. Jadi, Yang Berhormat boleh baca dalam senarai yang akan disampaikan kepada Yang Berhormat nanti, apakah tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Berkaitan dengan rumah setinggan dan lain-lain yang menghadapi masalah, Kerajaan Pusat telah pun mengarahkan semua kerajaan negeri mendirikan rumah-rumah pangsa supaya penduduk-penduduk di rumah setinggan dapat duduk dalam rumah yang selesa. Di Kuala Lumpur dan di negeri Selangor juga banyak penempatan semula telah berlaku di mana kita ada pusat aktiviti kanak-kanak, pusat aktiviti Rukun Tetangga dan lain-lain supaya kita dapat mengatasi masalah-masalah sosial yang dihadapi di kawasan itu.

Kita nampak dengan tindakan-tindakan yang telah diambil itu, kes-kes yang berlaku telah berkurangan jika kita bandingkan dengan semasa mereka tinggal di rumah-rumah setinggan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat. Apa yang banyak sangat ini? *[Ketawa]* Ya, cukuplah! Ya, saya hendak masuk soalan lain. Yang Berhormat Tuan Husam bin Haji Musa.

8. **Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun] [Di bawah P.M. 24(2)]** minta Menteri Kewangan menyatakan terma-terma utama penswastan MAS Katering dan perkembangannya setakat ini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, penswastan MAS Katering oleh MAS adalah di antara dua buah syarikat swasta yang mana-mana terma-terma penswastan adalah perkara sulit di antara dua syarikat yang tidak boleh diumumkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan itu tetapi saya agak terkejut bahawa MAS sebagai sebuah syarikat awam, MAS yang dipunyai dari segi *golden shares*, saham emasnya oleh pihak kerajaan, MAS yang seolah-olah mempunyai monopoli dalam perkhidmatan penerbangan dalam negara di samping Air Asia yang kecil berbanding dengannya dan perkhidmatan antarabangsa, hari ini kementerian memberitahu kita bahawa terma perjanjian antaranya dengan syarikat adalah rahsia dan sulit dan tidak boleh dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya agak tidak puas hati dengan jawapan tersebut dan saya fikir adalah sesuatu yang menjatuhkan sekali lagi kedudukan dan taraf kita sebagai wakil rakyat di Dewan yang mulia ini [*Sorak*] [*Tepuk*] jika hal ini pun tidak dapat dimaklumkan kepada kita. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih. Kalau kita lihat restructuring yang baru-baru ini kita lakukan bahawa semua kapal terbang MAS dipunyai oleh Penerbangan Malaysia Berhad (PMB) yang dipunyai oleh Kementerian Kewangan Diperbadankan dan 1% dipunyai oleh Khazanah Malaysia.

Perkara ini dalam terma-terma yang dibincangkan dalam soalan utama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bahawa terma-terma itu sedang berjalan. Mengenai pemberitahuan tentang *public-listed company* kepada *shareholders*, telah pun dilakukan tetapi yang ditanya tadi ialah terma. Terma sedang dijalankan dan belum lagi dikuatkuasakan. Ini yang saya katakan tadi bahawa apabila terma sedang berjalan di antara kedua belah pihak, maknanya kita sekarang ini menaruh kereta kuda di depan kuda, bukan menaruh kereta kuda di belakang kuda. Kuda di hadapan, kereta kuda di belakang. Jadi, terma sedang berjalan dan sedang dibincangkan di antara dua pihak dan belum dikuatkuasakan lagi. Oleh kerana itu, rahsia-rahsia ini belum boleh dibincangkan. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, ada soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Mustafa bin Ali.

10. **Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu] [Di bawah P.M. 24(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan rasional tidak membenarkan wakil-wakil parti politik untuk turut hadir sebagai pemerhati dalam pengundian pos di kalangan anggota tentera dan polis dan perincian jumlah pengundi pos tiap-tiap negeri setakat ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggota tentera yang mengundi di dalam kem adalah golongan yang dikategorikan sebagai pengundi pos. SPR telah melantik pegawai yang bertanggungjawab di dalam kem untuk menjalankan urusan pengundian pemilihan pos berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sampul undi pos diserahkan kepada pegawai yang bertanggungjawab sebelum hari pengundian dan seterusnya pegawai yang bertanggungjawab mengedarkan sampul-sampul undi pos berkenaan kepada anggota-anggota yang didaftarkan di kem berkenaan sebagai pengundi pos.

Semasa urusan penyerahan sampul-sampul kepada pegawai berkenaan yang bertanggungjawab, ianya disaksikan oleh wakil-wakil calon yang hadir, tetapi semasa pengagihan sampul-sampul kepada anggota-anggota yang berdaftar sebagai pemilih, ianya disaksikan oleh Pegawai-pegawai SPR.

Pada hari pengundian, Pegawai SPR akan berada di kem-kem berkenaan untuk memantau setiap urusan pengedaran sampul dan pengundian supaya berjalan mengikut

undang-undang. Sampul-sampul yang tidak dapat diserahkan kepada anggota-anggota tersebut akan diambil balik oleh Pegawai SPR.

Keputusan pengurusan angkatan tentera tidak membenarkan wakil-wakil parti hadir semasa urusan pengundian pos dijalankan adalah kerana Pegawai-pegawai SPR telah pun hadir untuk memastikan undang-undang dan peraturan penubuhan pusat pengundian sebagaimana urusan pengundian biasa. Oleh kerana semua proses pengundian di dalam kem atau di pusat-pusat polis dipantau dan disaksikan oleh Pegawai-pegawai SPR, sewajarnya Ahli Yang Berhormat dan parti-parti politik memberi keyakinan dan berpuas hati kerana bukan hanya wakil-wakil pembangkang, semua wakil daripada mana-mana pihak politik termasuk parti kerajaan juga tidak dibenarkan hadir.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, Jeli, Jeli.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuala Terengganu.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup tidak berpuas hati dengan jawapan yang diberikan tentang undi pos ini kerana inilah persoalan yang besar yang selalu kita timbulkan. Kenapakah wakil-wakil parti politik tidak dibenarkan hadir di dalam setiap kali pilihan raya diadakan dalam pengundian pos, sedangkan di dalam kawasan-kawasan yang dikatakan kawasan keselamatan, kem tentera ataupun kem anggota polis, boleh diadakan konsert, boleh diadakan pasar malam tetapi apabila sahaja pilihan raya, tidak dibenarkan untuk kita menjadi pemerhati. Orang menjual sayur pun tiap-tiap hari dibenarkan masuk ke kawasan-kawasan ini.

Saya ingin beri contoh yang spesifik, kawasan Parlimen saya. Saya menang dengan 14,448 undi majoriti, [Disampuk] tetapi pengundi-pengundi pos yang berjumlah 9,098 undi, saya hanya mendapat 71 undi dan Barisan Nasional mendapat 877 undi pos. Ini sesuatu yang tidak munasabah. Kemenangan saya 14,000 lebih tetapi....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** ....undi pos saya kalah dengan majoriti yang begitu besar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah!

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Jadi, inilah sesuatu yang kita minta supaya lebih rasional jawapan yang diberikan oleh Menteri dalam hal ini supaya....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** ....pilihan raya di negara kita lebih telus!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi ucapan itu. Yang Berhormat bagi ucapan itu, cukuplah. Ya, apa yang hendak dijawab?

**Seorang Ahli:** Tidak payah jawablah!

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya jawabkan tadi adalah berterasa kepada undang-undang yang sedia ada dan amalan SPR. Yang sebenarnya SPR ini adalah satu suruhanjaya yang bebas dan tidak memihak kepada sesiapa. Saya sendiri pernah bertanya dan ada juga pengundi-pengundi pos daripada kem tentera dan bukan semua pengundi saya sebagai calon Barisan Nasional lebih separuh daripada mereka tidak melihat kepada kerajaan.

Kita mempunyai pengundi-pengundi daripada tentera dan sebagainya yang profesional dan kalau mereka itu tidak profesional, saya ingat negara sekarang ini tidak begitu selamat.

12. **Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut] (Di bawah P.M 24(2))** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan reaksi pengusaha premis perniagaan di seluruh Malaysia dalam menjayakan Karnival Mega Jualan Malaysia

yang diadakan serta langkah-langkah yang sedang dijalankan bagi memastikan para pengusaha ini menyokong penuh usaha kerajaan mempromosikan industri Malaysia.

**Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua Karnival Jualan Mega Malaysia dianjurkan sebanyak tiga kali setahun iaitu dalam bulan Mac, Ogos dan Disember dan ia telah pun bermula sejak tahun 2002. Tujuan diadakan Jualan Mega Malaysia ini adalah suatu usaha di antara usaha-usaha yang lain untuk menggalakkan rakyat di negara kita membeli belah dan membeli belah dalam negara sebagai satu usaha untuk menyemarakkan ekonomi negara.

Keduanya adalah sebagai untuk menjadikan Malaysia di antara negara membeli-belah yang terunggul dalam dunia. Reaksi pengusaha premis perniagaan adalah amat menggalakkan memandangkan terdapat peningkatan penyertaan setiap kali Karnival Jualan Mega dianjurkan. Misalnya pada Ogos 2000, sebanyak 1,387 pengusaha telah mengambil bahagian. Jumlah penyertaan ini telah meningkat setahun kemudian pada Ogos 2001 kepada 5,382 penyertaan iaitu lebih kurang 5,000% peningkatan dan pada Ogos 2002 jumlah penyertaan terus meningkat kepada 5,760.

Sementara itu Karnival Jualan Mega pada bulan Ogos 2003 yang baru lepas telah mencatat rekod di mana 8,158 pengusaha yang terdiri dari gedung-gedung dan kompleks membeli-belah terkemuka telah mengambil bahagian. Langkah-langkah yang sedang dijalankan bagi memastikan para pengusaha ini menyokong penuh usaha kerajaan mempromosikan industri pelancongan di Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) menjalankan kempen pengiklanan media cetak dan elektronik di kedua-dua pasaran domestik dan antarabangsa. Pasaran antarabangsa yang telah dikenal pasti termasuklah Singapura, Thailand, Brunei, Indonesia, China, India dan Taiwan. Pengiklanan yang dibuat meliputi sisipan di akhbar-akhbar utama dan slot pengiklanan di televisyen. Pada Karnival Jualan Mega Ogos 2003, sebanyak 53 slot pengiklanan telah dibuat di stesen televisyen channel Singapura dan pengiklanan di akhbar pilihan utama seperti di *New Straits Times*, *Lian Hi Zhou Bau* dan *Lian Hi Wan Bau*;
- (ii) mengedarkan risalah panduan tempat-tempat membeli belah yang popular melalui pejabat-pejabat konsul Malaysia di dalam dan juga luar negara;
- (iii) bekerjasama dengan pihak swasta terutamanya kompleks-kompleks membeli belah untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti sokongan seperti jualan tengah malam, cabutan bertuah dan mewujudkan bazar jualan yang dapat menarik minat pelanggan di samping menggalakkan pewujudan suasana karnival.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tahniah di atas usaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk mempromosikan pelancongan negara kita termasuk hasil produk tempatan. Cuma saya ingin bertanya, apakah produk yang mendapat pasaran pembelian daripada pembeli-pembeli ataupun pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia ini supaya akan menjadi satu trend kepada pengusaha-pengusaha tempatan untuk melihat hasil-hasil keluaran tempatan akan terus dapat dijana dan terus mendapat pasaran.

Contohnya labu sayung misal kata. Adakah ini satu trend pembeli-pembeli daripada negara asing datang ke Malaysia dan akan menjadi satu trend supaya pengeluar-pengeluar tempatan akan dapat melihat dan menjadikannya sebagai satu trend untuk meneruskan kegiatan seperti ini. Umpamanya dahulu gasing sangat laku di sebelah Kelantan. Sekarang mungkin tidak lagi kerana orang ramai bimbang dengan pembuatan gasing tersebut tidak begitu berkualiti seperti yang dahulu kala. Minta sedikit penjelasan.

**Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pihak kerajaan baru-baru ini telah pun memutuskan untuk memajukan kraf tangan Malaysia secara bersungguh-sungguh, secara besar-besaran dan Lembaga Kraf



Tangan Malaysia di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan telah pun diberi tugas ini dan pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan bekerjasama rapat untuk menggalakkan pembelian kraf tangan iaitu antara usahanya adalah kita hendak memperbanyakkan lagi jenis-jenis kraf tangan dan kualitinya juga.

Tetapi yang paling menarik bagi penduduk luar membeli-belah di Malaysia ini adalah kerana semua barang-barangan yang pelancong biasanya minat di sini adalah bebas dari cukai. Seluruh negara adalah *duty free*. Misalnya untuk kosmetik, untuk wangiwangian, untuk *leather goods* dan *branded goods* dan sebagainya. Di samping itu pula, bila ada *Mega Sale*, maka lebih murah lagi dan ada diskaun yang spesial yang diberi oleh pekedai-pekedai dan ini adalah dipantau dengan rapi oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Bermakna kalau ada *cheap sale*, maka ia benar-benarlah jualan murah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk pertanyaan Jawab Lisan telah cukup.

**[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan tamat]**

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**11.06 pagi**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan keesokan harinya”.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang telah dikemukakan tadi hendaklah disetujukan..

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

### RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2004

DAN

USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN 2004

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2004 dan Anggaran Pembangunan 2004 dalam Jawatankuasa sebuah-sebuah Majlis.” **[Hari Kesepuluh]**

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa***

[Tuan Pengerusi ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

**Maksud B. 43 [Jadual] –**

**Maksud P. 43 [Anggaran Pembangunan 2004] –**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.43 dan Kepala Pembangunan P.43 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka itu dibahas.

**USUL MEMINDA JADUAL DALAM RANG UNDANG-UNDANG  
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 66(9)**

**Memotong RM10 Gaji Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

**Tuan Pengerusi:** Ya, Seputeh.

**11.8 pagi**

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Hari ini membentangkan usul memotong gaji RM10 terhadap.....

**Beberapa Ahli:** [*Bersorak*]

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Atas usul pemotongan gaji saya adalah berdasarkan sebab-sebab berikut:

- (i) Tribunal Bagi Tuntutan Membeli Rumah yang seolah-olah tergantung;
- (ii) pembinaan incinerator yang menjejaskan kehidupan penduduk di sekitar kawasan tersebut dan
- (iii) penyelewengan korupsi ketidakberkesanan kerajaan tempatan di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, Tribunal Bagi Tuntutan Membeli Rumah telah pun menjadi satu badan yang seolah-olah tidak berfungsi selepas Mahkamah Tinggi membuat keputusan bahawa tribunal tersebut tidak boleh mendengar perselisihan di antara pembeli rumah dengan pemaju sebelum 1 Disember 2002. Keputusan Mahkamah Tinggi ini menyebabkan tribunal tersebut tergantung sehingga beribu-ribu pembeli rumah yang mengemukakan tuntutan kepada tribunal berada dalam keadaan serba salah dan menghadapi kerugian.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat setahu saya sudah ada rayuan perkara ini kepada Mahkamah Rayuan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya, Tuan Pengerusi saya.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, keputusan yang dibuat oleh mahkamah sebagai *judicial view* yang berkata '*bahawa tribunal tidak mempunyai hak*'. Perkara itu telah pun dikemukakan, dibuat rayuan oleh Peguam Negara pada Mahkamah Rayuan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Oleh yang demikian, perkara ini telah menjadi *subjudice*. Jika sekiranya Yang Berhormat ada perkara lain, sila ucapkan soalan lain.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Pengerusi, saya faham apa yang dibentangkan itu tetapi saya tidak akan menyentuh tentang kes mahkamah hanya fakta yang melibatkan Akta Pemaju Perumahan yang mana kita telah bahaskan di sini...

**Tuan Pengerusi:** Ya, jika sekiranya Yang Berhormat mahu berucap dalam perkara tersebut ia adalah perkara *subjudice* Yang Berhormat. Cubalah cakap perkara-perkara lain Yang Berhormat ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Bukan. Saya tidak akan sentuh tentang kes mahkamah kerana saya faham tentang Peraturan Mesyuarat tetapi adalah tentang isu berkenaan ...

**Tuan Pengerusi:** Tidak boleh Yang Berhormat. Jikalau isu itu akan dikemukakan di dalam Mahkamah Rayuan dan akan menjadi *sub judice*, ya...

**Puan Chong Eng:** Yang Berhormat bagi Seputeh bukan hendak mempersoalkan kes yang dalam *judgement* itu. Dia hanya berkata berhubungan dengan tanggungjawab Menteri dalam urusan itu dan bukan mempersoalkan kes itu ataupun *judgement of the merit of the case*.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya. Pada fikiran saya, urusan Menteri berkenaan perkara itu akan terhenti melainkan telah pun mendapat keputusan daripada Mahkamah Rayuan. Yang Berhormat, jika ada perkara-perkara yang lain, silalah kemukakan, kalau tidak ada....

**Puan Chong Eng:** Saya rasa Yang Berhormat bagi Seputeh ingin mengatakan mengenai mengapa kejadian seperti ini berlaku kerana Tribunal Perumahan itu sebenarnya ialah untuk melindungi pembeli tetapi sekarang ia tidak mencapai tujuan. Jadi saya rasa adalah tanggungjawab kita di dalam Dewan ini untuk mempersoalkan apakah yang telah berlaku. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yalah, sebenarnya jika sekiranya Mahkamah Rayuan mengatakan bahawa Tribunal itu ada kuasa, maka boleh dijalankan semula. Jadi terpulanglah kepada keputusan Mahkamah Rayuan. Yang Berhormat, sila kemukakan perkara yang lain Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Okay, Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya jamin tidak akan sentuh tentang keputusan mahkamah ....

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** ....Tetapi merit tentang kes ini kerana sehingga sekarang terdapat 4,000 kes lagi yang mana menunggu perbicaraan Tribunal tetapi ia dijejaskan oleh keputusan mahkamah yang dibuat pada 4 September tersebut. Jadi pada pandangan saya, Yang Berhormat Menteri hanya telah membuat pengumuman bahawa kerajaan akan mengemukakan dan membuat rayuan kepada keputusan Mahkamah Tinggi dan Peguam Negara akan membentangkan rayuan dan meminta supaya tarikh awal ditetapkan secepat mungkin untuk perbicaraan.

Persoalannya sekarang adalah, memandangkan Kamar Peguam Negara yang diwakili oleh Peguam Persekutuan Kanan iaitu Umi Kalthom Abdul Majid yang mewakili Tribunal berkenaan telah pun gagal dalam perbicaraan Mahkamah Tinggi, jadi apa akan berlaku sekiranya rayuan berkenaan ditolak di Mahkamah Rayuan walaupun kes ini diwakili oleh Peguam Negara. Jadi ini adalah soalan saya.

Pada pandangan saya, Yang Berhormat Menteri sepatutnya membuat satu Kenyataan Menteri ataupun *Ministerial Statement* di Parlimen mengenai perkara yang begitu serius ini tetapi beliau bukan sahaja tidak berbuat demikian malah beliau tidak menjawab dan menggulung perbahasan yang melibatkan kementeriannya dalam perbahasan Peringkat Dasar, Bajet 2004 pada 29 September lepas tetapi beliau hanya membiarkan Timbalannya untuk memikul tanggungjawab dan menghadapi soalan dan pertanyaan dari para Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Jadi memandangkan isu ini telah pun menghasilkan kesan yang begitu besar terhadap para pembeli rumah di negara kita, ketidakhadiran Yang Berhormat Menteri untuk menjawab soalan dan menggulung perbahasan ini adalah amat tidak bertanggungjawab sekali.

Tuan Pengerusi, sebenarnya kesalahan yang begitu besar telah timbul dalam Akta Pemaju Perumahan ini boleh dielakkan sekiranya Yang Berhormat Menteri mendengar nasihat dan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu *retrospective jurisdiction* untuk mendengar perselisihan sebelum Tribunal tersebut ditubuhkan dalam perbahasan rang undang-undang dalam bulan Oktober 2001 di Dewan yang mulia ini khususnya daripada saya dan juga Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam....

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sekejap, sekejap, minta penjelasan Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat akan....?

**Tuan Pengerusi:** Ya, hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, perkara yang sedang diulaskan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh memang adalah satu perkara yang akan dibicarakan. Kalau sekiranya Yang Berhormat bagi Seputeh dibenarkan untuk membuat hujahan itu, nanti saya pula akan dibenarkan untuk bercakap sesuatu yang mungkin akan mengakibatkan sesuatu terhadap Mahkamah Rayuan...

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Jadi kalau saya tidak boleh jawab nanti kerana *subjudice* maka Yang Berhormat bagi Seputeh tidak sepatutnya menimbulkannya ia kerana sekarang ini belum lagi tahu siapa yang salah. Perkara ini masih lagi dalam Mahkamah Rayuan. Selagi kes mahkamah itu belum selesai, tidak boleh Yang Berhormat bagi Seputeh, *come to conclusion* dengan cara itu, itu akan mempengaruhi mahkamah nanti. So, *I just want to* Tuan Pengerusi, kalau dapat buat satu *ruling* kalau perkara yang dihujah itu boleh saya jawab, kemudian kita tidak nampak macam *subjudice*, itu perkara yang saya hendak tentukan dapat penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya ada dengar ucapan dari Yang Berhormat bagi Seputeh tadi. Saya rasa itu akan menyentuh keputusan mahkamah. Sama ada Menteri akan menjawab ataupun tidak, memberi penjelasan ataupun tidak, semuanya bergantung kepada keputusan Mahkamah Rayuan. Jika sekiranya Mahkamah Rayuan kata, keputusan yang dibuat oleh mahkamah sebagai *judiciary role* tadi tiada masalah maka barulah boleh dia membuat apa-apa ulasan dan penerangan dan sebagainya. Oleh yang demikian, saya membuat *ruling* bahawa ucapan Yang Berhormat itu adalah *subjudice*. Sila kemukakan perkara yang lain-lain.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya yang saya hendak nyatakan adalah kalau nasihat kami didengari, jadi perkara ini tidak akan berlaku, itu sahaja pendirian saya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi, saya ingin bangkitkan pula tentang isu kedua yang mewajarkan isu pemotongan gaji terhadap Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah tentang cadangan pembinaan *incinerator* di Broga, sebuah tempat kediaman yang mempunyai pemandangan yang indah dan merupakan tapak takungan air untuk penduduk di negeri Selangor dan Kuala Lumpur. Terdapat banyak masalah dalam Laporan EIA *incinerator* berkenaan. Ingo Godeke adalah seorang ahli kimia yang terkenal dan bermastautin di negara Jerman, dalam komennya dia berkata bahawa Laporan EIA hanya mengulangi kenyataan *zero emission* yang dikatakan oleh Ebara Corporation tetapi syarikat perunding *incinerator*, iaitu perunding utama tidak dapat membuktikan sama ada teknologi tersebut merupakan teknologi *zero emission* dengan izin.

Mengikut Ingo Godeke dengan izin, saya membaca dalam bahasa Inggeris, "*If the fluid gas emission values for the Ebara Proposal published in the Perunding Utama's detailed EIA Report will compare with other incinerator fluid gas emission values, it appears at once that Ebara's Incineration Technology is not zero emission technology but in fact produce more pollutants than other incinerator types*". Ini menunjukkan kenyataan Ebaran dan syarikat perunding, syarikat konsultan bahawa penghapusan *dioxin* dalam '*dinox*' reactor hanyalah satu kenyataan promosi tanpa apa-apa bukti. Tuan Pengerusi, selain itu...

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** [Bangun] [Menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada apa Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Tuan Pengerusi, saya pohon penjelasan daripada Peraturan Mesyuarat....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Peraturan Mesyuarat berapa Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** 36(11).

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** 36(11) Yang Berhormat? Mengenai apa Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Tadi Tuan Pengerusi telah membuat *ruling* bahawa kes itu adalah masih dalam mahkamah, jadi apa perlu lagi bahaskan perkara ini?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat... [Ketawa]

**Beberapa Ahli:** [Ketawa] [Bersorak]

**Seorang Ahli:** Tidur kah?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat, mengenai Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah ini telah pun diputuskan, baik pembawa usul, ini saya beritahu lagi, pembawa usul, penyokong usul, pembangkang dan penyokong pembangkang, Tuan Pengerusi tidak dibenarkan menyentuh mengenai dengan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah. Kalau hendak bercakap perkara yang lain, dibenarkan. Kemudian pembawa usul saya benarkan 15 minit kemudian penyokong dia 10 minit seorang, kira enam orang sahaja bercakap hari ini. Pembangkang, orang pertama bercakap dibenarkan 15 minit selepas itu yang kedua dan yang ketiga sepuluh minit. Jadi sila teruskan, sudah jelas ya?

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini menunjukkan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memang tidak dengar ucapan saya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan Yang Berhormat. Yang Berhormat tak lama.....[Disorak] Masa Yang Berhormat ada lima minit lagi Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya, saya kesal tidak potong gaji dia semalam [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Ya. Teruskan Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Potong gaji dia sekarang.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Memang Tuan Pengerusi. [Ketawa] Kos pembinaan teknologi bukan berjenis pembakaran adalah lebih rendah daripada teknologi pembakaran. Misalnya kos pembinaan rawatan *Municipal Solid Waste* yang berkeupayaan membakar 1,200 tan sampah satu hari daripada FIG adalah USD140 juta manakala pembinaan incinerator Ebara di Broga memerlukan USD375 juta. Kos pembinaan yang tinggi ini pun bermaksud bahawa para penduduk di negeri Selangor dan Lembah Klang akan dipaksa untuk membayar cukai pintu yang lebih tinggi pada masa yang akan datang.

Dalam era globalisasi ini apabila kerajaan di seluruh dunia semakin mengambil berat terhadap isu alam sekitar dan mengambil langkah untuk menyelesaikan masalah pencemaran alam sekitar dan juga kesihatan rakyat, Yang Berhormat Menteri kelihatan hanya berminat untuk mengambil langkah yang paling senang dan tidak berwawasan untuk menangani masalah sampah sarap iaitu melalui pembakaran sahaja. Tetapi, bukannya satu rancangan menjaga alam sekitar yang menyeluruh dan juga pendekatan sisa kosong (*zero waste*) seperti apa yang dijalankan di banyak negara-negara maju sekarang. Pendekatan *zero waste* ini bercadang untuk menghapuskan sisa buangan, mengurangkan kuantiti sampah dan keracunan bahan yang diguna pakai dan mempromosi penggunaan semula *recycling* atau *compose* barang buangan dan juga menghendaki pihak pengilang ataupun *manufacturers* untuk bertanggungjawab terhadap menghasilkan barang yang boleh dikitar semula dan sebagainya.

Di Malaysia, saya langsung tidak nampak kerajaan khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mempunyai rancangan yang keseluruhan untuk

mengadakan dasar menuju ke arah *zero waste*. Kempen Kitar Semula yang dilancarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan merupakan kegagalan yang besar. Ia lebih merupakan satu kempen pengiklanan dan bukannya usaha dan kempen pendidikan rakyat yang bersungguh-sungguh.

Dasar yang kurang menyeluruh dan undang-undang yang kurang lengkap ini menyebabkan sampah sarap bertimbun dan apabila sampah sarap kita bertimbun, kerajaan pun menggunakan alasan ini untuk menjustifikasi tentang perlunya membina incinerator yang berisiko tinggi.

Sehubungan dengan itu, kenapakah Broga yang merupakan kawasan simpanan air yang penting dipilih sebagai tapak pembinaan incinerator. Kita telah baca dari surat khabar bahawa Sungai Semenyih telah banyak dicemarkan oleh kilang perindustrian di sekitarnya. Sekiranya incinerator yang begitu besar dibina di tempat tersebut, bukankah kerajaan mendedahkan tempat simpanan air dan Sungai Semenyih ke risiko pencemaran yang lebih tinggi dan akhirnya mencemarkan air minuman kita.

Selain itu tapak pembinaan incinerator juga merupakan satu bukit yang mempunyai kecerunan yang tinggi lebih daripada 25 darjah. Bukankah ini menambahkan risiko pembinaan incinerator kerana ia menambahkan kemungkinan untuk berlakunya tanah runtuh. Di samping itu, Yang Berhormat Menteri masih belum memberi apa-apa jaminan dan juga penyelesaian terhadap beratus-ratus penduduk, penanam buah-buahan yang duduk berhampiran dengan tapak cadangan incinerator di Broga yang telah bekerja dan bermastautin di tempat tersebut selama berpuluh-puluh tahun. Bukankah ini merupakan satu cara pengendalian yang kurang bertanggungjawab. Isu ketiga yang ingin saya bangkitkan adalah tentang penyelewengan, korupsi, ketidakberkesanan kerajaan tempatan di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, kerajaan tempatan merupakan agensi kerajaan yang paling rapat dengan rakyat jelata. Tetapi malangnya penyelewengan kuasa, korupsi, ketidakberkesanan kerajaan tempatan merupakan fenomena yang biasa yang berlaku di seluruh negara sehingga rakyat jelata selalu terpaksa memberi rasuah demi mendapatkan perkhidmatan yang mereka perlukan. Jadi, kesannya kementerian yang sepatutnya menjaga hal ehwal kerajaan tempatan merupakan harimau tanpa taring yang tidak berkuasa dan saya juga merasa kesal Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak mengambil langkah yang bersungguh-sungguh untuk membetulkan keadaan penyelewengan kuasa, korupsi dan ketidakberkesanan di kesemua kerajaan tempatan yang merupakan dalam bidang kuasa di bawah kementerannya. Berdasarkan ketiga-tiga alasan ini.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, masa cukup Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** ..... saya ingin mencadangkan supaya Dewan yang mulia ini untuk meluluskan usul saya untuk memotong gaji Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak RM10. *[Tepuk]*

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, kalau tak silap saya, perbahasan dalam Jawatankuasa kita tidak perlu kepada penyokong. Kalau tak silap saya. Dalam peraturan ini, perbahasan dalam Jawatankuasa tak perlu kepada penyokong. Jadi siapa-siapa sahaja boleh dijemput. Saya beri Kluang dahulu.

**11.25 pagi.**

**Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali saya berasa amat kesal atas usul yang dibawa oleh .....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Tuan Hoo Seong Chang:** *You* cakap semasa saya bercakap. Diam sedikitlah!

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Saya nampak Yang Berhormat bagi Seputeh ini dan juga DAP ini memang sudah habis modal, Tuan Pengerusi, dan saya rasa cuma hendak ambil publisiti yang murah sahaja. Sebenarnya, inilah cuma taktik dan lagu-lagu lama yang dimainkan oleh zaman Encik Lim Kit Siang dahulu dan saya nampak sekarang ini kalau habis modal ini, saya cadangkanlah supaya DAP ataupun Yang Berhormat bagi Seputeh ini tutup kedai sahajalah dan masuk BN.

Tuan Pengerusi, saya ingin ingatkan kepada Yang Berhormat bagi Seputeh, bukan dengan senang sahaja kita hendak menyalahgunakan usul yang hendak memotong RM10 gaji Menteri ataupun sesiapa dalam Dewan ini. Saya rasa kalau hendak bawa 10 kali untuk hendak potong RM10 ini, memang tidak diluluskan. Tetapi saya hendak ingatkan kepada Yang Berhormat bagi Seputeh, kalau BN cadang potong RM1,000 dari ahli DAP, ini mungkin lulus di Parlimen. Jadi, saya harap tidak payahlah selalu menyalahgunakan usul yang hendak potong RM10 gaji Menteri ataupun sesiapa ahli di dalam Dewan ini. Tuan Pengerusi, isu yang dibangkitkan ini, sebenarnya kalau *you* lihat dari segi asas kerajaan hendak meluluskan projek untuk meluluskan tentang incinerator di.....

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Hoo Seong Chang:** ..... Broga ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dalam Peraturan Mesyuarat berapa, Yang Berhormat? Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat, ya.

**Puan Chong Eng:** Tuan Pengerusi, 66(6), di dalam Dewan ini peraturan mengatakan bahawa mana-mana ahli boleh berbuat begitu, ini adalah diperuntukkan dalam peraturan untuk memotong gaji mana-mana Menteri yang dipandang tidak menjalankan tanggungjawab.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Jadi, Yang Berhormat bagi Kluang ini kalau dia hendak sokong boss dia pun, dia tidak boleh buat macam itulah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Ini niat jahat.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** ..... mengatakan Yang Berhormat bagi Seputeh mesti tutup kedai kerana mencadangkan untuk menjalankan kerja .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** ..... sebagai seorang Wakil Rakyat untuk memotong .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup.

**Puan Chong Eng:** ..... ini untuk kebaikan semua.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Puan Chong Eng:** Jadi, saya rasa, ini .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Puan Chong Eng:** Yang Berhormat bagi Kluang sudah tidak ada modal.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah cukup Yang Berhormat. Ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng:** Jadi, saya buat ingatan supaya jangan sentuhlah peribadi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, itu keputusan saya, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Yang kita pun tak sentuh walaupun Menteri.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya akan buat keputusan, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Dia bukan kata Menteri tak baik, orang tak baik. Dia kata dia tak buat kerja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Cukup Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Cukup Yang Berhormat. Agaknya semua orang ada modal belaka. Tetapi Yang Berhormat, kalau 66 itu jelas sebab itu saya tidak melarang. Maksudnya benda ini kalau dilarang, awal-awal sudah kita tidak bawa usul ke mari. Jadi, teruskanlah Yang Berhormat.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Pengerusi, saya tidak kata dia tidak boleh bawa. Saya cuma hendak ingatkan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh sahaja. Saya tak kata dia tak boleh bawa. Saya kata jangan salah gunakan.....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tak payah ingat, saya tahu.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Usul yang dibawa seperti ini.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, teruskanlah Yang Berhormat.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Dia makan cili, dia rasa pedas, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskanlah Yang Berhormat.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Pengerusi, kalau kita lihat dari segi asas kerajaan hendak meluluskan projek untuk incinerator ini, kita harus tengok dari segi latar belakangnya. Sebenarnya Kuala Lumpur kini sedang menghadapi masalah kepupusan sisa pepejal yang meruncing. Penjanaaan 2,340 tan sehari buat masa sekarang dan mungkin sampai penjanaaan 3,240 tan sehari pada tahun yang akan datang.

Jadi jumlah penghasilan sisa pepejal semasa bagi Selangor pun telah pun mencapai 2,500 tan sehari dan tapak pelupusan di Taman Peringgi dan Puchong akan ditutup. Kalau Yang Berhormat lihat dari segi laporan EIA ini, telah pun jelas dan banyak kali telah diadakan dialog dan sebagainya dan kerajaan telah pun memberi segala penjelasan tentang perkara ini tetapi pembangkang masih menggunakan cara-cara untuk merendah-rendah kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri dengan tujuan yang mudah sahaja, mungkin hendak mencapai atau mendapat publisiti murahan.

Tuan Pengerusi, kalau kata menjaga kepentingan pembeli rumah, saya ingin menegaskan di sini yang saya nampak dan semua orang pun mengakui bahawa sejak Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan memegang jawatan ini, saya lihat banyak usaha telah pun dibuat oleh beliau. Yang pertama, kalau kita hendak tengok macam mana Yang Berhormat Menteri dan kementeriannya menjaga kepentingan semua pihak terutamanya pihak pembeli rumah yang sentiasa mengalami kesukaran dan kerugian pada masa dahulu. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Menteri melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengemaskinikan Akta Pemaju Perumahan pada tahun 2002 yang kini dikenali sebagai Akta Pemaju Perumahan dengan membuat pindaan-pindaan yang perlu supaya ia lebih adil kepada semua pihak dan tidak lagi dilihat hanya melindungi kepentingan para pemaju sahaja.

Kalau kita lihat dari segi akta baru tersebut, ianya telah memperbaiki aspek-aspek yang dikatakan tidak memberi jaminan yang cukup kepada para pembeli rumah dengan meningkatkan lagi kawalan terhadap pemaju dari segi permohonan lesen, mewajibkan



wang deposit, akaun pemaju perumahan, kuasa mengawal perumahan, pemantauan projek perumahan, kewajipan pemaju mengemukakan laporan setiap setengah tahun mengenai perkembangan kemajuan projek tersebut kepada kementerian, mewajibkan pemaju memberi laporan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tentang penyerahan milik kosong, mewajibkan laporan kepada kementerian tentang perkembangan pengeluaran hak milik individu dan pewujudan Tribunal ini saya tidak sentuh sebab telah pun dijelaskan.

Jadi di samping menubuhkan kerja-kerja pindaan akta ini dan pembentangan akta tersebut kepada Dewan Rakyat, Dewan Negara dan sebagainya, saya nampak Yang Berhormat Menteri sendiri telah mengarahkan agar membantu orang ramai untuk menubuhkan satu Klinik Guaman Perumahan untuk membantu orang ramai khususnya yang berpendapatan rendah mendapatkan bantuan perkhidmatan guaman secara percuma jika mereka ditipu oleh pemaju atau tidak berpuas hati dengan pemaju perumahan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya lihat selain dari itu, banyak perkara yang telah dilaksanakan oleh Yang Berhormat Menteri di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya lihat Yang Berhormat Menteri sejak memegang jawatan ini dari segi pembangunan di kampung-kampung baru di seluruh negara 450 buah kampung baru telah pun menikmati banyak kemudahan yang diberikan oleh kementerian dan juga di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri. Saya bagi contoh di kawasan saya sendiri, Yang Berhormat Menteri sentiasa turun ke padang untuk melihat keadaan di kampung-kampung dan juga di kawasan-kawasan di mana ramai penduduk di luar daripada bandar ingin mendapat kemudahan yang diperolehi dari pihak kerajaan.

Saya nampak selain dari itu, Yang Berhormat Menteri juga sentiasa mengarahkan kepada pegawai-pegawai kerajaan baik di peringkat Pusat, negeri dan daerah supaya memberi kerjasama yang penuh untuk sama-sama memberi segala kemudahan kepada orang ramai khususnya orang-orang kampung di kampung-kampung baru. Jadi saya rasa, segala usaha telah pun di buat oleh kementerian di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri bukan setakat hendak puji Yang Berhormat Menteri, malahan sepatutnya kalau ada segala kenaikan pangkat pun harus diberikan kepada Yang Berhormat Menteri. *[Tepuk]*

Jadi saya rasa pihak pembangkang, kalau betul-betul ingin mempertingkatkan atau mempertahankan kepentingan pembeli rumah, sepatutnya memberi sokongan yang sepenuhnya kepada Yang Berhormat Menteri supaya mereka benar-benar dapat menikmati segala kepentingan dan kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan. Jadi, saya rasa tidak payahlah pembangkang ini sentiasa membawa usul yang tidak sepatutnya dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini dan saya berharap usaha yang dibangkitkan itu ditolak dengan sekeras-kerasnya. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya bagi Kota Melaka dahulu, sepuluh minit, ya. Kita sudah putuskan tadi, bagi tiga.

**11.37 pagi.**

**Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]:** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong usul yang telah di bawa oleh Yang Berhormat bagi Seputeh. Tuan Pengerusi pun pernah berkata bahawa usul yang ini merupakan usul tidak percaya. Jadi saya berharaplah pihak Barisan Nasional akan menjawab hujah-hujah kita dengan fakta dan bukan membuat serangan politik yang merupakan lagu-lagu lama juga.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa usul yang dibawa oleh Seputeh ini merupakan satu *sensor motion* terhadap perkara-perkara yang kita bawa. Ini bukan bermakna satu *lost of confidence overall in the minister*. Jadi saya haraplah dengan membawa perkara-perkara lain bahawa dia rajin bekerja dan sebagainya, ini menunjukkan Yang Berhormat Kluang langsung tidak faham usul yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Seputeh. Saya menyokong usul yang di bawa oleh Yang Berhormat Seputeh berasaskan beberapa kegagalan Yang Berhormat Menteri.

Yang pertama, kegagalan beliau untuk membawa pindaan-pindaan yang baru untuk meminda Akta Pemaju Perumahan bagi menjaga kepentingan pembeli-pembeli dengan *effectivenya* ekoran begitu banyak hujah-hujah yang telah dibawa oleh pembangkang apabila rang undang-undang itu dibentangkan pada bulan Disember 2001 dengan notis yang tidak mencukupi. Saya juga berpendapat bahawa kes Tribunal itu sebenarnya Menteri harus bertanggungjawab.

Kegagalan yang kedua ialah sehingga hari ini walaupun negara kita telah merdeka selama 46 tahun, tiada satu akta untuk mengawal projek dan pembangunan komersial dan ini merupakan satu kegagalan Yang Berhormat Menteri juga. Saya sudah banyak kali sebutkan dalam Parlimen tetapi beliau berkata bahawa ini bukanlah kuasa dia. Saya tidak setuju langsung. "*Don't tell me*" jangan beritahu saya bahawa dalam Malaysia tidak ada siapa boleh mengawal projek pembangunan. *CF shop office* or projek pembangunan diuruskan oleh pihak berkuasa tempatan.

Kegagalan ketiga ialah sampai ke hari ini tidak ada sesebuah badan ditentukan untuk menyelamatkan projek-projek pembangunan dan komersial yang terbengkalai. Dalam Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beliau ada mengesyorkan bahawa Syarikat Perumahan Nasional Berhad akan dipertanggungjawabkan untuk menyelamatkan projek-projek perumahan yang sekarang ada lebih kurang 200 projek tetapi tidak ada jawapan sampai ke hari ini. Saya sudah banyak kali berucap tetapi tidak ada orang beritahu saya siapa yang akan memulihkan projek-projek komersial yang sebenarnya saya rasa kalau kita buat perhitungan begitu banyak sekali. Mungkin bilangan projek terbengkalai bagi komersial lebih daripada projek perumahan tetapi perumahan tidak ada angka yang tepat kerana tidak pernah dibuat siasatan, tidak ada statistik langsung. Itu saya katakan satu kegagalan yang besar.

Kegagalan yang keempat ialah sampai hari ini tidak ada usaha untuk memberhentikan penyalahgunaan pihak-pihak berkuasa negeri apabila melantik *councillors* menyalahgunakan Local Government Act 1976 di mana Seksyen 10(2) mengatakan bahawa dengan izin saya baca: "*Ahli-ahli yang harus dilantik adalah - in the opinion of the state authority they have wide experience in the local government affairs or who have achieved distinction in any profession commerce or industry or otherwise capable of representing the interest of their communities in the local authority area*". Setiap tahun sebelum pelantikan dibuat kita baca dalam akhbar Cina bahawa MCA telah mencadangkan begitu ramai ahli untuk menjawat jawatan ini.

Ini terang-terang begitu *blatant*, menyalahi, menyalahgunakan akta ini, bila kerajaan telah menghapuskan pilihan raya teras demokrasi untuk *local government*. Ini adalah merupakan satu ancaman ke atas teras demokrasi, tetapi apabila menjalankan tugas ini juga, telah menyalahgunakan semangat dan juga *Local Government Act*. Saya rasa ini adalah satu kegagalan yang besar, Yang Berhormat harus bertanggungjawab. Kegagalan yang keenam, kegagalan Yang Berhormat untuk memberhentikan penyalahgunaan kuasa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka, di mana beliau telah dengan *blatannya* melantik pemimpin-pemimpin UMNO atau satu *posting* yang menjadi Yang di-Pertua bagi ketiga-tiga pihak berkuasa tempatan di Melaka.

Di Alor Gajah, Idris Harun, pemimpin pemuda UMNO, dilantik secara kontrak. Pegawai-pegawai kerajaan dibiarkan sahaja. Mengapa melantik seorang pemimpin UMNO menjadi Yang di-Pertua dengan cara kontrak? Tuan Haji Mustaza untuk menjadi Yang di-Pertua daerah Jasin. Sebelum Dato' Bandar baru dilantik untuk MPMPB Melaka, Setiausaha Politiknya Mat Sirat juga dilantik dengan cara kontrak. Saya tidak faham di mana kebebasan *civil service*, apabila seorang Ketua Menteri boleh berbuat sedemikian dan bukan katanya ini orang semua pandai. Macam di daerah Jasin, begitu ramai pemaju di seksa, oleh kerana seorang arkitek telah mengarahkan secara mulut supaya *landscaping plan* itu tidak boleh di sampaikan oleh arkitek biasa *building architect* dan ini kita tahu salah satu masalah pentadbiran.

Apabila pemaju kena mengambil *land consultant* yang diarah oleh arkitek di Jasin itu, memang harga dua tiga kali ganda. Macam mana hendak mengambil bukti terhadap orang yang pandai ini, tetapi seperti saya kata, Tuan Haji Mustaza, *I'm not personal against him*, tetapi kalau dia efektif, dia akan tahu perkara ini, oleh kerana ini semua satu *open secret*. Di Alor Gajah, saya mendapat aduan daripada orang ramai begitu

angkunya Yang di-Pertua Alor Gajah. Apakah arahan Yang di-Pertua ini kalau ada konflik dengan kepentingan orang-orang UMNO.

Memang saya sudah tahu, ada, dia hendak dengar siapa? Hendak mendengar *political boss* atau *concern* sendiri, ini memang ada satu *conflict of interest* yang saya harus katakan bahawa menteri telah tidak berjaya untuk menyelesaikan masalah itu. Yang akhir sekali, satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, kegagalan menteri untuk menegakkan keadilan bagi pembeli-pembeli Projek Bukit Rambai Park Melaka. Dekat satu tahun baru jawapan diberikan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pembeli-Pembeli Bukit Rambai Park. Beliau telah menulis kepada kementerian untuk dapat mengesahkan bahawa pemaju ini yang mendapat gelaran Datuk, tidak memohon lesen pemaju.

Kita sudah tahu, tetapi kita hendak mendapatkan pengesahan, dekat satu tahun baru memberikan jawapan. Itu pun selepas saya ada membuat nota kepada menteri, saya ada memanggil *legal officer* di kementerian, dan akhirnya dengan bukti yang kukuh itu, ada satu laporan dibuat dan polis pada 27 Januari 2003, memberikan satu laporan kepada kementerian.

27 Januari 2003, sampai ke hari ini, tidak ada tindakan diambil terhadap pemaju yang telah begitu *blatannya* memajukan projek, mengutip wang begitu banyak, tidak ada tindakan yang diambil. Ini pemaju yang sama, Taman Lukut Jaya, dia adalah orang yang sama, tetapi sekarang dia seorang datuk telah menjadi bankrap, tidak ada tindakan pernah diambil ke atasnya. Saya berucap banyak kali di Dewan ini, sampai ke hari ini tidak boleh faham. Saya tidak tahu bagaimana hendak menjawab kepada pembeli-pembeli, orang ramai di Melaka. Orang ramai tahu dia, Taman Lukut Jaya, dia boleh terang-terang berjumpa polis. Ini laporan polis menyatakan benar, dia tidak ada lesen pemaju [*Menunjukkan sehelai kertas*] dia telah memulakan projek itu dan akhirnya projek itu terbengkalai. Kementerian mengesahkan bahawa dia tidak pernah memohon lesen pemaju dan lesen pemaju yang digunakan adalah palsu.

Dia menggunakan lesen pemaju lama, dia *blank core* dan tulis nama syarikat yang baru, begitu terang, begitu *blatant* tindakan seorang yang bergelar Datuk dan sekarang telah menjadi bankrap. Saya ada bukti, tetapi apakah tindakan Kementerian Perumahan, satu tahun laporan polis. Ini bukan dari saya, ini dari /Onya, Mohamad Sa'adon bin Sabirin, Inspektor Pegawai Penyiasat, mengesahkan. Saya juga tahu bahawa baru-baru ini, mungkin sebelum kementerian tahu Parlimen akan bersidang, ada orang menelefon *Chairman* atau Pengerusi Jabatan-jabatan Pembeli untuk mendapatkan S & P. Setiap kali saya kena menunggu, dekat satu tahun baru ada satu tindakan susulan, dan saya rasa kalau menteri berkata dia tidak tahu, saya kata saya boleh maafkan, tetapi kalau tidak, saya kata, ini adalah satu kegagalan yang besar untuk menegakkan keadilan bagi semua pemaju-pemaju yang telah begitu lama menderita.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sri Gading.

**11.46 pagi.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membantah usul ini. [*Ketawa*] Usul Yang Berhormat bagi Seputeh ini buang masa, remeh temeh, tidak ada nilai. Usul ini mesti ditolak. Itu sebab saya membahaskan usul ini untuk ditolak. Usul remeh Yang Berhormat bagi Seputeh dan DAP ini hanya hendak mencari publisiti murah, politik. DAP sebenarnya ketandusan politik, ketandusan isu. DAP tahu bahawa MCA sebuah parti yang dianggotai oleh ramai majoriti kaum Tionghua di negara ini, la mendapat sokongan kuat orang-orang Cina, maka itu untuk menjatuhkan MCA, rosakkan imej Menteri Perumahan yang juga Presiden MCA.

Jadi, ini sebenarnya isu politik yang cuba hendak diwar-warkan oleh DAP. Yang Berhormat Menteri Perumahan, saya kenal baik dan lama, orang datang satu negeri saya, dari Pontian, seorang tokoh politik yang berpengalaman luas. Ho! Ho! Kalau hendak dibandingkan dengan Seputeh, yang hendak membuat usul potong gaji RM10 ini, Ho! Ho! Macam langit dengan bumi. [*Ketawa*] Sepatutnya kita berikan ucapan tahniah kepada

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana baru-baru ini dia telah diberikan kepercayaan memimpin sebuah parti orang Cina yang terbesar dalam negara ini. Ha! Kita kena beri dia tahniah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Mungkin ini, Tuan Pengerusi, pilihan raya sudah dekat, modal tidak ada, jadi hendak mengambil satu-satu isu, hendak tarik masyarakat Cina. Jadi, sebenarnya DAP sudah bankrap politik dan sebenarnya taktik yang dibuat, yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Seputeh mewakili DAP ini, dia bukan menguntungkan DAP, malahan boleh merugikan DAP. Seputeh kalau betul-betul berani hendak mencabar Menteri, pergi ke Pontian lawan di pilihan raya [Ketawa] Ha! lawanlah, hendak tengok *you* macam mana, bukan sahaja kalah, saya rasa dekat Pontian lawan dengan Menteri ini Seputeh akan hilang wang deposit. [Disampuk] Ho! ho! Boleh jadi Seputeh pun akan menjadi 'Si Hitam' pula, [Ketawa] mana tahu?.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [Menyampuk]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah cakap Yang Berhormat, teruskan. Masa berjalan, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Okey! Masa berjalan [Ketawa]. Isu tuntutan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah yang diheboh-hebohkan oleh parti pembangkang ini, tidak payah kita bahaskanlah, fasal tadi Tuan Pengerusi kata, tidak boleh, tetapi sebenarnya, Yang Berhormat Menteri ini punya jasa. Semenjak tribunal ini diwujudkan, dia banyak membela.

Saya telah difahamkan bahawa daripada mula ia ditubuhkan pada 16 September 2000, sebanyak 838 kes telah diselesaikan yang melibatkan lebih RM4 juta. Ini merupakan satu kejayaan besar Yang Berhormat Menteri Perumahan kita, tetapi oleh sebab Mahkamah Tinggi sudah buat keputusan, tribunal ini yang berjalan dengan baik dan lancar, telah pun terpaksa diberhentikan, dan ini bukan kesalahan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat bagi Seputeh pun faham, bukan tidak faham. Dia pun tahu, cuma buat-buat tidak tahu. Ini memang *fe'e!* parti pembangkanglah. Sudah tahu tetapi buat-buat tidak tahu. Saya ingat Yang Berhormat Menteri akan jawablah, ya.

Jadi, kes ini pun dalam proses rayuan. Siapa menang, siapa kalah tidak tahu. Kita tidak tahu siapa menang dan siapa kalah. Tetapi apa yang disusahkan? Kerajaan, kalau kalah sekalipun, kita boleh bawa balik dalam Parlimen ini dan buat lagi undang-undang baru untuk membela pembeli-pembeli rumah. Jadi, tindakan Yang Berhormat Menteri ini patut diberikan pujian, dan Usul ini patut ditolak. Dan saya hendak mencadangkan, kalau boleh, gaji Yang Berhormat bagi Seputeh pula hendaklah dipotong RM10. [Disampuk] Ha? Potong tiga bulan! Ha, kalau ada undi ini, saya ingat Yang Berhormat bagi Seputeh pucat lesi agaknya, memang pucat lesi dia pada pagi ini. Jangan sebarang-sebarang.

Saya rasa usul remeh seperti ini harus ditolak dengan kos, yang mana kena ditanggung oleh pembawa Usul. Kalau dia tidak menang, kita pula denda dia dengan memotong [Disampuk] tiga bulan gaji. Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya meminta Dewan ini menolak sekeras-kerasnya Usul ini dan mengenakan hukuman kepada Yang Berhormat bagi Seputeh supaya dia jadi 'sehitam'. Terima kasih. [Ketawa]

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Yang Berhormat bagi Jeli. Ya, Yang Berhormat bagi Jeli.

**11.52 pagi.**

**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, seorang lagi yang akhir selepas ini, dan selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. Saya sudah putuskan.

**Tuan Mohd Apani bin Haji Mohamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera Tuan Pengerusi dan ahli-ahli Dewan sekalian bagi bersama-sama dengan rakyat yang membantah. Isu *incinerator* di Broga, saya ingin mengajak pihak kerajaan dan pihak kementerian supaya memikirkan kesilapan-kesilapan yang lampau sebagai satu pedoman bagi kita dalam mengambil keputusan yang baru. Saya terpaksa mengungkit kisah bagaimana kesilapan kerajaan memilih teknologi yang silap sehinggakan kerajaan menanggung kerugian lebih daripada RM18 bilion dan akhirnya projek itu tidak ke mana-mana.

Kita kena ingat bahawa pada sekitar 1982, kerajaan telah membeli teknologi yang dicipta oleh seorang profesor dari Jepun sehingga terpaksa kita mengetepikan teknologi-teknologi yang sudah diuji, yang teruji dari Perancis, Jerman dan sebagainya. Walaupun pada ketika itu kosnya lebih rendah teknologi Jepun lebih rendah daripada teknologi Jerman dan Perancis, tetapi akhirnya teknologi tersebut tidak berfungsi dengan baik dan industri besi negara sentiasa mendapat suntikan, sentiasa mendapat subsidi kerajaan sehinggalah ke tahun 2003 bila mana kerajaan masih lagi terpaksa memberi subsidi sebanyak RM145 juta. Sehingga sekarang kerajaan sudah kerugian lebih daripada RM18 bilion kerana meletakkan keutamaan kepada Dasar Pandang Ke Timur.

Sebab itulah kita tidak mahu sejarah yang sama berulang kembali kerana satu perkara yang telah dibina untuk dibaiki memakan kos yang mahal dan belum tentu ada keserasian dari sudut penyambungan ataupun untuk diadunkan dengan teknologi daripada negara yang lain. Bahkan mengikut laporan, termasuk apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh sebentar tadi, seorang rakyat Jepun yang menetap di Jerman, telah membuktikan daripada laporan-laporan yang diperolehi, bahawa *incinerator* yang bakal dibina di Broga ini boleh mengeluarkan gas-gas beracun pada kadar yang tertentu, walaupun tidak banyak tetapi masih boleh mengeluarkan gas beracun.

Walaupun beberapa siri lawatan telah dibuat untuk melihat *incinerator* ini, tetapi kita kena ingat bahawa mereka yang membantah pembinaan *incinerator* ini bukan calang-calang orang. Sekumpulan penduduk perumahan sekitar yang mana mereka adalah terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang ini, mereka ini adalah Profesor-Profesor Madya dalam bidang Kejuruteraan Kimia, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektrikal daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga daripada Universiti Putra Malaysia. Mereka ini sudah pun membuat kajian daripada pembacaan-pembacaan makalah profesional mereka, majalah ikhtisas mereka, yang mana teknologi ini bukannya teknologi yang paling sesuai untuk dibuat di Broga.

Sepatutnya kalau benar kerajaan jujur, kalau benar kita yakin bahawa *incinerator* ini tidak akan mengeluarkan kadar gas beracun dalam nisbah yang tertentu, saya cadangkan marilah kita pindahkan *incinerator* ini dari Broga ke Putrajaya, kerana Putrajaya merupakan bandar syurga. Di samping kita membawa penduduk masyarakat Malaysia untuk melihat keindahan taman-taman, tasik-tasik buatan, mahligai-mahligai yang besar, bangunan-bangunan yang tersergam indah, kenapa tidak boleh kita membuktikan bahawa inilah satu contoh model *incinerator* yang sesuai di tengah-tengah bandar Putrajaya? Kenapa kita mahu letakkan di Broga? Kalau kerajaan benar-benar berani, kerajaan benar-benar yakin bahawa *incinerator* ini selamat, maka silakan. Kita sama-sama sokong di Dewan ini, akan menyokong sekiranya *incinerator* ini dipindahkan dari Broga ke Putrajaya.

Pengalaman *incinerator* ini bukan satu perkara yang baru. Majlis Perbandaran Kuala Terengganu telah membeli *incinerator*, walaupun tidak dalam berskala besar bahkan berskala yang lebih kecil, pernah membeli dan dijamin oleh pembuat *incinerator* ini kepada Majlis Perbandaran Kuala Terengganu dengan harga pada ketika itu RM20 juta, bahawa ia boleh menghancurkan semua bentuk sampah. Pada masa yang sama juga, pihak pembuat menjanjikan *incinerator* ini dapat mengeluarkan lebih kurang lima megawatt tenaga elektrik, sesuai untuk menyalakan sekitar beberapa ratus buah rumah. Tetapi apa jadi akhirnya? Bila dibawa ke Gong Badak, Terengganu, setelah dibayar oleh Majlis Perbandaran Kuala Terengganu, didapati *incinerator* ini tidak mampu untuk memecahkan kaca. Maka terpaksa botol-botol diasingkan daripada kertas dan juga plastik. Akhirnya, bila dimasukkan botol,

dibakar bersama-sama dengan kertas dan plastik, menyebabkan *incinerator* itu hanya sempat digunakan dua bulan sahaja dan selepas itu rosak dan tidak boleh dibaiki lagi. Dan sehingga sekarang, *incinerator* yang berharga RM20 juta pada ketika itu kini hanya menjadi 'gajah putih'. Sebab itulah pengalaman ini sebagai satu pengalaman untuk kita ....

**Dr. James Dawos Mamit:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

**Tuan Mohd Apani bin Haji Mohamad:** Peluang dia ada, peluang doktor, peluang Dr. Mambong ada. Jangan bimbang. Selepas ini Dr. bercakap.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila duduk.

**Tuan Mohd Apani bin Haji Mohamad:** Sekarang ini kita mesti melihat, maknanya teknologi itu biarlah teknologi yang kita tidak akan menyesal selepas daripada ia digunakan. Atas faktor apakah kita masih mahu membeli *incinerator* buatan Jepun ini, yang mana daripada kajian-kajian makalah yang membuat *comparative study*, ada jenis *incinerator* dari Perancis, umpamanya, dari Jerman yang telah terbukti diguna pakai lebih daripada 50 tahun dan lebih selamat jika dibandingkan dengan *incinerator* yang bakal dibeli buatan dari Jepun itu

Sebab itu saya meminta pihak kementerian supaya memikirkan dengan teliti perkara ini, jangan dipengaruhi oleh faktor-faktor yang lain, tetapi memikir dari sudut aspek spesifikasi *incinerator* ini. Walaupun kita terpaksa mengaku bahawa memang sampai bila-bila pun kita tidak boleh menggunakan kaedah bakar dan menambun (*landfill*), kita tahu itu bukan kaedah dalam masa-masa yang mendatang tetapi setidak-tidaknya kita tidak mahu teknologi ini kemudiannya nanti menjadi teknologi yang membawa penyakit kepada kita, walhal telah dibuktikan bahawa dari segi teknologi ia lebih berkuasa rendah, lebih rendah spesifikasinya berbanding dengan jenis yang lain-lain dari Perancis dan Jerman.

Sebab itu, walaupun jenis dari Perancis dan Jerman itu mungkin mahal sedikit, tetapi orang kata, kalau barang ini mahal, kemungkinan daya tahannya lebih lama, umpamanya kereta. Orang kata kereta *continental*, walaupun dibeli dengan harga yang mahal tetapi daya tahannya kuat, umpamanya *Mercedes Benz*. *Mercedes Benz* sampai dipakai beberapa tahun pun kita masih berpuas hati walaupun, "Alah membeli menang memakai", orang kata. Walaupun alah membeli tetapi menang memakai.

Sebab itu kita tidak mahu supaya nantinya peristiwa *incinerator* di Broga ini akan mengulangi sejarah pahit, sejarah pedih yang berlaku kepada isu teknologi pengeluaran besi yang berlaku di Perwaja, Terengganu di mana pada tahap awalnya dijangkakan hanya sekitar RM1,000 juta ke RM2,000 juta kos yang melibatkan. Dan teknologi lawannya, teknologi pesaingnya pada ketika itu lebih daripada RM2 bilion, teknologi di Jepun tersebut pada ketika itu, mesin itu sendiri lebih kurang RM800 juta campur dengan beberapa infrastruktur lain, RM1,000 juta lebih sedikit, dan teknologi lain RM2,000 juta pada ketika itu, walaupun pada ketika itu kita dapat menjimatkan RM750 juta tetapi yang diharapkan menjimatkan RM750 juta akhirnya kerugian lebih daripada RM18,000 juta. Atas asas itulah saya minta pihak kementerian benar-benar mengkaji. Kita bukan menentang *incinerator*, tetapi kita menentang teknologi yang bakal dipilih.

Oleh itu, pihak kerajaan sepatutnya mengadakan majlis dialog yang lebih terbuka, mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih baik. Bahkan di Dewan ini sendiri pun saya mencadangkan supaya pihak kementerian mendedahkan spesifikasi tersebut dan memanggil pakar-pakar yang hendak mempertahankan teknologi tersebut dan pada masa yang sama membenarkan kami untuk memanggil pakar-pakar teknologi *incinerator* daripada negara-negara lain supaya kita dapat menilai sejauh mana kehebatan, kemampuan pakar-pakar daripada kedua-dua mereka ini satu hendak mempertahankan teknologi ini, dan satu lagi hendak mempertahankan yang lain. Sebab itu saya mengucapkan terima kasih, saya minta kerajaan benar-benar fikir secara serius tentang hal ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Lumut, selepas itu Yang Berhormat Menteri boleh berucap.

**12.03 tgh.**

**Tuan Kong Cho Ha [Lumut]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan menolak usul yang dibawa oleh pembangkang pada pagi ini.

Tuan Pengerusi, selepas Yang Berhormat Menteri mengambil alih jawatan di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan empat tahun kebelakangan ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengalami banyak perubahan yang membina. Perubahan-perubahan ini semua adalah untuk menampung kehendak masyarakat semasa, kehendak pembangunan semasa dan mengikut keadaan keperluan masanya. Boleh dikatakan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah bertungkus lumus empat tahun kebelakangan ini demi kepentingan rakyat dan negara.

Pindaan Akta Perumahan adalah di antara satu-satu tindakan yang wajar dan tulen memandangkan ramai pembeli rumah mengalami masalah seperti rumah lewat siap, skim perumahan tergendala, pemaju bankrap dan kerosakan rumah sebelum tamat tempoh jaminan dan sebagainya. Pindaan Akta Perumahan adalah di antara langkah-langkah untuk mengatasi dan menangani masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah di atas tuntutan mereka, rumah yang mereka beli itu lewat siap dan kerosakan yang dialami. Dan pindaan itu disokong dan diterima oleh hampir semua pembeli rumah.

Tuan Pengerusi, di antara usaha Yang Berhormat Menteri yang paling ketara yang dinikmati oleh golongan rakyat berpendapatan rendah ialah Yang Berhormat Menteri berjaya memperolehi peruntukan untuk kerja-kerja meningkatkan taraf kemudahan-kemudahan asas dan prasarana di kampung baru (*Chinese new villages*) tiga, empat tahun selepas ini hampir semua jalan, longkang, padang permainan kanak-kanak, kemudahan gelanggang bola dan lain-lain kemudahan telah pun dibuat baru atau dinaikkan taraf di kampung baru. Usaha itu telah banyak memanfaatkan penduduk kampung baru yang mempunyai bilangan penduduk seramai 1.6 juta orang dan peratusan yang sangat tinggi adalah penduduk kaum Cina. Dan pada masa sekarang boleh dikatakan keadaan jalan, kemudahan sukan dan padang permainan di kebanyakan kampung baru boleh berbanding dengan kemudahan di taman-taman perumahan yang dibina oleh pemaju.

Ahli Parlimen DAP juga telah banyak menikmati kemudahan tersebut di kawasan yang diwakili mereka. Mereka hanya hendak mencari publisiti murah melalui pentas politik untuk memperkecilkan Yang Berhormat Menteri. Tetapi pada masa sekarang rakyat tidak senang tertipu lagi oleh DAP. Rakyat telah pandai dan faham apa yang menteri kita boleh buat dan telah buat untuk mereka. Pembangkang hanya boleh mempolitikkan sahaja isu-isu tanpa tindakan yang positif.

Sebenarnya DAP sekarang takut Kerajaan Barisan Nasional dapat memenangi hati rakyat khususnya penduduk di kampung baru (*Chinese new villages*). DAP harap kerajaan biarkan sahaja, jangan menjalankan projek-projek yang dapat memenangi hati penduduk. DAP harap biar jalan rosak, DAP harap biar longkang pecah, DAP harap biar tidak ada gelanggang bola, biar tidak ada padang permainan kanak-kanak kerana kalau segala-galanya dibuat cantik dan penduduk puas hati, DAP tidak ada modal politik lagi.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan *incinerator* di Broga, negara kita sudah menuju ke Wawasan 2020. Tibalah masa rakyat negara kita menerima cara yang baru dan moden untuk menangani masalah pelupusan sampah. Jadi, usaha kementerian untuk mencari satu sistem *incinerator* yang canggih, yang bersih, yang selamat, yang mengikut masa adalah satu usaha yang tulen untuk kepentingan negara kita. Tibalah masa negara kita mengkaji semula pelupusan sampah melalui *landfill*. Bagi saya, cara melupuskan sampah itu melalui *landfill* banyak memakan tanah dan ia juga mencemarkan udara, bau busuk dan juga mencemarkan air di alam sekitar kita. Jadi, rakyat kita perlu dididik dan belajar untuk menerima *incinerator* yang akan dilaksanakan di negara kita.

Jadi, akhir kata saya bercadang bahawa Dewan yang mulia ini menolak sebulat-bulatnya usul yang dibawa oleh pembangkang pada pagi ini. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya meminta Yang Berhormat Menteri menjawab.

12.08 tgh.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah beri sokongan moral kepada saya. Saya tidak tahu apakah motif di sebaliknya usul ini. Kalau saya tidak duduk barisan depan ini mungkin saya tidak kenal usul itu. Itulah yang saya nampak motifnya.

Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh, di luar Parlimen dia begitu friendly, lembut. [Ketawa] Kadang-kadang dia kata "Tolonglah saya punya pengundi." Kota Melaka pun macam itu, bincang perkara-perkara di luar tetapi di sini dia mahu potong RM10.00 daripada saya, tetapi saya tidak marah. Sebenarnya saya tunggu sejak semalam sampai sekarang. Saya hendak berdepan dengan usul ini. [Tepuk] Kerana saya rasa lagi banyak usul macam ini dibawa lagi banyak peluang saya jelas dan lagi banyak peluang saya bongkarkan, dedahkan dia punya helahan politik dan taktik yang dia guna.

Kalau sekiranya kita tengok tiga perkara yang dibawa itu, yang satu telah diputuskan oleh Tuan Pengerusi, kerana ia *sub judice*. Memang saya ada banyak hendak cakap tentang perkara itu, tetapi saya tidak boleh cakap. Bukan saya tidak mahu datang ke Parlimen untuk menjelaskan buat statement kerana perkara ini sudah dalam mahkamah, saya hendak cakap pun tidak boleh. Kalau tengok niat saya selama ini sejak masa saya mengambil alih Kementerian ini dan begitu prihatin saya terhadap pembeli sampai hendak pinda akta itu dalam satu tempoh masa yang saya rasa jangan lama sangat dan akhirnya pindaan keseluruhan itu telah dibuat walaupun saya tidak berani kata pindaan itu adalah seratus peratus sempurna tetapi pada keseluruhan pindaan akta itu telah dapat menjamin kepentingan bagi pembeli. Dan isu tribunal ini kita kena tunggu, sabar sedikit sehingga keputusan rayuan itu diketahui baru dapat kita bercakap selepas itu.

Bagi perkara yang kedua, dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh tentang *incinerator*. *Incinerator* ini telah banyak kali kita beritahu bahawa kerajaan tidak sewenang-wenangnya membuat sesuatu yang boleh menjejaskan kesihatan rakyat atau mendatangkan apa-apa yang tidak elok kepada rakyat.

Kerajaan sentiasa secara terbuka dengan fikiran terbuka, apakah yang dibangkitkan oleh rakyat itu, kalau sekiranya ia munasabah, kalau sekiranya ia adalah berasas, kerajaan akan pertimbangkan, tetapi kalau sekiranya sesuatu perkara itu telah dimasuk dengan unsur politik, maka susahlah untuk kerajaan. Kerajaan hendak meneruskan sesuatu projek kerana projek itu pada akhirnya akan mendatangkan kebaikan, dan kalau oleh sebab tekanan politik maka kita lambatkan atau tidak buat, jadi itu bukanlah satu pendirian kerajaan kalau betul-betul kerajaan hendak menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk.

Di hadapan kita, di negara kita, kita menghadapi masalah banyak sisa pepejal yang dihasilkan oleh rakyat di seluruh negara, kira-kira 17,000 tan sehari sisa pepejal dihasilkan oleh rakyat kita. Di Kuala Lumpur sahaja 2,500 tan sehari, di Selangor sahaja kira-kira 3,500 tan satu hari, bukan satu tahun, bukan satu bulan.

Kalau setiap hari kita bawa dan gabungkan Selangor dan Kuala Lumpur - 5,500 tan sisa pepejal - kalau kita bawa mari Parlimen, Parlimen pun tidak ada kawasan hendak letak. Jadi, kalau kita terus hantar ini ke tapak pelupusan, di mana-mana pun kita tidak akan boleh menyediakan tapak pelupusan yang mencukupi dan kalau kita biarkan sahaja sisa pepejal itu, seperti satu ketika dahulu di mana rakyat menggunakan *open dump site* sendiri, itu lagi membahayakan, itu lagi menjejaskan kesihatan kita.

Di Lembah Kelang kita punya penduduk sudah bertambah dengan begitu pesat, sudah begitu ramai, sehingga kira-kira 3.5 juta rakyat duduk di Lembah Kelang sahaja, jadi sisa pepejal ini menjadi satu masalah yang sangat *explosive* dan sangat terdesak dan tidak boleh lagi kita dari segi politik, hendak kata hendak jadi popular tidak mahu mengatasi masalah ini.

Jadi, kerajaan sudah melalui banyak kajian. Sebenarnya ia bukan satu cadangan baru-baru ini. Dalam lebih daripada lima tahun dahulu, kerajaan sudah mula membuat kajian di manakah kita perlu, bagaimanakah kita boleh merawat dan mengatasi masalah sisa pepejal terutamanya di Kuala Lumpur dan Lembah Kelang dan juga di Selangor.



Jadi, Jawatankuasa Teknikal telah ditubuhkan di mana jawatankuasa ini dianggotai oleh Profesor-profesor Madya yang tadi Jeli kata dia ada profesor-profesor mantah - sebenarnya profesor dan *engineer* yang kita guna adalah benar-benar orang yang mahir dan pakar dalam bidang ini. Jawatankuasa Teknikal ini juga dianggotai oleh pakar-pakar *environmental experts* dari jabatan-jabatan kerajaan, Jabatan Kesihatan dan agensi-agensi yang betul-betul faham isu ini.

Jadi, Jawatankuasa Teknikal ini telah mengkaji teknologi, telah mengkaji apakah caranya, maka cadangan ini telah dibuat dan beberapa agensi kerajaan termasuk Economic Planning Unit (EPU), termasuk Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan semuanya telah secara kolektif, rasa cadangan projek ini di Broga adalah satu cadangan yang praktikal dan ia tidak akan menjejaskan kesihatan rakyat dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, semua ini akan tertakluk kepada undang-undang terutamanya peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditentukan oleh Jabatan DOE, Jabatan Alam Sekitar bergantung pada Akta Alam Sekitar dan sebagainya. Jadi, ini bukan satu keputusan yang dibuat oleh menteri seorang. Sebelum saya menjawat menteri ini pun, konsep *incinerator* itu telah pun ada. Dan pada akhirnya cadangan ini telah dibuat oleh jemaah menteri dan saya merupakan menteri yang bertanggungjawab, dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah satu agensi yang melaksanakan projek ini.

Kalau dikata ini satu kesilapan saya, saya rasa adalah paling tidak tepat dan saya rasa projek ini adalah satu keputusan, satu cadangan yang tidak seperti mana dikatakan oleh pembangkang. Apa yang mereka hujah atau ulaskan itu saya nampak lebih cenderung kepada untuk mendapatkan sokongan rakyat dengan memberi fakta yang tidak sempurna dan seimbang. Tuan Pengerusi, setakat ini .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Seputeh bangun.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya dalam ucapan saya tadi, saya ada bangkitkan selain daripada kadar kaedah *incineration*, kita ada kaedah lagi untuk mengendalikan sampah sarap yang mana haruslah diambil berat oleh kerajaan khususnya menuju ke arah *zero waste rubbish management*, tetapi saya tidak nampak kementerian Yang Berhormat itu menjalankan apa-apa langkah ataupun mengadakan dasar menuju ke arah ini.

Jadi, ini adalah apa yang saya *argue* bahawa tidak ada apa-apa usaha yang dijalankan oleh kementerian supaya dasar kitar semula, pengasingan sampah sarap dan juga kaedah lain untuk mengurangkan sampah sarap yang ada sekarang supaya kita tidak perlu menggunakan teknologi *incinerator*.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, saya memang sudah jelas sampai tajuk kitar semula ini. Adalah tidak benar kata kementerian tidak ada apa-apa perancangan dan sebagainya. Telah beberapa kali saya umumkan bahawa kementerian sedang menggubal satu *Master Plan* untuk *solid waste*, iaitu satu pelan induk pengurusan sisa pepejal dan pelan induk ini melibatkan kitar semula, melibatkan *sanitary land fill*, melibatkan *incineration* di tempat dan lokasi yang sesuai.

Jadi, kita punya pelan induk ini meliputi semua. Mana-mana negara maju pun kalau kita pergi, saya sendiri telah awal-awal lagi apabila jadi Menteri di kementerian ini, saya telah pergi ke Germany, Denmark dan juga Eropah untuk melihat apa yang mereka telah berjaya dari segi sisa pepejal. Di Germany dan Denmark mereka memang telah bergantung banyak kepada *incinerators* dan mereka juga ada satu wawasan, satu visi supaya menjelang tahun 2005 ia akan tutup semua dia punya *land fill* dan dia hantar apa yang tidak boleh dikitar semula ke *incinerator* dan apa yang dia boleh kitar semula itu pun sampai satu kadar maksimum 22%. Daripada apa yang dihasilkan itu boleh dikitar semula, dia kira itu sudah lebih kurang maksimum.

Jadi, maknanya terdapat lagi 70% lebih daripada apa-apa yang dihasilkan setiap hari itu tidak boleh dikitar semula dan kementerian kita ini sedang berusaha apa yang tidak boleh dikitar semula itu, kena kita ambil tindakan dan buat masa kini di Malaysia, sebahagian akan kita masih gunakan *sanitary land fill* dan sebahagian di mana penduduk

adalah pesat, di mana kekurangan tanah, kita kena guna *incinerators*. Ini adalah satu *norm* di banyak negara maju. Kalau di Jepun, *incinerators* dibuat di tengah-tengah bandar pesat dan di sebelah *apartment*, di sebelah sekolah, di sebelah hospital. Kalau dia menyeberang jalan sahaja adalah didiami oleh orang yang begitu ramai.

Di Tokyo sahaja ada 17 buah *incinerator* yang setiap hari ia merawat 3.7 juta tan ia punya sampah. Jadi, inilah satu perkara yang orang sudah buat. Takkan negeri Jepun ia buat sesuatu yang tidak selamat bagi orang dia dan ia sebuah negara yang *environmentally very conscious*. Jangan kita samakan apa-apa sahaja *incinerator*, bila dengar sahaja perkataan *incinerator* itu semua sama. Banyak *incinerator* telah *outdated* ataupun dahulu, 20 tahun mereka guna, hari ini ditukar.

Di Jepun, pun macam itu. *incinerator* yang dahulunya sudah lama dia rasa tidak boleh mencapai tahap kebersihan yang ditetapkan oleh piawai antarabangsa hari ini iaitu 0.1 *nano gram per meter cube*. Jadi dia *upgrade* dan ubah suai dia punya *incinerator* dan nampaknya sistem yang kita pilih hari ini ialah *gasification produce ass melting*. Dia tentu mahal sedikit daripada yang lain kerana ini adalah satu gabungan beberapa sistem teknologi dalam satu sistem menyeluruh dan ianya melibatkan kos yang dikatakan tinggi kerana dalam pembinaan loji rawatan termal ini, perlu kita memasang peralatan-peralatan canggih dalam kawalan pencemaran. Rakyat yang takut sangat dioksin dan juga keluaran gas toksik yang lain, itu sebabnya kita kena pastikan alat-alat yang canggih itu dipasang sehingga apa yang pada akhirnya ia punya tahap pengeluaran gas itu adalah minimum sehingga *negligible*.

Jadi Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan di sini, tidak benar juga Yang Berhormat bagi Seputeh kata Kempen Kitar Semula ini gagal, hanya setakat kita buat iklan sahaja, tidak benar. Saya sendiri sudah pergi banyak tempat untuk melancarkan Kempen Kitar Semula dengan persatuan penduduk, The Residence Association. Saya sendiri masuk ke sekolah. Jadi, Yang Berhormat saya harap di Seputeh, banyak sekolah, pergilah juga, buat *recycling* sama mereka. Kalau Yang Berhormat tidak buat, tegur sahaja, nanti di Seputeh penuh dengan sampah. Kalau kita tidak buat apa di Seputeh, suatu hari nanti Yang Berhormat bagi Seputeh datang sini, hendak potong RM10 daripada saya kerana sampah dia tidak ada tempat hendak hantar. Jangan sampai hari itu, *blame* saya, dengan izin.

Tuan Pengerusi, beberapa Ahli Yang Berhormat lain telah menyentuh juga pasal *incinerator* ini, saya ucapkan terima kasih kepada mereka yang telah beri sokongan dan tidak boleh kita samakan *incinerator* dengan apa-apa projek. Saya hairan bila dengar tadi ada Yang Berhormat sebut pasal PERWAJA. Itu satu perkara yang lain sekali. Ia tidak berkaitan dengan *incinerator* dan kali ini saya sudah kata Jawatankuasa Teknikal telah banyak buat kerja, banyak kaji dan akhirnya, ada satu masalah di mana juga kita letak *incinerator*, ia akan ada bantahan. Orang dekat situ mesti bantah. Lokasi ini bukan dekat sangat dengan perumahan. Taman perumahan yang paling dekat ialah 2.5 kilometer. Kalau jarak ini, kalau kita bawa ke Jepun, beritahu orang Jepun, mereka ketawa. Dia punya *incinerator*, mana boleh dapat begitu jauh dengan orang, dia semua rapat-rapat. Ada orang kata jangan banding dengan Jepun, banding dengan negara lain. Ada juga di Eropah.

Saya pergi ke Greater London, saya sendiri pergi tengok dia punya *incinerator* dekat-dekat ada orang mendiami, ada banyak rumah kediaman di situ. Hari Ahad ia ada karnival, *incinerator* punya kawasan dibuka untuk mereka buat *fun fair*, buat *family day*. Saya tengok dengan mata sendiri. Jadi, janganlah terlalu *bias* ataupun tolak sahaja apa yang kerajaan hendak buat. Lagipun, *to be on the save side* dengan izin, kerajaan telah mematuhi dengan *straight* iaitu EIA.

Laporan EIA itu telah siap dibuat. Laporan EIA itu telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar dan telah dibuka untuk *public viewing* daripada 1 September hingga ke hujung bulan September dan juga *public comment* boleh dikemukakan sehingga 14 Oktober dan panel pengulas oleh Jabatan Alam Sekitar, mereka juga akan mengkaji semua komen-komen, bantahan dan mereka akan buat keputusan kemudian. Ini adalah Jabatan Alam Sekitar, mereka kena mematuhi banyak dari segi peraturan dan juga Akta Alam Sekitar.

Jadi maknanya, kerajaan tidak buat sesuatu sewenang-wenang apabila selepas Laporan EIA ini diputuskan sahaja, kerajaan akan buat keputusan bagaimana kedudukan *incinerator* ini. Jadi, bukanlah sesiapa sahaja boleh sewenang-wenang membuat keputusan.

Tuan Pengerusi, perkara yang seterusnya dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh dalam usulnya ialah pihak berkuasa tempatan. Kita semua tahu pihak berkuasa tempatan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Ini adalah sesuatu yang termaktub dalam Perlembagaan Negara. Perlembagaan itu adalah digubal oleh Parlimen. Kita semua tahu, kerajaan negeri punya tanggungjawab kalau PBT atau pihak berkuasa tempatan ada sesuatu yang rasanya tidak cukup baik, kita kena betulkan melalui pihak berkuasa negeri.

Jadi, tidak sepatutnya datang sini, potong RM10 daripada saya. Saya sama dengan Yang Berhormat juga, kita mahu lihat semua pihak berkuasa tempatan kerja dengan cekap, dengan amanah. Saya sama dengan rakyat, pada tiap-tiap hari kalau saya dengar, kalau ada pihak berkuasa tempatan mana ada masalah, saya rasa saya punya perasaan tidak kurang daripada mana-mana Ahli Yang Berhormat, saya rasa sedih terus tetapi saya punya tanggungjawab ialah tidak macam Yang Berhormat datang sini, tegur sahaja, saya kena buat kerja. Saya kena cari, apakah cara kita boleh pastikan sesuatu penyelewengan, sesuatu kelemahan itu boleh diatasi walaupun kuasa itu tidak dibawa terus kepada kementerian saya tetapi tidak tolak dia punya tanggungjawab seperti itu.

Selalunya, saya bangkit tanya perkara ini ke Jemaah Menteri. Kadang-kadang Jemaah Menteri buat keputusan, sampaikan keputusan itu kepada pihak berkuasa negeri dan jangan juga merasa kalau kerajaan negeri, dia mesti salahkan Kerajaan Barisan Nasional. Ada juga dua buah kerajaan negeri di bawah pembangkang. Tengok jugalah, pihak berkuasa tempatan di bawah pembangkang itu ada masalah atau tidak. Kalau ada, bolehkah kita potong juga RM10 daripada pembangkang. Jadi, semua ini kita kena tengok. Tadi, Yang Berhormat bagi Kota Melaka.....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi, Yang Berhormat Menteri mengakui bahawa kementerian Yang Berhormat itu, memang tidak mempunyai kuasa terhadap semua kerajaan tempatan kerana undang-undang memang begitu. Jadi, boleh saya cadangkan supaya nama kementerian Yang Berhormat itu dijadikan sebagai Kementerian Perumahan sahaja dan kerajaan tempatan itu dipotong langsung.... [Dewan gamat seketika]

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Yang Berhormat bagi Seputeh, tahulah. Kita semua tahu, sebagai contoh, tanah adalah juga di bawah kuasa kerajaan negeri. Takkan kita kata tutuplah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Ada banyak dasar, banyak peraturan perlu diseragamkan, perlu Dikoordinasi antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri dan kalau hubungan adalah baik dan profesional antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri, maka banyak perkara boleh diselesaikan. Nasihat Kerajaan Persekutuan sentiasa boleh sampai ke bawah dan kerajaan negeri sentiasa juga boleh sama-sama memperbaiki keadaan.

Tadi, Yang Berhormat bagi Kota Melaka sebut, dia kata bangunan komersial. Sebenarnya, saya telah bangkit perkara ini di Jemaah Menteri. Kata siapa sepatutnya boleh bertanggungjawab terhadap bangunan komersial dan Jemaah Menteri telah setuju supaya kita tubuh satu pasukan untuk kaji dan kementerian saya juga sedang kaji, buat cadangan supaya di manakah kita sepatutnya letakkan dia punya kuasa dan dia punya bidang. Bagi kedai-kedai, bagi bangunan komersial ini, walaupun pada masa kini kementerian saya tidak ada satu undang-undang dan akta khas tetapi secara *administrative*, masih kita cuba bantu.

Kami tahu ini bukan penyelesaian yang akhirnya kerajaan akan buat undang-undang tetapi kita tahu buat undang-undang ini, ia mengambil masa. Dia kena buat kajian, dia kena dapatkan maklumat dan fakta. Ini tetap bukan satu perkara yang kita biarkannya sahaja. Ada banyak perkara yang kita kena kaji betul-betul, baru kita menggubal undang-undang itu. Bagi yang dikatakan PBT melantik....

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tadi Yang Berhormat ada kata bahawa kalau Yang Berhormat tidak duduk di barisan hadapan, usul ini tidak dibawa, saya sebut untuk rekod sahaja. Pada tahun 2000, saya memang ada bagi satu notis untuk memotong gaji Yang Berhormat tetapi saya pada masa itu telah masuk hospital. Jadi, bukan oleh kerana Yang Berhormat duduk di hadapan.

Apabila DAP membawa isu, kita juga mesti *fair* kepada *concern* sendiri oleh kerana para penyokong kita akan menilai apa kita cakap dalam Dewan. Kita bawa usul ini kerana kita menganggap isu itu cukup penting dan kegagalan itu cukup serius. Yang Berhormat tidak payah takutlah tentang di sini *press* akan melaporkan besar-besaran apa yang Yang Berhormat kata pasal usul. Sebelum undi pun saya tahu apakah keputusan mereka tetapi yang mustahak saya hendak kata di sini ialah *we are very fair to you*.

Saya ada dengar satu cadangan supaya dibawa kes "Jackie Chan", saya tolak cadangan itu. Kita *fair* tetapi saya kesal apabila serangan politik yang dibuat itu tidak berasas langsung. Tetapi yang mustahak sekarang, saya hendak kata di sini, dengan izin, Tuan Pengerusi, "*good motive must always bring about good successes of good action and not become apologies for bad action of failures*". Yang Berhormat ada niat baik, tetapi kalau tindakan itu atau kegagalan telah berlaku, memang ini menjadi satu kritikan yang harus dibuat oleh pembangkang.

Yang keduanya, berkenaan dengan kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengawal projek pembangunan. Saya sudah banyak kali bawa perkara ini sejak tahun 1999. Kalau tidak silap saya, tidak kurang daripada tiga kali saya dengar timbalan Yang Berhormat kata kita akan buat kajian, kita akan buat kajian. Akhirnya, barulah Yang Berhormat bawa ke dalam Kabinet, tetapi sudah memakan banyak masa yang begitu panjang.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, saya memang selama ini, apabila apa yang dibangkitkan, kalau ia *make sense*, kalau ia ada satu cadang yang baik, saya tidak kira dia daripada pembangkang atau siapa, saya terima dan selalunya saya ambil tindakan.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka kadang-kadang bagi kes, saya pun ambil tindakan kalau saya rasa sesuatu itu tidak betul dibawa. Itu *I'm very rational*, tidak kira politik. Tetapi kalau apabila saya nampak sesuatu yang mungkin dikaitkan dengan politik, saya tidak boleh berdiam diri. Itu sebabnya saya kata, mungkin dahulunya saya hanya jawab soalan sahaja, tidak dipotong gaji, tetapi hari ini saya dipotong gaji. Itu lain sedikit. Saya tidak kata Yang Berhormat bagi Kota Melaka yang silap. Yang Berhormat bagi Seputeh, dia buat usul ini, yalah dia kena dapatkan publisiti sedikit. [Disampuk] Dia boleh dapatkan *political mileage* sedikit, itu biasalah, saya faham. *I don't blame you*, dengan izin.

Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat bagi Kota Melaka ada sebut juga pasal kes PBT di mana pihak berkuasa negeri melantik *councillor*. Pihak berkuasa negeri melantik *councillor* daripada ahli politik, ini bukan satu perkara baru. Ini memang diamalkan oleh semua negeri. Di Terengganu dan Kelantan pun serupa juga. Kita tengok hari ini, di Kuala Terengganu, siapa yang menjadi Yang di-Pertua? Di Terengganu, Yang di-Pertua ialah seorang wakil rakyat, Yang Berhormat Dr. Haji Sulaiman Abdullah. ADUN kawasan Ladang. Jadi, serupa juga.

Di situ tidak bolehlah kita kata hanya berlaku di Melaka. Yang penting ialah yang dilantik, tidak kira dia ahli politik atau siapa, adakah dia buat kerja dengan baik. Adakah dia menjalankan tugas secara profesional sehingga PBT itu dapat manfaat? Jadi, saya rasa tidak boleh kita kata, kalau dia lantik orang politik, maka dia langgar Akta Kerajaan Tempatan.

Walau bagaimanapun, kalau ada mana-mana ahli majlis, *performance* dia tidak baik, dia menyeleweng, dia rasuah ataupun dia buat sesuatu yang tidak betul, saya ingat tidak kira pembangkang, Kerajaan Barisan Nasional pun tidak boleh *tolerate*, kita tidak boleh benarkan perkara ini. Saya ingat kita lebih peka kalau ada wakil macam itu, kita tidak

akan beri mereka teruskan kerja. Kita boleh berhentikan mereka. Walau bagaimanapun, melantik *councillor* ini memang betul adalah kuasa kerajaan negeri.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Kalau itulah jawapan Yang Berhormat Menteri, saya cadangkan supaya bila Parlimen atau kerajaan menggubal undang-undang, dengan senangnya pihak berkuasa negeri boleh melantik siapa-siapa sahaja menjadi ahli majlis. Kalau itulah jawapan, mengapa kita bila menggubal undang-undang, kena buat betul-betul, apakah maknanya, siapa ada kuasa, siapa yang boleh dilantik dan sebagainya. PAS kalau buat silap, saya pun bantai juga. Tetapi mereka beritahu saya mereka tidak boleh buat oleh kerana ada akta di sini.

Jadi, Yang Berhormat betul-betul komited kepada demokrasi, Yang Berhormat buat seruan dan cadangan dalam Kabinet. Kita ubah akta ini atau lagi baik kita ada *local government election*. Saya pun tidak setuju apa yang dibuat oleh PAS, tetapi mereka kata undang-undang telah mengikat mereka. Tetapi yang mustahak saya hendak kata, jangan kita memberikan jawapan *general*, rasional tetapi seolah-olah undang-undang tidak wujud.

Boleh saya tahu ini jawapan *general answer, ordinary man answered* tetapi kita sebagai Ahli Parlimen ada undang-undang. Kita adalah pemimpin negara. Tidak boleh bagi jawapan sedemikian yang saya kata kalau orang bias bagi saya, saya boleh faham tetapi MCA, terang-terang setiap tahun sebelum pelantikan baru dibuat, semua orang tidak bagi nama, dalam paper juga, siapa-siapa ada dilantik, seolah-olah ia tidak wujud.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ya, kalau ahli politik dilantik dan pengalaman dia, kesesuaian dia dan kelayakan dia adalah sesuai untuk dilantik seperti mana PAS juga buat, kalau macam itu, ia tidak bercanggah dengan akta dan saya tidak nampak apa masalahnya jawapan saya sama ada ia umum atau rasional. Kalau jawapan saya semuanya diterima baik oleh pembangkang, itu bukan pembangkang lagilah.

Tuan Pengerusi, bagi satu kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka pasal projek pemaju, Rambai Park, ini memang pada satu ketika dahulu ia diuruskan oleh polis. Semasa polis uruskan, memang kementerian saya tidak diberi aduan rasmi atau *official complain direct*. Pengadu sudah pergi kepada polis. Saya pun setujulah, ini kes lama kerana polis sesudah siasatan, dia rasa kes ini lebih elok di "*pursue*" ataupun diteruskan oleh kementerian saya. Jadi, saya arahkan pegawai saya, patut kena ambil tindakan dengan tegas dan serius.

Saya sendiri sudah beritahu pegawai, *this case, we have really go all out to pursue*. Sekarang kementerian sedang *look into the background of the whole thing* dan sedang dapatkan lagi lebih banyak butiran daripada pengadu. *On the surface*, kita nampak kadang-kadang nama orang itu dikaitkan dengan *company*. Bila kita semak balik dalam rekod, dia nama orang lain. Jadi, semua ini kita kena buat siasatan betul-betul, baru kita boleh ambil tindakan.

Tetapi saya setuju *the character that you are talking about*, tidak boleh kita lepaskan dia macam itu sahaja. Dia ada beberapa projek dan kita kena melindungi peminjam. Saya sudah beritahu pihak penguat kuasa di bawah kementerian saya dan juga pegawai undang-undang supaya kita ambil tindakan tegas. *To be fair*, kerana *the first stage* ialah polis, selepas itu baru sampai kepada perhatian dan *the fact that* Yang Berhormat bagi Kota Melaka sebut kepada saya, baru dia kata ada pegawai *follow up* itu, *follow up* ini. Maknanya saya just leave it aside.

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Menyampuk]

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Dalam 10 bulan itu, bukan apa-apa pun tidak dibuat, adalah *some of the checking we make*. Saya setuju kes ini lambat sedikit. Saya rasa *it should have been faster*. Itu saya setuju. *Even, I think it is logical, I agree, okay*.

Tuan Pengerusi, perkara-perkara Yang Berhormat bagi Lumut, Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat bagi Kluang telah pun.....

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Kota Melaka bangun.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Mungkin Yang Berhormat Menteri sudah lupa berkaitan dengan isu di mana kerajaan Negeri Melaka melantik pemimpin-pemimpin UMNO menjadi Yang di-Pertua PBT. Saya harap ini boleh diberhentikan dengan serta-merta oleh sebab pegawai-pegawai kerajaan yang berkelayakan di *by pass* dan ini kita pula ambil orang bayar dengan kontrak dengan mahal. Tetapi oleh sebab mereka itu pandai, jadi .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Seputeh tadi telah dijawab Yang Berhormat. Tadi soalan itu telah dijawab.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Boleh ambil.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tadi saya sudah ulas. Masa saya ulas, saya ada juga bangkit PAS pun ada buat perkara yang sama. Tetapi okay, kalau rasa saya tidak boleh guna pakai contoh PAS itu kerana saya nampak tidak ada apa yang salah kalau ahli politik itu dia boleh jalankan kerja dengan profesional. Jadi PAS telah lantik ADUN jadi YDP. Jadi Kota Melaka tidak setuju dengan PAS? Dia tidak setuju dengan PAS. Saya tidak tahu PAS sama DAP macam mana mereka *consult*. Walau bagaimanapun.....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Itu pula sudah.....[Ketawa]

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Dato' ada sebut PAS. Di Kota Bharu, Majlis Perbandaran Kota Baharu, YDP bukan ahli politik. Kita lantik YDP sepenuh masa dan dalam manifesto BA kita bersetuju supaya Ahli Majlis Perbandaran dipilih dalam pilihan raya. Ini jelas dalam manifesto BA yang PAS turut menjadi anggotanya. Tinggal lagi kita tidak menguasai Kerajaan Pusat untuk melaksanakan agenda kita, gagasan kita.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa soalan Yang Berhormat?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Jadi kalau Menteri tidak tahu fakta macam itu, saya ingat dia kena pergi Kelantan, melawat Kota Bharu, macam mana kita uruskan MPKB.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukup,cukuplah.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya tidak pernah sebut Kota Bharu. Pernah saya sebut Kota Bharukah tadi?

**Beberapa Ahli:** Tidak.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Dia tidak dengar pun. Saya kata Kuala Terengganu, bila saya kata Kota Bharu? Jadi saya ingat tidak payah saya panjangkan masalah itu.

Yang Berhormat bagi Kluang, Sri Gading dan Lumut nampaknya mereka ada lebih mengikuti apa yang telah saya buat. Saya amat terharu dan terima kasihlah kerana banyak kerja saya sudah buat, pembangkang macam selalu tidak tahu langsung, dia tidak mahu tahu langsung. Jadi kadang-kadang banyak kerja hendak dibuat ini bukan senang. Saya tahu masalah pembeli rumah banyak. Masalah pembangunan perkampungan pun banyak. Masalah *local authority* pun banyak tetapi yang penting ialah kita sentiasa jujur dan ikhlas, sentiasa tidak lari daripada isu. Saya tetap akan menjalankan tugas sebagai Menteri secara beramanah dan bertanggungjawab dan saya benar-benar rasa tidak ada apa kesilapan ataupun sepatutnya sehingga, dengan izin, *I don't deserve a pay cut*. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah:

"Bahawa perbelanjaan diluluskan dengan meminda Maksud B.43, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan mengurangkan sebanyak RM10 daripada Butiran 10000 Emolumen iaitu dengan memotong gaji Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak RM10"

hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Bekalan B.43 dan Kepala Pembangunan P.43 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Gelang Patah.

**12.44 tgh.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh Maksud Bekalan dan Pembangunan 43, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pertama saya ingin menyentuh tentang 050000 - Kerajaan Tempatan dan 050100 pun sama.

Baru-baru ini saya dapat tahu bahawa Pihak Berkuasa Tempatan seperti di kawasan Skudai yang mana ada Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah telah meluluskan 12 kebenaran untuk syarikat telekomunikasi untuk memasang antena pemancar telekomunikasi.

Saya ingin dapat penjelasan sama ada betul ada arahan yang diberikan melalui Kerajaan Pusat kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan untuk meluluskan pemasangan pemancar telekomunikasi selepas pihak pemohon dapat sokongan daripada kementerian atau jabatan-jabatan yang berkenaan. Pada masa dahulu, bila ada syarikat ingin memasang pemancar telekomunikasi di sesuatu premis, di atas bumbung kedai atau rumah kediaman, ahli Majlis dan Wakil Rakyat akan bersama dengan pegawai penguat kuasa Pihak Berkuasa Tempatan untuk menjalankan tindakan roboh oleh pegawai penguat kuasa daripada Pihak Berkuasa Tempatan supaya pihak syarikat telekomunikasi tidak dapat memasang pemancar telekomunikasi itu.

Baru-baru ini apabila 12 kebenaran yang telah diluluskan dan apabila kita berhubung dengan pegawai penguat kuasa Pihak Berkuasa Tempatan, pihak Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, mereka enggan datang kerana mereka kata kita sudah luluskan kepada mereka. Walaupun setakat ini adalah *non-conclusive health hazard* yang diberitahu oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia iaitu memang tiada *conclusion* yang boleh menyatakan kewujudan pemancar telekomunikasi itu akan mendatangkan kesan buruk kepada kesihatan, saya harap hal ini dapat diterangkan kepada orang ramai kerana jika tidak, kita wakil rakyat akan sentiasa dihantui oleh masalah-masalah ini. Sekarang apabila kita dipanggil, kita sudah tidak dapat buat apa kerana Pihak Berkuasa Tempatan tidak akan turut bekerjasama dengan kita lagi dan kita susah untuk jawab kepada orang ramai.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua 090000, Bomba dan Penyelamat. Saya ingin dapat penjelasan daripada kementerian tentang pelaksanaan projek Balai Bomba dan Penyelamat di kawasan Taman Universiti yang mana pada tahun 2000 semasa saya majukan soalan bertulis, saya dapat jawapan bertulis iaitu ia akan dilaksanakan dan setakat ini saya tidak nampak projek ini dapat dimulakan.

Saya ingin tahu mengapa projek ini dilambatkan kerana kawasan ini sangat memerlukan sebuah Balai Bomba dan Penyelamat. Saya pun ingin tahu bilakah Balai Bomba dan Penyelamat di kawasan Gelang Patah yang ada *reserve* Balai Bomba di Bandar Nusa Jaya yang mana pesat membangun dan dekat dengan PBT. Saya harap ia dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, tentang 00300, Program Kebersihan. Kita memang tahu Yang Berhormat Dato' Menteri sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan tahap kebersihan di negara kita ini.

Banyak program kebersihan telah diadakan. Baru-baru ini program untuk tandas bersih pun dilakukan di Johor Bahru, yang mana kita harap dengan program tandas bersih ini dapat mewujudkan kesedaran kepada orang ramai, supaya kita menjaga kebersihan tandas. Pihak Kerajaan Negeri Johor berhajat untuk mengadakan undang-undang sesiapa yang tidak *flush* tandas selepas menggunakannya akan didenda. Ini adalah satu usaha yang baik, tetapi yang penting, kita mesti pastikan tandas awam dan tandas-tandas di

kedai-kedai dan tempat-tempat komersial mesti berfungsi. Kalau tidak berfungsi, bagaimana pengguna akan dapat *flush* tandas itu? Ini adalah satu masalah.

Tahap kebersihan tandas di negara kita ini nampaknya tidak berapa baik. Saya ingin tahu baru-baru ini ada Mesyuarat WTO, bukan *World Trade*, tetapi *World Toilet Conference* di Manila, kita pun ada menghantar wakil ke WTO itu dan saya harap kita dapat tahu, sama ada prestasi tandas kita, kalau dibandingkan dengan tandas di negara lain, mana satu yang lebih baik? Saya harap dapat maklumat tentang ini dan kita harap dapat bekerjasama dengan negara lain dalam mempertingkatkan prestasi kebersihan tandas dalam negara kita ini, kerana ini amatlah penting untuk mempertingkatkan pelancongan di negara kita ini dan dapat mempertingkatkan imej negara kita.

Tuan Pengerusi, saya pun mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana sentiasa mempertingkatkan kebersihan dan tahap kebersihan parit tepi jalan. Sekarang boleh dikatakan banyak pihak berkuasa tempatan telah mengadakan kaedah *under drainage*, yakni satu perancangan yang sangat baik dan patut diikuti oleh 144 pihak berkuasa tempatan, kerana dengan usaha ini kita akan dapat mempertingkatkan kebersihan dan keindahan bandar-bandar dan kampung-kampung dalam negara kita ini, terutama dalam taman perumahan. Tuan Pengerusi, saya pun ingin sentuh 070000 – Lanskap Negara. Saya puji pihak kementerian melalui Jabatan Lanskap Negara ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh gulung.

**Tuan Chang See Ten:** Ya! Sentiasa berusaha mengindahkan bandar dan kampung kita dan saya ingin dapat penjelasan tentang berapa banyak pokok yang telah ditanam setahun. Sejak program ini dimulakan, apakah kejayaan yang telah diperolehi untuk makluman kita? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Mambong.

12.53 tgh.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya pada tengah hari ini ingin menyentuh hanya satu perkara sahaja, yang berkaitan dengan Butiran B.00500 iaitu Pengurusan Sisa-Sisa Pepejal, agar Yang Berhormat bagi Seputeh memahami tanggungjawab beliau sendiri. Jawapan Yang Berhormat Menteri juga tadi hanya menyentuh tentang loji terma di Broga, tidak menyentuh keseluruhan pengurusan sisa-sisa pepejal.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ingin membantu Yang Berhormat Menteri menjawab?

**Dr. James Dawos Mamit:** Boleh, tetapi mesti tambah elaun, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Pengurusan sisa-sisa pepejal adalah tanggungjawab kita bersama, bukan semata-mata tanggungjawab kerajaan dan tanggungjawab pihak berkuasa tempatan, kerana kita sebagai rakyat, kita menghasilkan sisa-sisa pepejal. Oleh itu, rakyat mesti bertanggungjawab ke atas pengurusannya bagi memastikan sampah sarap kita tidak mencemarkan alam sekitar. Daripada anggaran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, seorang rakyat Malaysia menghasilkan purata kurang lebih 0.85 kilogram sisa-sisa pepejal satu hari ataupun di seluruh negara jumlah keseluruhan ialah 17,000 tan, jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Saya kurang yakin dengan angka ini, kerana angka ini hanya berdasarkan sampah sarap yang dipungut oleh pihak berkuasa tempatan yang dibawa ke tapak-tapak pelupusan, tetapi ramai rakyat Malaysia membuang sampah sarap mereka di merata-rata tempat di negara kita, termasuk di dalam longkang dan di sungai-sungai. Jika longkang dan sungai tersumbat dan hujan lebat pun turun, banjir kilat berlaku. Banjir kilat mengakibatkan banyak kesulitan kepada rakyat. Akhirnya rakyat mengkritik kerajaan, mengatakan bahawa kerajaan tidak menjalankan tanggungjawabnya, tetapi kita tidak memikirkan tindakan kita sendiri yang membuang sampah sarap di merata-rata tempat sebagai tindakan yang kurang bertanggungjawab.

Yang saya kerap nampak ialah pembuangan puntung-puntung rokok di atas jalan, di lebuhraya dan di *street pavement*, dengan izin. Jika hujan turun, puntung-puntung rokok ini hanyut ke dalam longkang dan tersepit di celah-celah lubang longkang yang membawa



air ke sungai. Lama-kelamaan sisa-sisa halus seperti puntung-puntung rokok terkumpul dan memenuhi celah-celah tersebut. Ini menghalang pengeluaran air hujan daripada longkang ke sungai. Apabila longkang tidak cepat membawa air ke sungai, ini mengakibatkan banjir kilat berlaku. Tambahan lagi, saya kerap nampak pekerja-pekerja pihak berkuasa tempatan yang menyapu dan membersihkan *street pavement*, mereka kerap menyapu sampah-sampah halus ke dalam longkang, akibatnya longkang tersumbat juga.

Ada juga rakyat yang suka membuang sampah mereka di tepi jalan, di hutan berhampiran rumah-rumah mereka dan di belakang rumah-rumah jiran. Tindakan sebegini menyebabkan bau busuk di persekitaran dan mencemarkan air bawah tanah. Longgokan sampah begini menarik kedatangan lalat-lalat dan tikus-tikus yang membawa kuman-kuman penyakit berjangkit. Akhirnya kita juga rakyat yang terkena penyakit.

Tuan Pengerusi, di negara kita sehingga kini pelupusan sisa-sisa pepejal dilakukan di tapak-tapak pelupusan kepunyaan pihak berkuasa tempatan. Namun kebanyakan tapak-tapak tersebut tidak mengikut kaedah-kaedah *sanitary landfill* yang sesuai bagi pelupusan yang sempurna. Banyak tapak-tapak ini memang sudah hampir penuh. Oleh itu, saya berpendapat air bawah tanah kita ada yang sudah tercemar. Saya menyarankan agar pihak berkuasa tempatan mengkaji status pencemaran air bawah tanah. Saya juga menyarankan agar tapak-tapak yang sudah ditutup dan tidak digunakan lagi, dipulihkan dengan sempurna bagi mengelakkan kehadiran lalat-lalat dan tikus-tikus yang menyebabkan sakit berjangkit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup, boleh sambung nanti?

**Dr. James Dawos Mamit:** Boleh. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

**Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

**Mesyuarat bersidang dalam Jawatankuasa.**

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya minta Mambung sambung.

**2.32 ptg.**

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum kita bersurai pagi tadi, saya menyebut tentang penghasilan sampah sarap oleh rakyat Malaysia. Saya tidak setuju dengan angka yang diberikan oleh kementerian kerana banyak lagi sampah sarap dibuang di merata-rata tempat.

Di Kuala Lumpur pula, penghasilan sisa-sisa pepejal mencapai angka 2,500 tan sehari dan tapak-tapak pelupusan di sekitar Kuala Lumpur memang sudah hampir penuh. Oleh itu, adalah wajar bagi kerajaan memilih kaedah *thermal incineration* bagi melupus sampah sarap yang dihasilkan oleh penduduk-penduduk di Kuala Lumpur.

Saya difahamkan bahawa *incinerator* yang akan diguna pakai ini ialah teknologi yang terkini dan efisien bagi melupuskan sampah kerana keluaran dioksin daripada *incinerator* ini hanya dalam lingkungan 0.1 nanogram setiap cubic meter emissions. Saya yakin *incinerator* ini boleh mencapai standard yang ditetapkan. Namun kesangsian saya ialah tentang pengurusan perasingan sampah-sampah tertentu.

Jika semua kategori sampah dimasukkan ke dalam *incinerator*, *efficiency* pembakaran tidak boleh tercapai dan pelbagai gas beracun yang lain nanti terkeluar. Oleh

itu pengurusan sampah di tapak *incinerator* adalah penting. Saya juga bimbang dengan pengangkutan sampah-sampah ke tapak *incinerator*.

Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan pernah menyatakan bahawa 350 buah trak sehari akan mengangkut sampah-sampah ke tapak. Ini akan mengakibatkan *traffic jam* dan menyulitkan pengguna-pengguna jalan raya yang lain. Oleh itu saya memohon agar Jabatan Kerajaan Tempatan dapat mengurus pengangkutan sampah ke tapak *incinerator* bagi mengelakkan *traffic jam*.

Berkaitan dengan dioksin, dioksin memang terdapat di mana sahaja di seluruh dunia. Dia terdapat di udara, di tanah, di air, di sediment dan di makanan. Lebih-lebih lagi dari makanan dari produk daging, ikan dan *shellfish*. Namun, kandungan dioksin yang paling tinggi adalah di dalam tanah, di sediment dan daging. Kandungan terendah ialah di air dan di udara.

Mengikut World Health Organization (WHO), dioksin hanya boleh dimusnahkan atau *can be destroy* melalui proses *incinerator* menggunakan suhu yang tinggi melebihi 850 darjah celsius. Bagi memusnahkan *dioksin* di dalam sampah yang begitu banyak, WHO mengesyorkan agar *incinerator* yang dapat membakar dengan suhu lebih dari 1,000 darjah celsius adalah yang paling sesuai.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat saya kira sudah cukup, Yang Berhormat.

**Dr. James Dawos Mamit:** Di dalam .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dr. James Dawos Mamit:** Sedikit lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dr. James Dawos Mamit:** Di *incinerator* yang akan diguna pakai di Broga, suhu pembakaran adalah melebihi 1,200 darjah celsius dan ini amat memuaskan.

Yang akhir sekali, saya yakin kalaulah kerajaan menggunakan *polluters spare principle* ini adalah yang baik sekali bagi menentukan pengurangan penghasilan sisa-sisa pepejal. Siapa yang menghasilkan banyak sampah, dia bayar lebih daripada menghasilkan kurang sampah. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Saya bagi Tanjong dahulu ya. Tanjong dahulu.

**2.37 ptg.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 010000 – Pengurusan. Saya ingin tahu sejauh manakah kementerian telah menyempurnakan Pelan Induk Strategi bagi pengurusan sisa pepejal iaitu merangka pelan jangka pendek dan jangka panjang dalam pengurusan sisa pepejal di Malaysia serta mencadangkan kesesuaian penggunaan teknologi-teknologi tertentu bagi sesebuah kawasan bandar. Memandangkan isu teknologi menguruskan sisa pepejal menggunakan *incinerator* telah menimbulkan berbagai reaksi, apakah kementerian telah mengkaji tentang teknologi-teknologi yang alternatif.

Setakat ini adakah kementerian telah mengenal pasti kawasan ataupun bandar yang perlu menggunakan *incinerator* untuk menguruskan sisa pepejal dan nyatakan kawasan atau bandar yang terbabit. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri adakah negeri Pulau Pinang salah sebuah tempat yang telah dikenal pasti untuk menggunakan teknologi *incinerator* yang berisiko tinggi. Apakah pendirian kementerian tentang penggunaan *open dumping* untuk menguruskan sisa pepejal seperti mana di negeri Pulau Pinang iaitu di Pulau Burung, Seberang Prai Selatan. Adakah sistem pengurusan ini yang diadakan di Pulau Burung didapati sesuai dan jika ya, sama ada ia diperluaskan ke negeri-negeri yang lain.

Saya juga ingin menyentuh tentang Kempen Kitar Semula di mana matlamatnya ialah untuk mengurangkan pembuangan sampah sarap dan melindungi alam sekitar di mana di kawasan-kawasan awam dan juga perumahan tong-tong berwarna hijau, jingga dan biru diletakkan untuk tujuan ini. Walau bagaimanapun, kempen ini masih gagal menarik perhatian orang ramai dan banyak wang kerajaan telah dibelanjakan tetapi masih belum mencapai matlamat yang ditetapkan.

Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri, apakah kajian sudah dibuat untuk memastikan Kempen Kitar Semula ini dapat mencapai matlamat yang ditetapkan. Saya juga ingin tahu sejauh manakah Kementerian telah memastikan iaitu pusat-pusat *material retrieval facilities* telah pun ditubuhkan sebab kemudahan ini amat penting untuk menjayakan program kitar semula dan jika menggunakan apa-apa jenis untuk menghapuskan sisa-sisa pepejal, *facility* ataupun kemudahan ini adalah amat penting untuk mengurangkan sampah sarap yang perlu diuruskan.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyebut tentang Butiran 05000 – Kerajaan Tempatan - di mana selain dari Melaka, Bandaraya Georgetown merupakan bandar yang penuh dengan bangunan-bangunan warisan dan kerajaan negeri pun sudah merancang meletakkan kedua-dua bandar ini ke dalam senarai Bandar-bandar Warisan UNESCO. Jika rancangan ini berjaya, ia pasti akan merancakkan lagi industri pelancongan di Bandaraya Georgetown dan Bandaraya Melaka selain dari meletakkan Malaysia di peta utama tempat pelancongan di rantau Asia.

Jadi saya ingin tahu, sejauh manakah Kementerian telah membantu PBT-PBT ataupun kerajaan negeri yang saya sebutkan di Melaka dan Bandaraya Georgetown supaya dapat menjayakan permohonan untuk meletakkan kedua-dua bandar raya bersejarah ini dalam senarai Bandar Warisan UNESCO. Saya juga ingin tahu sama ada Kementerian akan memberi peruntukan yang lebih banyak untuk projek-projek pemuliharaan supaya Georgetown dan Melaka dapat disenaraikan dengan lebih cepat.

Tuan Pengerusi, dalam dua tahun kebelakangan ini khususnya tahun ini, kerajaan telah melancarkan tiga projek keindahan di kawasan Zon Warisan Budaya Georgetown iaitu di Little India, Lebuh Aceh dan Lebuh Masjid Kapitan Keling. Saya ingin tahu sama ada Kementerian ada membuat pemantauan terhadap kemajuan projek-projek ini sebab kemajuan setakat ini didapati amat lembap dan telah membawa pelbagai kesulitan kepada komuniti peniaga di kawasan yang terbabit. Saya mohon Kementerian untuk membuat pemantauan supaya projek ini dapat dijalankan dengan lebih rapi, dan kontraktor-kontraktor yang dilantik lebih bertanggungjawab untuk menyiapkan projek ini dengan kadar segera.

Tuan Pengerusi, akibat pemansuhan Akta Kawalan Sewa sudah timbul pelbagai masalah berkaitan dengan bangunan lama dan bangunan warisan. Dalam tahun ini sahaja, terdapat tujuh kes di Bandaraya Georgetown di mana bangunan lama dan warisan yang dibina sebelum perang dunia kedua runtuh dan telah mengakibatkan dua kematian. Pelbagai pihak telah menyeru pihak PBT untuk mengambil tindakan memeriksa setiap bangunan di Georgetown tetapi nampaknya pihak berkuasa tempatan tidak melaksanakan tugas ini dengan cekap (*efficient*). Saya ingin tahu apakah peranan Kementerian dalam masalah ini kerana pada masa akta ini dimansuhkan, Kementerianlah yang membuat cadangan memansuhkan dan setakat ini kita tidak nampak campur tangan Kerajaan Pusat dan Kementerian untuk memastikan PBT-PBT dapat menangani masalah bangunan warisan yang runtuh dan sebagainya.

Saya juga ingin menyentuh tentang Butiran 01901 – Rancangan Tempatan - di mana pihak berkuasa tempatan didapati masih belum mengambil berat tentang penyediaan rancangan tempatan (*local plan*) demi menetapkan Garis Panduan Pembangunan bagi setiap kawasan dalam pentadbiran PBT. Oleh kerana ini, pelbagai masalah telah muncul dan pertikaian mengenai sama ada sesuatu bentuk pembangunan sesuai untuk kawasan itu timbul khususnya dalam tahun ini, satu perkara yang juga menarik perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah mengenai projek pembinaan columbarium iaitu pusat menyimpan abu di Jalan Sultan Ahmad Shah, Georgetown.

Projek ini bukan sahaja berada di lokasi yang amat tidak sesuai tetapi juga mencerminkan ketidak pintaran para Ahli Majlis PBT untuk membuat keputusan sedemikian. Jadi pada masa ini, PBT sudah menanggungkan keputusan sama ada untuk

meluluskan projek ini atau tidak, ataupun projek ini tidak dapat diteruskan. Tuan Pengerusi, masalah ini timbul kerana kelambatan pihak berkuasa tempatan untuk menyediakan rancangan tempatan bagi memastikan ianya disediakan walaupun pelan struktur bagi setiap kawasan sudah pun diluluskan mungkin 10 tahun dahulu.

Mengenai rancangan tempatan juga, saya juga ingin timbulkan masalah yang berhubung dengan tapak perkuburan untuk penganut agama Kristian di Bandaraya Georgetown di mana didapati tapak-tapak berkenaan sudah pun hampir penuh tetapi dalam perancangan kerajaan dan juga Bahagian Perancang Bandar dan Desa, nampaknya tidak memastikan bahawa perancangan dibuat untuk mengambil kira faktor budaya dan keperluan setiap golongan masyarakat, misalnya tempat beribadat, tanah-tanah perkuburan dan sebagainya.

Akhirnya mengenai pembangunan lanskap di mana taman permainan kanak-kanak juga merupakan sebahagian daripada program pembangunan lanskap untuk kemudahan orang ramai khususnya kanak-kanak tetapi yang sedihnya, kebanyakan taman permainan ini dibiarkan tanpa jagaan yang baik daripada pihak kerajaan tempatan, malah terdapat banyak kemudahan ini telah rosak dan membahayakan orang yang menggunakannya. Baru-baru ini seorang Ahli Exco.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Ya. Negeri Kedah mengumumkan bahawa dalam setiap tahun beberapa ribu kanak-kanak mengalami kecederaan semasa bermain dalam taman-taman permainan kanak-kanak. Oleh itu saya berharap kementerian boleh memainkan peranan untuk mengawal selia keadaan ini. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Tambun.

**2.47 ptg.**

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran di bawah P.43 iaitu Perancangan Bandar dan Desa, secara spesifiknya rancangan struktur di bawah 01902. Walaupun dalam apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi kerajaan tempatan adalah di bawah kerajaan negeri tetapi saya percaya oleh kerana ada kaitan di antara kementerian dan kerajaan tempatan ini, saya ingin membangkitkan perkara ini.

Saya ingin bangkitkan tentang rancangan pelan struktur Majlis Bandaraya Ipoh. Rancangan pelan struktur Majlis Bandaraya Ipoh ini melibatkan dua proses. Satu pentadbiran dan satu lagi dari segi undang-undang. Sekarang ini telah tiba kepada peringkat kerajaan negeri membuat undang-undang bahawa di dalam proses rancangan pelan struktur tersebut, kawasan baru dimasukkan di dalam Majlis Bandaraya Ipoh menjadikan Majlis Bandaraya Ipoh sekarang ini tiga kali lebih besar daripada yang asal.

Perkara yang saya ingin bangkitkan mengenai dengan soal pentadbiran pelan struktur tersebut. Kita tahu dari segi pentadbiran ada tempoh waktu diberikan untuk membuat bantahan awam. Di sini saya ingin bertanya apakah tujuan bantahan awam? Adakah dari segi strategi bandar raya, mereka telah tetapkan satu-satu kawasan baru untuk masuk dan itu keputusan yang dibuat? Dan bantahan awam ini hanya merupakan satu proses pentadbiran kerana peraturan memerlukan kepada bantahan awam dilakukan tetapi tidak diambil kira oleh pihak Majlis Bandaraya.

Perkara ini saya bangkitkan kerana dua perkara. Apabila bantahan awam dilakukan, pihak Majlis Bandaraya tidak melakukan perkara itu dengan bersungguh-sungguh dari segi pameran, dari segi pertemuan dengan anggota masyarakat, seolah-olah pihak Majlis Bandaraya Ipoh sengaja hendak menyorok proses tersebut daripada pengetahuan orang ramai. Jadi di sini timbul apakah prinsip demokrasi yang hendak dilakukan melalui proses bantahan awam ini telah dilakukan.

Kedua, sekiranya pihak Majlis Bandaraya tidak membuat keputusan dari segi di peringkat awal mereka mahu kawasan ini dimasukkan dalam Majlis Bandaraya Ipoh,

bantahan awam ini sengaja diadakan kerana *exercise* ini diperlukan, mengapa bantahan-bantahan yang dibuat oleh penduduk untuk tidak mahu masuk dalam Majlis Bandaraya tidak dilayan?

Perkara ini menjadi lebih sensitif kerana terdapat kawasan-kawasan yang pada kaca mata kita tidak patut masuk ke kampung-kampung Melayu tradisional yang cukup jauh tempatnya, malah di dalam Majlis Bandaraya Ipoh sekarang ini ada kampung-kampung tradisional yang tidak diberikan perkhidmatan oleh Majlis Bandaraya. Macam mana kawasan-kawasan baru yang jauh, jalannya kecil di mana penduduk biasanya membuang sampah mengikut cara mereka sekarang ini perlu membuang sampah mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis Bandaraya kalau tidak mengikut peraturan tersebut akan dikenakan denda.

Di samping itu saya ingin juga bertanya dari segi kutipan Cukai Pintu ini. Kawasan yang berada di dalam Majlis Bandaraya Ipoh tidak diberikan perkhidmatan oleh Majlis Bandaraya, adakah patut atau tidak pihak Majlis Bandaraya untuk membuat tuntutan Cukai Pintu. Di sini Kampung Tersusun, Jelapang Baru di kawasan Ipoh ini, kita tahu pihak Majlis Bandaraya tidak banyak menyediakan peruntukan untuk Kampung Tersusun. Kampung Tersusun Jelapang Baru tidak memperoleh infrastruktur seperti jalan, dewan, dari segi lampu jalan, kutipan sampah pun tidak dilakukan dan sekarang ini pihak Majlis Bandaraya telah pun mengeluarkan notis untuk kutipan Cukai Pintu dan oleh kerana penduduk tidak mahu membayar kerana tidak ada perkhidmatan, dikeluarkan pula surat untuk bayar denda kerana tidak membayar. Apakah prinsip pihak Majlis Bandaraya ke atas kawasan dalam kawasan Majlis Bandaraya tetapi tidak diberikan perkhidmatan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, mengenai dengan Majlis Bandaraya yang saya katakan tadi, kita tahu Majlis Bandaraya sekarang ini telah pun dari segi peraturan dibenarkan untuk terlibat dalam perniagaan. Di sini saya ingin menyatakan bahawa sama ada hendak membuat perniagaan ataupun tidak, pihak Majlis Bandaraya bertanggungjawab untuk membangunkan kawasan-kawasan tertentu dengan projek-projek komersial dan sebagainya supaya kutipan hasil Majlis Bandaraya dapat dipertingkatkan.

Saya percaya pihak Majlis Bandaraya sendiri perlu membuat penstrukturan organisasi. Mereka tidak boleh lagi bekerja, melihat kepada keperluan domestik dan duduk di pejabat semata-mata. Saya berpendapat bahawa Majlis Bandaraya, oleh kerana merekalah yang membuat perancangan pembangunan dan mengadakan kawasan-kawasan zon komersial dan industri dan sebagainya, seharusnya mempunyai unit yang dapat mengadakan *linkage* dengan pihak-pihak luar termasuk pihak antarabangsa kerana ini berlaku terutama di negara China, bagi setiap Majlis Bandaraya mereka, mereka ada satu unit antarabangsa yang menghubungkan satu-satu bandar raya dengan pihak-pihak luar terutama dari segi keperluan komersial dan juga pembangunan-pembangunan ekonomi.

Perkara kedua Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah B.43 di Butiran 020000 – Operasi, iaitu Butiran 020200 - Pelesenan dan Khidmat Nasihat. Ini berkaitan dengan matlamat unit ini untuk menentukan pemaju-pemaju perumahan yang berkelayakan dan berkemampuan sahaja melibatkan diri dalam industri perumahan negara.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, mengikut objektif ini matlamatnya adalah untuk mengenal pasti yang menentukan pemaju-pemaju perumahan yang berkelayakan. Saya ingin bertanya, dari segi cara bagaimana pihak kementerian meluluskan lesen-lesen pemaju ini. Adakah masih lagi menggunakan sistem lalu berteraskan kepada pembayaran deposit seperti mana yang dikehendaki oleh akta ataupun turut menumpu membuat kajian-kajian yang mendalam untuk mengenal pasti sama ada mereka yang menerima lesen ini mempunyai kapasiti ataupun tidak?

Kita sedar bahawa negara kita tidak melaksanakan konsep penjualan rumah berteraskan kepada rumah yang siap, baru dijual. Kita masih lagi menggunakan sistem *progress development* di mana kita jual dahulu rumah-rumah tersebut barulah kita laksanakan. Untuk melaksanakan projek perumahan, pelbagai risiko akan dihadapi bagi seorang *developer*. Pertama untuk menentukan *conversionnya* tanah, kemudian keluasan *layout keluasan building plan* dan seterusnya pembangunan. Kedua dari segi risiko

keuangan syarikat-syarikat, adakah mempunyai kapasiti untuk meminjam dan ketiga, dari pemasaran bagi menentukan projek dijual atau tidak.

Kita sedia maklum dalam konteks memajukan perumahan oleh pihak swasta memerlukan kepada syarikat-syarikat mempunyai *financial sustainability*. Sesuatu projek perumahan jika tidak dijual 70% daripada unit perumahan maka tidak ada *break even* dan besar kemungkinan syarikat-syarikat ini tidak akan dapat menyiapkan projek-projek mereka. Ini bermakna dari segi meluluskan lesen, pihak kementerian mesti melihat kepada aspek-aspek ini.

Justeru, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah aspek-aspek tersebut dikaji seperti mana saya nyatakan tadi. Pada masa lalu jikalau depositnya RM250,000 mana-mana syarikat yang ada duit RM250,000, bayar deposit akan mendapat lesen. Oleh kerana projek-projek perumahan memerlukan kepada kapasiti syarikat, melihat kepada beberapa risiko, saya percaya kaedah yang digunakan itu tidak akan memberi manfaat yang baik kepada pertumbuhan industri perumahan yang memerlukan kepada kita memilih syarikat-syarikat yang lebih berwibawa. Saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk memberikan penjelasan kepada perkara-perkara ini tersebut. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya beri Tuaran dahulu.

**2.57 ptg.**

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud B.43 Butiran 10000 - Projek Pembetulan Negara, Butiran 12000 - Penyelidikan dan Pembangunan Pembetulan, Butiran 060000 - Perkhidmatan Pembetulan (Kawal Selia).

Tuan Pengerusi, Bandaraya Kota Kinabalu salah satu daripada sumber airnya ia datangnya daripada Sungai Tuaran iaitu sungai di kawasan saya. Daripada satu tempat yang bernama Talibong. Tempat mengambil air ini terletak lebih kurang satu kilometer di hilir satu pekan yang dipanggil Pekan Tamparuli, datangnya sebuah lagu yang agak popular juga *Jambatan Tamparuli* dan sebahagian besar daripada air bekalan Kota Kinabalu ini datangnya dari sungai tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan Yang Berhormat Dato' Menteri pembetulan ataupun kumbahan najis dan sebagainya daripada Pekan Tamparuli ini semuanya terus ke sungai, tidak ada *sewery system* setakat ini bagi Pekan Tamparuli. Kalau kita tengok ia akan terus ke sungai dan selepas itu disedut balik ke sistem bekalan air yang dibekalkan ke seluruh Bandaraya Kota Kinabalu. Perkara ini telah dikaji oleh Pihak Berkuasa Tempatan Tuaran dan juga pihak Kerajaan Negeri Sabah. Kajian telah dibuat sehingga anggaran peruntukan dan sebagainya telah dibuat untuk beberapa tahun dan tempat untuk pembetulan sudah dikenal pasti berhampiran dengan Pekan Tamparuli tetapi sehingga ke hari ini pembetulan ini tidak dapat dilaksanakan oleh sebab masalah kewangan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sama ada pihak kerajaan negeri melalui mana-mana agensinya telah memohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan pembinaan sistem pembetulan bagi Pekan Tamparuli ini.

Sebenarnya Tuan Pengerusi, pembetulan bagi pekan Tamparuli ini amat penting dan perlu disegerakan oleh kerana pelbagai masalah yang dihadapi, bukan sahaja oleh para pemaju perumahan dan sebagainya di sekitar pekan Tamparuli dan di antara Tamparuli dengan pekan Tuaran, tetapi ia sebenarnya membahayakan kesihatan, membahayakan seluruh masyarakat Bandaraya Kota Kinabalu oleh sebab air yang digunakan adalah datangnya dari sungai di mana semua kumbahan dilimpahkan daripada pekan Tamparuli. Jika sekiranya pihak Kerajaan Negeri Sabah memohon peruntukan khusus untuk maksud ini, saya ingin bertanya sama ada pihak kementerian akan mempertimbangkan, dan kalau belum, apakah pihak kementerian akan menerima permohonan jika dihantar kepada Kerajaan Persekutuan.

Sebagai wakil rakyat di kawasan Tuaran dan juga Kota Kinabalu, saya ingin merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk mempertimbangkan permohonan ini sebab ia amat penting, bukan sahaja untuk penduduk-penduduk di sana tetapi ia juga melibatkan kesan terhadap daya saing Kota Kinabalu sebagai destinasi pelaburan.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan iaitu dalam Butiran 090000 - Bomba dan Penyelamat. Dalam taklimat pihak kementerian kepada Ahli-Ahli Parlimen Penyokong Kerajaan tempoh hari, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kelulusan ataupun perancangan untuk membina kuarters bagi kakitangan Jabatan Bomba di pekan Tuaran, dan setakat ini memang kita berpuas hati dengan perkhidmatan bomba bagi pekan Tuaran.

Walau bagaimanapun, daerah Tuaran ini memang begitu luas. Kita mempunyai lima pekan dalam daerah Tuaran. Kita ada pekan Tenggilan, pekan Kiulu dan pekan Tamparuli. Bomba yang ada hanya di pekan Tuaran dan dengan sistem perhubungan yang tidak begitu baik, apabila ada berlaku kebakaran di pekan Tamparuli atau di pekan Kiulu, biasanya bomba daripada pekan Tuaran tidak akan sampai dengan kadar yang segera oleh sebab perhubungan yang jauh.

Saya ingin bertanya sama ada pihak kementerian akan mempertimbangkan untuk mewujudkan satu pangkalan bomba, sama ada di pekan Tamparuli ataupun pekan Kiulu sebab ini adalah amat penting supaya penduduk di pekan Kiulu dan Tamparuli juga akan mendapat pembelaan. Dalam hal yang sama juga, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri, pada suatu ketika beberapa tahun yang lepas, di mana telah berlaku kemarau panjang di negeri Sabah, di Kiulu, salah satu daripada pekan dalam daerah Tuaran, mengalami kebakaran hutan yang begitu teruk, dan apabila kebakaran hutan ini berlanjutan selama beberapa hari maka para penduduk terpaksa dengan sendiri menjaga masalah api ini.

Dalam hal ini, saya ingin bertanya sama ada pihak kerajaan, pihak kementerian bercadang untuk memperkukuhkan lagi sistem sukarelawan bomba. Saya fikir jika sekiranya sukarelawan bomba ini dikemaskinikan, dilaksanakan dengan Pasukan Bomba dan Penyelamat yang ada sekarang dengan penglibatan yang lebih baik, dengan peralatan yang lebih baik di peringkat kampung-kampung, saya fikir kita dapat meningkatkan kemampuan kita untuk mengawal kebakaran. Dengan kata-kata yang demikian, saya mengucapkan terima kasih. Sekian.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad:** *[Menyampuk]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kita tidak boleh bagi semua. Kita ada dua kementerian lagi, Yang Berhormat.

**3.05 ptg.**

**Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]:** Ya, ya. Terima kasih. Butiran 01402 – Penyelidikan Perumahan. Perumahan masih menjadi satu isu yang belum dapat diselesaikan sepenuhnya. Ini dapat dilihat contohnya dalam laporan yang disediakan oleh kementerian sendiri berkaitan dengan penduduk-penduduk setinggan di seluruh negara. Di Selangor sahaja, saya kira 171,000 orang adalah dikelaskan tinggal di rumah setinggan ataupun penempatan setinggan; di Wilayah Persekutuan seramai 129,000 orang penduduk adalah setinggan; di Sabah, bilangan yang lebih besar iaitu 144,000 orang; di Johor 29,000 orang. Bahkan kalau kita melihat senario ini mengikut negeri-negeri, umpamanya di Pulau Pinang, ada 26 kampung setinggan, dengan 6,700 orang penduduk, dan kalau kita ikut kawasan-kawasan, kawasan Parlimen Nibong Tebal adalah kawasan Parlimen yang paling banyak kampung setinggan, iaitu 10 kampung, termasuk di Kepala Batas yang ada beberapa kampung setinggan yang kekal tidak diuruskan sampai pada hari ini.

Begitu juga di Perak ada 118 kampung setinggan. Yang menghairankan kita ialah di kawasan Ahli Parlimen bagi Bagan Datok yang juga adalah Pengerusi Syarikat Perumahan Negara, yang mempunyai 11 kampung setinggan; di Kuala Kangsar yang Ahli Parlimennya adalah seorang menteri, mempunyai 14 kampung setinggan; di Telok Intan kawasan siapa Teluk Intan? Kita punya orangkah?

Ahh! orang Parti Gerakan ada 34 kampung setinggan di kawasan Parlimen ini; di negeri Kedah umpamanya, bilangan kampung setinggan ialah 58 kampung dengan lebih 12,000 penduduk, dan kawasan yang paling banyak ialah di kawasan Parlimen Alor Setar yang diwakili oleh MCA daripada Team 'A' ataupun 'B'; di Kuala Kedah sebanyak 16 kampung; di Johor, kalau kita lihat, Parlimen Tebrau, Ahli Parlimen dia ..... err.. hadirkah tidak di sini, [*Memerhati ke arah tempat duduk Yang Berhormat bagi Tebrau yang tidak hadir*] ada sebanyak 21 kampung dan Parlimen Johor Bahru sebanyak 34 kampung. Itu adalah senario ringkas yang boleh digambarkan kerana masa tidak mengizinkan.

Apa yang saya hendak tekankan ialah bahawa di tengah-tengah kemegahan kita mempunyai berbagai-bagai mercu tanda termasuk pembinaan taman di Putrajaya dan sebagainya, dan termasuk *Twin Tower*, kita tidak dapat menyelesaikan masalah perumahan untuk dijadikan mercu tanda untuk diikuti oleh dunia seluruhnya kerana masih ramai penduduk kita duduk dalam keadaan yang sangat menyedihkan. Kalau dilihat daripada laporan yang disediakan oleh kementerian ini sendiri. "Dasar dan Strategi Perasmian Setinggan" [*Menunjukkan sebuah buku*] kita akan dapat lihat gambar-gambar setinggan di seluruh negara, keadaan setinggan yang sangat daif.

Saya tidak pasti adakah Yang Berhormat Menteri telah berkunjung ke kampung-kampung ini? Tetapi jika sekiranya kita berkesempatan melawat ke kampung ini sebagai satu daripada *gesture* kita untuk menunjukkan kita mengambil berat nasib dan kedudukan mereka, kita akan melihat penyaliran air buangan yang sangat kotor, kedudukan rumah mereka yang sangat tidak terurus dan masalah-masalah sosial termasuk penagihan dadah yang sangat ketara.

Saya tidak pasti bagaimana kita dapat menyelesaikan masalah-masalah ini dengan pendekatan konvensional yang kita ada. Dalam peruntukan bagi tahun 2004, bagi keseluruhan perumahan di seluruh negara, kita hanya memperuntukkan RM550 juta. Dan pada saya ini tidak akan dapat mengatasi beban penduduk yang tidak mempunyai rumah selama ini kerana ini hanyalah untuk meng*entertain* keperluan perumahan semasa ekoran daripada pertambahan penduduk berbanding dengan peruntukan untuk *maintenance* bagi taman-taman. Di Putrajaya di mana kita memperuntukkan dalam bajet kita sebanyak RM150 juta, iaitu lebih kurang satu pertiga daripada peruntukan bagi perumahan negara di seluruh negara.

Bahkan kalau kita tengok satu Kepala di sini, hanya satu "*Token*", iaitu Perumahan Untuk Rakyat Dimiliki hanya 'Token' RM10 diperuntukkan. Saya rasa ini adalah satu ketidakseimbangan yang perlu kita atasi. Kalau kita lihat kepada beberapa negara lain yang menjadi pengeluar minyak, mereka telah memperuntukkan satu tabung khas bagi perumahan dalam satu tempoh yang tertentu. Bahkan kalau kita lihat laporan bulanan Bank Negara, saya lihat satu tabung yang telah kita bentuk pada tahun 1998, iaitu Tabung Skim Khas Peruntukan Rumah Kos Rendah dan Sederhana yang telah dilancarkan pada tahun 1998, yang telah memberikan pinjaman kepada pihak-pihak yang memajukan rumah kos rendah, tetapi sekarang telah pun ditutup.

Saya tidak pasti kenapa kita menutup tabung ini sedangkan keperluan kepada perumahan masih lagi tinggi dan mendesak. Kalau kita lihat prestasi tabung ini, skim ini adalah baik, iaitu sebahagian besar daripada pinjaman ini telah pun dibayar balik dan baki tertunggak hanya ada RM17 juta, dan tidak ada sebab mengapa kita menutup skim ini jika sekiranya kita ingin mengatasi masalah perumahan yang mendesak di seluruh negara.

Saya ada satu cadangan berasaskan kepada pengalaman beberapa negara di Timur Tengah, iaitu kita mempunyai hasil ataupun khazanah yang sangat berharga, iaitu minyak dan gas. Jika kita lihat dalam Laporan Tahunan Petronas bagi tahun 2001 dan 2002, kumpulan Petronas mencatat keuntungan selepas cukai, keuntungan bersih sebanyak RM16 bilion pada tahun 2001 dan RM14,000 bilion pada tahun 2002. Dan



Petronas kita tahu, mempunyai pelaburan dalam pembangunan Putrajaya dengan penglibatan yang begitu besar.

Mengapa tidak bagi tempoh lima tahun yang pertama kita memperuntukkan RM2 bilion daripada keuntungan Petronas sendiri untuk tabung perumahan rakyat kita di seluruh negara, dan daripada RM2 bilion setahun dalam masa lima tahun kita mempunyai RM10 bilion. Kita boleh melaksanakan apa yang dilaksanakan di Saudi Arabia, mereka memberikan pinjaman tanpa faedah jangka panjang kepada penduduk-penduduk miskin dan berpendapatan rendah bagi memperolehi pinjaman mendapatkan rumah kos rendah ataupun kos sederhana.

Dengan cara ini, kita akan dapat mengatasi sebahagian daripada bilangan rakyat yang sebenarnya inginkan perumahan yang baik tetapi mereka tidak mempunyai kemampuan kewangan. Bahkan mengikut laporan ini sendiri apabila dibuat kajian, sebahagian besar ataupun majoriti penduduk setinggan mengatakan, mereka sangat berkehendakkan perumahan yang sempurna. Dengan cara ini, kita dapat mengimbangkan dan kita dapat membina mercu tanda baru. Selain daripada kita dikagumi kerana Putrajaya, kita juga akan dikagumi kerana rakyat kita mempunyai perumahan yang sempurna dan faedahnya jauh lebih besar kepada anggota masyarakat yang lain.

Pada waktu ini, Putrajaya melalui Putrajaya Holdings yang dikongsi 40% ekuiti oleh Petronas, kita membina perumahan yang mewah di sana walaupun permintaannya masih rendah, sedangkan rakyat biasa yang duduk di kawasan-kawasan setinggan memerlukan perumahan yang lebih mendesak. Kenapa tidak kita memperuntukkan RM2 bilion daripada keuntungan Petronas, daripada RM16 bilion keuntungan bersih mereka, tolak RM2 bilion, mereka masih mempunyai keuntungan tahunan RM14 bilion, yang sangat besar.

Dengan cara ini sebahagian besar penduduk yang tidak mempunyai pendapatan yang baik dapat membayar secara ansuran dalam tempoh jangka masa yang panjang, yang membolehkan mereka menyasat perkara tersebut. Peruntukan-peruntukan ini harus diberi mengikut kedudukan senario yang telah saya gambarkan tadi, iaitu di Wilayah Persekutuan, di Selangor, di mana setinggannya adalah begitu tinggi, mesti diberikan keutamaan. Dalam tempoh lima tahun kita merancang satu pelan perumahan yang menyeluruh. Daripada sana kita dapat *supervise* perkembangan dan prestasi daripada agenda perumahan 'Satu Rumah, Satu Rakyat' yang harus menjadi keutamaan negara.

Saya beralih kepada tajuk yang lain iaitu pilihan raya kerajaan tempatan, pada pagi ini telah disentuh oleh Ahli-ahli yang lain. Saya suka menyegarkan semula cadangan ini. Kita telah melihat rungutan yang sangat meluas, di Selangor terutama sekali, berkaitan dengan prestasi kerajaan-kerajaan tempatan dan majlis-majlis bandar raya dan perbandaran. Saya fikir ini berlaku ialah oleh kerana kita tidak mempunyai satu *accountability* yang terus kepada pengguna ataupun rakyat yang tinggal dalam sesuatu kawasan perbandaran. Cara ini boleh diatasi dengan kita melaksanakan pilihan raya pada peringkat kerajaan tempatan.

Kelantan dan Terengganu saya kira harus bersedia untuk menerima dasar ini, jika sekiranya Kerajaan Persekutuan boleh meminda beberapa akta peringkat kerajaan, dan kita akan memulakan satu pilihan raya bagi kerajaan tempatan dan mungkin tarikh pilihan raya ini tidak sama dengan pilihan raya kebangsaan. Kita mungkin boleh adakan lebih lewat dan mungkin tempoh perkhidmatannya, mungkin lebih pendek iaitu tiga ataupun empat tahun bagi seseorang ahli dipilih, termasuk mungkin Yang di-Pertua ataupun pengerusi kerajaan-kerajaan tempatan ini juga dipilih secara pengundian. Dengan cara ini, saya kira rasa tanggungjawab dan *accountability* mereka kepada keperluan penduduk akan lebih mendesak, termasuk menyelesaikan masalah perumahan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya hendak dua orang sahaja lagi, selepas itu Menteri menjawablah. Saya bagi kepada Serdang. Selepas saya tentukan, saya minta Menteri menjawab. Serdang dahulu ya.

3.15 ptg.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tidak setuju pandangan atau hujah daripada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi berkaitan dengan program penempatan semula setinggian di Selangor. Sebenarnya Yang Berhormat tidak tahu apa berlaku di negeri Selangor. Kerajaan Barisan Nasional Negeri Selangor telah melancarkan program penempatan semula, dan kita harap sebelum tahun 2005 setinggian sifat di negeri Selangor, tidak ada modal politik kepada parti pembangkang untuk menggunakan isu ini. *[Disampuk]* Itu sebab kebetulan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Yap Pian Hon:** Sebenarnya kenyataan hujah Yang Berhormat tadi, tidak benar di Selangor. Saya tidak tahu di kawasan-kawasan lain. Tetapi sebagai anak Selangor, memang saya memahami keadaan sebenarnya yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional Selangor, di mana penempatan semula setinggian begitu licin dan lancar.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Yap Pian Hon:** Tetapi sesetengah ada campur tangan daripada isu politik sebab gangguan.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak baik Yang Berhormat, bagi peluang kepada dia.

**Dato' Yap Pian Hon:** ....penempatan semula yang berlaku di negeri Selangor. Inilah satu masalah, kita harap supaya....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masuk Kepala, Yang Berhormat.

**Dato' Yap Pian Hon:** ... program.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Biar Yang Berhormat Menteri jawab nanti.

**Dato' Yap Pian Hon:** Bukan jawab, itu pandangan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hmm.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, Butiran 03100 – Kemajuan Perkampungan. Tuan Pengerusi, objektif kemajuan perkampungan yang digariskan untuk dijadikan kawasan kampung-kampung baru sebagai tempat kediaman manusia yang sempurna dengan menyediakan kemudahan infrastruktur dan sosial, mengubah sikap masyarakat kampung-kampung baru, serta mengintegrasikan pembangunan kampung-kampung baru agar penduduk-penduduknya turut serta dalam arus pembangunan negara.

Pihak kementerian telah menekankan polisi dan pendekatan tentang pembangunan kampung-kampung baru. Saya difahamkan bahawa pihak kementerian telah melantik sebuah syarikat perunding yang menjalankan kajian pelan induk kampung baru bagi memodenkan 452 buah kampung baru di Semenanjung Malaysia.

Tuan Pengerusi, inilah langkah positif yang diambil untuk memberi nafas baru kepada kampung-kampung baru dan patut dialu-alukan oleh masyarakat kampung baru di seluruh Semenanjung Malaysia. Saya berharap bahawa pihak kementerian akan memberi maklum balas secara terperinci tentang pelan induk kampung baru ini, agar masyarakat kampung-kampung baru akan memahami usaha kerajaan dan pihak MCA terhadap pembangunan sosial *[Disampuk]* yang terkini di kampung-kampung baru....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Yap Pian Hon:** ....dan dapat mendedahkan dakyah atau dakwaan palsu parti pembangkang tentang pembangunan kampung-kampung baru. Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hmm! Tidak payah, Yang Berhormat.

**Dato' Yap Pian Hon:** .....saya sebagai salah seorang penduduk dari kampung baru memang faham akan kedudukan kampung-kampung baru yang sebenarnya. Sejarah kepahitan yang dirasakan oleh masyarakat kampung-kampung baru memang nyata. Tetapi nasib masyarakat kampung baru dan keadaan kesusahan telah berubah hasil usaha gigih yang dilakukan oleh pihak MCA dan Kerajaan Barisan Nasional. [Disampuk] Pada kini jauh bezanya keadaan kalau dibandingkan dahulu dengan kini. Perbezaan hendaklah dapat dinyatakan, walaupun ada sesetengah pihak tidak bersetuju dengan perubahan wajah di kampung baru tersebut.

Tuan Pengerusi, sesetengah kampung baru telah ditukar, dijadikan pekan baru berpunca daripada perkembangan dan kegiatan sosioekonomi. Tetapi, ada juga kampung baru yang berada dalam keadaan uzur dan perlu diberi perhatian kepadanya. Pembangunan kampung-kampung baru adalah berasaskan bidang kuasa setiap agensi kerajaan dan bukanlah hanya bergantung kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan semata-mata.

Tuan Pengerusi, perkara ini telah disalah faham oleh sesetengah pihak termasuk parti pembangkang, yang mengatakan pembangunan kampung baru hanya melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sebenarnya, ia melibatkan banyak agensi-agensinya. Contohnya, Tuan Pengerusi, kalau pembinaan balai Polis di kampung baru ialah peruntukan daripada Kementerian Dalam Negeri, tidak boleh saluran daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Kalau kerja menaiktarafkan sungai, melintas kampung itu perlu melalui JPS. Pembahagian tanah dan hak milik rumah dikendalikan oleh kerajaan negeri. Kalaulah penambahan bilik darjah sekolah atau meningkatkan kemudahan sekolah di kampung baru itu hendaklah melalui Kementerian Pendidikan.

Maka Tuan Pengerusi, dengan demikian ini terlibat juga agensi-agensinya yang lain, yang saya tidak sebutkan termasuklah Majlis-majlis Daerah dan Majlis-majlis Perbandaran di mana peruntukan terus disalurkan kepada perkampungan yang diletakkan pentadbirannya, walaupun ada 25 kampung baru yang tidak masuk dalam lingkungan pentadbiran Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah, tetapi juga salurkan daripada agensi lain termasuklah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, inilah seorang tokoh DAP telah salah anggap bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak memberi peruntukan kepada kampung-kampung baru, sebenarnya silap. Kerana mungkin beliau tidak tahu pentadbiran kerajaan atau fungsi kerajaan yang dilakukan, bagaimana untuk membahagikan peruntukan kepada kawasan-kawasan tertentu.

Tuan Pengerusi, ini nyata bahawa pembangunan kampung baru ini melibatkan banyak agensi kerajaan, saya yakin bahawa pelan induk kampung baru yang disediakan oleh pihak kementerian akan menggariskan pelbagai aspek secara sistematik, agar dapat mengkoordinasikan agensi-agensinya kerajaan yang terlibat dalam pembangunan kampung-kampung baru.

Tuan Pengerusi, perkara yang lain, saya merayu kepada pihak kementerian agar mengambil langkah positif terhadap masalah bau busuk yang berpunca dari Pusat Pelupusan Sampah Puchong yang diuruskan oleh *World Wide Landfill Sdn. Bhd.* Keadaan ini telah menjejaskan kehidupan masyarakat tempatan. Saya berharap pihak kementerian akan berunding dengan pihak Kerajaan Negeri Selangor dan memutuskan sama ada Pusat Pelupusan Sampah Puchong ini akan dipindahkan supaya masalah ini dapat diselesaikan.

Saya juga meminta penjelasan daripada pihak kementerian tentang sebab-sebab sesetengah pentadbiran kerajaan tempatan mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki (CF) sementara selama enam bulan, dan seterusnya CF sementara itu dapat dilanjutkan tempohnya sehingga dua tahun yang menyebabkan penyelenggaraan terhadap kemudahan asas kurang memuaskan serta timbulnya rasa kecewa di kalangan rakyat.

Saya difahamkan bahawa pihak kementerian telah mewajibkan pihak berkuasa tempatan menyediakan pusat sehati, iaitu *one stop centre*, dengan izin, bagi melicinkan kerja pemprosesan dan kelulusan Sijil Kelayakan Menduduki. Persoalannya ialah

mengapakah pihak berkuasa tempatan tidak berbuat demikian dan sebaliknya mengeluarkan CF sementara sahaja.

Saya juga bertanya kepada pihak kementerian untuk mempertimbangkan cadangan meminda Akta Pemaju Perumahan serta Peraturan Jual Beli bagi mengelakkan berlakunya masalah rumah-rumah kediaman yang dibina kurang memuaskan. Kunci rumah dan CF hendaklah diserahkan bersama kepada pembeli bagi menyelesaikan pertikaian yang sering berlaku pada masa kini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kota Melaka, selepas ini Yang Berhormat Menteri menjawab.

**3.23 ptg.**

**Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]:** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 050100 – Kerajaan Tempatan. Terlebih dahulu saya ingin membuat sedikit penjelasan berkenaan dengan apa yang saya ucap pagi tadi, oleh kerana ada sedikit kekeliruan nampaknya.

Yang saya maksudkan amalan yang dilakukan oleh Majlis Daerah Jasin di mana sekarang sejak seorang pegawai baru yang datang lebih kurang tiga tahun dahulu, telah mengarahkan supaya pemaju-pemaju tidak boleh lagi menyampaikan pelan landskap mereka melalui arkitek, tetapi sekarang hendaklah disampaikan melalui lanskap konsultant kerana secara lisan beliau mengarahkan supaya lanskap konsultant itu adalah ditetapkan oleh beliau, ini ada cerita di belakangnya dan saya harap siasatan dibuatlah.

Berkenaan dengan masalah banjir kilat di Kota Melaka, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh minta satu laporan terperinci daripada PBT di Melaka, oleh sebab apabila banjir kilat berlaku, baru-baru ini saya telefon Datuk Bandar, PBT Melaka nampaknya sudah seolah-olah *give up hope of trying* oleh sebab begitu banyak tempat dan taman perumahan yang lama, mereka tidak dapat mengatasi masalah, terutama sekali di tempat saya tinggal iaitu di Kampung Lapan.

Datuk Bandar kata jadi 'mangkuk' air semua bertakung di sana, teruklah. *And I don't think they have any way to solving it* dan saya minta supaya Yang Berhormat Menteri boleh meminta satu laporan terperinci dan buatlah, ambillah satu tindakan yang boleh supaya menyelesaikan masalah ini. Yang kedua, ini ialah *consumer* dan saya harap bahawa sebelum pihak berkuasa tempatan melakukan sesuatu projek yang besar, yang boleh menyebabkan kesulitan kepada orang ramai, pandangan orang ramai akan diambil kira.

Saya beri dua contoh, pada tahun lalu apabila kerajaan hendak mendirikan pasar Ramadan, mereka telah tutup sebuah jalan di Kota Melaka iaitu Jalan Gerai Maju, walaupun begitu ramai orang telah membuat bantahan, termasuk peniaga orang Cina, peniaga orang Melayu, termasuk Presiden Persatuan Penjaja-penjaja Melayu iaitu Datuk Mohidan, tetapi nampaknya tiada siapa pun, walaupun beri jelas, ini adalah satu keputusan yang salah, berani mengubah keputusan itu, oleh sebab ada khabar angin mengatakan bahawa ini telah diputuskan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka.

Saya rasa itu bukan faktor yang tunggal oleh sebab saya sentiasa tahu apabila sesuatu cadangan telah dibuat atau keputusan dibuat, kerajaan tidak akan menarik balik keputusan itu atas air muka sendiri, dan ini telah menyebabkan peniaga-peniaga telah mengalami kerugian. Dan tahun ini dua minggu sebelum Tahun Baru Cina, Kerajaan Negeri Melaka mengarahkan supaya majlis tempatan menukar sistem trafik jalan di Melaka, beberapa buah jalan utama dilaksanakan sistem baru dan saya kata tidak pernah saya dengar di mana satu kerajaan sedia berbuat demikian, melakukan perubahan sistem trafik dua minggu sebelum Tahun Baru Cina. Ia dilaksanakan dua minggu sebelum Tahun Baru Cina dan apakah aksi, *just the day before Chinese New Year*. Ini menyebabkan begitu ramai orang mengalami kerugian, oleh sebab walaupun dikatakan perubahan itu baik, orang akan mengambil masa untuk menyesuaikan keadaan yang baru, dan orang yang telah membeli barang stok lebih tidak boleh dijual dan dua minggu tidak ada *business*, kemudian hari pertama pula Tahun Baru Cina.

Saya buat bantahan, saya tulis surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi tidak ada apa yang boleh dibuat, oleh kerana saya tahulah, sebab yang sebenarnya ialah di Melaka, tidak ada siapa pun nampaknya yang boleh menentang Ketua Menteri itu, yang kalau dia hendak buat apa, tidak boleh berbuat apa.

Ada orang cakap dengan saya, pemimpin komuniti Cina kata kepada saya, ada Ahli-ahli Majlis MCA yang mengatakan bahawa Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka itu cadangan dia baik, memanglah siapa boleh lakukan, *just two weeks before Chinese New Year* buat perubahan sistem trafik, tetapi tidak siapa pun berani menyampaikan pandangan saya kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Jadi, bagaimana saya hendak tahu PBT boleh melakukan kerjanya dengan profesionalisme dan berkesan, kalau Yang Amat Berhormat Ketua Menteri selalu mengarahkan sesuatu dibuat mengikut nafsu, saya tahu apabila perubahan sistem trafik dilakukan, hari pertama, hari kedua, kita tidak boleh nampak pun bahawa polis trafik ke tempat itu, oleh sebab Pengerusi Jawatankuasa Trafik adalah OCPD dan dia pun berasa marah, pandangannya tidak dapat diambil kira, pandangannya tidak diminta, mereka tidak mahu bekerjasama, inilah, tetapi siapa yang susah? Rakyat yang susah.

Jadi saya hendak tahulah bagaimana Yang Berhormat Menteri boleh menjaga Pegawai-pegawai PBT supaya mereka boleh melaksanakan kerja mereka dengan bebas tanpa gangguan politik yang tidak munasabah, yang tidak demokratik daripada seorang Ketua Menteri. Dan satu isu lagi iaitu berkenaan sumbangan PBT kepada tabung BN. Saya pernah sebut di dalam Parlimen ini bahawa saya baca laporan Akhbar *Berita Harian* kalau saya tidak silap tarikhnya ialah 14 Mac tahun ini, yang telah melaporkan bahawa ada PBT telah menyumbang wang kepada tabung BN. Saya menelefon pemberita itu, "Adakah awak telah buat kesilapan?", dia kata: "Tidak". Saya buat kenyataan akhbar meminta supaya EXCO Negeri untuk membuat penjelasan, dia diam sahaja.

Semua ahli majlis yang faham bahasa Cina tahu soalan saya, semua diam. Saya bawa soalan dalam Parlimen, Tuan Speaker tolak oleh kerana dia kata ini perihal kuasa negeri, bukan Parlimen. Jadi, saya hendak tahu, bolehkah Yang Berhormat Menteri buat satu siastan dan beritahu kepada Dewan ini? Adakah apa yang dilakukan itu benar atau tidak? Saya rasa ini benar oleh kerana kalau tidak benar, Exco Kerajaan Tempatan memang akan keluarkan kenyataan menafikan apa yang saya telah persoalkan.

Jadi, ini adalah satu perbuatan yang tidak boleh diterima. Bagaimana boleh wang rakyat digunakan untuk menjadikan sumbangan kepada tabung Barisan Nasional? Sebenarnya, sebelum itu pun saya sudah dengar banyak sungutan dan aduan daripada pegawai-pegawai kerajaan di MPBM pada masa itu. Mereka kata kepada saya, Tuan Pengerusi, bahawa Yang Berhormat Ketua Menteri selalu mengambil wang daripada MPBM itu dan membuat sumbangan kepada badan dan agensi lain. Mereka begitu kuarir satu hari tidak cukup wang hendak bayar gaji.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Saya tidak tahulah berapa sumbangan yang telah dibuat oleh pihak berkuasa tempatan kepada badan-badan lain dan terutama sekali kepada tabung Barisan Nasional, oleh kerana saya rasa ini tidak boleh diterima oleh sesiapa. Saya rasa kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahu pun, dia akan marah, tetapi sampai sekarang semua orang diam sahaja. Saya harap akan dapat satu jawapan yang jelas apakah tindakan yang akan diambil oleh Yang Berhormat Menteri.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, ini perkara kecil tetapi pada saya adalah mustahak. Saya dapati bahawa apabila seseorang pemaju menyerahkan projek kepada pihak atau mendapat CF dan menyerahkan ladang atau padang permainan kepada pihak berkuasa tempatan, nampaknya tidak ada *quality control*. Saya dapat aduan daripada penduduk dua taman. Kita tengok padang itu penuh dengan batu-batu, *touch-me-not grass*, anak-anak tidak boleh main. Batu itu semua tidak rata, padang tidak rata dan saya tengok dengan mata saya sendiri, memang tidak boleh. Kalau saya *engineer I'm an engineer anyway* saya tidak akan terima. Tetapi, ini terang-terang boleh diserahkan dan saya tidak tahu macam mana peperiksaan akan dibuat. Saya rasa tidak adil. Saya rasa apabila CF

dikeluarkan, padang permainan ini tidak dimasukkan dalam senarai. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri akan ambil perhatian. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, kementerian menjawab.

### 3.33 ptg.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan telah menyentuh banyak perkara. Oleh kerana banyak perkara secara detail telah dibangkitkan, mungkin saya tidak sempat hendak jawab satu-satu dengan *detail* tetapi, saya jamin selepas ini saya akan mendapatkan Hansard dan kementerian saya akan kaji satu persatu, yang mana kalau saya tidak dapat jawab dengan lengkap hari ini, saya akan melakukan sesuatu yang sesuai untuk memastikan perkara yang dibangkit, kalau berasas, akan diambil tindakan. Dan mana perlu laporan daripada pihak berkuasa negeri atau pihak berkuasa tempatan yang berkenaan akan dapat saya kumpul. Oleh kerana banyak sangat perkara menyentuh pasal bidang kuasa kerajaan negeri dan juga bidang kuasa pihak berkuasa tempatan yang tertentu, memang ianya tidak dapat kementerian saya bagi jawapan hari ini.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah menyentuh tentang tahap kebersihan tandas awam di Malaysia. Pada umumnya, tahap kebersihan tandas awam di Malaysia tidak begitu memuaskan. Ini adalah satu kenyataan. Itu sebabnya kementerian saya telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kebersihan Tandas Awam dan ingin mendapatkan perhatian orang awam supaya kesedaran awam itu boleh ditingkatkan sehingga kita dapat membaiki keadaan kebersihan tandas. Kebersihan tandas ini, kita kena mula daripada budaya, sikap bagaimana rakyat kita berfikir dan menggunakan tandas awam.

Di negeri Jepun, budaya dan sikapnya adalah begitu baik, boleh kita jadikan contoh. Hampir kesemua mereka, bila dia guna tandas awamkah, tandas di mana-mana tempat awam, dia akan pastikan sebelum dia tinggalkan tandas, dia akan bersihkan tandas itu dahulu sebelum orang berikutnya masuk, kerana dia percaya, kalau dia buat demikian, orang yang kemudiannya dapat satu keadaan yang bersih. Kalau orang yang sebelum dia pun buat demikian, orang itu akan dapat menikmati satu keadaan tandas yang bersih. Itu memang satu budaya yang sangat berjaya di Jepun. Jadi saya berhasrat bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya Malaysia nanti, mudah-mudahan boleh. Kita banyak kali dengar 'Malaysia Boleh' tetapi dari segi kebersihan tandas awam ini masih tidak boleh. Ini satu perkara yang kita kena usaha sama.

Mengenai pembinaan antena komunikasi di kawasan Majlis Perbandaran Johor Bharu Tengah, pembinaan sektor komunikasi mestilah dilaksanakan berdasarkan kepada satu garis panduan. Garis panduan ini telah dirangka, dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dan telah diluluskan melalui Majlis Negara Kerajaan Tempatan dan telah diguna pakai. Jadi, syarikat yang membina menara perlu berurusan terus dengan pihak berkuasa tempatan bagi mendapat kebenaran kelulusan. Pihak berkuasa tempatan akan memberikan kelulusan sekiranya permohonan meliputi syarat-syarat seperti yang terkandung dalam garis panduan.

Sepanjang ingatan saya, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia telah membuat kajian yang terperinci dan mereka telah memberitahu kepada kerajaan, bahawa apa yang telah mereka masukkan dalam garis panduan itu telah mengambil kira tahap kesihatan rakyat. Jadi, kalau apa-apa yang ikut garis panduan itu memang tidak payah kita bimbang dari segi kesihatan rakyat. Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga sentuh tentang balai bomba di Taman Universiti Johor.....

**Puan Chong Eng:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Mengenai alat pemancar dan menara telekomunikasi ini, saya rasa Yang Berhormat Menteri sendiri pernah memberitahu Dewan ini bahawa hanya 27% semua menara yang di dalam negara ini diluluskan oleh pihak kerajaan tempatan. Di Pulau Pinang juga, sebanyak 90% semua alat pemancar dan juga menara telekomunikasi tidak diluluskan oleh MPPP

atau MPSP dan keadaan ini telah lama wujud, bukan tahun ini atau tiga bulan sahaja. Ada yang wujud sejak tahun 1995 dan dikatakan pelan telah dimasukkan untuk kelulusan tetapi sampai pada hari ini belum diberi kelulusan dan keputusan tidak dibuat.

Jadi, kita lihat bahawa yang tidak diluluskan itu tidak diambil tindakan. Oleh sebab itu, yang baru telah dibina. Jadi, semakin lama semakin banyak dan ini saya rasa telah mengakibatkan keyakinan *public* ataupun orang awam terhadap MPSP dan majlis perbandaran itu telah semakin lama semakin nyaris. Kita tidak percaya lagilah sama ada kerajaan tempatan boleh berfungsi sebagai satu badan penguat kuasa. Jadi, kita lihat ada pegawai penguat kuasa majlis di Kuala Lumpur, MPPJ yang menangkap *illegal hawkers* itu, ataupun penjaja ingin lawan dengan pegawai penguat kuasa kerana mereka akan bertanya: "Mengapa di bidang ini awak tidak ambil tindakan tetapi terhadap saya awak ambil tindakan"?.

Jadi, *non-compliance* ini kalau kita biarkan begitu, kita akan menggalakkan aktiviti-aktiviti yang haram dan juga seolah-olah kita akan menggalakkan orang lain mengambil tindakan undang-undang 'dalam tangan' mereka. Jadi, saya meminta Menteri memberi satu jawapan, bagaimana atau apakah tindakan yang kementerian Yang Berhormat boleh ambil supaya ini boleh diselesaikan. Terima kasih

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, perkara yang dibangkitkan itu semuanya di bawah urusan MPPP yang disebut iaitu pihak berkuasa tempatan. Kalau ada apa-apa aduan tidak puas hati pun, kerajaan negeri. Ia tidak sampai ke peringkat kementerian. Kalau kita hendak bincang semua hal di bawah ini, Dewan ini bagi saya tiga hari pun tidak dapat diselesaikan. Nampaknya saya kena berdasarkan bidang kuasa kementerian saya.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah membangkitkan tentang pembinaan balai bomba di Taman Universiti, Johor dan Nusajaya. Pada peringkat awal di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, Jabatan Bomba memang telah meluluskan pembinaan sebuah balai bomba di Taman Universiti, Johor. Walau bagaimanapun, setelah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan, projek ini nanti akan dikemukakan tetapi saya sudah tidak tahu kerana masalahnya ialah peruntukan yang terhad.

Kalau sekiranya peruntukan yang tidak mencukupi ini adalah satu keadaan yang tidak dapat kita atasi pada masa kini, kita akan cuba meneruskan projek itu di bawah Rancangan Malaysia yang kemudian. Walau bagaimanapun, kita akan cuba setakat mana kita boleh bantu. Ini adalah sesuatu yang di luar kawalan kementerian saya, dari segi peruntukan.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah sentuh tentang penanaman pokok dan Kempen Menanam Pokok. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah menetapkan sasaran supaya kita hendak menanam 20 juta batang pokok menjelang tahun 2020. Sehingga akhir tahun lepas, kita telah berjaya menanam hampir 4 juta pokok. Usaha ini akan diteruskan sampai kita berjaya.

Yang Berhormat bagi Mambong, nampaknya beliau banyak tahu dan kaji tentang loji *incinerator* yang telah kita bahaskan dan beliau juga beri pandangan yang membina. Memang perkara yang dibangkitkan adalah sesuatu yang memerlukan perhatian kementerian saya. Kementerian saya telah membuat cadangan supaya jalan utama Kajang - Semenyih ataupun jalan pintasan baru Bandar Semenyih dibina sekiranya projek itu dapat dijalankan untuk mengurangkan kesesakan jalan raya.

Di samping itu, kementerian saya juga akan mencadangkan supaya jalan Broga - Semenyih turut dilebarkan. Walau bagaimanapun, semua ini tertakluk kepada kajian lanjut EPU dan agensi-agensi yang berkaitan seperti mana saya kata, projek ini adalah satu keputusan kolektif di mana banyak agensi akan terlibat untuk memastikan ia akan dapat mengatasi semua masalah yang timbul nanti.

Kementerian saya juga sedia maklum bahawa terdapat sebilangan besar tapak pelupusan di PBT yang mencemarkan air bawah tanah. Sehubungan itu, rancangan telah disediakan untuk membina tapak pelupusan *sanitary* di seluruh negara di tempat yang sesuai untuk meminimumkan pencemaran. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pembinaan

tapak pelupusan *sanitary* baru di seluruh negara akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut kemampuan kewangan negara.

Tadi saya hendak kaitkan ini juga dengan Yang Berhormat bagi Serdang, ada sebut pasal tapak pelupusan di Puchong. Memang tapak pelupusan Puchong, lokasinya itu sudah dekat sangat dengan *population*, dengan izin. Jadi, terdapat bau busuk dan sebagainya. Memang ia menjadi satu masalah dan ia telah mendapat perhatian kementerian dan juga Kerajaan Negeri Selangor sedang mencari alternatif. Apabila kita dapat *sanitary landfill* yang baru di tempat yang sesuai dan lebih besar dan sebagainya, pada satu masa yang sesuai, tapak pelupusan Puchong itu akan ditutup. Jadi, buat sementara waktu dalam masa kita belum ada tempat gantian, ianya akan diteruskan.

Kerajaan juga dengan kerjasama Kerajaan Jepun melalui JICA telah pun melalui rundingan supaya menjalankan kajian berkaitan dengan kaedah menutup tapak pelupusan yang telah penuh dengan teratur. Dalam kajian ini, kita sedang buat kajian tersebut dan punca-punca pencemaran juga akan dikaji dan kenal pasti daripada tapak tersebut.

Memang satu pelan induk pengurusan sisa pepejal itu sudah ada. Pelan Kajian Strategik Pengurusan Sisa Pepejal adalah pada peringkat akhir persiapan. Ia akan menjadi dokumen bagi menentukan polisi dan *framework* untuk pengurusan sisa pepejal di masa hadapan. Ini juga menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Tanjong. Laporan bagi kajian tersebut adalah menyeluruh di mana ia telah mempertimbangkan beberapa teknologi yang sesuai untuk digunakan di negara ini seperti tapak pelupusan *sanitary*, stesen pemindahan *incinerator*, loji *composting* dan *material recovery facilities*.

Bagi jangka pendek, terdapat tapak pelupusan sedia ada di PBT masih boleh digunakan lagi. Walau bagaimanapun, kerajaan telah mempunyai perancangan untuk membina tapak pelupusan *sanitary* dan *incinerator* seperti mana yang kita sedang bahaskan ini. Sebagai sebahagian daripada perancangan untuk menguruskan sisa pepejal ini, Kempen Kitar Semula memang adalah satu perkara baru. Rakyat Malaysia masih tidak berapa biasa dengan kempen ini, tetapi kesedaran telah meningkat dengan ketara. Ramai rakyat sudah tahu kitar semula itu adalah baik, perlu kita buat tetapi mereka masih hendak cari jalan keluar yang senang. Bila dia ada sampah-sarap, dia buang sahaja, dia tidak mahu buat sesuatu *extra* untuk kitar semula.

Kementerian telah menjangkakan bagi tempoh 20 tahun iaitu seperti Denmark, Germany dan sebagainya telah mencapai sasaran iaitu 22% bahan buangan itu dapat dikitar semula. Jadi, sasaran kita pun 22% dan diharap boleh dicapai menjelang tahun 2020 iaitu Malaysia jadi negara maju. Orang sudah maju, kita masih tidak maju dari segi kebersihan dan masalah sampah ini. Kementerian saya sedar....

**Tuan Chang See Ten:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Gelang Patah bangun.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang sama ada kementerian akan merancang supaya kita melarang penggunaan beg plastik yang mana beg plastik susah hendak dimusnahkan. Kalau ditimbus di bawah tanah, di *sanitary landfill* pun tidak dapat dimusnahkan selama-lamanya. Sama ada kita ada kaedah lain seperti Yang Berhormat Menteri kata kita hendak ikuti Sweden dan negara maju yang telah dapat mengurangkan sisa pepejal sampah-sarap. Mereka sudah menggunakan kaedah beg kertas dan di Switzerland, cuma boleh beli beg sampah daripada pihak berkuasa tempatan sahaja supaya jika mereka perlu beli, mereka akan kurangkan sampah-sarap mereka dan ini adalah satu kaedah untuk *refuse deduction*. Minta penjelasan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, memang adalah dalam pelan induk kita nanti, apabila penswastaaan pengurusan sisa pepejal ini dilaksanakan dan Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal juga diluluskan dan pelan induk ini boleh dijalankan secara berperingkat. Sampai satu tahap, bila rakyat sudah siap sedia, sikap pun sudah boleh terima bahawa dengan undang-undang, kita kena wajibkan mereka buat sesuatu. Masa itu kita akan timbang, katakan beg plastik, bagaimana kita tidak menggalakkan lagi dan tadi, Yang Berhormat bagi Mambong telah kata, siapa yang buang banyak, dia kena bayar banyak.



Itu memang ada kaitan. Bukan sahaja Switzerland, saya pernah buat satu lawatan kerja ke Taipei. Taipei dia berjaya, dia punya Mayor baru, Mayor Ma, telah mengenakan satu polisi, kalau orang hendak buang sampah dia kena bayar, gunakan plastik sampah biasa. Kalau dia kitar semula bahan-bahan yang boleh kitar semula, dia masuk dalam beg kitar semula, itu semua percuma, dikutip oleh satu lori yang lain. Jadi siapa buang dengan beg sampah, dia kena bayar.

Jadi dengan cara itu dan dengan kempen itu, Bandaraya Taipei banyak sampah telah dikurangkan. Orang sudah tidak mahu bayar, jadi dia kitar semula. Nampaknya dia ada 'carrot' atau 'stick' dua-dua, macam mana hendak pakai. Ini semuanya di Malaysia kerajaan sentiasa penyayang. Kita tidak paksa orang sangat. Biar terima dahulu. Kalau kita paksa nanti pembangkang ada peluanglah. Jadi semuanya apa yang baik dan sesuai kita akan buat pada masa yang tepat.

Tuan Pengerusi, mengenai di Pulau Pinang, Yang Berhormat bagi Tanjong tanya sama ada insinerator, tapak pelupusankah akan dibuat di Pulau Pinang. Pulau Pinang juga merupakan satu tempat yang menghadapi masalah yang serius dari segi sampah kerana pulau itu telah pun dibangunkan dengan begitu pesat, tidak ada lagi tanah yang cukup luas, cukup kosong dan jauh daripada penduduk. Jadi, di Pulau Pinang kerajaan sedang mengkaji kemungkinan untuk adakan insinerator. Tetapi ini tetap kita buat kajian *feasibility* terlebih dahulu untuk tengok kalau hendak buat di mana dan kalau hendak buat kita tidak gunakan insinerator yang dikatakan berisiko tinggi. Kalau hendak buat, ia akan melibatkan teknologi yang berisiko rendah, bukan berisiko tinggi.

Tuan Pengerusi, bagi tapak *sanitary landfills* saya sudah sebut tadi, yang ada di Pulau Pinang memang reka bentuk tapak *sanitary landfills* tersebut kita dapat maklumat bahawa kalau dapat lebih lengkap ialah supaya ada kemudahan kolam rawatan *liquate* yang lengkap, maka *sanitary landfills* itu akan jadi lebih lengkap. Saya akan dapatkan *detail* yang lebih lanjut, tengok kedudukan di Pulau Pinang mengenai tapak pelupusan *sanitary* yang disebut itu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tanjong ada sebut tentang Bangunan Warisan. Setakat ini kementerian saya telah memberi RM10 juta peruntukan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan juga RM10 juta kepada Majlis Bandaraya Melaka untuk melaksanakan Projek Pemuliharaan Bangunan Warisan milik kerajaan dan dari pemantauan, projek ini sedang dijalankan, dijangka projek ini akan siap selewat-lewatnya pada awal tahun depan.

Setakat ini semua urusan mengenai kawasan Bangunan Warisan sama ada akan disenaraikan dalam senarai UNESCO, kami difahamkan usaha sedang dijalankan oleh kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, kami akan dapatkan lagi maklumat selanjutnya iaitu memasukkan Melaka dan Georgetown ke dalam senarai UNESCO adalah masih dalam cadangan dan usaha-usaha sedang dijalankan oleh kerajaan negeri dan PBT yang berkenaan. Bagi usaha memperkuat usaha memelihara bangunan-bangunan yang mempunyai nilai-nilai sejarah dan seni, kementerian saya sedang berusaha untuk meminda sekali lagi Akta Perancangan Bandar dan Desa supaya akta ini boleh membantu untuk melindungi dan memelihara bangunan-bangunan warisan. Ini juga adalah satu pindaan yang tidak lama lagi kita akan bawa. Apabila lulus daripada Jemaah Menteri, kita akan bawa ke Parlimen.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian saya melalui Jabatan Lanskap Negara ada bantu pihak berkuasa tempatan kalau sekiranya ada dipohon untuk menaikkan taraf taman-taman awam termasuk taman kejuruan yang mempunyai alat-alat permainan kanak-kanak. Sebahagian lagi taman dibangunkan sendiri oleh PBT. Kalau semua ini apabila dibangunkan, ianya di bawah jagaan PBT. Saya tidak dapat jawab ini dengan *detail* kerana saya sebut awal-awal lagi perkara ini banyak di bawah PBT.

Yang Berhormat bagi Tambun telah sentuh tentang Rancangan Struktur Ipoh. Konsep bantahan awam adalah untuk memberi peluang orang awam bersama-sama merancang dan memberi cadangan atau membantah di mana tidak setuju. Pertimbangan terletak kepada keputusan Jawatankuasa Bantahan Awam yang ditubuhkan di peringkat negeri iaitu Jawatankuasa Perancang Negeri. Peluang mendengar bantahan dan cadangan memang diberi dan apabila keputusan dibuat, ianya akan dibuat oleh

Jawatankuasa Perancang Negeri dan jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Bagi peluasan kawasan Rancangan Struktur Ipoh, kami difahamkan peluasan adalah untuk menampung pertumbuhan bandar dan gambaran pembangunan sehingga 20 tahun akan datang dapat sama-sama diteliti oleh masyarakat dan pihak kerajaan. Rancangan Struktur Ipoh hanya menunjukkan kesesuaian pembangunan tanah masa hadapan. Kesesuaian pelaksanaannya bergantung kepada kemampuan kewangan dan sumber-sumber pihak kerajaan dan PBT.

Saya dengar tadi Yang Berhormat bagi Tambun ada sebut fasal kampung-kampung tersusun, kampung-kampung tradisional. Kalau kampung-kampung ini adalah di bawah jagaan Majlis Bandaraya Ipoh, seperti disebut tadi, saya cuba hendak bantu. Kalau dapat bawalah beberapa cadangan kepada kementerian saya kerana kalau kampung-kampung itu memang dalam keadaan yang perlukan bantuan, kementerian saya akan cuba bantu.

Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut Akta Kerajaan Tempatan, PBT dibenarkan melibatkan diri dalam perniagaan. Namun demikian, PBT berkenaan perlu mendapat kelulusan dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri. Tentang jenis perniagaan dan projek serta projek yang akan diceburi bagi menentukan ia sesuai dan mengelakkan sebarang kemungkinan yang boleh merugikan PBT. Jadi dalam hubungan ini, Majlis Perbandaran Ipoh boleh melibatkan diri dalam perniagaan dan bergantung kepada kelulusan Kerajaan Negeri Perak.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, terdapat dua kaedah pewartaan kawasan PBT. Yang pertama, kawasan operasi biasanya dikenakan cukai taksiran ataupun cukai pintu, diberi perkhidmatan kutipan sampah, projek pembangunan dan lain-lain. Ia bergantung kepada kemampuan kewangan PBT. Yang kedua, kawasan kawalan. Kawasan ini diletak di dalam kawasan pentadbiran PBT bagi maksud kawalan pembangunan sahaja. Cukai pintu tidak dikenakan. Jadi itu yang saya sebut tadi apabila dia tidak kutip cukai, ia hanya kawal pembangunan, maka peruntukan untuk beri kepada kawasan seperti ini memang mempunyai peruntukan terhad.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Serdang telah menyentuh, saya hendak mengucapkan terima kasih, beliau adalah seorang yang sangat ambil tahu dan prihatin tentang kampung baru. [Tepuk] Memang dia tahu kerana dia bukan sahaja anak kampung baru, beliau juga banyak terlibat dalam perancangan kampung baru. Di negara kita memang ada banyak kampung-kampung baru yang sudah pun dinaikkan taraf dari segi kemudahan infrastruktur, kemudahan awam dan sebagainya, sampai kampung-kampung baru berkenaan tidak sama dengan kampung baru dahulu lagi, ia sudah macam pekan baru, pekan yang besar. Kalau ada lagi kampung-kampung baru yang ketinggalan, kementerian saya tetap akan terus membantu sehingga kampung-kampung baru yang berkenaan itu sekurang-kurangnya dapat membaiki kemudahan asas dan sosialnya, supaya orang kampung boleh duduk dalam keadaan yang selesa.

Bagi setinggan, Yang Berhormat bagi Serdang telah banyak membantu menjawab soalan tentang Kerajaan Negeri Selangor, apa yang beliau tahu. Saya juga ingin memberitahu bahawa apa Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah sebutkan dari segi bilangan, berapa ramai penduduk setinggan. Sebenarnya banci telah dijalankan oleh kementerian saya melalui universiti-universiti yang mendapat projek penyelidikan itu. Dengan kajian itu, kementerian saya dan agensi-agensi lain, Kerajaan Persekutuan telah merancang banyak projek perumahan rakyat untuk menempatkan setinggan. Rumah setinggan yang paling banyak terdapat di negara kita ialah di Lembah Klang, ....

**Beberapa Ahli:** [Tepuk]

**Dato' Seri Ong ka Ting:** .... iaitu di Kuala Lumpur dan di Selangor, tetapi ini bukan kesilapan kerajaan, kerana di sinilah paling banyak peluang pekerjaan dan perniagaan. Jadi, ramai mereka yang berhijrah datang ke Kuala Lumpur dan Lembah Klang, ramai yang datang dari Kelantan dan Terengganu, jadi, bila sampai di sini, kita tidak kira mereka siapa, mereka disahkan sebagai penduduk setinggan. Di Kuala Lumpur sudah ada projek perumahan rakyat di bawah MTEN, yang diusahakan oleh Jabatan Perumahan

Negara dan juga sekarang ini di negeri Selangor, banyak juga projek yang diusahakan oleh Jabatan Perumahan Negara dan juga Syarikat Perumahan Negara.

Satu wawasan telah diadakan dan diharapkan menjelang tahun 2005, di Lembah Klang sekurang-kurangnya kita dapat menempatkan, kalau tidak sifar pun, hampir sifar, semua penduduk setinggan ini dalam projek perumahan kerajaan. Di bawah projek MTEN, diusahakan oleh Jabatan Perumahan Negara, mereka ditempatkan di unit perumahan yang baru; tiga bilik dan dua bilik air dan keluasannya ialah 650 kaki persegi dengan sewa bulanan hanya RM124. RM124 bilik sebenarnya kalau hendak kata untuk menyelenggara perumahan itu pun kadang-kadang tidak cukup. Ini menunjukkan kerajaan sudah banyak memberi subsidi untuk membantu penduduk di kawasan setinggan. Jadi, ini adalah satu usaha kerajaan yang murni, yang sepatutnya dipuji bukannya hendak menyalahkan kerajaan.

**Puan Fong Po Kuan:** [Bangun]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [Bangun]

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Hendak beri pada siapa? Tiga orang yang bangun.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Untuk mencapai setinggan sifar, *zero squatter*, saya nampak ada taktik-taktik yang tertentu yang digunakan oleh kerajaan negeri. Seperti contoh, Kampung Baru Pusing Zon B, di mana penduduk telah tinggal di sana lebih daripada 50 tahun, tanah tidak diberi kepada mereka walaupun permohonan telah dibuat dan tanah diberi kepada pemaju untuk mendirikan rumah di situ, tanpa sebuah pun rumah kos rendah. Saya rasa kalau kerajaan prihatin bukan cara sedemikian digunakan. Untuk hapuskan setinggan, tanah diberi kepada pemaju.

Jadi, saya minta pandangan berkenaan dengan perkara ini dan bagaimana untuk mengatasi masalah ini? Bukan dengan cara *short cut*, ingin menjadikan setinggan, tidak payah berurusan dengan kerajaan negeri lagi, berurusan dengan pemaju. *This is a parameter ready between the squatters and the developer*. Saya pohon pandangan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, kita kena tengok betul-betul setinggan yang *genuine*, yang ditakrif sebagai setinggan betul-betul dan setinggan yang baru. Apa yang kita buat ini, banci pada suatu ketika telah ada supaya satu *cut of date* diadakan, iaitu orang yang sudah duduk di situ lama, sejak dahulu lagi, tetapi tanah itu bukan dimiliki oleh mereka, kebanyakan tanah ini sama ada tanah kerajaan atau swasta, maka kita rasa ini adalah orang yang duduk di sana lama dan kita rancang projek perumahan untuk menempatkan semula mereka.

Tetapi, ada juga tanah-tanah yang dimiliki oleh orang kemudian dicerobohi oleh sesetengah orang. Saya tidak kata apa Yang Berhormat kata itu, saya tidak tahu latar belakangnya, saya cuba hendak bagi satu prinsip. Bila kata ada rumah untuk orang setinggan, jadi mungkin ada setinggan baru yang dia hendak pergi menceroboh tanah orang lain, dia kata dia pun setinggan. Jadi, dalam banci kita ada satu *cut of date*. Okay, dalam projek pembangunan swasta ....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [Bangun]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [Bangun]

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Nanti, dalam projek pembangunan swasta kalau tanah itu dimiliki oleh orang, dia ada hak untuk ambil balik tanah itu. Selalunya kerajaan ...

**Tuan Pengerusi:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Bagi saya habiskan penjelasan dahulu. Selalunya kerajaan..

**Tuan Pengerusi:** Duduk dahulu, Yang Berhormat bagi Sri Gading ya.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Sekejap ya. Biasanya kerajaan akan cari jalan menyelesaikan penempatan setinggan dahulu. Dalam keadaan ini, saya kurang pasti, saya

kena semak. Tetapi apa yang saya terangkan tadi semuanya kita pastikan setinggan semuanya dijamin tempat duduk, baru kita suruh dia pindah dan buat rumah.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, yang mana dahulu?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tadi, yang Sri Gading.

**Tuan Pengerusi:** Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kerajaan Barisan Nasional memang kerajaan yang payah hendak ditandingi di dunia ini. *[Disampuk]* Tujuan kerajaan, setinggan sifar, satu tujuan dan projek yang sangat baik.

**Tuan Pengerusi:** Ya, soalnya Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Petang-petang ini Tuan Pengerusi, mukadimah sedikit Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, baiklah, bolehlah. Sudah cukuplah taklimat itu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tadi, Yang Berhormat Menteri kata, kita telah melayan setinggan-setinggan dengan begitu baik. Memang kita akui bahawa setinggan di negara ini mendapat belaian - saya gunakan bahasa belaian - oleh kerajaan dengan penuh keadilan. Diberi api, air dan diberi jalan dan ini menunjukkan bahawa kerajaan ingin rakyat negara ini hidup dalam keadaan yang penuh keselesaan dan usaha memang sentiasa dijalankan untuk menyelesaikan masalah setinggan. Kita mengalu-alukan setinggan daripada mana-mana. Macam Yang Berhormat Menteri kata tadi, di Lembah Klang ini tidak dapat hendak dielakkan daripada kebanjiran setinggan kerana di sinilah punca rezeki yang banyak, yang boleh diperolehi oleh rakyat seluruh negara. Jadi, tidak hairanlah dari Terengganu dan Kelantan yang banyak datang. Yalah apa hendak buat, negeri Kelantan, "Siti Cik Kembang" apa semua, tidak dapat cari makan.

Saya rasa macam mana agaknya Yang Berhormat Dato' Menteri? Kalau Kelantan dan Terengganu ini, kalau kita dapat perintah balik, saya rasa dapat mengurangkan jumlah setinggan di Kuala Lumpur ini kerana apabila Kerajaan Barisan Nasional memerintah di kedua-dua negeri ini, kita boleh menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan ekonomi dan memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat di kedua-dua negeri ini. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri apa yang saya sarankan ini supaya sedarlah sedikit Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang terutama PAS daripada Kelantan ini janganlah hendak cakap banyak. Engkau gagal memerintah dua negeri ini. Itu sebablah kebanjiran setinggan di Wilayah Persekutuan yang menjadi beban pula kepada Barisan Nasional di peringkat pusat ini. Terima kasih Tuan Pengerusi. Maaf sahaja Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Sri Gading memang beliau berpengalaman dari segi politik. Dia tahulah kalau siapa yang menjadi pentadbiran akan jadi lebih baik potensi, ekonomi baik. Saya rasa logik betul. Ini yang kita harapkan kalau Kelantan dan Terengganu nanti dapat ditadbir oleh Kerajaan Barisan Nasional kita akan buat lebih banyak rumah di situ.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi penjelasan Yang Berhormat tadi, kita dapati bahawa tumpuan hanya diberikan kepada Selangor. Kalau ikut laporan setinggan ini wujud di merata-rata tempat termasuk di Pulau Pinang.

Saya telah sebut kalau Yang Berhormat pernah melawat kawasan-kawasan ini mereka tidak bercakap bahasa Kelantan. Di Pulau Pinang adalah nelayan yang telah

dihilangkan punca pendapatan mereka dan dalam laporan ini Tuan Pengerusi, ada sejarah kampung-kampung setinggan ini.

**Seorang Ahli:** Yakah?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ada sejarah dan dari mana mereka datang. Janganlah kita hendak ambil publisiti murah macam Yang Berhormat bagi Sri Gading. Untuk menghilangkan tanggungjawab kita menyelesaikan, berapa peratuskah mengikut rekod Yang Berhormat setinggan ini telah dikurangkan, kalau kita dengar tadi, hampir sifar. Tetapi, kalau kita berjalan di merata-rata masih ramai orang duduk di rumah setinggan. Macam mana hendak sifar dan berapa peratus pencapaian telah dilaksanakan dan kalau boleh di seluruh negara bukan sahaja di Selangor masalah ini wujud. Di Sabah 144,000 orang, di Johor di kawasan Tebrau, Sri Gading pun ramai setinggan duduk dalam itu. Jadi, saya hendak tahu pembangunan yang menyeluruh, yang dirangka oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, kerajaan memang memandang serius dan ada niat, ada usaha dan bahasa untuk mengatasi serta membantu semua setinggan di seluruh negara. Suatu Jawatankuasa Hal Ehwal Setinggan untuk membantu setinggan ini telah pun ditubuhkan di suatu ketika dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, dan jawatankuasa ini bermesyuarat untuk melihat masalah di seluruh negara berdasarkan banci dan apa yang ada.

Saya tidak kata orang duduk di mana, itu dia tiada kaitan dengan orang duduk di mana, sama ada dia di Pulau Pinang ataupun di mana, kalau ada masalah ini kita selalunya berbincang dengan kerajaan negeri. Jadi, kalau kerajaan negeri dia ada tapak yang sesuai dia minta peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, jadi kita bincang sama ada dilakukan sebagai PPR disewa atau PPR dibeli. Ini memang satu usaha atau satu dasar yang baru diamalkan tidak lama dahulu, sebelum itu kita bagi pinjaman kepada kerajaan negeri dan kerajaan negeri kena cari tanah, kena buat subsidi supaya dia kena bina dan jual. Lepas itu banyak kerajaan negeri berhutang dengan Kerajaan Persekutuan tidak mampu hendak bayar di bawah PAKR.

Jadi, sekarang Kerajaan Persekutuan terus ambil alih semua dengan tidak payah lagi kita bagi pinjaman. Nanti kerajaan negeri pula kata mahu subsidi banyak. Kita gunakan konsep PPR disewa atau dimiliki. Tadi secara keseluruhannya, secara ringkasnya kalau setinggan itu ada dalam rekod, Kerajaan Pusat akan cuba hendak membuat sesuatu dengan kerjasama kerajaan negeri kerana tanah itu adalah kerajaan negeri yang uruskan. Mereka kena cadangkan tapak, mereka kena bagi bantuan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kubang Kerian bangun pulak.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak nampak lagi rancangan itu. Negeri Perak macam mana, Johor macam mana. Pulau Pinang berapa, peruntukan berapa. Berapa peratus akan selesai, bila akan selesai tidak nampak lagi.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Kalau cakap *general* macam itu semua orang boleh cakap.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah, okey. Ya, sila.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya sudah kata, semua kerajaan negeri ada rancangan. Kerajaan negeri ada rancangan dia datang berbincang dengan Kerajaan Persekutuan. Jadi, kerajaan negeri juga memainkan peranan yang penting. Ada juga kita bincang dalam Majlis Perumahan Negara dan apabila saya panggil mesyuarat itu semua kerajaan negeri datang. Biasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri yang ada wawasan bagi negerinya.

Jadi, kalau hendak kata selesai sekali gus, dia akan melibatkan banyak peruntukan dan banyak tanah. Saya rasa yang penting ialah kerajaan ada niat, ada hasrat dan untuk mengatasi semua masalah ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kepong, ya.

**4.17 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi. Tadi saya berminat dengan jawapan daripada Yang Berhormat mengenai PPR yang dikatakan ada disewa dan dijual. Setahu saya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak dijual. Disewa sahaja. Mungkin ada dasar yang baru, yang ditetapkan oleh pihak kementerian ataupun pihak MTEN yang mula-mula cadangkan konsep PPR itu. Dia datang dari MTEN bukan dari kementerian. Ya, pertanyaan yang pertama.

Yang kedua, di dalam bajet ini dikatakan pembinaan rumah-rumah kos rendah akan kebanyakannya diambil alih oleh pihak kerajaan. Adakah ini satu dasar yang baru kerana pada suatu ketika kita hendak galakan pihak swasta untuk membina banyak rumah kos rendah, tetapi ada halangan-halangan yang tertentu termasuk di dalam kerajaan-kerajaan negeri yang tidak dapat menunaikan projek ataupun melaksanakan projek-projek yang ditetapkan kadangkala kerana tanah tidak betul, ataupun lokasi yang tidak baik dan sebagainya. Saya memang setuju di dalam beberapa perkara pihak Kerajaan Pusat mesti mengambil alih. Tetapi adakah dasar sekarang yang hanya menumpukan kepada pihak kerajaan terutamanya Kerajaan Persekutuan untuk membina rumah kos rendah dan kita tidak menggalakkan pihak swasta untuk berbuat demikian. Adakah dasar yang baru?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, projek MTEN yang dirancang dan dicadangkan oleh MTEN dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara di bawah kementerian saya. MTEN hanya buat kajian, buat cadangan dan juga mengkaji tentang ekonomi tetapi projek agensi pelaksanaan adalah kementerian saya.

Yang di Kuala Lumpur, semua projek MTEN yang 24 projek itu adalah untuk disewa. Tidak ada satu pun projek untuk dimiliki kerana saya kena terangkan. Rumah ini dibina oleh kerajaan untuk menempatkan setinggan kerana setinggan ini kalau dia betul-betul *genuine* dia duduk di perumahan ini untuk satu tempoh, contoh untuk lima tahun dia masih di situ kita tahu dia *genuine*.

Tetapi ada juga setinggan, walaupun dia setinggan, kita pergi tengok dia ada ASTRO, ada beberapa buah kereta besar, kita suruh dia duduk flat, dia tidak mahu. Kalau macam itu, jika kita jual awal-awal nanti yang mampu beli ialah orang yang mampu. Tetapi orang setinggan yang tidak mampu tetap tidak mampu. Dia tidak boleh beli.

Jadi, lebih selamat kita sewa semua dan tempatkan mereka. Kita tengok untuk tempoh lima tahun tengok apa jadi. Baru kita tahu siapa dia yang betul-betul perlukan perumahan rakyat macam ini. Jadi, kalau kita awal-awal jual - bahaya. Orang yang mampu sudah beli, orang tak mampu tetap tak mampu. Ini dari segi dasar, saya ingat cukuplah Tuan Pengerusi.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ya, hendak beri jalan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya tak bagi jalan.

**Tuan Pengerusi:** Dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Bagi saya teruskan penerangan.

**Tuan Pengerusi:** Sila. Sila. Teruskan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [Menyampuk]

**Tuan Pengerusi:** Dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Jumlah PPR di bawah Rancangan Malaysia Kelapan yang diusahakan oleh Jabatan Perumahan Negara bilangan unit adalah berjumlah 94,861 unit yang menelan belanja RM2.599 bilion. Banyak kita bina. Ini 94,000 lebih adalah terdiri daripada projek MTEN 52 iaitu 54,679 unit. Program Perumahan Rakyat Disewa ada

enam projek iaitu 7,991 dan Program Perumahan Rakyat Disewa dasar baru 25 sebanyak 3,650 unit dan PAKR (Projek Perumahan Awam Kos Rendah) 74 projek melibatkan 28,541.

Yang Berhormat bagi Kepong ada menyebut mengenai baru-baru ini ada pengumuman bahawa SPN juga akan memainkan peranan yang besar. Sebenarnya, SPN memainkan peranan yang besar itu sangat baik supaya lebih banyak rumah kos rendah boleh dibina dan SPN itu adalah di bawah Kementerian Kewangan tetapi dua-dua pun agensi kerajaan. Dengan peranan yang dimainkan oleh SPN, banyak tempat yang pemaju mungkin tidak membina rumah yang secukupnya dari segi perumahan kos rendah, SPN boleh memainkan peranan ini. Itu memang boleh menampung dan juga *complementary-supplementary*.

Kita masih menggalakkan pemaju membina rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah. Kita tidak mengubah dasar, cuma di mana kalau pemaju dari segi kos tanahnya terlalu tinggi. Kalau kos tanah itu sudah begitu mahal, hendak bina rumah kos rendah untuk dijual dengan harga siling yang ditetapkan oleh kerajaan, itu tidak praktikal. Dalam keadaan macam ini kalau kerajaan hendak bantu, kerajaan cuba bina lebih. Jadi ia ada strateginya. Tetapi pada keseluruhannya, kita masih perlukan pihak swasta menyumbang untuk membina rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kota Melaka telah menyebut mengenai ada arkitek di Jasin telah mewajibkan orang supaya menggunakan *landscape consultant*. Saya telah semak fakta ini dan didapati untuk makluman Yang Berhormat dalam usaha kerajaan menyediakan kualiti pembangunan yang menyeluruh, aspek lanskap telah digalakkan untuk diambil kira dalam semua program pembangunan.

Jadi dalam hubungan ini, adalah wajar pada pandangan kementerian jika majlis daerah menetapkan supaya pelan lanskap dimajukan oleh arkitek lanskap dan bukannya oleh arkitek biasa, amalan ini boleh diterima pakai tetapi kalau sekiranya ia menetapkan seseorang konsultan yang dia pilih, yang dia wajibkan mendapatkan khidmat satu konsultan sahaja, kalau macam itu tidak bolehlah. Konsepnya ialah kalau lanskap konsultan digunakan, tentu lanskap konsultan itu lebih tahu dari segi *landscaping* daripada arkitek biasa. Itu prinsipnya. Saya tahu Yang Berhormat bagi Kota Melaka, dia ada satu aduan. Saya akan siasat apa sebenarnya yang berlaku di situ.

Mengenai banjir kilat di Melaka di bawah Majlis Perbandaran juga masalah sistem trafik diubah *last minute* sebelum Tahun Baru Cina dan sebagainya, ini semua perkara di bawah kerajaan negeri dan PBT ini. Saya juga perlu mendapat lebih maklumat. Hari ini memang saya tidak dapat menjawab perkara yang di bawah bidang kuasa pihak berkuasa negeri dan PBT tetapi saya akan cuba hendak faham apa yang sudah berlaku di situ.

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Bangun]

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tadi Yang Berhormat bagi Tambun ada sentuh pasal pemaju perumahan....

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kota Melaka bangun.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Hanya satu isu yang belum dijawab. Sekiranya setelah siasatan dibuat dan telah disahkan bahawa PBT pernah membuat sumbangan kepada tabung Barisan Nasional seperti yang dilaporkan oleh Berita Harian, apakah tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan oleh kerana saya menganggap ini sebagai satu *breach of public trust*. Susah bagi saya hendak membuat laporan BPR oleh kerana ini bukan satu kes korupsi tetapi ini memang satu perbuatan yang tidak boleh diterima. Jadi minta ulasan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Pandangan saya ialah kalau kita nampak sesuatu yang tidak betul melibatkan wang rakyat, saya ingat BPR yang menjadi agensi sepatutnya menyiasat. Dan dakwaan itu mungkin tidak boleh kita jadikan sebagai satu dakwaan yang sah. Saya dengar kata gunakan wang rakyat hendak masuk tabung Barisan Nasional, saya tidak tahu sejauh mana perkara ini betul. Kalau ada, patutlah buat laporan supaya kita dapat mengetahui apa hasil siasatannya. Adalah tidak adil kalau saya menjawab bagi pihak berkuasa yang berkenaan sebab di Dewan ini, saya hanya boleh menjawab bagi pihak kementerian. Saya tidak boleh menjawab bagi pihak PBT atau pihak berkuasa negeri. Elok soalan ini dibangkitkan di Dewan Negeri kerana tempat itu lebih sesuai.

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kota Melaka.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya sudah kata bahawa saya sudah *check* dengan peguam-peguam parti saya tetapi nampaknya ini bukan ada mengandungi unsur korupsi walaupun dari segi moralnya ia tidak harus dilakukan. Walaupun ini dalam bidang kuasa pihak berkuasa kerajaan negeri tetapi saya rasa kalau Yang Berhormat Menteri sanggup menyasat, bolehlah kemudian berikan satu jawapan bertulis kepada saya sama ada betul atau tidak dan saya sudah kata saya sudah buat kenyataan secara terbuka, Exco enggan menjawab, semua orang enggan menjawab. Sebelum saya meminta ADUN DAP membawa perkara ini, saya rasa Yang Berhormat Menteri pun ada tanggungjawab dan sudilah membuat satu siasatan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat sendiri pun tidak yakin boleh membuat laporan pada BPR, saya tidak nampak apakah kuasa yang saya ada untuk buat siasatan. Tetapi saya kata, saya akan cuba dapatkan maklumat tetapi saya tidak gunakan siasatan. Siasatan itu ada implikasi. Saya cuba dapatkan maklumat, tengok apa sudah berlaku, baru dapat saya jawab. Mungkin nanti dapat gambaran yang lebih jelas, baru saya boleh beritahu. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tambun tadi ada menyebut mengenai pemaju sama ada dia ada kapasiti untuk memajukan rumah? Selepas pindaan Akta Perumahan ini, banyak .....

**Tuan Lim Hock Seng:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Hmm....

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** ....banyak perkara telah dibaiki. Hari ini pemaju kalau dibandingkan dengan sebelum pindaan, pemaju hendak memajukan rumah, syaratnya semuanya adalah lebih ketat daripada dahulu, bukan sahaja kata deposit tetapi kawalan terhadap HDA *accountnya* adalah lebih ketat, pemantauan terhadap Borang 7F setiap enam bulan itu pun lebih mewajibkan berbanding dengan yang dahulu dan kementerian ada banyak dari segi perubahan undang-undang kalau dibandingkan dengan dahulu.

Yang Berhormat Tuan telah membangkitkan mengenai air kumbahan yang terus masuk ke sungai. Kebetulan perkara ini telah dibawa kepada perhatian saya dan kementerian saya telah menghantar pegawai ke Majlis Bandaraya Kota Kinabalu dan telah mendapat satu laporan. Oleh kerana Akta Perkhidmatan Pembetungan Semenanjung ini, ia tidak dapat merangkumi Sabah dan Sarawak, namun demikian kementerian saya masih hendak cadangkan sesuatu kepada Jemaah Menteri bagaimana membantu Kota Kinabalu dari segi *upgrade*kah, tolong membantu sistem rawatan air kumbahan. Ini memang dalam perhatian Jemaah Menteri. Bomba sukarela memang adalah sesuatu yang diberi perhatian yang berat.....

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat, Bagan bangun.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, ini.....

**Tuan Pengerusi:** Berkenaan dengan Sabah itu. Pencemaran itu, ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Mana? Sebab saya tidak ada peluang hendak berucap, saya hendak tanya satu soalan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, saya bagi *last* sekali. Selepas ini siapa pun saya tidak layan sebab masa sudah suntuk.

**Tuan Pengerusi:** Ya, baiklah. Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Perkhidmatan pembetungan. Memang ramai rakyat tidak puas hati dengan IWK. Jadi ada juga pengaduan-pengaduan apabila mengadu kepada IWK, IWK berkata, ia tidak ada kuasa untuk menjalankan sesuatu projek baru. Ini perlu mendapat kebenaran dari Jabatan Perkhidmatan Pembetungan iaitu JPP dan apabila pelanggan-pelanggan atau penduduk kawasan menulis surat kepada JPP, dia langsung tidak mahu menjawab surat tersebut. Dua, tiga bulan pun tidak mahu membalas surat. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sama ada, ada satu *ruling* atau



garis panduan untuk JPP supaya boleh menjawab surat-surat daripada pelanggan atau diam begitu sahaja. Sekian.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, pada keseluruhannya Jabatan Perkhidmatan Pembetungan memang diwajibkan untuk mengadakan perkhidmatan kepada pelanggan dengan baik ataupun IWK terutamanya perlu melayan pelanggan dengan baik. Kalau ada kes-kes yang spesifik, saya boleh menyiasat, Yang Berhormat bagi Bagan kalau sebut ada apa-apa kes, saya boleh minta Jabatan Pembetungan untuk membuat siasatan dan memberi laporan kepada saya, apakah yang telah berlaku supaya kita boleh membetulkan kalau ada sesuatu kelemahan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Serdang ada menyebut TCF. TCF dikeluarkan apabila pihak berkuasa tempatan yang berkenaan sudah benar-benar yakin sesuatu itu hampir boleh dipenuhi iaitu dalam 6 bulan semuanya boleh siap, dia boleh mendapat CF yang kekal, baru dia mengeluarkan TCF. Kalau TCF itu dikeluarkan lanjut sampai 2 tahun itu ada sesuatu yang tidak kena.

Walau bagaimanapun, dasar untuk pengeluaran CFO sekarang ini telah pun ada perubahan yang agak drastik. Jadi kementerian saya sedang memantau PBT, bagaimana dia mengeluarkan CFO sama ada dia ada mengikut garis panduan yang terkini sehingga beberapa jabatan teknikal tidak perlu lagi membuat perakuan kalau ada *self certification* oleh profesional yang berkenaan. Saya tahu ada beberapa projek yang dahulu sebelum kita mengubah dasarnya, ada masalah dari segi CFO. Ini berdasarkan masalah yang lalu ini, kementerian saya dengan agensi-agensi lain telah membuat satu perubahan yang drastik, cara bagaimana PBT boleh mengeluarkan CFO pada masa akan datang.

Di bawah Akta Perumahan yang baru, tidak boleh lagi pemaju menyerahkan kunci apabila dia sudah ada bekalan air dan elektrik, dia kata sudah siap, jadi memberikan kunci terus, lama-lama tidak mendapat CFO, dia tidak hirau lagi. Sekarang dengan sistem yang baru, selepas pindaan akta dan juga dengan pindaan prosedur mengeluarkan CFO, semua pemaju mesti memastikan semua keperluan teknikal itu sudah dipenuhi, hanya tinggal proses kelulusan CFO sahaja. Sebelum itu baru dia boleh memberikan kunci, tidak seperti dahulu memberikan kunci dan selepas itu pemaju sudah cuci tangan....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Kepong bangun.

**Dato' Ong Ka Ting:** Saya sudah kata, semua saya tidak layan terlalu lama sangat. Maaf ya. Tuan Pengerusi, banyak lagi perkara ada yang saya catat ada yang saya rasa sukar untuk saya menjawab secara terperinci di sini kerana ia melibatkan bidang kuasa kerajaan negeri ataupun bidang kuasa PBT. Saya berjanji tetap semua perkara itu akan kementerian saya memberikan perhatian. Jadi secara keseluruhannya..

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tidak, tadi saya sudah kata semua..

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Dato' Ong Ka Ting:** Saya sudah kata, apa yang dapat saya jawab saya sudah jawab, yang belum sempat saya jawab, saya ambil perhatian. Akta Kerajaan Tempatan akan juga dipinda pada satu masa akan datang kerana Akta Kerajaan Tempatan ada beberapa perkara kita hendak kemas kini. Masa itu kita boleh bincang hal yang dibangkitkan itu. Jadi, hari ini kerana ini *Committee Stage* hanya membincangkan kita punya belanjawan pada tahun hadapan. Kalau kita pergi ke satu *scope* yang luas sangat, tidak boleh kita habis pun sampai malam. Itu sahaja jawapan saya hari ini. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM770,293,600 untuk Maksud B.43 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM770,293,600 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,024,217,200 untuk Maksud P.43 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,024,217,200 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2004.

#### **Maksud B.44 [Jadual]**

#### **Maksud P.44 [Anggaran Pembangunan 2004]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B.44 dan Maksud P.44 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terbuka untuk dibahaskan. Tanjong dan selepas itu berapa?

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dua orang?

4.36 ptg.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 030200 - Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian. Pembangunan sebuah negara perlulah mempunyai keseimbangan dalam semua aspek dari segi material hinggalah kepada pembangunan budaya dan seni. Kebudayaan dan kesenian juga mencerminkan jati diri dan aspek-aspek hidup sesebuah bangsa. Dalam sasaran untuk memastikan budaya dan seni warisan bangsa mendapat perlindungan dan pemuliharaan yang sewajarnya, kita mendapati bahawa pihak kerajaan tidak begitu aktif. Bilangan bidang penyelidikan yang dilaksanakan adalah amat sedikit iaitu 20 untuk tempoh 2002 dan anggaran sebanyak 24 sahaja bagi tahun 2004.

Bilangan bahan bercetak mengenai budaya dan seni yang diterbitkan juga amat sedikit iaitu empat untuk tahun 2002 dan dianggarkan tujuh sahaja untuk tahun hadapan. Jika dibandingkan dengan kemudahan-kemudahan mega yang kita ada, bilangan ini adalah amat memalukan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat kini lebih suka membeli belah daripada menghadiri sesuatu persembahan kesenian tetapi kerajaan harus mencari jalan supaya orang ramai dapat meminati persembahan kesenian.

Istana Budaya di Jalan Tun Razak, Dewan Philharmonic Petronas, Dewan Sri Pinang dan beberapa bangunan yang berdiri megah ini sepatutnya menjadi satu entiti untuk mempromosikan budaya dan seni tempatan tetapi bangunan ini kurang digunakan dan ada yang merupakan gajah putih. Lihat sahaja bilangan persembahan yang dijalankan di Istana Budaya. Dalam tahun 2002 bilangannya hanya 38 sahaja dan anggaran bagi tahun 2004 kurang sehingga 33 sahaja. Peminat-peminat seni juga sering mengeluh kerana kekurangan bantuan daripada kerajaan dan respons yang buruk daripada orang awam. Jadi, bagaimana dalam situasi begini institusi budaya dan seni negara kita boleh berkembang.

Butiran 00800 – Kajian-kajian Pelancongan. Pada tahun ini Perdana Menteri telah mensasarkan 22 juta pelancong untuk melawat Malaysia. Selain itu kerajaan juga telah memperkenalkan cuti pada hari Sabtu pertama dan ketiga setiap bulan dengan tujuan untuk menggalakkan rakyat tempatan melancong.

Sektor pelancongan tempatan juga telah berkembang pesat dan memberi banyak faedah kepada rakyat tempatan. Namun demikian, orang ramai merasakan bahawa tempat-tempat untuk dilawati adalah sama dengan 10 tahun yang lalu ataupun dengan kata lain, tidak ada tempat pelancongan yang baru. Di Pulau Pinang misalnya, tempat-tempat untuk dilawati adalah hampir sama sejak tempoh 20 tahun yang lampau. Tidak ada kawasan pelancongan baru yang diterokai untuk menarik perhatian orang ramai. Tempat-tempat pelancongan masih tertumpu kepada pantai Batu Feringgi, Tokong Kek Lok Si, Bukit Bendera dan sebagainya.

Sebenarnya masih terdapat banyak potensi pelancongan di Pulau Pinang yang memerlukan perhatian pegawai-pegawai yang membuat kajian pelancongan. Misalnya, Kawasan Hutan Simpan Bukit Bendera dan sekelilingnya, mempunyai banyak peninggalan sejarah yang belum diterokai. Begitu juga di kawasan Bukit Mertajam dan Batu Kawan yang mempunyai banyak kawasan menarik yang tidak disenaraikan dalam buku pelancongan. Dalam membuat kajian pelancongan juga, para pegawai harus memastikan setiap program untuk pembangunan pelancongan tidak memudaratkan peniaga dan penduduk sekitarnya.

Butiran 00700 – Program Pengindahan Kebersihan Tempat Pelancongan. Tuan Pengerusi, tempat-tempat pelancongan di Pulau Pinang juga kekurangan program pengindahan dan kebersihan. Pantai-pantai di Batu Peringgi dan Tanjong Bungah yang amat kotor dengan pencemaran-pencemaran yang tidak terkawal dan juga perbuatan pelawat yang tidak bertanggungjawab dengan membuang sampah-sarap sesuka hati. Di puncak Bukit Bendera juga, kebersihan dan keindahan kawasan sekelilingnya terjejas teruk. Gerai-gerai makanan di puncak bukit juga tidak bersih dan pelancong boleh melihat lalat-lalat berterbangan. Tandas di sana juga amat teruk sekali. Pokok-pokok bunga yang ditanam juga tidak menarik lagi. Saya berharap pihak kementerian boleh mengambil berat tentang soal ini kerana kebersihan dan keindahan sesuatu kawasan akan memberi suatu gambaran, sama ada baik atau buruk kepada pelancong terutamanya pelancong asing.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bagan bangun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pohon penjelasan Yang Berhormat bagi Tanjong bawah Butiran 02500 – Projek Pembersihan dan Rawatan Air Sungai Pinang (PB) berjumlah RM5,368,790. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Tanjong, sama ada beliau faham tentang projek ini, dan sekiranya tidak faham, adakah Yang Berhormat akan bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan hal ini.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bagan kerana ingin membantu. Sebenarnya saya juga ingin menyebut tentang butiran ini, di mana harga ataupun projek yang akan dilaksanakan, harga sebenar pada asalnya adalah RM50 juta tetapi sepanjang RMK7, perbelanjaan sebenar bagi projek ini adalah 'kosong'. Bagi tahun 2001 dan 2002, perbelanjaan sebenar juga adalah 'kosong', bermakna projek ini tidak dilaksanakan. Di bawah Bajet 2004, sebanyak RM5.3 juta diperuntukkan. Jadi, saya bersama Yang Berhormat bagi Bagan, ingin tahu tentang Projek Pembersihan dan Rawatan Air Sungai Pinang ini dan mengapakah projek ini lambat dilaksanakan, sekiranya ia adalah bertujuan untuk menarik pelancongan di negeri Pulau Pinang?

Kembali kepada perkara yang saya bangkitkan tadi, saya ingin menyeru kementerian supaya membuat kawal selia terhadap setiap tempat pelancongan yang disenaraikan dalam bahan promosi pelancongan, sama ada di peringkat kementerian mahu pun peringkat negeri. Dan, apakah kementerian ada berbuat demikian, iaitu kerja-kerja kawal selia, bagi memastikan supaya setiap tempat pelancongan sentiasa di dalam keadaan yang bersih, indah dan memuaskan.

Butiran 00900 – Program Penginapan Murah dan Sederhana. Kita mendapati bilangan tempat penginapan murah dan sederhana di Malaysia adalah amat sedikit. Di Malaysia, kita tidak begitu mementingkan rumah penginapan berbentuk hostel dan motel, yang mana adalah lebih murah berbanding dengan hotel, untuk golongan yang kurang

berada dan juga untuk golongan muda yang inginkan *adventure*. Ini juga merupakan antara faktor mengapa belia di negara kita jarang melancong walaupun di dalam negeri sendiri kerana masalah wang. Ia juga merupakan faktor mengapa warga yang berpendapatan rendah tidak berupaya untuk melancong di dalam negara ini. Selain itu, saya ingin tahu, apakah kementerian sedang mempromosikan konsep "*Home-stay*" atau "*Farm-stay*" di negara ini, yang sememangnya mempunyai tarikan berlainan berbanding dengan jika tinggal di hotel-hotel.

Butiran 00600 – Program Pemulihan Tinggalan Sejarah. Tuan Pengerusi, Bandaraya Georgetown yang dicadangkan oleh kerajaan negeri untuk disenaraikan sebagai "*Bandar Warisan*" oleh UNESCO, sememangnya mempunyai banyak bangunan peninggalan sejarah yang menunggu pihak swasta dan kerajaan untuk dibaik pulih. Untuk setengah-setengah bangunan, umpamanya rumah untuk sesebuah kongsi, telah dibaik pulih melalui derma daripada ahli dan orang ramai, tetapi bukan semua persatuan ini mempunyai ahli yang mampu untuk membaik pulih rumah persatuan tersebut. Jadi, ia dibiarkan rosak. Ini sedikit sebanyak telah menjejaskan imej Bandaraya Georgetown sebagai pusat pelancongan.

Untuk tahun-tahun yang lepas, kerajaan telah memberikan peruntukan untuk membaik pulih beberapa buah projek di Georgetown dan ia telah membuahkan hasil yang baik. Saya berharap kerajaan dapat memberikan lebih banyak lagi peruntukan dengan secepat mungkin untuk membaik pulih lebih banyak peninggalan sejarah di Georgetown. Butiran ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Ya, gulung dengan menyentuh tentang bantuan kepada muzium-muzium negeri. Muzium Negeri Pulau Pinang sedang menghadapi kekurangan dana untuk mempamerkan *exhibit* baru, membeli barangan peninggalan sejarah, membuat kajian dan sebagainya, dan pihak muzium pun mengadu tentang kekurangan dana untuk berkembang sebab Muzium Pulau Pinang amatlah kecil. Jadi, saya berharap kerajaan ataupun kementerian boleh mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh Muzium Pulau Pinang dan mengambil langkah-langkah bersesuaian untuk menaikkan taraf muzium ini. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

4.47 ptg.

**Tuan Chang See Tan [Gelang Patah]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Maksud Bekalan 44 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Terlebih dahulu saya ingin membahaskan tentang Butiran 020000 – Pelancongan. Baru-baru ini pihak kementerian mengatakan akan berusaha menarik lebih ramai pelancong dari negara China dan India, dan akan cuba mendapatkan kerjasama daripada Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen untuk mewujudkan cara e-Visa, yang mana dapat melicinkan permohonan daripada pelancong asing dari negara China dan India.

Kita tahu bahawa populasi Negeri China adalah 1.3 bilion, dan jika kita dapat menarik lebih ramai pelancong dari negara China, ia akan dapat meningkatkan prestasi pelancongan di negara kita ini. Pada masa sekarang, pendapatan yang diperolehi daripada industri pelancongan merupakan sumber kedua terbesar pendapatan negara, dan kemungkinan pada satu hari nanti ia akan mendatangkan pendapatan yang lebih besar, kemungkinan sumber pertama untuk pendapatan negara.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara yang kedua, iaitu tentang pelancongan, yang mana melalui perayaan yang diusahakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sejak beberapa tahun ini. Nampaknya sambutan adalah sangat baik daripada rakyat jelata berbilang kaum di negara kita ini, yang sudah menjadikan perayaan Hari Raya Puasa, Hari Raya Cina, Hari Krismas, dan Hari Deepavali, yang akan disambut pada hari Sabtu ini, di Pulau Pinang, sebagai perayaan nasional. Ini sangat membanggakan kita.

Ini satu usaha yang amat baik dan perlu dipuji dan perlu diberikan peruntukan yang lebih banyak untuk diteruskan supaya ia akan menjadi satu tarikan pelancongan, bukan untuk rakyat kita, ia akan menarik lebih pelancong asing datang ke Malaysia untuk melancong.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang mana saya dapati bahawa kaum Cina sekarang untuk merayakan perayaan tanglung seperti di Johor Bahru. Tahun ini dalam satu bulan ada 31 hari, tiap-tiap hari ada perayaan Tanglung yang diusahakan oleh Persatuan Cina Johor Bahru yang mana dalam program ini kita ada persembahan budaya daripada semua kaum, dan ini boleh dijadikan satu perayaan yang boleh mempereratkan silaturahim dan kesetiakawanan dan semangat perpaduan antara semua kaum. Ini adalah satu perayaan yang mana kek bulan itu adalah banyak yang dijual boleh dikatakan adalah makanan halal.

Saya harap pihak kementerian gunakan peluang ini bekerjasama dengan persatuan Cina di mana-mana daerah dalam Malaysia untuk mempertingkatkan perayaan Tanglung menjadikan satu perayaan nasional yang mana ia akan menjadikan satu tarikan pelancongan yang mana dapat menarik pelancong dari negara asing terutama dari negara China untuk datang sama-sama merayakan perayaan Tanglung pada bulan Ogos iaitu dalam kalender kaum Cina. Ini akan dapat membayangkan bahawa dalam perayaan itu kita dapati ia membuktikan identiti berbilang kaum negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya harap pihak kementerian dapat mewujudkan kelab-kelab kebudayaan melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan untuk mengadakan lebih kelab-kelab kebudayaan supaya kita dapat mempertingkatkan kebudayaan berbilang kaum di negara kita ini dan kita juga mempromosikan pakaian berbilang kaum seperti pakaian kebaya, cheongsam, sari dan lain-lain, dan ini benar-benar akan menjadikan '*Malaysia Truly Asia*' yang selalu dikatakan oleh Menteri dan Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya ingin sebut, kita perlu mempertingkatkan kualiti tempat pelancongan dari segi keindahan dan kebersihan dan kita perlu memberikan sikap penyayang kepada mereka yang ada masalah tubuh badan mereka kerana yang *disable*, dengan izin, kita perlu pergi tempat-tempat pelancongan, kita wujudkan kaedah kemudahan asas yang mana betul-betul ada sikap penyayang seperti yang kita dapati di negara lain mereka ada aturkan perjalanan seperti di jalan-jalan yang menuju ke kawasan pelancongan, mereka ambil perhatian tentang kehendak mereka yang ada masalah seperti orang yang *disable* atau orang tua yang mana mereka hendak melancong ke satu tempat mereka perlu ada kemudahan asas yang penting, yang baik untuk mereka. Tuan Pengerusi, di Australia kalau kita pergi di sana kita dapati...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh gulung.

**Tuan Chang See Ten:** Ya, terima kasih.....mereka ada *tourism shop*, dengan izin, yang mana melalui kedai pelancongan ini mereka boleh mempromosikan *tourism* dan boleh memberikan pertolongan kepada pelancong. Kalau pelancong datang, mereka dari kedai pelancongan itu boleh dapat segala pertolongan yang perlu untuk melancong ke negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Pasir Mas.

**4.57 ptg.**

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberi kesempatan kepada saya untuk sama-sama menyumbang pandangan dan fikiran untuk membangun negara kita dalam bentuk kebudayaan, kesenian dan pelancongan. Saya bercakap pada petang ini dalam Butiran 020000, 030100 dan 030400.

Butiran 020000 – Pelancongan. Sejak daripada peristiwa 11 September 2001 kita nampak bahawa destinasi pelancongan sudah berpindah khususnya daripada negara Arab. Sahabat-sahabat kita yang datang daripada negara Arab yang jumlahnya hampir 200 juta sekarang ini. Jadi, kita tahu bahawa negara Arab negara kaya, negara minyak dan tidak ada pelancong-pelancong yang datang untuk mencari kerja ataupun yang sekadar untuk melancong, tetapi mereka datang untuk berbelanja, kerana bila kita buka destinasi

pelancongan kita berfikir untuk mencari keuntungan dalam pelancongan ataupun apa sahaja yang kita buat di negara kita bagi menarik pelancong dan sekali gus mata wang tukaran asing ini memberi keuntungan besar kepada negara ataupun di mana sahaja mereka datang. Jadi, kita nampak bahawa selepas daripada berlakunya peristiwa 11 September bahawa pelancong-pelancong daripada negara Arab begitu minat untuk melancong ke negara kita.

Ini saya nampak di waktu kita berada di Parlimen ini, dan kita berada di hotel, kita nampak bahawa ramai pelancong yang boleh dikatakan semua hotel di Kuala Lumpur ini didatangi oleh pelancong-pelancong ataupun oleh orang kaya ha, saya sebut orang kaya dari negara Arab. Tinggal lagi yang saya hendak katakan di sini pertama sekali, iaitu kepada pemandu-pemandu pelancong.

Pemandu-pemandu kepada pelancong ini yang sudah tentu kita tahu bahawa mereka datang daripada orang Arab ini, maka sudah tentu pemandu-pemandu pelancong ini mesti mempunyai budaya lebih kurang budaya dia, pertuturan dan fesyen juga fesyen orang yang boleh berbahasa Arab ataupun selain daripada bahasa-bahasa Inggeris, bahasa besar, iaitu mesti fasih dengan berbahasa Arab.

Jadi, apa yang disebut oleh mereka di waktu saya berada di hotel sepanjang Parlimen baru-baru ini, sampai sekarang ini, dia kata kekurangan di kalangan kamu, walaupun dimasyhurkan dengan negara Islam tetapi pemandu-pemandu pelancong ini saya tidak dapati daripada kalangan yang boleh berbahasa Arab. Saya rasa boleh dibuat tindakan segera untuk mengatasi keadaan ini. Kalau kita dapat dari segi hubungan alaqah, hubungan dengan mereka dengan berbahasa Arab lebih mesra.

Sebagaimana kita juga, bila kita pergi ke luar negara, kita dapati ada orang yang boleh bercakap dengan bahasa Cina atau bahasa Melayu, sudah mesra sebagaimana yang dikehendaki oleh sahabat kita yang bercakap sekejap tadi. Ada kemesraan melalui bahasa, tetapi kalau kita tidak tahu bahasa dia, maka tidak ada kemesraan. Walaupun kita bercakap dengan bahasa Inggeris, walaupun kita bercakap dengan bahasa lain, tidak ada kemesraan. Samalah saya dengan orang Kelantan, kalau di Kuala Lumpur ini bila berjumpa dengan orang Kelantan, saya mesra dengan orang Kelantan, dengan bahasa saya. Itu sudah tabii, tabiat manusia begitu.

Jadi, apa yang kita hendak tekankan di sini iaitu pemandu-pemandu pelancong ini mesti, terutama sekali mesti berakhlak dengan akhlak mulia, dengan akhlak baik, tidak semestinya pemandu pelancong ini bila datang orang Inggeris, maka dia pakai cara yang lebih hebat daripada Inggeris. Saya rasa tidak betul. Ada pemandu-pemandu pelancong kita bila dia mengiringi pelancong-pelancong Amerika, Inggeris dia berpakaian dengan pakaian lebih daripada Inggeris. Pelbagai lagi pakaian yang menjolok mata. Itu tidak betul. Kita mesti mempamerkan kita orang Malaysia, tanpa kita mengira bangsa apa sekali pun, kita mesti pameran bahawa kita orang Malaysia, kita mempunyai budaya kita sendiri, kita mempunyai keperibadian kita sendiri. Jangan bila orang Inggeris datang, maka kita lebih daripada Inggeris lagi, yang perempuannya tunjuk pusat, misalnya.

Saya rasa tidak betul, kalau ada pemandu-pemandu pelancong macam ini mesti dibuang dia, kerana menjatuhkan imej negara kita. Kita mesti bersusila dengan susila timur dengan wataknya, dengan apanya sehingga kita dapat menarik pelancong lebih ramai lagi sekarang ini dan sekali gus mengkayakan negara kita sesuai dengan baru sahaja kita mengadakan suatu persidangan kemuncak negara Islam. Maka sudah tentu kita mesti berusaha. Betul dah. Saya pun bukan tidak bersetuju, setuju, tidak ada siapa pun yang tidak bersetuju bila menyebut negara Islam. Kita hendak, kita PAS ini memanglah. Daripada itu yang kita perjuangkan, tidak kira siapa-siapa dia, tetapi biarlah benda ini benar dan sungguh, jangan kata kita negara Islam tetapi di dalamnya tidak berwatak sebagai watak negara Islam, kita tidak mahu macam itu. Kita mahu bila negara Islam biar sungguh negara Islam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Besut bangun.

**Tuan Hassan bin Mohamed:** Saya hendak minta pandangan Ahli Yang Berhormat tentang imej yang hendak ditonjolkan oleh kerajaan sewaktu kerajaan menganjurkan OIC, di waktu yang sama kerajaan membenarkan konsert "Plug In" begitu,

konsert besar-besaran. Dan yang kedua, dalam bulan Oktober ini pihak kerajaan membenarkan "Pesta Beer" besar-besaran yang akan diadakan, tidak silap saya di Bintang Walk. Jadi dalam suasana kita mencanangkan jaguh OIC ini, kita masih lagi melaksanakan perkara-perkara yang merosakkan imej kita. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Besut. Saya rasa apa yang kita kemukakan sekarang ini, dengan imej negara Islam, dengan membawa pemimpin-pemimpin negara Islam ke negara kita ini, betul dah, tetapi imej kita juga mesti kita mempertahankan, kita jaga dan kita sesuaikan dengan Islam. Apa lagi dengan yang kita hendak buat, yang disebut "Pesta Beer" dalam bulan Ramadan, dalam bulan November. Ini bulan Ramadan. Kalau benda ini berlaku, cukup-cukup malang kepada negara yang menyebut Malaysia sebagai negara Islam.

Satu lagi iaitu kita juga mahu supaya destinasi pelancongan kita ini mesti kita *upgrade* bukan sahaja bersih dari segi tempatnya, tetapi bersih dari segi orangnya. Saya tidak terfikir bahawa pelancong-pelancong Barat datang ke sini untuk membuat, untuk melakukan perkara-perkara pelik .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulunglah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** ... kerana di tempat mereka ada perkara-perkara itu, dia datang ke sini bukan untuk hendak minum arak, kerana arak di negara mereka lebih banyak daripada arak di sini, jadi tidak perlu kita jamu arak kepada mereka. Kita perlu kemukakan kepada mereka sesuatu yang terbaik, yang dapat kita sifatkan ini negara kita. Baru-baru ini saya diberi kesempatan untuk melancong ke negara Uzbek. Orang PAS pun pergi juga, bukan orang UMNO sahaja.

Jadi, saya tengok Uzbek ini, walaupun negara baru merdeka dalam keadaan sepuluh tahun, tetapi dia punya *design* negara dia, bentuk bandar dia hebat. Taman dalam bandar, jalannya lebar, bangunannya bukan tinggi melangit, hospitalnya bukan 15 tingkat, 20 tingkat, hospitalnya biasa sahaja, dia tahu kalau berlaku apa-apa kemalangan, cepat boleh bawa lari.

Di Britain sama juga saya dengar. Cuma saya tidak tahu bagaimana di Malaysia ini, kalau buat bangunan selalu tinggi, bangga dengan tinggi, sedangkan benda saya ingat sama sahaja, yang rendah sesuai, selesa. Uzbek saya tengok di Bokhara bandar bersih, bandar bersih dan tempat-tempat pelancongan, destinasi pelancongan hebat, kesan-kesan peninggalan tahun 1600, 1200, selepas daripada kedatangan Islam sampai ke hari ini, hebat, Bokharanya hebat, Samarkhannya hebat, bersih, kemudian apa lagi di Tashkentnya sendiri, jalannya lebar, pokok kayunya dijaga dengan baik, tidak ada dahannya jatuh yang patah, kemudian dibiarkan begitu sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Jadi, saya tertariklah dengan keadaan-keadaan ini.

Yang terakhir, Tuan Pengerusi, saya tengok dasar kebudayaan dan kesenian negara kita tidak menentu. Dasar kebudayaan, garis dasar panduan negara kita dari segi kebudayaannya tidak menentu. Ikut datang. Yang datang tidak berkain pun dikira budaya juga, yang tudung sedikit sahaja di depan, ada menari yang tudung sedikit tunjuk, kepada barangkali OIC pun tunjuk juga saya kira. Saya tidak tahulah betul atau tidak betul, tapi ada. Biasa negarawan-negarawan bila datang ke negara, kita tunjuk benda ini, memalukan. Jadi, carilah sesuatu yang terbaik, yang nampak bahawa pakai kain, pakai baju, yang itu ditunjuk di kampung-kampung kita sudahlah, tetapi tidak usah bawa mari ke ibu negara mempamerkan kepada seluruh dunia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Dan saya minta supaya dasar negara ini dikaji balik dan dicari suatu dasar yang sesungguhnya baik bagi kita tontonkan kepada negara-negara lain dan khususnya kepada sahabat-sahabat kita daripada negara lain. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading.

**5.06 ptg.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Tadi kita dengar sahabat saya dari Pasir Mas memuji Bokhara, jalan luas. Inilah yang dibuat oleh Dr. Mahathir di Putrajaya! Bokhara ini ataupun beberapa bandar itu telah dibuat beratus-ratus tahun dahulu. Hah! Itu yang dibuat oleh Dr. Mahathir di Putrajaya, tetapi orang PAS tidak hendak terima pula Putrajaya. Hah! Ini masalahnya! Saya bercakap, Tuan Pengerusi, untuk pelancongan dan juga kebudayaan .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Pasir Mas.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Pasir Mas, sila.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih Tuan Pengerusi, dan terima kasih kepada Sri Gading, sahabat saya, sama-sama dapat berbahasa Arab. Jadi, betul saya bersetuju pembangunan negara sebagaimana negara-negara lain, yang saya lihat di Tashkent, Bokhara dan lain-lain negara, mereka buat suatu yang tidak memerlukan wang begitu banyak, tetapi menarik, yang kita belanja bilion-bilion duit, yang dikira bahawa yang kita buat ini untuk masa 100 tahun depan, kita rasa bahawa orang 100 tahun depan, tidak cerdik. Bodoh semua! Saya kira bahawa lapangan terbang sekarang ini, barangkali 100 tahun nanti, orang tak pakai dah kapal terbang yang *landing* kemudian terus pergi memerlukan berpuluh batu tempat lancarnya. Barangkali kapal terbang akan turun begitu sahaja macam helikopter sekarang ini 100 tahun depan. Orang itu cerdik di waktu dia, anak kita lebih cerdik daripada kita, cucu kita lebih cerdik daripada kita. Takkan kita hendak buat membazir begitu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Minta pandangan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Itu sebab saya kata Tashkent ataupun Bokhara ini tempat Imam Bokhari, ia negara tua, dibuat zaman dia, sebab itu di kota-kota sebelah Timur Tengah, di Eropah, dia boleh buat, tamadun dia lebih awal, dia boleh susun lebih awal dan modal waktu itu mungkin lebih mahal agaknya kalau dibandingkan dengan hari ini. Ketika itu. Sebab itu Perdana Menteri mengambil pandangan-pandangan yang cantik-cantik seluruh dunia ini, dibawa ke Putrajaya, tetapi itulah apabila dibuat di Putrajaya, ada orang pula tidak suka, hendak lelong, tetapi itulah. Saya tengah bercakap sekarang, Tuan Pengerusi, saya bercakap ya. Saya harap ini tadi cuma masa mukaddimah yang dikira dalam masa saya ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya baru hendak tegur sama ada Yang Berhormat hendak memberi jawapan kepada Pasir Mas atau hendak berucap.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yalah, maknanya tidak kiralah masa saya, jadi masa saya tidak terganggu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jika masa sepuluh minit termasuklah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Masuk dalam masa Pasir Mas tadi punya masa. Okay.

Saya hendak bercakap tentang 02000 – Pelancongan, dan saya hendak bercakap 03000 – Kesenian dan Kebudayaan. Saya puji langkah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang membuat rumah terbuka Malaysia. Cuma, saya harap banyak kompelin yang saya dengar, makan tidak cukup Tuan Pengerusi, makan tidak cukup. Tidak tahu sebab dia. Makan itu kurangkah ataupun orang yang datang itu lebih ramai, tidak ada anggaran. Kali ini, Deepavali akan diadakan di Pulau Pinang.

Saya harap makanan cukup dan hiburan yang dipertontonkan ataupun yang dipersembahkan, yang pertama sekali saya haraplah pakaian jangan sangat menjolok matalah. Pakaian jangan menjolok mata. Ini orang PAS hendak dengar ini. Orang UMNO pun bukan suka yang terdedah-dedah, yang menjolok mata ini dan bukan suka sangatkan? Cuma yalah, kadang-kadang sudah terhidang, itu yang payah. Tetapi, kita pun tidak berapa suka. Jadi, saya nasihatkan kementerian kena jagalah supaya ia tidak nanti orang kata



melampaui batas. Tujuan baik tetapi kalau dibuat persembahan yang agak keterlaluan, ia tidak sampai kepada matlamat asal untuk kita mengeratkan perpaduan.

**Tuan Hassan bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Besut.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Besut, buat apa kacau saya?

**Tuan Hassan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya rasa persoalan keterlaluan ini persoalan yang subjektif kerana kita ada dasar dia, iaitu saya merasakan dasarnya ialah kepada orang Islam, ada dia punya batas-batas dia iaitu menutup aurat kepada orang yang beragama Islam dan bukan merupakan pilihan ataupun satu kebudayaan. Itu syarat dia. Dia hendak pakai apa pun boleh, syaratnya menutup aurat. Tetapi, hari ini apa yang kita lihat, pihak kerajaan langsung tidak mengambil kira sensitiviti budaya Islam itu sendiri.

Maka sebab itulah, dia mengambil kira satu perkara yang dia kata, apa salahnya sebagaimana yang berlaku di Kelantan. Kerajaan Kelantan tidak membenarkan konsep terbuka wanita-wanita, pendedahan aurat. Apa yang dijawab oleh kementerian ialah, "Apa salahnya?" Apa salahnya membuka aurat. Sebab itulah kita katakan, kita harus ada dasar dan dasar kita ialah umat Islam, orang yang beragama Islam barangkali, dasar dia ialah menutup aurat. Bukan dikenakan kepada semua tetapi kepada umat Islam. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Siapa pun tidak suka dan tidak boleh buka aurat ini, semua salahlah dari segi Islam, membuka aurat ini salah. Sebab itu, saya membuat teguran kepada pihak kementerian supaya jaga matlamat yang baik ini, supaya tidak disalahertikan ataupun disalahgunakan. Saya bercakap tentang pelancongan Tuan Pengerusi. Saya lihat kementerian ini telah pun berjaya menarik pelancong-pelancong luar datang ke negara ini. Mahu tidak mahu kita kena tabiklah kementerian ini bahawa kementerian ini telah membawa keuntungan kepada negara kita dan pelancong saya nampak telah meningkat dari tahun ke tahun. Saya berharap strategi menarik pelancong dari luar ini harus dilipatgandakan dan sasaran kita kepada negara-negara yang sedia ada.

Saya tahu kementerian mensasarkan pelancong-pelancong dari Timur Tengah, Arab ada 22 negara di situ, negara India yang ada 700 hingga 800 juta orang, China yang ada 1.4 bilion, Eropah, Amerika, Pakistan, di Iran, di Jepun. Cuma, satu saya hendak beri pandangan. Saya berbual dengan beberapa orang pelancong dari Indonesia di Pan Pacific. Dia membuat pandangan, cadangan supaya ada satu bentuk kerjasama yang begitu erat, yang begitu intim yang boleh menguntungkan kedua-dua negara. Pelancong daripada Indonesia, yang penduduk di Indonesia hari ini hampir 230 juta, bukanlah boleh kita pinggirkan begitu sahaja. Sebenarnya, pelancong dari Indonesia ini boleh menguntungkan negara kita. Kalau jabatan pelancongan saya rasa tahu. Buka televisyen Indonesia, saya di Johor dapat televisyen Indonesia ini, dia ada iklan di mana Singapura sedang mengambil keuntungan, limpahan pelancong dari Indonesia.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Pengerusi, belum selesai Tuan Pengerusi, baru sampai Batam ini sahaja Tuan Pengerusi, belum sampai Jakarta lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu lain, boleh simpan pada masa akan datang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya?

**Tuan Pengerusi:** Boleh simpan untuk masa akan datang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Astaghfirullahalazim. Saya cuma hendak beri idea ini supaya... satu dua minit lagi Tuan Pengerusi. Saya minta izin Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dua minit tidak bolehlah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Satu minit, satu minit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Satu ayat bolehlah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Okey, satu minit. Macam mana boleh dibentuk satu jalinan kerjasama yang erat di mana pelancong-pelancong Indonesia dapat ditarik seberapa ramai datang ke Malaysia, dipermudahkan dan pelancong-pelancong Indonesia sebenarnya, rakyat Indonesia bukan semuanya miskin. Kalau 10% daripadanya kaya, maknanya jumlah penduduk Indonesia yang kaya, yang mampu datang ke mana-mana lebih daripada 20 dan 30 juta. Ia bukannya jumlah yang sedikit di mana saya harap satu kerjasamalah bagi memudahkan rakyat Indonesia yang berada ini supaya datang melancong ke Malaysia, yang tidak kurang hebatnya seperti juga Singapura. Jadi kalau Singapura boleh memandang ini sebagai satu perkara penting kepada kejayaan pelancongan mereka, *why not* Malaysia kita untuk dapat sama-sama menarik ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi Tuan Pengerusi, terima kasih. Pelancong di Indonesia pun suka datang ke kawasan Tuan Pengerusi di Senai. Saya menolong Tuan Pengerusi untuk bawa pelancong ke Senai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, itu boleh bincang nanti. Baik, cukup. Kota Melaka.

#### 5.17 ptg.

**Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]:** Saya sebenarnya hendak *register* untuk Batu Gajah tetapi saya tahu keputusan telah dibuat. Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 020300 – Bahagian Pembangunan Pelancongan.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor telah berusaha untuk mengindahkan bandar Johor Bahru. Dalam rancangan untuk mengindahkan Johor Bharu, salah satu rancangan ialah untuk membina satu tempat di *Islamic Square*, tempat asal pusat penjaja 'Engku Puan' di Johor Bharu tetapi saya kurang faham, apakah sebabnya kementerian telah melaksanakan projek ini tanpa mengadakan penyelidikan yang menyeluruh oleh kerana projek ini telah membawa begitu banyak penderitaan kepada 103 orang penjaja-penjaja. Satu daripada 103 orang itu adalah seorang India dan lain itu lebih kurang separuh orang Cina dan orang Melayu. Dua kumpulan yang terdahulu mereka telah dipaksa.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya cuma hendak tanya, adakah peruntukan ini ada berkaitan dengan ini?

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya difahamkan bahawa sebenarnya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah mengeluarkan pengambilan sebanyak RM3 juta untuk menjalankan projek pengindahan itu dan projek ini termasuk membina satu *Islamic Square* di pusat penjaja itu. Sejak dua bulan mereka telah terpaksa dipindahkan ke Pasar Bakti, iaitu sebuah stesen bas yang lama.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Tuan Kerk Kim Hock:** ....dan perkara ini telah merosot sebanyak....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** ....Kota Melaka, apa yang saya dapat mengikuti, peruntukan itu datang daripada kerajaan tempatan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Nanti, Yang Berhormat boleh jelaskan sama ada apa yang saya kata betul atau tidak, saya difahamkan RM3 juta daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Jadi, kalau itu benar, ini bermakna bahawa kerajaan juga harus bertanggungjawab ke atas penderitaan yang telah dialami oleh mereka. Saya hendak tahu, kalau kita hendak menarik pelancong, sebenarnya tempat ini tempat asalnya separuh daripada bilangan mereka adalah orang Singapura. Mengapa kita tidak boleh mengindahkan tempat yang sedia ada dan kita perlu membawa begitu banyak penderitaan kepada mereka, oleh kerana semenjak mereka terpaksa pindah ke kawasan yang baru perniagaan telah merosot sebanyak 80% sehingga 90%.

Pusat penjaja ini yang terletak di dalam Pusat Bandar JB itu mempunyai sejarah hampir 50 tahun. Mereka juga pernah diminta untuk berpindah ke Jalan Kebun Teh . tetapi oleh kerana kekurangan *business*, juga telah dibenarkan balik ke pusat asal tetapi sekarang oleh kerana projek pengindahan yang akan dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, mereka terpaksa berpindah ke tempat baru itu yang menyebabkan kemerosotan perniagaan mereka....

**Datuk Fu Ah Kiow:** [*Bangun*]

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tidak masuk?

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Tempat mana tadi? Jalan apa?

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ini Tuan Pengerusi tahulah, Pusat Penjaja Engku Puan di Johor Bahru.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah peruntukan itu datang daripada kementerian Yang Berhormat ataupun tidak?

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya difahamkan ada di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Pengerusi, saya akan jawab nanti tetapi saya tidak pasti mana tempat yang disebut oleh Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tidak pasti, cuma.... Yang Berhormat bagi Sri Gading tahu ya? Johor Bahru, semua orang tahu., tidak apa.

Satu lagi saya merujuk kepada Butiran 010100 – Pengurusan Am. Saya pernah bawa perkara ini tetapi tidak ada seorang pun boleh bagi jawapan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah rasional apabila Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan Kerajaan Negeri Melaka telah menggantung *banner* yang mengandungi perkataan-perkataan *Malaya for Malays* sempena pelancaran Kempen Mengibarat Jalur Gemilang di Melaka. *Banner* telah digantung di beberapa buah jalan utama di Melaka dan saya telah katakan bahawa ini telah menyakiti perasaan begitu ramai orang dan saya hendak menegaskan di sini dan katakan di sini bahawa itu memang satu fakta sejarah yang saya tidak mempertikaikan tetapi mesej itu tidak sesuai dan tidak *compatible* untuk digunakan sejajar dengan Hari Kemerdekaan.

Saya tidak akan bantah kalau ia dipamerkan sebagai aktiviti UMNO tetapi untuk Hari Kemerdekaan, mengapa kita hendak gunakan satu mesej yang boleh menyebabkan perasaan orang terkilan. Kita haruslah faham sejarah. Saya pernah kata di Dewan ini bahawa mengikut buku teks yang digunakan oleh murid-murid di SJK(C), saya pernah berkata di sini bahawa dengan izin, "*In the nation journey towards independence, many great man contributed their efforts. For example, Dato' Onn Jaafar who raised political consciousness of the Malays to fight against the Malayan Union proposal. When the Malay emotion highly charged, he was worried that racial confrontation might occur and as a result, a racial relations community was formed in Penang in 1949.*"

Mengapakah penentangan terhadap Malayan Union Proposal boleh menyebabkan emosi orang Melayu menjadi tinggi dan hangat sehingga Dato' Onn Jaafar begitu risau. Itulah sebabnya saya kata kalau Hari Kemerdekaan ini, saya hendak buat kenyataan, saya buat. Saya minta supaya rakyat bersatu-padu, saling menghormati *and we should understanding*. Takkanlah saya hendak kata, kena hormat semua, kena bersatu-padu, kalau tidak, akan ada Mei 13. Ini bukan mesej yang betul. Itu sahaja saya kata. Mesej itu tidak *compatible* dan tidak sesuai untuk Hari Kemerdekaan. Saya harap kesilapan ini jangan diulangi.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 02400 – Projek Pengindahan Sungai Melaka. Saya ucapkan terima kasih kepada kementerian oleh kerana memberikan peruntukan ini tetapi ada satu yang saya hendak timbulkan. Saya nampak projek itu ada satu papan tanda projek yang mengatakan "*Satu Lagi Projek Kerajaan Barisan Nasional*". Pada saya, ini satu sikap "*kiasu*", tidak ada *confidence* kah? Semua orang di Melaka tahulah kerajaan itu ialah Kerajaan Barisan Nasional.

Kemungkinan dahulu ini di Kelantan, mereka ada sedikit kekeliruan tetapi di Melaka, *I think we insult to the intelligence of people*. Mengapa hendak sebut itu? Kalau hendak pameran kata-kata itu, banyak tempat boleh dipamerkan. IRB *department* kerajaan, PBT, *department* Kerajaan Barisan Nasional, ini satu perbuatan yang saya rasa tidak perlu....*it reflects more of a lost confidence in yourself rather than is a good publicity start*.

Jadi, saya rasa cuba kita hakiskan sikap "*kiasu*" ini. Saya rasa cuma ada di Malaysia sahaja di mana papan tanda sedemikian dengan kata-kata sedemikian akan dipamerkan. *Show me!* Saya tahulah semua menteri pergi melancong dan melawat negara-negara lain, mana ada satu negara akan sanggup berbuat demikian. Cuma Barisan Nasional. Saya rasa ini kita hakiskan sikap ini....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulunglah.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Okay, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Serdang.

**5.26 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Tuan Pengerusi, Butiran 060000 – Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan Butiran 01100 - Program Penyediaan/Peningkatan Kemudahan Pelancongan.

Tuan Pengerusi, industri pelancongan adalah sebagai salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan sosioekonomi negara kita. Maka, usaha dan promosi yang dijalankan oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia memang berat dan bukan mudah. Ada juga tekanan daripada negara-negara asing di mana telah mengatakan seperti baru-baru ini, saya tidak tahu sama ada perkara ini masih diteruskan atau tidak iaitu Kerajaan Amerika Syarikat telah mengatakan bahawa negara kita sebagai tidak selamat. Maka, mereka telah menyeru kepada rakyat Amerika supaya jangan datang ke Malaysia pada ketika itu.

Sama ada seruan daripada Amerika Syarikat itu diteruskan di mana terus menganggap negara kita sebagai negara yang tidak selamat pada ketika itu. Oleh itu, saya minta penjelasan, sama ada ugutan daripada Amerika Syarikat terhadap negara kita masih diteruskan atau tidak. Kalau pesanan yang dikatakan oleh Amerika Syarikat itu diteruskan, maka pelancong-pelancong dari Amerika Syarikat tidak akan datang ke Malaysia. Saya minta sama ada Lembaga Penggalakan Pelancongan telah mengatasi masalah ini. Ini satu perkara yang penting.

Sebenarnya negara kita betul-betul selamat di mana persidangan antarabangsa seperti OIC yang diadakan di negara kita. Ertinya ini menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin asing yang begitu ramai terdiri daripada negara-negara OIC datang ke Malaysia, ini menunjukkan negara kita begitu selamat. Oleh itu, kita hendaklah memberi satu balasan kalau tindakan yang dibuat oleh Amerika Syarikat tersebut, maka saya harap satu tindakan atau satu balasan perlu dijalankan untuk membanteras apa yang dikatakan yang sebenarnya tidak berlaku di negara kita.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan pelancongan tempatan, oleh kerana banyak peruntukan untuk menggalakkan aktiviti pelancongan di negara kita tetapi saya minta satu pandangan. Yang sebenarnya, di negara kita ini, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sentiasa merayu kepada masyarakat tempatan supaya melancong dalam negara. Jangan pergi ke luar negeri dahulu kerana masih ada banyak tempat di negara kita yang begitu cantik dan indah seperti Cameron Highlands dan Bukit Fraser.

Tempat ini begitu terkemuka dan merupakan satu kawasan peranginan yang begitu indah dan baik tetapi saya tidak tahu, kelengkapan pelancongan di kedua-dua kawasan itu sama ada dapat diubah atau tidak, sama ada ditambah untuk peningkatan atau tidak. Kalau kedua-dua kawasan itu begitu indah dan cantik dan kawasan peranginan yang begitu baik, tidak ada perubahan atau peruntukan untuk meningkatkan kemudahan pelancongan di kawasan-kawasan tersebut. Ini akan menghalang pelancong tempatan daripada melawat ke kawasan tersebut. Ini akan menjejaskan galakan pelancongan tempatan.

Jadi, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana untuk meningkatkan kemudahan pelancongan di kedua-dua kawasan tersebut, supaya menarik bukan sahaja pelancong tempatan tetapi juga pelancong asing kedua-dua kawasan ini. Tetapi, pada waktu ini pelancong daripada negara China, dia datang ke Kuala Lumpur, selain daripada untuk pergi ke Bukit Bintang dan kawasan Bintang Walk untuk membeli-belah, tetapi dia terus hantar ke kasino di Genting Highlands. Apa salahnya menggalakkan agensi pelancongan kita menghantar pelancong-pelancong dari China ke Cameron Highlands atau bersiar-siar untuk dapat menikmati udara yang begitu nyaman di situ.

Jadi, saya tidak tahu cara mana Lembaga Penggalakan Pelancongan menasihatkan agensi pelancongan negara kita, jangan sekali-kali hantar ke Genting Highlands sahaja. Bukan tidak boleh pergi, tetapi ini menjadikan - datang ke Kuala Lumpur hanya pergi berjuti. Satu anggapan salah akan berlaku kepada pelancong dari negara China. Ini pandangan saya. Satu lagi, Tuan Pengerusi, walau pun kerajaan terus berusaha untuk meningkatkan promosi pelancongan yang lebih berkesan lagi, tetapi saya mintalah program untuk menarik ramai pelancong-pelancong asing dan tempatan ke negara kita ini perlu teratur dan tersusun. Kalau hanya membuka satu program sahaja dan tidak teratur dan tersusun, maka ini tidak dapat untuk menarik ramai pelancong datang.

Jadi, saya harap perkara ini akan dapat di perbetulkan kesilapan dan kelemahan yang telah berlaku pada masa yang lampau. Untuk atasinya, maka negara kita akan penuh dengan pelancong-pelancong asing. Tuan Pengerusi, satu perkara penting iaitu dalam bajet ini banyak peruntukan telah diperuntukkan untuk mengingatkan bekas pemimpin-pemimpin negara kita, termasuk Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussien Onn, Tun Ismail dan lain-lain. Ini untuk memperingatkan bagaimana mereka telah memberi jasa kepada negara untuk memperjuangkan kedaulatan negara kita, dan sumbangan kepada negara supaya makmur, maju dan aman.

Selain daripada itu, saya minta juga supaya bekas pemimpin-pemimpin seperti Tun Tan Cheng Lock dan Tun Sambathan. Kedua-dua bekas pemimpin yang juga bersama-sama dengan pemimpin Melayu untuk memperjuangkan kemerdekaan negara kita. Mereka juga menyumbangkan tenaga, menyumbangkan fikiran bagaimana untuk mencapai kemerdekaan pada ketika dahulu. Jadi, ertinya jasa dan sumbangan mereka patut diingati, patut dikenangkan. Maka dengan itu, saya minta sama ada seperti Dewan Peringatan untuk Tun Tan Cheng Lock atau Tun Sambathan dapat diwujudkan supaya generasi muda yang baru memahami pemimpin-pemimpin daripada berbilang bangsa di negara kita turut sama-sama berganding bahu memperjuangkan kemerdekaan dan mempertahankan kedaulatan negara kita ini. Mereka ini telah memberi jasa begitu baik, maka kenanglah jasa mereka.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana telah memperuntukkan se keping tanah. Walaupun bukan besar tetapi cukup untuk mendirikan Dewan Peringatan Kapitan Yap Ah Loy. Permohonan tanah dapat dipersetujui dan dapat diberi oleh Kerajaan Negeri Selangor supaya Dewan Peringatan Kapitan Yap Ah Loy dapat didirikan di Serdang. Jadi, proses untuk membentangkan reka bentuk dan pelan telah disampaikan kepada pihak berkuasa tempatan untuk diluluskan. Walaupun Kapitan Yap Ah Loy telah begitu lama menyumbangkan tenaga beliau di Kuala Lumpur, dan dijadikan satu sejarah yang tercatat jasanya dalam negara kita ini kerana menyumbangkan jasa kepada negara kita pada masa pembukaan Kuala Lumpur, tetapi buat waktu ini hanya masyarakat China memperingati Kapitan Yap Ah Loy.

Maka, saya mintalah kalau boleh pihak kementerian berilah pertolongan, semasa pembinaan Dewan Peringatan Kapitan Yap Ah Loy di Serdang. Ertinya, saya minta bantuan dan pertolongan supaya Dewan Peringatan itu menjadi satu tumpuan pelancongan dari negara asing. seperti negara China, supaya mereka tahu bahawa Kapitan Yap Ah Loy juga berasal daripada negeri China. Jadi, secara langsung dapat ditumpukan di dalam Dewan Peringatan tersebut. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa pembinaan Dewan Yap Ah Loy itu .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

**Dato' Yap Pian Hon:** ....kalau boleh minta pandangan daripada pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Lipis. Saya memutuskan lebih kurang seorang ataupun dua orang lagi, selepas itu Menteri akan jawab, sebab kita ada satu kementerian lagi. Sila Lipis.

**5.36 ptg.**

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya minta izin daripada Tuan Pengerusi untuk menyentuh sedikit tentang penubuhan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ini. Pada peringkat awalnya dahulu apabila hendak dinamakan kementerian ini, timbul polemik, sama ada hendak letakkan ia kesenian, kebudayaan atau pelancongan dahulu, kemudian akhirnya, Dipersetujui supaya kementerian ini dipanggil Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Bermakna tekanan kita adalah kepada soal-soal kebudayaan dan juga kesenian untuk menarik pelancong-pelancong yang akan memberi *foreign income* kepada kita, pendapatan daripada luar, *foreign currency* dan sebagainya.

Sehubungan dengan ini Tuan Pengerusi, apa yang kita patut tekankan juga supaya kita memperkukuhkan lagi seni yang ada di negara kita ini, kerana kalau kita tidak perkukuhkan umpamanya seni ini kita kontemporarikan hinggakan yang asli itu akan tercicir. Saya ambil contoh, umpamanya, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, datang daripada Pahang, saya pun datang daripada Pahang. Umpamanya, gendang Pahang, Tuan Pengerusi. Gendang Pahang ini sebenarnya datang dari kawasan saya, dari Kuala Lipis iaitu dari sebelah Pahang Barat. Jadi, ia menggunakan dua gendang dan juga satu gong. Gendangnya agak panjang sedikit daripada gendang yang ada di Kelantan dan sebagainya.

Tetapi sekarang ini, oleh sebab kita tidak perembangkan cara gendang Pahang ini, maka gendang Pahang ini pada suatu ketika dahulu sampai 12 lagunya. Antaranya, lagu '*Gendang Bederas*'. Tuan Pengerusi, fahamlah maknanya. Kalau '*Gendang Bederas*' ini, maknanya gendang itu adalah untuk kita bersilat dan kemudian lagu '*Raja Berangkat*' digunakan apabila kita ada pembesar-pembesar datang dan berbagai-bagai jenis lagu lagi. Jadi sekarang ini, saya dapati bahawa gendang Pahang ini yang mahir pun, sudah tidak boleh pergi sampai 12 atau 15 lagu. Habis kuat sampai empat lima lagu.

Dan gendang itu sendiri, orang yang membuatnya pun sudah hampir tidak ada lagi, orang yang tahu buat gendang ini mati dan juga orang yang menggendang itu, seperti yang saya kata tadi, sudah tidak pandai banyak lagu. Cara dia duduk bergendang itu pun saya tengok sudah tidak lagi macam cara dahulu. Umpamanya, gendang itu dipanggung, maknanya disilangkan kakinya, letak gendang itu dan diapit dua kaki.

Dari segi adat istiadat Melayu dahulu kita tidak boleh berlaku demikian. Maknanya kita letak sedikit sahaja peha kita di atas dan juga kita tidak perlu mengangkat tapak kaki kita di atas gendang. Jadi, soalnya Tuan Pengerusi, soal seni kita yang ada. Gong pun, di kampung-kampung nampaknya sudah di gayut begitu sahaja, tidak dimanfaatkan lagi.

Ini saya rasa oleh sebab kita kurang menumpukan dari segi mempromosikan atau memelihara seni kita yang telah hidup beratus-ratus tahun yang dahulu. Jadi dengan itu saya harap kementerian ini, seni yang lama-lama, yang sudah hampir ketinggalan dan hampir dilupakan orang, kita cungkikan semula sebab muzik gendang Pahang ini memang sedap didengar, Dato' pun tahu kan? Jadi perkara ini kalau kita tidak tumpukan perhatian maka ia akan hilang begitu sahaja.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada pusat pelancongan di daerah-daerah. Saya tengok pusat-pusat pelancongan di daerah usahkan hendak tambah besar, tambah cantik dan sebagainya tetapi bangunan yang sedia ada pun sudah tidak ada, pemandu pelancong tidak ada dan bangunan pun sudah tidak ada, jadi untuk menerangkan di mana hendak pergi ke sesuatu daerah atau tempat pelancongan sudah tidak ada. Di tempat saya sendiri saya ingat sudah empat lima tahun pusat pelancongan ini telah ditutup dan tidak ada siapa yang hendak memberi panduan ke mana hendak melawat dalam kawasan saya.

Jadi di sini saya tengok pada tahun 2002 peruntukan untuk pusat pelancongan ialah RM86,000 sedangkan objektifnya ialah untuk membantu dan memberi kemudahan penerangan pelancongan dan kebudayaan kepada pelancong atau pengunjung, menyediakan ruang bagi persembahan kesenian seperti dewan, studio dan *amphitheatre* untuk keselesaan pelancong dan pengunjung.

Jadi kalau RM86,000, bayangkan saya ingat satu Malaysia kita boleh buat satu sahaja pusat pelancongan. Kalau tahun 2003 - RM150,000 barangkali satu bangunan sahaja dan tahun 2004 - RM200,000. Jadi, saya harapkan supaya pusat-pusat pelancongan ini dapat diwujudkan semula [*Disampuk oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading*] Pusat pelancongan Datuk, Datuk peminat pusat-pusat ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Ya, pusat pelancongan ini dapat dihidupkan di tiap-tiap daerah kerana di tiap-tiap daerah memang ada keunikan tarikan pelancongan.

Yang ketiganya, Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Kementerian Pelancongan ini berhubung dengan Lembaga Penggalakan Pelancongan sama ada Yang Berhormat Menteri masih lagi memegang jawatan sebagai Pengerusi Lembaga Penggalakan Pelancongan. Saya ingat sejak daripada Yang Berhormat Menteri memegang jawatan Menteri, maka dia menjadi Pengerusi Lembaga Penggalakan Pelancongan.

Saya kira sampailah masanya Yang Berhormat Menteri ini dapat melantik orang lain untuk memegang jawatan Pengerusi Penggalakan Pelancongan ini. Jadi, janganlah Menteri pegang jawatan Menteri, kemudian pegang lagi jawatan Pengerusi. Kalau semua kementerian lain nanti mengikut contoh Yang Berhormat Menteri ini nanti, saya rasa susahlah. Kalau satu kementerian itu ada banyak lembaga, nanti dia pun hendak jadi pengerusi beberapa lembaga. Jadi, saya ingat itu sahaja perkara yang saya hendak bangkitkan pada hari ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kota Bharu.

#### 5.43 ptg.

**Tuan Ramli bin Ibrahim [Kota Bharu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada 030000, Butiran 030100 - Dasar Kebudayaan dan Kesenian, 030200 - Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian, 030300 - Kecemerlangan Seni serentak.

Tuan Pengerusi, kalau kita perhatikan kepada objektif Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ada dua yang besar. Yang pertama ialah untuk membangunkan kebudayaan kebangsaan Malaysia berteraskan Dasar Kebudayaan dan ke arah mengukuhkan perpaduan negara, memelihara dan mengawal keperibadian kebangsaan serta memperkayakan kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi; dan yang kedua memajukan industri pelancongan.

Kalau kita menilai prestasi kementerian ini, saya nampak ia tidak seimbang. Kegiatan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan banyak ditumpukan kepada soal penggalakan pelancongan sehingga sebilangan besar peruntukan-peruntukan dari kementerian ini digunakan untuk menggalakkan pelancongan. Saya dalam kesempatan ini, Tuan Pengerusi, mengucapkan terima kasih barangkali sudah berjaya dan memberi sumbangan yang besar kepada negara dalam usaha untuk menarik pelancong ke dalam negara dalam suasana negara menghadapi kemelesetan ekonomi baru-baru ini.

Bagaimanapun, yang pertama tadi saya nampak di sini ada sedikit kekurangan. Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, dalam kesempatan ini saya hendak cadangkan satu sahaja iaitu kalau boleh kementerian mestilah memperbanyakkan lagi dialog kebudayaan di antara kaum di negara ini kerana Malaysia ini selain daripada kaya dengan sumber-sumber ekonomi, negara kita juga kaya dengan unsur-unsur kebudayaan, seperti mana kata ahli-ahli sejarah kebudayaan mengatakan Malaysia antaranya ialah sebagai sebuah negara berlakunya pertembungan kebudayaan agung dari Hindu, Buddha dan kedatangan Islam pada abad pertengahan dan akhirnya dengan kedatangan pengaruh Barat dan sekarang zaman era globalisasi dan liberalisasi.

Keempat-empat unsur pertembungan ini, Tuan Pengerusi, pada fahaman saya mempunyai kekuatannya masing-masing. Oleh sebab itu, dalam usaha kita untuk merangka fahaman kebudayaan dan dikaitkan dengan soal memurnikan akhlak belia-belia negara kita, kita mesti mencari kekuatan dalam semua kebudayaan yang ada di negara kita ini. Caranya dan kaedahnya ialah kita mesti memperbanyakkan dialog di antara tokoh-tokoh budaya yang mewakili keempat-empat unsur budaya yang saya sebutkan tadi. Kita cuba mencari pertemuannya dan mengelakkan berlaku pertembungannya kerana pertembungan ini boleh menimbulkan soal *in chauvinistic*, dengan izin, menimbulkan soal kecurigaan dan kebimbangan yang boleh membawa kepada perpecahan dan tidak menimbulkan satu kemesraan secara berpadu.

Sebab itu kalau kita cuba mencari unsur-unsur kekuatan dalam keempat-empat teras kebudayaan agung yang saya sebutkan tadi barangkali kita akan berjaya membentuk satu budaya yang dikatakan Kebudayaan Kebangsaan. Meskipun rumusan-rumusan telah dibuat pada tahun 1991 untuk membentuk kebudayaan Malaysia, tetapi ini sudah terlalu lama. Barangkali sudah berlaku perubahan dengan proses pembangunan dan kemajuan negara kita, maka saya rasa Kementerian ini pula mestilah berusaha dengan bersungguh-sungguhnya untuk mencari kekuatan baru bagi membentuk Kebudayaan Kebangsaan bagi negara kita ini.

Antara unsur-unsur lama itu mesti dikekalkan seperti unsur bahasa Melayu sebagai bahasa yang boleh menjadikan bahasa perpaduan antara kaum mesti diperkukuhkan. Jangan kita biarkan unsur bahasa ini menjadi cacu murba seperti berlaku dalam *mass media* yang ada sekarang ini. Kalau ini dibiarkan akhirnya belia kita atau masyarakat generasi baru kita dengan secara beransur-ansur akan tercabut dari teras dan akar umbi budayanya. Cuba kita bayangkan bagaimana kalau satu generasi sebagai sebuah negara baru seperti Malaysia ini kalau bangun seperti generasi yang tidak tahu asal usul kebudayaan yang tercabut dari teras akar dan umbi budayanya, maka inilah barangkali menjadi punca yang dikatakan keruntuhan akhlak di negara ini.

Sebab itu saya rasa unsur-unsur ini mesti diperkukuhkan semula oleh Kementerian Belia dan Sukan ini dan barangkali sukar dilaksanakan jika bersendirian. Sebab itu saya mencadangkan supaya untuk mengadakan dialog kebudayaan ini Kementerian Kebudayaan dan Kesenian mestilah .....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Ramli bin Ibrahim:** Kementerian Kebudayaan dan Kesenian, saya bercakap fasal Kebudayaan Kebangsaan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kesenian ya. Dia tidak boleh sebut sukan, sukan berasingan ya. Itu di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

**Tuan Ramli bin Ibrahim:** Saya sebut sukan tadi? Kalau sukan tarik baliklah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Tuan Ramli bin Ibrahim:** Kebudayaan - Kebudayaan Kebangsaan. Saya minta supaya kekuatan unsur-unsur budaya yang saya istilahkan sebagai budaya agung ini mesti diperkukuhkan dengan mengambil kira unsur-unsur budaya tempatan yang kaya raya seperti di Sabah dan Sarawak. Jika unsur-unsur ini dapat diperkukuhkan, barangkali Malaysia akan menjadi satu lagi sebuah negara yang paling unik di dunia yang boleh dibanggakan oleh Kerajaan Malaysia hari ini. Memang kena setuju sebab di antara satu ciri rakyat Malaysia ini, dia hendak yang terbaik, ....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pandang ke mari, Yang Berhormat.

**Tuan Ramli bin Ibrahim:** ..... yang unik. *[Ketawa]*



**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hmm....

**Tuan Ramli bin Ibrahim:** Dia hendak yang terbaik, yang luar biasa seperti bangunan yang paling tinggi di dunia, Perdana Menteri paling lama berkhidmat dan sebagainya.

Jadi, kita juga dapat menawarkan satu bentuk kebudayaan yang paling unik hasil daripada cetusan pertembungan kebudayaan agung yang tumbuh dari budaya negara kita sendiri. Kalau ini dapat dilaksanakan, Tuan Pengerusi, saya rasa Malaysia akan menjadi satu lagi produk pelancongan. Orang datang ke Malaysia untuk melihat bagaimana nilai-nilai kebudayaan yang unik yang dibentuk oleh pertembungan kebudayaan agung yang dirumuskan oleh tokoh-tokoh budayawan di negara kita ini. Sebab itu saya rasa Kementerian Belia dan Sukan, jangan kata .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Bukan sukan, Yang Berhormat. Tegur lagi.

**Tuan Ramli bin Ibrahim:** Kesenian. Saya ini old-timer sedikit.

Jangan hanya ditumpukan kepada pelancongan sahaja, mengabaikan satu aspek yang paling penting sekali dalam merangka untuk membangunkan generasi baru ini. Sebab itu saya rasa untuk mengadakan dialog kebudayaan ini, kalau boleh, kita adakan misalnya majlis kebudayaan kebangsaan yang dianggotai oleh tokoh-tokoh budayawan, sasterawan dan ahli falsafah, ahli seni, seniman, artis, termasuk tokoh-tokoh agama yang boleh memberi sumbangan untuk merumuskan satu budaya yang boleh menjadi kebanggaan bagi negara kita ini. Tuan Pengerusi, yang kedua, saya tidak hendak cakap banyak.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, masa Yang Berhormat sudah hendak habis ini, Yang Berhormat.

**Tuan Ramli bin Ibrahim:** Dah hendak habis dah? Kalau sudah hendak habis, saya rasa itulah sahaja cadangan saya. Saya hendak rumus balik bahawa perlunya ada satu dialog kebudayaan untuk melaksanakan dialog kebudayaan ini. Kita mesti ada satu Majlis Kebudayaan yang dianggotai oleh tokoh-tokoh budaya, cendekiawan, ulama, sasterawan, pemikir-pemikir, sarjana-sarjana yang pakar dalam bidang kebudayaan yang dapat menubuhkan satu bentuk budaya baru bagi menjamin *survival* Malaysia, dengan izin, untuk masa seterusnya. Sekian, terima kasih.

**Dr. James Dawos Mamit:** [Bangun]

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** [Bangun]

**Puan Fong Po Kuan:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Oh, tiga. Kalau setuju begitu tak apa. Saya bagi Mambong, Batu Gajah - lima minit – dan Bachok, lepas itu saya minta Timbalan Menteri menjawab. Ya. Mambong dahulu.

**5.53 ptg.**

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin menyentuh satu butiran sahaja iaitu Butiran P.01900 – Pembangunan *Ecotourism*. Biasanya produk-produk *ecotourism* ini dikaitkan dengan sumber-sumber asli seperti hutan, tumbuh-tumbuhan, hidupan liar, sungai-sungai bersih dan sebagainya.

Dalam hal ini, kerajaan perlu mengenal pasti *bio-regions* - dengan izin - yang perlu dipelihara untuk tujuan *ecotourism*. *Bio-regions* yang sedia ada di negara kita ialah Taman Negara di Pahang, Taman-taman Negara di Sarawak dan Sabah, *wildlife sanctuaries* dan *nature reserves*. Tempat-tempat ini haruslah diurus dengan baik tetapi mengikut dasar dan garis panduan yang sedia ada.

Saya ingin bertanya, adakah dasar dan garis-garis panduan berkaitan dengan *ecotourism* wujud di negara kita? Jika tidak, adalah wajar bagi kementerian merumuskannya kerana kedatangan pelancong-pelancong ke tempat-tempat yang menarik,

indah, *natural* dan tenteram sudah tentu merosakkan tempat-tempat yang dilawati. Justeru itu, perlu dikawal kedatangan pelancong-pelancong ke taman-taman negara kita.

Dalam hal ini, saya menyarankan kajian dijalankan bagi menentukan *carrying capacity*, dengan izin, di tempat-tempat *ecotourism* di negara kita. Jika kerajaan ingin membangunkan industri *ecotourism* dan mengembangkannya, adalah perlu jika satu kajian terperinci dibuat juga bagi menilai *economic values of natural areas to tourism*, dengan izin, termasuk peluang pekerjaan, pelaburan dan *income* daripada *ecotourism*. Dalam industri *ecotourism*, pelancong-pelancong asing yang datang adalah kebanyakannya dari kalangan *backpackers* yang tidak berbelanja besar dan pendapatan industri ini di negara kita adalah kecil.

Di Australia, kerajaan negara itu menggunakan dua strategi bagi membangunkan industri *ecotourism* iaitu pertama kaedah perancangan *bio-regional*. Yang kedua, pembangunan dasar ataupun polisi yang bersepadu bagi pemeliharaan sumber-sumber asli. Oleh itu, industri *bio-tourism* dipertanggungjawabkan untuk memastikan pemeliharaan ataupun *conservation of natural resources* di negara itu. Australia ialah sebuah negara yang berjaya dalam industri *ecotourism* di mana pendapatan daripada industri tersebut menyumbang 5.5% kepada KDNK negara itu. Oleh itu saya menyarankan kajian terperinci juga dibuat bagi menentukan sumbangan *ecotourism* kepada KDNK negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Batu Gajah pula. Ya. Patut lima minit sahaja ini. Ya, sila Batu Gajah.

**5.58 ptg.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana bagi peluang kepada saya turut berbahas dalam kementerian ini. Saya ingin merujuk kepada Butiran 030200 – Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian. Yang baik saya akan puji dan kurang baik, saya akan memberi kritikan dan cadangan kepada kementerian.

Berkenaan dengan pengiklanan mempromosikan Malaysia "*Malaysia Truly Asia*" ini memang berjaya. Walaupun kita ke luar negara, kita dapat nampak penduduk luar negara pun boleh menyanyi "*Malaysia Truly Asia*" ini, akan tetapi yang saya risaukan ialah persembahan yang dijalankan oleh kementerian untuk mempromosikan Malaysia di luar negara ini sebab di antara program-program yang saya hadiri yang dijalankan oleh kementerian, saya nampak pertunjukan kebudayaan ini tidak terdiri daripada pelbagai bangsa. Penari-penarinya saya nampak hanya satu bangsa sahaja.

Saya boleh bagi contoh. Baru-baru ini di Genting Highlands, saya menghadiri satu mesyuarat di sana. Penari-penari tarian Cina ini memakai *cheongsam* tetapi di dalam pakaian itu dia memakai seluar panjang. Penari-penari lelaki yang menari tarian India ini memakai *polysuit* yang ketat. Jadi ini tidak mempromosikan keaslian kebudayaan pelbagai kaum di negara kita ini. Saya rasa gembira apabila kaum bangsa yang lain boleh menari tarian bangsa yang lain. Ini saya amat bangga tetapi yang saya risaukan ialah kita tidak menunjukkan kebudayaan yang asli kepada negara lain, sebab kalau mengikut pandangan aspek agama Islam ini tidak boleh mendedahkan kakinya. Itu aurat. Jadi wanita yang menari itu pakai *cheongsam*, dia pakai satu seluar panjang dekat dalam.

Ini persoalannya, saya harap kementerian boleh mengambil perhatian berkenaan perkara ini. Di atas pentas, seharusnya "*Malaysia Truly Asia*" terdiri dari pelbagai kaum, mempunyai penari yang berbagai warna kulit, baru menunjukkan kita *multiracial*. Ini salah satu contohnya. Kita lihat warna kulit yang sama. Sepatutnya ada yang coklat, gelap, ada warna putih tetapi keadaan tidak sebegini. Jadi saya harap kementerian boleh mengambil perhatian berkenaan perkara ini.

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 00800 – Kajian Pelancongan. Ini berkenaan tempat-tempat pelancongan. Saya bagi satu contoh di Jalan Petaling atau Petaling Street, yang juga dikenali sebagai Chinatown. Apabila kita membawa pelancong atau kawan-kawan kita dari luar negeri ke tempat tersebut, kita nampak barangan cetak rompak lebih banyak daripada barangan promosi Malaysia. Jadi apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian dalam perkara ini? Kalau kita ke Chinatown di Singapura,

kita tengok mereka benar-benar jual barangan yang menunjukkan budaya kaum Cina. Kalau pergi ke Little India di Singapura ada barangan-barangan kaum India.

Jadi saya harap kementerian dapat mengambil perhatian dalam aspek ini dan juga gerai-gerai di Jalan Petaling ini ramai penjual dan peniaga ini ialah pekerja asing yang bersikap begitu kasar sekali apabila orang tempatan pergi membeli barangan. Mereka lebih suka membuat perniagaan dengan pelancong daripada orang tempatan. Jadi saya harap perkara ini boleh diambil perhatian oleh kementerian.

Tadi saya tertinggal berkenaan dengan pembangunan kebudayaan dan kesenian. Saya ingin mencadangkan agar kementerian boleh menubuhkan satu pusat di mana pusat ini menjadi satu pusat maklumat. Juga satu *community centre*, dengan izin di mana pelbagai kaum boleh menggunakan tempat tersebut untuk mendapat maklumat berkenaan adat, kepercayaan, kebudayaan kaum-kaum yang lain. Saya bagi satu contoh Tuan Pengerusi, di *National United States America, Scarret Barnet* satu pusat dikendalikan oleh NGO di mana pusat itu juga mempunyai buku-buku, di mana pelbagai kaum menggunakan pusat itu untuk menjalankan adat istiadat perkahwinan mereka.

Jadi ini membolehkan kaum-kaum yang lain datang untuk memahami, mengenali budaya dan adat kaum yang lain. Tidak memadai setakat mengadakan rumah hari terbuka, kita boleh nampak kementerian yang menjalankan rumah hari terbuka ini ramai yang pergi untuk makan sahaja. Setakat makan dan menyaksikan persembahan tetapi maklumat sebenarnya apakah sejarah, apakah makna setiap persembahan orang ramai yang hadir mereka tidak tahu. Mereka mengambil sebagai satu hiburan sahaja untuk mendapatkan makanan percuma sahaja. Jadi saya harap kementerian boleh mengambil perhatian berkenaan perkara ini. Saya ingin merujuk kepada Butiran 030200, Tuan Pengerusi, berapa lama lagi masa?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, masa ada lima minit lagi, Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Okey, terima kasih. saya ingin merujuk kepada Butiran 030200 juga mengenai Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian. Ini berkenaan baru-baru ini semasa membentangkan bajet, kementerian telah menggalakkan juga memberi pelbagai insentif bagi memajukan hasil karya seni dan budaya tempatan bagi meningkatkan kecemerlangan dan pendidikan seni malahan telah memperuntukkan lebih kurang RM87 juta untuk kegiatan dan latihan seni serta budaya, tetapi pada masa yang sama kementerian menggalakkan kesenian ini, saya nampak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menubuhkan satu jawatankuasa bagi menapis skrip artis-artis teater kita ini.

Jadi saya pohon kementerian untuk memberi penjelasan bagaimana ini boleh selaras dengan langkah kementerian untuk menggalakkan pembangunan kesenian ini sebab syarat-syarat yang dikemukakan oleh jawatankuasa ini adalah seperti tidak boleh menyentuh sensitiviti kaum, yang itu saya tidak akan mempersoalkan tetapi tidak boleh dalam meninggalkan kesan berkenaan polisi dan pentadbiran kerajaan, tidak boleh menyentuh mengenai isu-isu berkenaan undang-undang, tidak boleh mendedahkan cara pemakaian yang mendedahkan kulit yang banyak, jadi saya risaulah kalau ada jawatankuasa sedemikian, ia dipengerusikan oleh orang yang berfikiran yang sempit, yang tidak memahami sensitiviti kaum lain.

Saya bagi contoh Tuan Pengerusi, baru-baru ini beberapa bulan yang lepas di Ipoh, orang bersiar-siar dengan izin "pak torr" di taman dengan memegang tangan mereka ini dikeluarkan saman. Begitu juga di KLCC perkara yang sama berlaku. Ini adalah kurang sensitiviti terhadap kaum lain. Jadi saya risau kalau jawatankuasa sedemikian untuk menapis skrip-skrip ini, ini telah menghalang artis-artis kita untuk mempunyai daya kreativiti, kebebasan untuk meluahkan perasaan mereka melalui cara pemakaian mereka, melalui kata-kata mereka, melalui skrip mereka.

Bagi contoh yang berlaku ialah Instant Café Theatre Company di mana mereka mengharungi pelbagai halangan kerana tapisan dan syarat-syarat yang dikenakan oleh DBKL terhadap Bollywood Award mereka, tetapi walaupun selepas halangan begitu banyak, mereka telah berjaya melaksanakan pementasan tersebut. Jadi saya harap kementerian boleh campur tangan dalam perkara ini dan tidak menolak tanggungjawab

mengatakan bahawa ini bukan di bawah bidang kuasa kementerian. Jadi saya rasa itu sahaja yang akan saya bangkitkan. Sekali lagi ribuan terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terima kasih. Bachok selepas itu Timbalan Menteri menjawab.

#### 6.05 ptg.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyentuh khusus berhubung dengan kajian pelancongan dalam usaha untuk menggalakkan sektor pelancongan dalam negara dan penilaian khusus saya hendak sebutkan pada petang ini berhubung dengan prestasi Program Citrawarna. Ini adalah kerana kita lihat bermula dari hujung 16 Oktober 1999, pertama kali Program Citrawarna ini telah pun dipromosikan oleh pihak kementerian ini yang antara lain dimaksudkan untuk mempamerkan kekayaan warisan budaya daripada pelbagai bangsa dan kaum di tanahair kita, dan dicitrakan lagi dengan satu program menarik dalam Program Citrawarna ini ialah Malaysia Truly Asia.

Yang penting untuk dapat maklumat daripada pihak kementerian ini, setakat ini berapa kali program ini sudah dilaksanakan dan berapakah perbelanjaan telah dihabiskan untuk menjayakan majlis-majlis citrawarna yang diarak daripada Sabah, Sarawak sampai ke Perlis dan setakat mana perbelanjaan itu telah kita lihat memberi nilai faedah ataupun pulangan yang lumayan kepada industri pelancongan negara kerana promosi citrawarna ini diwar-warkan, diperlebar sampai ke luar negara menerusi agensi-agensi pelancongan.

Cumanya saya ingin mendapat penjelasan lagi secara terperinci kalau boleh pihak Yang Berhormat daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memberi jawapan secara *detail*, kalau tidak secara lisan hari ini mungkin secara bertulis kepada saya bagi mendapatkan kos-kos di setiap tempat program Citrawarna ini, dibuat kerana kita mendapat maklumat bahawa setiap satu majlis Citrawarna ini belanjanya jutaan ringgit. Untuk satu pakej hiburan sahaja ianya melibatkan ratusan ribu. Untuk seorang artis sahaja sampai puluhan ribu. Ini satu nilai yang boleh kita nilai dari sudut prestasi program ini untuk menjana satu kekuatan ekonomi pelancongan sekaligus menjayakan matlamat Citrawarna itu sendiri untuk mempamer, memaju dan juga untuk menghidupkan warisan budaya negara kita yang terlalu kepelbagaian ini.

Apa yang saya dimaklumkan lagi matlamat Citrawarna ini ialah untuk melahirkan suatu semangat patriotisme dan juga kulturisme di samping untuk membangkitkan kesedaran kepada generasi baru tentang warisan budaya yang telah pun diwarisi daripada setiap kaum. Namun yang kita ragui daripada sebalik program ini ialah adakah pihak kementerian telah membuat satu kajian sama ada secara spesifik atau secara rambang di semua pusat ataupun tempat program Citrawarna ini diadakan, ianya memberi satu nilai positif ataupun ianya banyak membawa kesan negatif.

Ini adalah kerana apa yang kita lihat yang jelas secara langsung kesan daripada program ini misalnya kes yang telah dibuat kajian oleh beberapa pihak khususnya daripada ahli akademik tempatan, sebaik sahaja selesai program ini di Dataran Merdeka, kesan langsung daripada itu ialah bertaburannya kotak rokok, kemudian bertaburan juga tin-tin minuman beer ataupun minuman keras, tidak kurang pula sampah sarap yang membebankan DBKL dan yang paling mendukacitakan pula ditemui bukan sedikit *condom-condom* yang telah digunakan kerana program ini berakhir hingga ke lewat malam.

Jadi perkara-perkara begini kita lihat dari aspek negatifnya program ini telah menjana suatu kebobrokan dalam nilai hidup generasi baru khususnya belia-belia dalam tanah air kita yang pada peringkat awal ialah untuk memastikan program ini memberi satu nilai positif kepada warisan budaya kita. Itu di antara saya ingat pihak kementerian secara ikhlas boleh memberi satu jawapan kerana kita bimbang dengan budaya Citrawarna ini boleh membawa satu pendekatan yang merosakkan imej budaya dan identiti belia kita. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tepat lima minit. Saya jemput Timbalan Menteri menjawab.

**6.10 ptg.**

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Datuk Fu Ah Kiow]:** Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terlebih dahulu ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan cadangan terhadap aktiviti-aktiviti di bawah kementerian saya. Saya akan cuba menjawab se mana boleh dan di mana ada kaitan dengan butiran dan utiliti, saya akan memastikan pegawai-pegawai mengambil perhatian terhadap isu-isu tersebut.

Yang pertama, Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong telah mengatakan pembangunan seni dan kebudayaan yang dijalankan oleh kementerian saya adalah tidak mencukupi. Perkara ini ingin saya memberitahu, maklumat yang diterima oleh Yang Berhormat mungkin tidak tepat. Ingin saya memberitahu, sebenarnya dalam sepanjang tahun di bawah kementerian saya telah menyediakan pelbagai aktiviti kebudayaan dan kesenian dan maklumat-maklumat boleh didapati daripada brosur ini di mana telah pun tersenarai aktiviti-aktiviti kebudayaan dan kesenian bagi setiap bulan, sepanjang tahun. Ia ada yang dianjurkan oleh negeri, ada yang dianjurkan oleh kementerian, ada yang dianjurkan oleh Akademi Seni Negara, ada yang dianjurkan oleh Istana Budaya dan sebagainya....

**Chow Kon Yeow:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Tanjong berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

**Datuk Fu Ah Kiow:** Belum *start* lagi, nantilah....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, belum. Baru mula....

**Datuk Fu Ah Kiow:** ....lagi sedikit lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak jawab lagi...?

**Datuk Fu Ah Kiow:** Belum jawab lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha!...sedikit lagi Yang Berhormat.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Okey, okey lah!....

**Chow Kon Yeow:** Apa yang saya cakap, sebab angka yang saya sebut Tuan Pengerusi adalah dengan merujuk kepada prestasi aktiviti yang dianjurkan oleh Istana Budaya, bukan di seluruh negara.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Istana Budaya ini merupakan tempat pementasan yang khasnya untuk pementasan yang bertaraf antarabangsa. Kita tidak bertujuan untuk menjadikan Istana Budaya yang menganjurkan pementasan seperti pertunjukan pop, pertunjukan kebudayaan yang tidak bertaraf antarabangsa. Oleh itu Istana Budaya memang bertujuan untuk taraf yang lebih tinggi dan kita memang memilih atas sesuatu pertunjukan yang berstandard antarabangsa.

Oleh itu walaupun ia adalah kurang tetapi ia memang setiap kali bila kita ada sesuatu pementasan ia mengambil masa yang lebih panjang dan ia juga bertaraf antarabangsa.

Sebab itu kalau dikira bilangan pementasan, memang ia kurang sedikit berbanding dengan lain-lain tempat. Jadi, kita perlu faham tujuan Istana Budaya.

Perkara yang kedua yang telah disebut ialah tentang tempat-tempat pelancongan di Pulau Pinang, Yang Berhormat mengatakan tidak ada tempat yang baru dan sebagainya. Ingin saya memberitahu bahawa pembangunan sesuatu tempat pelancongan adalah tanggungjawab bersama antara pihak kerajaan negeri dan pihak kementerian saya.

Adalah tidak benar mengatakan Pulau Pinang tidak ada tarikan pelancongan yang baru. Sebenarnya kini ada beberapa projek sedang dijalankan dan antara projek-projek baru pelancongan ialah pembangunan kawasan Pantai Acheh dan Pantai Keracut sebagai Taman Negeri. Selain daripada itu Pantai Muka Head juga telah menjadi satu tempat

pelancongan dan baru-baru ini Kementerian saya juga telah banyak memberikan peruntukan untuk menjadikan kawasan Little India sebagai satu tarikan pelancong di Pulau Pinang. Jadi, jelas Kementerian saya sentiasa bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memajukan tempat pelancongan baru.

Tentang pengawalseliaan terhadap pengindahan dan tahap kebersihan di tempat-tempat pelancongan, saya mengatakan ini memang sentiasa diambil berat oleh Kementerian saya. Walau bagaimanapun, kebanyakan tempat pelancongan adalah di bawah jagaan kerajaan tempatan atau pihak berkuasa tempatan atau PBT, khususnya majlis perbandaran dan sebagainya. Jadi, kita memang sentiasa mengawal selia dan sentiasa memberikan teguran kepada pihak-pihak tertentu yang menjaga kebersihan tetapi kita juga berharap orang ramai juga perlu bersama-sama memainkan peranan bekerjasama untuk tidak mengotorkan tempat-tempat tersebut.

Tuan Pengerusi, tentang projek pembersihan dan rawatan air Sungai Pinang. Ini merupakan satu projek yang besar-besaran yang telah diberikan peruntukan oleh Kementerian saya. Projek ini akan dikendalikan oleh Ibu Pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran di bawah Kementerian Pertanian. Pihak JPS sedang menimbangkan bagi melantik kontraktor bagi melaksanakan projek yang dijangka bermula pada tahun hadapan. Tentang kekurangan hotel yang murah untuk menampung pelancong-pelancong muda. Ingin saya memaklumkan bahawa kerajaan telah mendirikan banyak hotel-hotel seperti Hotel Sri Malaysia di mana harganya adalah lebih rendah.

Selain daripada itu melalui program 3P iaitu Program Pelancongan Pelajar, kerajaan pun cuba se mana boleh menggunakan hostel-hostel semasa musim cuti untuk menggalakkan pelancong-pelancong muda khususnya pelancong pelajar untuk melancong dan menggunakan kemudahan tersebut supaya kita dapat mengurangkan caj-caj pakej pelancongan. Rumah kongsi di Pulau Pinang ke bangunan bersejarah, Yang Berhormat minta supaya kerajaan memberi banyak bantuan. Kerajaan memang memberi perhatian terhadap pemulihan bangunan tersebut dan jika ada sesuatu yang memang bersejarah dan ada cadangan daripada pihak kerajaan negeri maka kita akan kaji.

Mengenai dengan program *home stay*. Ingin saya menyatakan bahawa kerajaan telah menyediakan *directory home stay* dan telah diedarkan kepada semua pusat-pusat pelancongan negeri serta pejabat-pejabat Malaysian Tourism di luar negara. Untuk mempromosikan program ini, setakat ini ada seramai 822 orang peserta daripada 50 buah kampung di seluruh negara telah berdaftar dengan Kementerian saya dan kami juga memberikan kursus kepada pengendali-pengendali program ini. Persatuan Homestay Malaysia juga bergiat aktif dalam mempromosikan produk ini di kalangan pelancong antarabangsa.

Mengenai dengan Muzium Pulau Pinang, ingin saya memaklumkan bahawa Muzium Pulau Pinang merupakan muzium negeri. Walau bagaimana pun, Kerajaan Pusat juga memberi bantuan dari aspek teknikal untuk membantu pihak-pihak muzium negeri mengendalikan tempat-tempat muzium negeri. Selain daripada itu, kerajaan juga ada memberi peruntukan walaupun tidak banyak untuk memajukan muzium di kawasan Utara sebanyak RM1.5 juta untuk muzium-muzium di kawasan Utara yang dipunyai oleh pihak-pihak kerajaan negeri.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah menyentuh isu e-Visa yang telah dicadangkan untuk menarik lebih ramai pelancong dan juga bagi memudahkan pelancong dari negara China dan India untuk datang ke negara kita. Ini memang merupakan satu kaedah di mana kami berharap pihak Kementerian Dalam Negeri dan juga Kementerian Luar Negeri akan berbincang dan membuat satu keputusan secepat mungkin. Kami sedar bahawa negara China dan India merupakan pasaran yang amat penting memandangkan negara China adalah amat luas, dan bilangan pejabat-pejabat Tourism Malaysia di negara tersebut adalah terhad. Misalnya, di negara China kita hanya mempunyai tiga tempat yang mengeluarkan visa untuk pelancong-pelancong dari China, iaitu di Guanzhou, di Shanghai dan di Beijing.

Maka kita telah mencadangkan supaya kerajaan mengkaji kemungkinan memperkenalkan kaedah e-Visa supaya ia boleh memudahkan pelancong dari kawasan

pedalaman negara China untuk memohon e-Visa, dan ini sedang dibincangkan antara pihak Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Luar Negeri supaya sesuatu keputusan dapat diambil.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Datuk Fu Ah Kiow:** Isu kedua yang telah disentuh ialah tentang .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya memang nampak di KLIA pun kita ada memuatkan bahasa Jepun, bahasa Mandarin pun sudah ada, untuk menarik pelancong-pelancong. Itu satu langkah yang baru dan saya pun berharap pelancong daripada India, China dan Singapura dan sekitarnya dapat berkunjung ke Malaysia. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat mengkaji dari segi tambang, sama ada penerbangan ataupun cara-cara yang lain. Misalnya, kalau kita kira tambang dari Changi, Singapura ke KLIA ulang-alik, tambangnya hampir S\$400. Dengan tambang tidak sampai S\$400 ini mereka boleh terbang ke Bangkok, dan dengan harga tambang yang sama juga mereka boleh terbang ke Beijing. Kita mesti kaji bahawa kota Bangkok memang ada daya penarik tersendiri dan Beijing pun begitu juga.

Apakah keistimewaan Malaysia ini? Memang kita ada keistimewaan berbanding dengan Bangkok atau Beijing, dengan tambang yang sama untuk ke Bangkok - saya ingat tidak sampai S\$400 bagi penerbangan dari Changi ke Bangkok. Saya berharap Yang Berhormat dapat mengkaji dari segi tambang dan sebagainya, bagaimanakah keistimewaan Malaysia yang "*Truly Asia*" ini dapat menarik mereka untuk datang ke Malaysia. Memang kebanyakan pelancong yang datang ke Malaysia sekarang pun, lebih daripada separuh adalah daripada Singapura, dan kalau kita tidak boleh menyelesaikan soal tambang ini maka kita akan menghadapi kesusahan.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Yang Berhormat bagi Kepong, isu yang sebenar adalah isu visa, tidak ada kaitan dengan tambang – isu visa. Bagaimanapun saya menyambut baik cadangan Yang Berhormat. Kita memang perlu sentiasa mengkaji daya saing pakej-pakej yang diperkenalkan oleh syarikat-syarikat pelancongan supaya kita dapat bersaing bagi perjalanan ke lain-lain negara.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan isu yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah supaya semua tempat pelancongan mesti ada kemudahan dan kaedah untuk mereka yang cacat dan juga untuk golongan warga tua, ini memang sesuatu yang sentiasa diberi perhatian dan sentiasa diingatkan apabila sesuatu projek pembangunan tempat pelancongan dibina. Walau bagaimanapun, kita perlu sentiasa mengingatkan lagi dan memastikan segala pelan-pelan pembangunan sesuatu produk pelancongan akan mendapatkan kemudahan-kemudahan tersebut.

Tentang kedai pelancong yang telah dicadangkan supaya kedai pelancong tersebut dapat membantu pelancong dari segi memberi segala maklumat mengenai dengan produk pelancongan, ingin saya memberitahu bahawa kini terdapat Pejabat Tourism Malaysia diwujudkan di hampir semua negeri. Selain daripada itu, kita juga ada banyak pejabat informasi (*Information Office*) untuk membantu pelancong mendapatkan maklumat mengenai dengan produk-produk pelancongan dan lain-lain perkara seperti perhotelan dan sebagainya.

Yang Berhormat bagi Pasir Mas telah menyebut tentang kesan kejadian serangan 911 dan bahawa ramai pelancong dari negara Arab telah pun mengunjungi Malaysia. Ingin saya memberitahu bahawa adalah benar bilangan pelancong dari negara Arab dan negara-negara Asia Barat telah pun meningkat sejak peristiwa 911, dan kini kementerian saya menganggap pasaran tersebut adalah satu pasaran yang mempunyai potensi yang besar. Oleh itu, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah mengetuai rombongan misi promosi ke negara-negara tersebut, dengan harapan kita dapat mempromosikan Malaysia kepada rakyat di negara-negara tersebut.

Tentang kami memerlukan lebih ramai pemandu pelancong yang pandai bertutur dalam bahasa Arab, ingin saya memberitahu bahawa buat masa ini, bilangan pemandu pelancong yang pandai bertutur dalam bahasa Arab cuma 33 orang sahaja. Adalah menjadi harapan kementerian ini dan juga dalam perancangan kita, untuk memperbanyakkan lagi bilangan pemandu-pemandu pelancong yang pandai dalam bahasa Arab.

Tentang keperluan untuk memastikan pemandu pelancong memberi perkhidmatan yang memuaskan dan bersopan santun dan sebagainya, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa dalam memastikan dan mendaftar seseorang pemandu pelancong, kementerian memang mengenakan syarat yang ketat bagi seseorang itu didaftarkan sebagai pemandu pelancong.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Sri Gading hendak keluarah atau hendak apa?

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** *[Memberi isyarat tangan tanda hendak keluar Dewan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Aaa! Sila.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Ia perlu melulusi kursus MLVK Level 3 dan selepas itu ia juga perlu lulus peperiksaan daripada MOCAT, iaitu kementerian saya, dan selepas itu ia sekali lagi perlu mengikuti sekurang-kurangnya tiga kali *in-service course*, dengan izin, dalam setiap tahun supaya seseorang pemandu pelancong boleh memperbaharui lesen yang telah diluluskan kepada beliau. Jadi, ini adalah langkah-langkah bagi memastikan perkhidmatan pemandu pelancong adalah bertaraf tinggi dan memuaskan. Kita juga sentiasa memantau perilaku pemandu pelancong. Jika ada apa-apa aduan terhadap seseorang pemandu pelancong, tindakan tegas akan diambil terhadap pemandu pelancong tersebut.

Yang Berhormat bagi Pasir Mas juga telah menyentuh tentang pementasan kebudayaan yang tidak sesuai dan sebagainya. Ingin saya maklumkan bahawa kementerian memang sentiasa memastikan segala pementasan kebudayaan di semua tempat pelancongan, dan khususnya di acara-acara yang dianjurkan oleh kementerian, tidak menjolok mata dan tidak bercanggah dengan mana-mana adat resam dan budaya mana-mana kaum di negara kita.

Tentang aduan bahawa pementasan kumpulan Linkin Park tidak sesuai baru-baru ini semasa OIC, saya rasa itu adalah tidak tepat. Setahu saya apa yang telah ditunjukkan di situ memang mendapat pujian daripada orang ramai. Tidak ada siapa pun yang mengatakan ia tidak sesuai. Jadi, saya percaya itu adalah pandangan Yang Berhormat sendiri sahaja. Yang Berhormat bagi Sri Gading telah menyebut tentang kekurangan makanan semasa hari perayaan. Saya akan ambil perhatian dalam perkara tersebut dan saya akan pastikan makanan adalah mencukupi pada perayaan-perayaan yang akan datang. Tentang pakaian menjolok mata, itu pun telah dijawab tadi.

Tentang pelancong-pelancong daripada Indonesia. Saya hendak menekankan kita tidak mengabaikan kepentingan pasaran pelancong-pelancong daripada negara Indonesia. Kita sentiasa mengadakan promosi dan pengiklanan di Indonesia melalui Pejabat Tourism Malaysia di Jakarta untuk memastikan lebih ramai pelancong Indonesia mengunjungi Malaysia. Sebenarnya pelancong Indonesia merupakan bilangan pelancong yang ketiga terbesar daripada jumlah 13 juta pelancong yang melawat Malaysia pada tahun lepas. Jadi, saya ingin menekankan, ia memang merupakan suatu pasaran yang sentiasa diberi perhatian berat dan juga akan terus diberi perhatian yang sewajarnya.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka menyebut, projek memindahkan pusat penjaja Engku Puan di Johor Bahru. Saya telah semak senarai projek yang telah diluluskan untuk negeri Johor. Ia memang tidak tersenarai dalam bilangan projek yang ada di situ, mungkin ia merupakan satu projek kerajaan negeri dan saya tidak dapat memberi apa-apa jawapan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa]**



Tentang visual yang telah disebut oleh Yang Berhormat iaitu visual yang telah digunakan semasa perayaan kemerdekaan. Ingin saya beritahu bahawa visual ini telah dipilih berdasarkan rentetan sejarah dan era pemimpin-pemimpin tersebut dan ia tidak bertujuan seperti yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya rasa kalau kita kaji dan lihat apa yang telah dilakukan oleh kementerian saya pada tahun-tahun kebelakangan ini, kita boleh dapati kementerian ini penuh dengan keikhlasan untuk menunjukkan kepada semua rakyat yang berbilang kaum di negara ini betapa pentingnya kita menghargai perpaduan antara kaum. Oleh sebab itu, kita lihat dalam segala acara besar-besaran, sama ada dalam perayaan kemerdekaan, perayaan ambang merdeka atau di semua perayaan kaum di Malaysia kita sentiasa memastikan segala pementasan, ada kebudayaan daripada semua kaum.

Jadi, sepatutnya usaha dari kementerian ini patut dipuji dan jangan kita menimbulkan sesuatu yang pada saya seolah-olah ia telah memperkenalkan segala usaha yang dijalankan oleh kementerian. Saya rasa itu tidak berapa baguslah. Lagipun kalau kita lihat selama ini....

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri....

**Datuk Fu Ah Kiow:** Saya belum habis lagi, nanti saya bagi. Jadi, kalau kita tanya semua orang di negara kita atau semua pemimpin, semua lapisan masyarakat, semua telah memberi pujian terhadap usaha kementerian saya. Jadi, saya rasa seperti tidak dijelaskan bahawa visual tersebut telah dipilih berdasarkan kepada rentetan sejarah pada masa itu, jadi, tidak payahlah kita heboh-hebohkan perkara ini seolah-olah kementerian saya tidak menjalankan apa-apa usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum dan juga dari pelbagai wilayah. Saya rasa itu patutnya sikap kita agar jangan menghebohkan perkara yang pada saya memang remeh.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya berharap jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat itu tidak bermakna, oleh kerana kerajaan telah buat begitu banyak segala-galanya, ada kesilapan pun kita tidak boleh buat kritikan. Saya tidak pernah kata bahawa kerajaan tidak buat apa-apa pun, aktiviti salah.

Saya cuma kata bahawa *banner* itu memang mengandungi perkataan-perkataan "*Malaya for Malays*". Itu telah menyakitkan hati begitu ramai orang di Melaka. *Are you saying that they are over react?* Betul-betul saya tahu, *feedback* daripada orang-orang di kedai, saya sendiri bercakap dengan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. *You want me to repeat what he told me? It is an oversight,* Yang Berhormat, tetapi sudah berlaku. Saya cakap, jangan jawab untuk rekod sahaja. Kalau sudah silap kata silap, mengapa tidak boleh mengaku, saya puji. Yang lain semua baik tetapi ini yang silap. Saya kata tidak sesuai, tidak *compatible* dengan Hari Kemerdekaan. Jangan kita gunakan lagi. Kalau tidak boleh dengan yang spesifik itu, kita berdepan dengan fakta yang telah saya utarakan.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Pengerusi, masalah Yang Berhormat ialah Yang Berhormat tidak pandang dengan latar belakang poster itu, tidak pandang dari segi itu. Kalau kita lihat pada malam itu, *back-drop on the stage* itu memang telah menunjukkan semua gambar seperti Tun Tan See Siew, Tun Sambanthan dan sebagainya. Jadi, di situ pun telah jelas menunjukkan bahawa semua keikhlasan dan juga usaha kementerian saya telah cuba memberi satu gambaran betapa pentingnya bahawa kemerdekaan ini adalah perjuangan oleh semua kaum. Jadi, saya rasa jangan kita oleh sebab sesuatu, kita cuba mengheboh-hebohkan. Saya rasa itu tidak betul dan tidak tepat...

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Bangun]

**Datuk Fu Ah Kiow:** Cukuplah lagi. Itu penjelasan saya, kalau Yang Berhormat tidak mahu terima .....

**Tuan Kerk Kim Hock:** Yang Berhormat tidak serius.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tidak. Saya serius. Saya juga serius, bukan Yang Berhormat sahaja serius. Saya rasa tak payahlah kita bahas di sini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak apalah Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat sudah kata....

**Datuk Fu Ah Kiow:** Ini perkara yang amat jelas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Timbalan Menteri, saya ingat tadi Yang Berhormat Kota Melaka telah menyatakan beliau telah membangkitkan perkara ini dengan Menteri, maka saya fikir cukuplah dia sudah tahu, Menteri sudah beri jawapan. Cukuplah.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Okay.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tidak.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Pengerusi, isu berani tidak berani tidak wujud langsung.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tetapi Tuan Pengerusi, bila saya berucap...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Datuk Fu Ah Kiow:** Bila Yang Berhormat berucap, saya menghormati.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak berucap.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Datuk Fu Ah Kiow:** Duduklah! Jangan begitu! Yang Berhormat seorang lama di sini, jangan begitu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kota Melaka, Timbalan Menteri sedang berucap.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Bila saya berucap saya harap....

**Tuan Kerk Kim Hock:** Dia tidak beri jalan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini kuasa Timbalan Menteri.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Datuk Fu Ah Kiow:** Duduklah!

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Datuk Fu Ah Kiow:** Yang Berhormat Kota Melaka you duduk bila saya ucap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kota Melaka, duduk! Kota Melaka duduk!

**Datuk Fu Ah Kiow:** Peraturan you tidak tahukah. Sudah berapa lama di sini!

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tak elok kata demikian.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Sikap Kota Melaka, saya hendak sebut bak kata orang Cina "Cuba cari tulang dalam telur."

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tengok!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Bila saya ucap *you* duduklah! Duduklah!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Timbalan Menteri, sila beralih ke...

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Duduklah! Duduk, duduk, duduk!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini...

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Datuk Fu Ah Kiow:** Duduklah!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini masalah tidak timbul Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat kata perkara ini telah berbincang dengan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan Yang Berhormat Menteri sudah beri jawapan sebenarnya, jadi tidak payah Yang Berhormat kemukakan sekali lagi. Sudah cukup!

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah bincang, cukuplah Yang Berhormat. Alih ke tajuk yang lain.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tengok cara dia. Bila saya jawab, duduk. Bila saya ucap *you* duduklah!

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Peraturan Mesyuarat. Tahu Peraturan Mesyuarat?

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Datuk Fu Ah Kiow:** Saya sudah jawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cara Yang Berhormat

....

**Datuk Fu Ah Kiow:** Saya sudah jawab, sama ada *you* terima atau tidak itu *you* punya pasallah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bila dia menjawab, Yang Berhormat, ....

**Datuk Fu Ah Kiow:** Bila saya sudah menjawab ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukuplah.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Awak tidak terima itu *you* punya pasal.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Fu Ah Kiow:** Saya sudah jawab betul. Saya memang benar betul.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukup.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Kalau *you* tidak terima itu *you* punya pasal. Duduklah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Penakut.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Apa penakut, you yang penakut. Yang Berhormat yang suka memainkan perasaan di dalam pilihan raya ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Itulah masalah, saya hendak nasihatkan Yang Berhormat, jangan mengikut jejak contoh pemimpin lamalah.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Jangan memainkan perasaan lagilah, jangan bermain perasaan lagi.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bila Yang Berhormat hendak bercakap, semasa dia duduk baru bercakap.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Dia tidak beri jalan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekarang kuasa dia. Kuasa dia, kuasa dia.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Terus bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kuasa dia Yang Berhormat, hah kuasa dia, cukup.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Yang tidak berani adalah Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *I am standing here.....*

**Datuk Fu Ah Kiow:** *You are standing against Peraturan Mesyuarat, what are you standing for ....*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Fu Ah Kiow:** *Quorum. is not an argument ....*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik, cukup.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Okey. Tuan Pengerusi, tentang isu yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Serdang mengenai *travel advisory* yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat, ingin saya memaklumkan bahawa ini memang tidak wujud lagi dan selepas *travel advisory* yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat, kementerian saya telah pun melalui media cetak dan juga media elektronik, menjelaskan bahawa maklumat tersebut adalah tidak tepat. Walaupun kita tidak mempunyai kuasa untuk menegad atau menghalang Amerika Syarikat mengeluarkan *travel advisory*, tetapi kita telah menasihatkan supaya jika mereka ingin mengeluarkan sesuatu *travel advisory* ia perlu tepat dengan hal sebenar yang berlaku di Malaysia. Jadi, tahun lepas, *travel advisory* ini pun telah dibatalkan oleh Amerika Syarikat, ia tidak wujud lagi. Tentang .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan lagi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan ugutan daripada Amerika Syarikat itu, selepas penjelasannya, sama ada rakyat Amerika terus datang ke Malaysia untuk melancong, adakah menarik ramai lagi pelancong dari Amerika selepas keputusan kerajaan kepada mass media, kerana negara kita begitu selamat, tempat yang menarik untuk melancong di negara kita ini, adakah terdapat pertambahan bilangan pelancong dari Amerika?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Pengerusi, pelancong dari Amerika telah pun menurun bukan sahaja ke Malaysia, tetapi ke semua negara luar dari Amerika Syarikat, jadi

penurunan tersebut saya anggap bukan disebabkan oleh *travel advisory* yang negatif itu sahaja, tetapi pada hakikatnya ialah rakyat Amerika Syarikat memang telah mengurangkan perjalanan mereka ke luar negeri.

Tentang Muzium Yap Ah Loy, saya ingin mengucapkan syabas kepada Ahli Yang Berhormat yang telah dipilih sebagai Pengerusi Jawatankuasa. Saya berharap Muzium tersebut akan dimajukan dengan baik dan jika Yang Berhormat perlu apa-apa bantuan daripada segi teknikal, bagaimana kita menyediakan Muzium tersebut, saya bersedia mengadakan perbincangan yang lebih lanjut lagi dengan Yang Berhormat.

Tentang pelancongan tempatan, kementerian saya tidak mengabaikan kepentingan pelancongan tempatan. Melalui Program Cuit-cuti Malaysia, bersama dengan MATTA, kita sentiasa mengadakan kempen setiap bulan di pusat beli-belah untuk mempengerusikan Program-program Cuti Malaysia supaya menggalakkan rakyat Malaysia bercuti dalam negara. Mengenai dengan pelancongan daripada .....

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan lagi. Walaupun usaha untuk menarik lebih ramai pelancong tempatan untuk melawat tempat-tempat yang menarik, sama ada program, saya tanya tadi adakah program untuk meningkatkan lagi kemudahan pelancongan di Cameron Highlands dan Frasers Hill, ini penting.

Kalau kekurangannya dari kemudahan untuk menarik ramai orang datang ke situ, maka kawasan yang begitu cantik itu akan tidak dapat menarik kedatangan pelancong, jadi apa program untuk meningkatkan lagilah?

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Pengerusi, sebenarnya dalam bilangan pembangunan dan pemulihan projek tempat-tempat pelancongan, kementerian saya dalam Rancangan Malaysia Kelapan telah pun memperuntukkan sebanyak RM825 juta diagihkan kepada semua negeri dengan tujuan untuk memajukan tempat-tempat pelancongan dan juga meningkatkan infrastruktur dan kemudahan yang diperlukan untuk sesuatu tempat pelancongan itu. Projek-projek ini ada yang dikendalikan oleh pihak kerajaan negeri dan ada yang dikendalikan oleh Majlis Perbandaran serta ada yang dikendalikan oleh kementerian secara terus. Memang ada banyak projek sentiasa dijalankan setiap tahun.

Ahli Yang Berhormat bagi Lipis telah menyarankan supaya kementerian mementingkan pembangunan seni tradisional, saya hendak mengatakan kementerian melalui Bahagian Kesenian memang ada banyak program untuk memajukan kesenian dalam negeri, ia merangkumi kerja penyelidikan, budaya dan sejarah, pemulihan produk seni, dokumentasi dan penerbitan termasuk dengan pembangunan kebudayaan, pembangunan kesenian dan mengembangkan kesenian di sekolah. Pada tahun 2004 sebanyak RM16.9 juta telah diperuntukkan. Baru-baru ini pada minggu lepas iaitu hari Sabtu, di Pahang kita telah mengadakan satu pesta muzik tradisional Malaysia tahun 2003, dan acara itu pun telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Ini adalah salah satu aktiviti yang sentiasa dijalankan oleh kementerian untuk pembangunan seni Malaysia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Terima kasih Timbalan Menteri. Kalau dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri *elaborate* contoh-contoh. RM16 juta is *quite a lot of money* tetapi kita dapat dari segi seni, saya tengok di tempat saya, kalau hendak main gasing pun, kita hendak cari gasing pun, payah. Alat yang hendak membuat gasing itu pun, saya hendak *order* pun, payah dapat. So, kalau dapat Yang Berhormat Menteri, *how this money is spent?* Macam saya kata, dari segi peralatan seni yang saya kata Gendang Pahang itu, saya tidak boleh dapat lagi gendang itu. Saya *order* daripada Kelantan tetapi Gendang Kelantan ini dia pendek, selepas itu dia punya gong daripada besi. So, bila kita ketuk gong daripada besi, dia punya bunyi tidak serupa daripada gong yang *made of copper*.

Jadi, benda yang macam ini *slowly* peralatan dia hilang, kemudian dia punya seni, *I mean* dia punya gerak tari dia hilang. *For example* Gendang Pahang, *it's not only* dia punya gendang dia itu. Yang kita *appreciate is associated* dengan dia punya persilatan dia itu. So, kalau dia kena gaya gendang dia itu, so, dia punya persilatan itu dapat melahirkan persilat-pesilat yang handal. Ia ada kombinasi. Jadi, *once* muzik ini hilang, seni

mempertahankan diri dari segi persilatan yang tradisional ini pun hilang. Jadi, ia saling mempengaruhi. Terima kasih.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Pengerusi, nampaknya Ahli Yang Berhormat memang seorang pakar dalam seni gendang ini dan lain-lain muzik seni. Kalau ada apa-apa kesulitan dalam apa yang hendak dijalankan seperti mendapatkan alat ganti dan bahannya, bolehlah menghubungi ke pejabat saya untuk mendapat bantuan daripada pegawai-pegawai yang berkenaan. Saya juga ingin memberitahu bahawa apabila Pusat Akademi Seni Kebangsaan siap sedia pada tahun hadapan, saya percaya segala usaha untuk memajukan kesenian kebangsaan akan dapat dijalankan dengan lebih sistematik dan lebih bersepadu. Tuan Pengerusi.....

**Puan Fong Po Kuan:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan:** Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya sama ada Kementerian ada memberi peruntukan tetap kepada persatuan-persatuan Cina seperti *Hainan Association*, *Hokkien Association* untuk memperkembangkan kebudayaan mereka. Sebab yang saya nampak ini sering kali persatuan ini kena meminta derma, kena jemput menteri-menteri pergi *ribbon cutting*, baru boleh dapat derma-derma. Jadi, telah menggunakan platform untuk politik parti-parti Barisan Nasional.

**Beberapa Ahli:** Whoaa!!

**Puan Fong Po Kuan:** Jadi, saya harap Kementerian boleh bagi satu peruntukan tetap setiap tahun berapa jumlah untuk persatuan-persatuan ini.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Kementerian tidak memberi peruntukan tetap kepada mana-mana persatuan kebudayaan, tidak, termasuk persatuan-persatuan lain kaum pun tidak ada peruntukan tetap. Persatuan-persatuan kebudayaan NGOs memang perlu mencari, berusaha untuk menganjurkan segala aktiviti kebudayaan tetapi, jika ada sesuatu misalnya yang khususnya boleh membawa kemasukan pelancong dari luar negara, mungkin sesuatu aktiviti boleh dipertimbangkan. Jadi, memang tidak ada peruntukan tetap.

Yang Berhormat bagi Kota Bharu telah menyarankan supaya dialog kebudayaan diadakan supaya kita boleh memantapkan lagi pembangunan kebudayaan yang di mana negara kita memang kaya dalam aspek ini sebab adanya pelbagai kaum di Malaysia ini. Ingin saya maklumkan bahawa kita telah pun ada satu majlis peringkat kebangsaan iaitu Majlis Penasihat Kebangsaan berkenaan dengan kesenian dan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun diadakan. Ini pun telah dianggotai oleh tokoh-tokoh kebudayaan seperti Tan Sri Awang Had Salleh, Dato' Hassan Ahmad dan lain-lain lagi. Saya menyambut baik sikap terbuka Ahli Yang Berhormat, mengatakan Kebudayaan Kebangsaan harus dibangunkan dan mengambil kira unsur-unsur daripada semua kaum. Ini memang sesuatu yang baik dan saya ucapkan terima kasih. Tentang eco-tourism .....

**Tuan Ramli bin Ibrahim:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kota Bharu.

**Tuan Ramli bin Ibrahim:** Terima kasih Timbalan Menteri. Cadangan saya tadi memperbanyakkan dialog sebab jika majlis itu hanya sekali, mesyuarat dalam satu tahun, tentulah kita masih lagi menghadapi masalah untuk memahami satu kebudayaan kebangsaan sebab sekarang ini yang kita rumus ialah Kebudayaan Kebangsaan. Dalam kebudayaan, selain kebudayaan, masih ada lagi *sub-culture*, kebudayaan sampingan, subnya yang banyak ini. Sekarang ini di Malaysia ialah rakyat masih tidak dapat memahami apakah bentuk kebudayaan agung yang hendak dirumuskan oleh negara kita daripada unsur-unsur budaya yang saya sebutkan tadi.

Saya sudah minta respons daripada Menteri mengenai dialog ini. Sebab, jika tidak diperbanyakkan dialog mencari kekuatan, akhirnya kebudayaan agung ini pun akan menjadi satu kebudayaan terencil yang hanya difahami oleh tokoh-tokoh budaya yang ada dalam majlis ini tetapi tidak dihayati oleh masyarakat terbanyak. Saya hendak minta pandangan

sekali lagi tentang dialog, kalau boleh, apakah cukup sekali dalam setahun di peringkat nasional, tetapi bagaimana pula di peringkat-peringkat negeri misalnya. Kita ada banyak negeri yang sangat kaya dengan unsur-unsur kebudayaan kita ini. Terima kasih.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Terima kasih. Saya sambut baik cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dan kita akan kaji macam mana kita boleh memperbanyakkan dalam dialog atau *workshop* yang sentiasa diadakan dalam pelbagai pesta kebudayaan dan pesta kesenian yang diadakan sepanjang tahun. Misalnya, bulan ini adalah bulan *Malaysia International Festival Arts* dan kita memang ada *workshops*, bukan sahaja untuk tokoh-tokoh kebudayaan dan kesenian dalam negeri tetapi juga termasuk tokoh-tokoh daripada luar negeri. Saya sambut baik cadangan daripada Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat bagi Mambong mengatakan *eco-tourism*, kita memerlukan satu dasar, satu garis panduan dan kita perlu mengadakan kajian tentang *caring society* untuk sesuatu tempat *eco-tourism*. Saya ingin memaklumkan bahawa sesuatu tempat *eco-tourism* Malaysia perlu diiktiraf oleh kementerian saya dan kini terdapat lebih kurang 50 kawasan yang berpotensi dan telah dikenal pasti untuk dijadikan sebagai satu produk *eco-tourism* di Malaysia. Untuk pengiktirafan sesuatu tempat sebagai tempat *eco-tourism*, ia perlu memenuhi kriteria yang tertentu yang telah ditetapkan. Kita juga sentiasa mencadangkan supaya bilangan pelancong tidak terlalu ramai sehingga ia boleh menjejaskan persekitaran di sesuatu tempat.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah telah mengatakan *Malaysia Truly Asia*, persembahan cuma dari satu kaum dan persembahan pun tidak membayangkan pakaian sesuatu etnik. Ini kurang tepat. Kalau mereka pakai *cheongsam* dan juga seluar panjang, ia adalah bertujuan untuk memudahkan penukaran pakaian semasa pementasan. Saya telah melihat banyak pementasan oleh kementerian saya di semua tempat, kita pastikan pertunjukan tarian dari semua kaum dimasukkan dalam sesuatu pementasan, dari semua kaum sama ada daripada Melayu, Cina, India, Iban dan Dayak, semua telah dimasukkan. Cuma tentang penari daripada sesuatu bangsa, saya ingin beritahu walaupun semua usaha telah dijalankan untuk mendapat lebih ramai penari-penari daripada kaum Cina dan India tetapi malangnya tidak ramai yang berminat. Setakat ini kita cuma dapat seorang penari Cina dan seorang penari India di Istana Budaya.

Kalau Ahli Yang Berhormat boleh mencadangkan mana-mana penari daripada masyarakat Cina atau India, kita akan terima kalau dia memenuhi syarat. Kita sedia mengadakan *interview* dan sentiasa mengalu-alukan pertolongan daripada Yang Berhormat untuk mencadangkan mana-mana orang yang berminat untuk menyertai Kumpulan Penari Istana Budaya ini. Walaupun....

**Puan Fong Po Kuan:** [Bangun]

**Datuk Fu Ah Kiow:** Saya akan bagi peluang. Walaupun penari adalah daripada lain bangsa, saya hendak bagi pujian kepada *choreographer* kita sebab kita lihat walaupun tarian Cina, walaupun ia dikoreograf oleh seorang koreografer Melayu tetapi saya hendak katakan standard tarian itu adalah baik seperti mana yang telah ditunjukkan oleh persembahan NGO Cina. Ini telah pun saya lihat dan amat berpuas hati dengan tarian tersebut. Sekian, terima kasih. Ada?

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak mempertikaikan bahawa tiada tarian daripada kaum yang lain, saya tidak mempertikaikan perkara tersebut dan saya nampak tarian daripada pelbagai kaum kita ada di dalam persembahan tersebut.

Yang Berhormat menafikan bahawa ia adalah berkaitan dengan agama seseorang penari dengan cara pemakaian mereka yang mana Yang Berhormat berkata mereka memakai satu seluar panjang semasa tarian Cina dalam pemakaian *ceongsam* kerana memudahkan mereka untuk menukar pakaian. Jadi, Yang Berhormat menafikan ia ada kaitan dengan agama. Saya hendak tanya, apakah kementerian akan menjalankan apa-apa kempen atau apa-apa galakan atau kajian mengapa masyarakat yang lain seperti kaum Cina dan kaum India kurang berminat dalam aspek ini? Adakah kerana masalah peruntukan? Sebab saya boleh memaklumkan Yang Berhormat, saya pernah menghadiri satu majlis di mana saya begitu kagum dengan persembahan masyarakat Cina berkenaan

sejarah bagaimana mereka datang ke negara ini, tarian Cina begitu hebat sekali. Mengapakah mereka tidak menyertai atau enggan menyertai dalam kebudayaan kementerian ini? Adakah ini ada kaitan dengan masalah kewangan?

**Datuk Fu Ah Kiow:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak menafikan apa-apa. Jadi, jangan salah anggap pada jawapan saya. Tentang sebab mereka tidak menyertai sebagai seorang penari kerana jawatan ini adalah jawatan sepenuh masa. Ia bukan jawatan *part time*. Sebagai penari di Istana Budaya, dia perlu berlatih pada waktu siang dan perlu menyertai pementasan dan pertunjukan di seluruh negara dan kadang kala mereka kena keluar negara dan gaji mereka ialah hanya lebih kurang RM800 sebulan.

Oleh sebab itu, kita tidak dapat menarik mana-mana penari Cina dan India untuk menyertai. Jadi, pendek kata kalau dapat, kita akan menerima dengan seramai boleh. Kita memang sentiasa menerima. Mungkin kalau Ahli Yang Berhormat boleh bantu, kita ucapkan berbilang-banyak terima kasih.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Timbalan Menteri. Saya rasa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah adalah benar dan juga saya rasa pakaian bukan tarian. Apa yang dipersembahkan lebih menonjol dan lebih menumpukan kepada jenis pakaian. Kalau dia pakai ceongsam, dia bawa kipas, dia bawa reben, ia dikatakan sebagai *Chinese dance*. Saya rasa itu hanya *stereotyping* dan *very superficial*, dengan izin.

Ia bukan tarian yang betul. Kalau katakan tarian India, *Indian dance*, saya rasa ada banyak kumpulan di dalam negara ini yang begitu hebat. Di Pulau Pinang, ada beberapa kumpulan tetapi yang sedihnya ialah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak memberi sokongan kepada kumpulan-kumpulan yang betul-betul mengamalkan tarian ini, *the dancing group*. Yang diberikan sokongan ialah kumpulan yang tertentu yang hanya untuk hiburan pelancong. Ia ada *tourism culture* dan bukan budaya kita yang sejati atau yang betul-betul kita punya budaya.

Kita ada budaya yang begitu hebat dan kaya. Ada satu kumpulan tarian di Johor yang perlu mendapatkan sumber kewangan untuk karyanya tetapi Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak memberi sokongan. Saya rasa yang saya hendak cadangkan bahawa yang penting kalau kita hendak mengembangkan budaya beberapa bangsa kita, kita perlu memberi sokongan kewangan kepada kumpulan-kumpulan kebudayaan, tarian ataupun yang betul-betul...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Saya sudah faham.

**Puan Chong Eng:** Ha, sudah faham ya?

**Datuk Fu Ah Kiow:** Saya faham, saya faham.

**Puan Chong Eng:** Jadi, saya harap lain kali saya pergi ke pesta atau apa-apa acara kementerian, saya pergi ke Sabah, kumpulan yang sama buat persembahan. Kalau saya pergi ke Perayaan Deepavali di Pulau Pinang, saya rasa kali ini ia akan sama juga. Jadi, saya haraplah....

**Datuk Fu Ah Kiow:** Saya faham, saya sudah faham.

**Puan Chong Eng:** Berilah peluang kepada kumpulan lain.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Saya rasa Ahli Yang Berhormat telah pun mencampuradukkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Yang Berhormat kata, pementasan dalam acara-acara itu adalah perkara lain. Jangan campur aduk dengan penari *full time*. Tadi....

**Puan Chong Eng:** [Bangun]



**Datuk Fu Ah Kiow:** Nanti. Penari *full time* saya sudah sebut, kalau Yang Berhormat boleh bantu mencadangkan atau memperkenalkan mana-mana pihak daripada masyarakat India dan Cina yang berminat untuk menyertai sebagai *full time dancer*, penari sepenuh masa Istana Budaya, dengan izin, *we would be most willing to see them and interview them* dan terima mereka masuk dalam kumpulan kami. Saya harap saya sudah buat *standing* yang amat jelas.

Perkara yang kedua yang mengatakan pementasan yang sedia ada ditunjukkan adalah cuma simbolik sahaja, saya langsung tidak setuju. Saya pun sentiasa menengok pertunjukan daripada persatuan-persatuan Tionghoa. Kalau hendak kira standard pertunjukan tarian tersebut, saya hendak sebut secara terus-terang di sini yang saya lihat yang dikoreografer oleh Istana Budaya kita dan dikoreografer oleh pejabat-pejabat kebudayaan daripada semua negeri, memang mempunyai standard yang amat tinggi.

Saya tidak menafikan mungkin ada sesuatu persembahan yang lebih kecil, mungkin standardnya kurang. Begitu juga dengan mana-mana persembahan, bila persembahan itu bukan bertaraf antarabangsa, mungkin taraf atau standard dia lebih rendah tetapi dalam acara-acara yang penting, seperti yang saya bawa ke negara New Zealand, di OIC, di *World Chinese Economic Conference*, kalau Yang Berhormat telah tengok tarian tersebut dan ianya dikoreografer oleh orang Melayu, saya merasa bangga bahawa kerana standardnya memang tinggi.

Jadi jangan ada mana-mana pihak cuba memperkecilkan usaha yang murni ini. Jangan, saya rasa tidak eloklah tapi saya terima baik kalau misalnya tadi kata dalam pementasan kita perlu sentiasa meningkatkan cara kita menunjukkan dalam masa ke semasa. Jangan stereotaip dan sebagainya. Itu saya terima tapi jangan kata itu adalah tidak *standard*. Itu saya rasa tidak tepatlah.

**Puan Chong Eng:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Nanti saya ada lagi, tentang kumpulan-kumpulan tarian yang bukan sepenuh masa yang telah dianjurkan oleh misalnya *Institute of Fine Art* di Brickfield. Itu memang satu kumpulan yang bertaraf dan seperti saya kata kumpulan NGO ini, di mana kalau ada sesuatu aktiviti, di mana kalau ia ada kaitan dengan pelancongan, kita akan bantu dalam pelbagai aspek. Dan kita juga sentiasa ada *workshop-workshop* misalnya dalam festival drama dan sebagainya. Kumpulan-kumpulan tersebut pun telah diajak untuk sama-sama mementaskan pertunjukan mereka dan kita sentiasa mempelajari.

Jangan kata kita tidak mementingkan, itu tidak benar. Tentang bagi peruntukan kewangan pada mereka. Seperti saya kata sebab terlalu banyak kumpulan tersebut, kita tidak ada peruntukan tetap bulanan atau tetap tahunan memang tidak ada pada mana-mana kumpulan juga. Tapi dalam aktiviti yang dianjurkan, kami sentiasa mengajak mereka misalnya Kumpulan Damai Orkestra iaitu Orkestra Muzik Tradisional China *world standard* untuk mengadakan pementasan di Istana Budaya selain daripada bekerja membantu mereka menerbitkan dan sama-sama mempromosikan aktiviti mereka.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat banyak lagikah?

**Datuk Fu Ah Kiow:** Jadi saya hendak katakan jangan memperkecilkan usaha kerajaan. Kita memang menjalankan sesuatu yang amat baik sekarang. Apa yang kita perlu ialah cadangan yang membina, bukan cadangan yang cuma hendak meremeh-temehkan atau memperkecilkan usaha kerajaan. Saya percaya itu tidak payahlah. Beri galakan kepada kementerian lebih baik.

**Puan Chong Eng:** [Bangun]

**Datuk Fu Ah Kiow:** Saya rasa cukuplah, cukuplah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah cukuplah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Masa tidak cukup ya. Okay Batu Gajah.

**Puan Chong Eng:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Datuk Fu Ah Kiow:** Bukan, bukan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Masa sudah suntuk ya. Okay, okay tapi yang membinalah.

**Puan Chong Eng:** Kalau dia ingin dengar itu membinalah. Kalau dia tidak ingin dengar itu tidak membina. Tidak bolehlah *standard* macam ini atau *standard* yang beliau pakai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sebenarnya teguran daripada Timbalan Menteri pun betul juga. Sebenarnya kalau Yang Berhormat hendak minta penjelasan, mesti berkaitan dengan perkara yang sedang beliau jawab. Jadi Yang Berhormat juga memberi layanan. Cukuplah.

**Puan Chong Eng:** Tuan Pengerusi terima kasih. Sebenarnya saya respons kepada komen yang diberi oleh Timbalan Menteri. Dia beri komen juga ya. Memang saya rasa kementerian membuat usaha juga. Yang saya kata tadi ialah saya gunakan perkataan "*superficial*". Kalau di *World Chinese Women Conference* Simposium, saya ada di sana. Saya lihat juga. Sebelum itu saya pun telah lihat beberapa kali persembahan lebih kurang sama dan saya kata saya bukan seorang artis....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tolong keluarkan soalan.

**Puan Chong Eng:** .....tapi saya ada kawan yang mahir. Saya rasa adalah penting kalau kita ingin betul-betul membangunkan budaya kita, tarian kita. Koreografi itu adalah lebih moden. Mereka *used the modern technique* untuk mereka ada basic teknik tapi apa yang mereka tari untuk itu bukan tarian yang sejati. Ada kumpulan yang katakan bukan *full time dancer, what you want a full time dancer, you can have a full time dancer* untuk *tourism*, tapi adakah kementerian ingin membangunkan kebudayaan tarian yang benar-benar Melayu, yang benar-benar India dan juga Kadazan.

Saya tanya kawan saya Yang Berhormat dari *East Malaysia*. Saya tanya apakah tarian ini? Mereka pun tidak boleh bezakan adakah Kadazan atau Bidayuh. Hanya pakaian sahaja yang boleh bezakan. Itu yang saya katakan.....

**Tuan Pengerusi Datuk Lim Si Cheng]:** Baik Yang Berhormat, cukuplah.

**Puan Chong Eng:** .....jadi adalah penting bukan *tourism culture* sahaja, tetapi *culture* diri sendiri. Terima kasih.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Cukuplah saya rasa. Pandangan Yang Berhormat memang subjektif juga. Yang Berhormat juga mengakui sendiri bukan seorang pakar dalam bidang ini. Saya pun bukan pakar. Kalau you tanya saya pementasan Malam Perhimpunan *World Chinese Women Conference (WCWC)*, saya rasa tarian singa yang dipamerkan malam itu tidak pernah saya lihat di mana-mana. Ia dinamik dan amat menarik pada sayalah. Walaupun saya bukan pakar tapi perasaan saya pun lain, bukan sahaja perasaan saya, tetapi pandangan mereka yang telah lihat, ramai yang hadir pada malam itu, ramai yang berbangsa Cina. Mereka amat kagum juga bahawa kita boleh tunjukkan tarian tersebut. Jadi saya rasa itu *very subjective view*. Okay

**Puan Chong Eng:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Cukuplah. Tidak payah, sudah cukup. Masa sudah suntuk. Batu Gajah juga ada sebut DBKL

**Puan Chong Eng:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Datuk Fu Ah Kiow:** Cukuplah, cukup.

**Puan Chong Eng:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Datuk Fu Ah Kiow:** Cukup Yang Berhormat, kalau saya banding .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat cukup. Yang Berhormat cukuplah.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Okay, Yang Berhormat bagi Batu Gajah telah menyarankan supaya pihak DBKL tidak menapis skrip teater dan sebagainya. Ini memang bidang tugas DBKL tetapi MOCAT telah sampaikan pandangan kita supaya segala tindakan yang diambil oleh DBKL tidak melarang dan tidak menjejaskan perkembangan *art theater* ini. Ini memang pandangan kitalah. Tapi itu bidang kuasa DBKL. Yang Berhormat bagi Bachok akhirnya telah menyatakan Program Citrawarna, hendak tahu berapa kali diadakan dan berapa perbelanjaan telah dikenakan untuk setiap Citrawarna. Ini adalah perkara khusus, saya tidak ada butiran lanjut seperti ini pada hari ini.

Tentang sampah sarap selepas acara citrawarna dan sebagainya, adalah jelas bahawa tujuan mengadakan acara citrawarna bukan bertujuan supaya kita mendatangkan apa-apa pengaruh negatif terhadap belia, tidak. Sikap membuang sampah sarap perlu kita didik supaya rakyat Malaysia sentiasa tidak membuang sampah sarap dan menjaga kebersihan. Ini memang ....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Pokok Sena.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Akhir ya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin dapat penjelasan tentang Program Citrawarna ini. Saya difahamkan bahawa matlamat untuk Program Citrawarna ini antaranya ialah untuk menghasilkan dan mewujudkan suasana perpaduan di kalangan masyarakat dan rakyat negara kita yang berbilang kaum ini. Tapi dari sudut realiti, kenyataan bila Program Citrawarna itu dilakukan, tidak menampakkan satu kehadiran daripada berbagai-bagai kaum, hanya satu kelompok. Masyarakat Melayulah yang paling banyak yang hadir dalam program tersebut.

Saya bukan hendak menafikan mengatakan bahawa orang lain daripada Melayu tidak hadir semua, mereka tidak hendak kepada perpaduan, tidak. Cuma saya hendak sebut di sini, apakah ini caranya untuk kita hendak mewujudkan sistem perpaduan dalam negara kita. Sebab saya bimbang nanti bahawa kita mengadakan Program Citrawarna ini yang saya difahamkan bahawa setiap satu program itu RM1.5 juta kita habis. Tetapi matlamat untuk menghasilkan perpaduan tidak tercapai.

Siti Nurhaliza sahaja pun saya difahamkan dibayar RM35,000 satu malam [Ketawa], Siti Nurhaliza sahaja kita bayar RM35,000 satu malam untuk mendendangkan beberapa lagu. Jadi saya bimbang takut nanti bahawa hasrat hendak mewujudkan perpaduan itu tidak tercapai akhirnya wang yang kita bazirkan ialah wang rakyat. Sepatutnya kita harus mencari *angle* lain, apakah ada *angle* lain atau unsur-unsur yang lain yang boleh menyatupadukan kehidupan masyarakat dan rakyat yang berbilang kaum dan juga agama ini.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Walaupun usaha telah diadakan supaya yang menyertai persembahan adalah dari semua kaum tetapi penyertaan dan penonton kebanyakannya adalah dari satu atau dua kaum dan kaum lain khususnya kaum Cina memang kurang menyertai seperti Hari Kemerdekaan. Jadi ini adalah sesuatu isu yang perlu lebih banyak usaha untuk mengubah keadaan tersebut tetapi salah satu masalah juga kadang-kadang pertunjukan yang diminati oleh sesuatu kaum mungkin tidak disukai oleh lain-lain kaum bukan sahaja dari segi kebudayaan dan pertunjukan tetapi ada yang dari segi *political* misalnya .....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** [Bangun]

**Datuk Fu Ah Kiow:** Belum habis ya. Misalnya tadi Yang Berhormat bagi Pasir Mas kata tidak boleh ada ini dan tidak boleh ada itu dan Yang Berhormat bagi Batu Gajah juga pandangannya mungkin berlainan sedikit. Jadi ini memang memerlukan sedikit masa bagi kewujudan bangsa Malaysia dan kewujudan kebudayaan yang merangkumi semua komponen kebudayaan dari semua kaum memerlukan masa. Kita tidak boleh melakukan

sesuatu secara huru-hara dan mendatangkan tekanan dan ketidakpuasan dari mana-mana kaum.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Datuk Fu Ah Kiow:** Saya rasa cukuplah. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Siapa? Saya? Terima kasih Datuk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah habis, sudah habis.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM682,603,600 untuk Maksud B.44 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Wang sebanyak RM682,603,600 untuk Maksud B.44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM209,831,590 untuk Maksud P.44 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM209,831,590 untuk Maksud P.44 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2004.

#### **Maksud B.45 [Jadual]-**

#### **Maksud P.45 [Anggaran Pembangunan 2004]-**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Bekalan B.45 dan Kepala Pembangunan P.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Oh, ramai juga ya? Yang Berhormat bagi Larut.

**7.23 mlm.**

**Raja Datuk Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. *[Disampuk]*

**Seorang Ahli:** Pergi sembahyanglah.

**Raja Datuk Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sembahyang ini antara kita dengan Allah S.W.T. Di bawah P.45 Kementerian Belia dan Sukan. Butiran 01000 - 020000, 00600, 02000 dan seterusnya di bawah Pengurusan, Pembangunan Belia dan Sukan dan seterusnya.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan takziah di atas kepulungan ke rahmatullah seorang tokoh sukan, Datuk Seri Harun Idris yang telah melakukan banyak jasa kepada negara bukan sahaja kepada negeri Selangor bahkan negara kita khususnya kalau kita masih ingat di Sukan Olimpik di mana buat julung-julung kalinya bola sepak kita telah dapat melakarkan sejarah di Munich kalau kita masih ingat.

Jadi saya di samping menyatakan rasa sedih dan terharu di atas kepulungan Allahyarham ke rahmatullah itu, kita mendoakan semoga rohnyanya diletakkan di sisi orang-orang yang soleh. Apakah pihak Kementerian Belia dan Sukan akan memikirkan satu jenis anugerah yang boleh diberikan kepada Allahyarham yang telah banyak memberi jasa kepada sukan negara kita ini kerana kita tahu pada zaman Allahyarham Datuk Harun

ini juga di mana jutaan rakyat Malaysia di sekitar tahun 70-an dapat menyaksikan seorang tokoh tinju dunia, Muhammad Ali dan Joe Bugner yang berjaya dibawa ke negara kita ini dan mendapat pujian kerana selepas itu tidak ada lagi sukan tinju yang diadakan di negara kita ini yang turut mendapat sokongan, pujian daripada semua lapisan rakyat kerana sukan turut memainkan peranan dalam permohonan negara kita ini termasuklah dari pihak pembangkang.

Cuma kadangkala jika ada satu pertandingan sukan yang agak menyedihkan pihak-pihak tertentu, tidak perlulah saya sebut siapa, kecuali mereka yang termakan cili yang turut mengambil kesempatan untuk mengibar bendera-bendera parti mereka [*Disorak*] sedangkan sukan sebenarnya adalah untuk semua. Pada pagi tadi, Tuan Pengerusi, saya berpeluang melakukan Majlis Perasmian Pertandingan Bola Sepak Tunas Harapan peringkat kanak-kanak sekolah di bawah 12 tahun yang mana mereka ini akan mewakili negara kita ke pertandingan di Jepun tidak lama lagi di mana buat pertama kalinya dicetuskan semangat perpaduan kaum di setiap pasukan yang mewakili negeri dari Perlis sampai ke Sabah diwajibkan ada kanak-kanak atau pelajar, setiap pasukan pemainnya terdiri daripada semua bangsa. Ini satu langkah yang seharusnya mendapat pujian daripada semua pihak.

Seterusnya, saya juga ingin mengalu-alukan pelantikan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan yang baru Datuk Talha, orang Perak, menggantikan orang Perak juga. Mudah-mudahan adanya tokoh-tokoh Perak ini bukan kedaerahan, Yang Berhormat bagi Tumpat jangan marah, bukan kedaerahan setidak-tidaknya mengamalkan atau akan terus memberi semangat kepada kecemerlangan sukan negara kita ini. Sebagaimana yang kita tahu, beriadah ini amat penting.

Umpamanya di kawasan Parlimen, ini saya sendiri turut mengambil kesempatan berlatih bermain badminton, dengan adanya Dewan Badminton yang disediakan di belakang bangunan Parlimen ini. Tetapi agak sayang, kalau boleh Kementerian Belia dan Sukan sekurang-kurangnya dapat beri nasihat kepada Parlimen supaya kemudahan-kemudahan yang disediakan di situ biarlah lengkap sedikit kerana mungkin Ahli-ahli Parlimen terutamanya di sebelah sana dia selalu hendak tengok yang lengkap sahaja, baru dia hendak datang untuk menggunakannya. Umpamanya lampu yang disediakan tidak merupakan sebagaimana kemudahan untuk menjalani latihan. Saya berharap juga di samping ini pihak Parlimen memikirkan dengan kemudahan yang disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan di bawah program untuk menggerakkan selain Rakan Muda, Rakan Parlimen pula bersukan. Diharap dapat disediakan kemudahan-kemudahan mandi wap atau sauna.

**Puan Fong Po Kuan:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**Raja Datuk Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ha, Batu Gajah minat? Sila.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Yang Berhormat bagi Larut ini saya nampak terlalu pentingkan diri sendiri. [*Disorak*] Ini termasuk saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat telah bangkitkan kelengkapan di kelab-kelab belia di mana saya boleh nampak *basket ball court*, dengan izin, *basketnya* telah rosak bertahun-tahun, saya ada bangkitkan perkara ini melalui surat tetapi tiada jawapan. Apakah Yang Berhormat akan bersuara untuk belia-belia kita? Jangan kita minta untuk ahli-ahli sahaja.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Raja Datuk Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Dah, cukup? Sabar sedikitlah Yang Berhormat sebab itu kita kalau jadi pembangkang ini jangan duduk bangkang sahaja. Saya akan masuklah nanti. Ini sebagai mukadimah. Permulaan.

**Puan Fong Po Kuan:** [*Menyampuk*]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat...

**Raja Datuk Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yalah. Tuan Pengerusi: Yang Berhormat. Yang Berhormat. Nanti sekejap.

**Raja Datuk Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya bukan minta untuk diri saya.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Raja Datuk Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Termasuklah Yang Berhormat. Yang Berhormat juga hendak bersukan....

**Tuan Pengerusi:** Berilah dia hendak bercakap.

**Raja Datuk Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jadi, saya akan masuk ke situlah nanti.

**Tuan Pengerusi:** Hem.

**Raja Datuk Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Kemudahan-kemudahan yang sering kali kita bangkitkan di Dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi. Kalau boleh banyak lagi kemudahan yang amat memerlukan perhatian daripada Kementerian Belia dan Sukan. Dalam perkara ini, kita melihat Pejabat-pejabat Daerah sebagaimana yang kita pernah bangkitkan di Dewan yang mulia ini yang agak '*la-ih*' saya tidak tahu hendak menggunakan bahasa apa, kerana tidak mempunyai peruntukan yang begitu cukup untuk menyediakan kelengkapan, kemudahan. Saya tidak tahulah kebanyakan *court* atau kemudahan-kemudahan sukan ini di tempat yang lain mungkin dirasakan adalah begitu baik. Tak tahulah kalau di kawasan Batu Gajah.

Saya ingin mencadangkan di sini bahawa kementerian kenapa tidak kita lihat untuk menentukan kejayaan atlet kita ini ditentukan ke atas jenis-jenis sukan yang kurang persaingan maknanya bila ada sesuatu pertandingan di peringkat Asia, peringkat Olimpik umpamanya, jangan kita masuk kesemuanya. Kita hanya menentukan yang kira rasakan boleh mencapai pingat.

Kalau saya hendak huraikan di sini Tuan Pengerusi panjang Tuan Pengerusi. Umpamanya badminton, okey kita boleh masuk di peringkat Olimpik. Kalau kita rasakan..., sebab kadang-kadang bila kita rasa terdesak, itu yang menyebabkan yang mendorong kita terpaksa mengambil atlet daripada negara-negara asing. Seperti yang pernah saya bercakap di Dewan ini seorang penembak yang kita import daripada Ukraine. Akhirnya menimbulkan masalah kepada kita. Menimbulkan kontroversi kepada negara kita.

Umpamanya pelumba pertengahan daripada negara China yang pihak pembangkang bising bila ada *stewardess* dengan izin, pelayan-pelayan dalam kapal terbang bising bila ambil daripada negara-negara China sebagai contoh. Jadi, mungkin sebab itu kita melihat supaya kita tentukan jenis-jenis sukan yang tidak begitu mendatangkan persaingan kepada kita umpamanya bowling.

Bowling ini Tuan Pengerusi pun boleh main kalau ada masa sebab ia tidak kira umur. Pernah seorang atlet negara kita sudah menjadi nenek, saya tidak ingat nama dia. Mungkin Yang Berhormat bagi Batu Gajah boleh tolong ingatkan saya. Seorang nenek menjadi juara Sukan SEA, jangan ketawa.

**Tuan Pengerusi:** Minta gulung Yang Berhormat.

**Raja Datuk Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya. Ya. Tuan Pengerusi baru sangat Tuan Pengerusi. Tak sedar dah.

**Tuan Pengerusi:** Tinggal seminit sahaja lagi.

**Raja Datuk Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya. Jadi, saya berharaplah supaya satu lagi mengkaji semula Skim Kecemerlangan yang hanya ditentukan kepada atlet-atlet kenapa tidak sesiapa juga yang mencipta nama di luar atau antarabangsa, kita bagi anugerah sehingga hari ini saya rasakan Abdul Malik Maidin yang tak lama lagi hendak kahwin. Belum lagi saya nampak anugerah apa yang disediakan oleh kementerian atau Majlis Sukan Negara kepada Abdul Malik Maidin.

Sebab bukan semua yang boleh mencipta nama seperti Abdul Malik Maidin ataupun Azhar Mansor. Jadi, kalau anugerah seperti ini akan menggalakkan lagi lebih ramai mereka yang hendak cuba mencipta nama.

**Tuan Pengerusi:** Hmm....

**Raja Datuk Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Perdana Menteri kita telah mengatakan bahawa kalau boleh dia hendak melihat juga supaya ada rakyat Malaysia sampai ke Kutub Utara. Kalau Kutub Selatan telah pun kita jejak kaki.

**Tuan Pengerusi:** Masa cukup Yang Berhormat.

**Raja Datuk Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jadi, saya berharaplah....

**Tuan Pengerusi:** Masa dah cukup Yang Berhormat.

**Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** ....supaya adanya anugerah-anugerah ini tidak hanya kepada atlet-atlet yang tertentu.

**Tuan Pengerusi:** Hem.

**Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Jadi, Tuan Pengerusi, oleh kerana ada lagi perkara yang tidak dapat saya habiskan. Saya dengan ini mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Hulu Terengganu.

### 5.34 ptg.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid [Hulu Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya turut sama untuk membahaskan di bawah peringkat jawatankuasa di bawah Kementerian Belia Dan Sukan. Saya lebih spesifik kepada Butiran 020300 – Pembangunan Belia. Saya rasa kecewa sebenarnya apa yang berlaku di negeri Terengganu .....

**Tuan Pengerusi:** Hmm....

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid:** ..... kerana seperti kalau kita tengok dari buku bajet ini sendiri, apakah sebenarnya objektif di bawah pembangunan belia ini di mana kalau kita tengok iaitu untuk membina generasi belia yang bersatu padu, berdisiplin, berakhlak tinggi dan mempunyai daya kepimpinan yang baik.

Ini matlamat yang diletakkan oleh kementerian sendiri tetapi, apa yang sangat mendukacitakan yang berlaku pada hari ini di negeri Terengganu khususnya di mana peruntukan yang disalurkan oleh pihak kerajaan ini telah melalui saluran yang pada saya tidak sepatutnya iaitu melalui Majlis Belia Negeri. Majlis Belia Negeri ini dipelopori oleh bekas EXCO yang sudah berpujian lama yang melebihi umur pemuda, melebihi umur belia tetapi mempunyai perasaan taksub yang amat kuat kepartian. Sehingga peruntukan ini dipergunakan untuk tujuan-tujuan kepartian.

Saya suka menyebut satu kes yang baru berlaku dalam minggu yang lepas bila mana Majlis Belia Negeri telah merancang satu program yang sebenarnya ialah program parti iaitu Program Larian Gelombang Biru yang dijalankan di Kuala Terengganu yang saya kira Majlis Belia sebenarnya telah diperalatkan 100% oleh UMNO Negeri Terengganu sehingga Majlis Belia ini telah melantik Jawatankuasanya untuk mengendalikan majlis ataupun Program Larian Gelombang Biru ini, orang-orang yang mempunyai ataupun atas nama jawatan parti di mana surat pelantikan dibuat di antara yang dilantik sebagai Jawatankuasa Sambutan Program ini ialah Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri, Penolong Setiausaha Pemuda UMNO Negeri, Penolong Setiausaha Wanita UMNO Negeri, Penolong Setiausaha Puteri UMNO Negeri sebagai Jawatankuasa program untuk belia seluruh negeri.

Tetapi dipergunakan 100% sehingga pada majlis itu pun Bendera UMNO, Bendera Dacing penuh membiru. Jadi, adakah ini yang dikehendaki oleh kementerian untuk melahirkan generasi belia yang bersatu padu? Oleh sebab itu saya minta pihak kerajaan mengkaji semula saluran peruntukan ini supaya diberikan kepada pihak yang bertanggungjawab. Bukan kita hendak suruh bagi kepada Parti PAS, kepada parti mana tetapi kita hendak kepada saluran yang bertanggungjawab terus kepada kerajaan melalui EXCO Kerajaan Negeri dan insya-Allah kita akan menggunakan dengan sebaik-baiknya untuk menyatupadukan seluruh rakyat khususnya bagi negeri Terengganu.

Perkara kedua yang saya hendak sebut ialah berkenaan dengan Butiran 020200 – Pembangunan Sukan. Satu perkara yang menjadi masalah kepada persatuan bola sepak negeri-negeri terutama bagi negeri-negeri yang tidak berapa popular ini ialah masalah kewangan di mana persatuan ini terpaksa mendapat wang untuk menjaga kebajikan pemain-pemainnya yang sangat terhad dari sumber-sumber kewangannya yang mana buat masa ini hanya mendapat daripada penaja, pungutan hasil jualan tiket dan sedikit daripada Persatuan Bola Sepak Malaysia.

Oleh sebab itu saya minta supaya pihak kementerian lebih bertanggungjawab kerana kita tahu, bola sepak merupakan satu jenis permainan yang boleh menyatupadukan masyarakat di mana hampir lebih daripada separuh belia-belia berminat dengan bola sepak bukan sahaja sebagai pemain bola sepak tetapi juga sebagai penonton bola sepak yang mana dengan cara ini kita boleh mengelak belia-belia daripada terjebak dengan kegiatan negatif seperti lumba motor haram, lepak dan sebagainya kerana apabila setiap kali ada perlawanan bola sepak maka berduyun-duyun belia akan pergi ke tempat perlawanan bola sepak sama di peringkat daerah, di peringkat negeri ataupun di peringkat kebangsaan.

Oleh sebab itu pada pandangan saya, persatuan bola sepak ini perlu diperkuatkan dan kementerian sepatutnya memperuntukkan sejumlah peruntukan kepada Persatuan Bola Sepak Negeri-negeri supaya persatuan ini menjadi kuat dan secara tidak langsung boleh menarik lebih ramai belia untuk jauh daripada perkara-perkara yang negatif yang mungkin boleh merosakkan belia-belia kita. Saya hendak terus pergi kepada perkara seterusnya iaitu berkenaan Program Khidmat Sosial Negara yang mana kalau kita baca dalam akhbar-akhbar kita akan dapat iaitu bagaimana penyertaan daripada bukan Melayu sangat berkurangan sekali.

Kalau kita kata dalam profesion askar ataupun polis, mungkin kita memberi alasan bahawa kaum bukan Melayu ini lebih tertarik kepada profesion lain kerana ganjaran yang diperolehi lebih besar tetapi pada pandangan saya, andaian ini sebenarnya tidak tepat dan tidak betul. Ini terbukti bagaimana baru-baru ini Program Khidmat Sosial Negara yang diadakan di negeri Perlis, yang menjangka kehadiran 400 peserta dihadiri oleh 309 orang peserta hanya ada 10 orang bukan bumiputera daripada kaum Cina dan India. Ia langsung tidak ada kaitan dengan ganjaran, tetapi sikap yang saya rasa perlu dipupuk oleh kementerian supaya belia-belia dapat menjiwai semangat patriotisme yang perlu dipupuk, supaya masing-masing dapat meningkatkan lagi komitmen kepada program-program yang berbentuk seperti ini.

Begitu juga berkenaan dengan apa yang akan dilaksanakan oleh kerajaan iaitu Program Khidmat Negara dan saya ingin menimbulkan pelaksanaan program ini, adakah ia akan bertindih dengan Program Khidmat Sosial Negara ini dan adakah pengecualian diberi. Katakanlah seseorang itu telah terlibat dengan Program Khidmat Negara, adakah dia akan dikenakan lagi Program Khidmat Sosial Negara ini ataupun sebaliknya. Kalau mereka ini sudah melalui Program Khidmat Sosial Negara, maka mereka terlepas daripada Program Khidmat Negara ini.

Demikian juga dari segi penyertaannya, apa yang dilaksanakan secara percubaan baru-baru ini, daripada 120 peserta hanya satu peserta daripada kaum Cina dan 40 peserta daripada kaum India. Satu kajian perlu dibuat apakah sebenarnya yang menyebabkan rakyat ataupun belia-belia daripada keturunan lain ini tidak berminat, sama ada dari segi pengisiannya terlampau kepartian ataupun dari segi perkara-perkara lain yang menyebabkan belia-belia tidak berminat kepada perkara-perkara yang kita anjurkan ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, seminit lagi.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** Seminit lagi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Satu lagi berkenaan dengan Akta Pertubuhan Belia yang saya rasa sehingga sekarang masih terawang-awang di mana kita perhatikan dengan ketiadaan perkara ini menyebabkan persatuan-persatuan belia menjadi lemah. Persatuan-persatuan belia tidak terikat untuk mengadakan mesyuarat agong untuk membentangkan penyata kewangan dan sebagainya. Oleh sebab itu sehingga hari ini yang mengetuai persatuan-persatuan belia di peringkat daerah dipimpin oleh mereka yang sudah lanjut usia. Dan ini banyak kali disebut di dalam Dewan ini juga tentang betapa pentingnya perkara ini disegerakan supaya sekurang-kurangnya kita dapat mencungkil pemimpin-pemimpin pelapis, pemimpin-



pemimpin di peringkat daerah untuk memimpin dengan gaya belia itu sendiri supaya dengan cara ini, maka kita akan dapat menarik lebih ramai belia menyertai persatuan-persatuan belia, menyertai program-program yang betul-betul dilaksanakan oleh belia sehingga boleh menarik minat belia itu sendiri.

Apa yang berlaku hari ini sangat mendukacitakan, bagaimana ia dipimpin oleh belia tua maka menyebabkan program pun lebih berbentuk kebajikan, lebih berbentuk kepada program belia tua yang secara tidak langsung belia-belia lari minatnya sehingga berlaku kegiatan lumba haram, yang sekarang ini hampir tidak terkawal. Banyak tempat berlaku di mana ratusan buah motosikal, ada setengah tempat ribuan motosikal keluar di waktu malam sehingga pihak keselamatan tidak berupaya untuk menyekat dan terpaksa membiarkan perkara itu berleluasa dalam masyarakat di negara kita. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

**7.44 ptg.**

**Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin [Batu Pahat]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Kepala B.45 Butiran 020500 – Pembangunan Ekonomi Belia. Saya mengalu-alukan usaha yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan bagi mempertingkatkan daya saing belia dalam era globalisasi di samping memberikan latihan dan sumbangan bagi memulakan perniagaan yang akan diceburi oleh para belia. Kementerian juga memberi pengiktirafan dengan memberi Anugerah Belia Negara setiap tahun. Kalau tidak silap saya ada tujuh kategori yang diberikan.

Tuan Pengerusi, saya hanya ingin menyentuh Anugerah Belia Negara 2002 Kategori Usahawan yang dilaksanakan pada awal tahun 2003 di Stadium Bukit Jalil, yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Saya ingin mempertikaikan calon yang memenangi kategori tersebut. Apa yang saya ketahui, calon yang diutarakan oleh Jabatan Belia Negeri Johor sememangnya tidak layak disenaraikan dan seterusnya memenangi anugerah. Hujah saya bahawa calon tersebut adalah seorang kontraktor kelas 'F' yang memegang lesen kepunyaan rakan-rakan melebihi 25 lesen.

Secara keseluruhannya kerja-kerja yang dijalankan dimonopolinya melalui pejabat-pejabat kerajaan dan agensi-agensi seperti pejabat daerah, pejabat JKR, Majlis Perbandaran dan Syarikat Air Johor Berhad. Secara jelas calon yang saya maksudkan langsung tidak menjalankan aktiviti perniagaan di atas kemahiran yang ada kecuali projek-projek yang diperolehi daripada kerajaan dan agensi-agensi yang saya katakan tadi. Saya melihat Jabatan Belia Negeri berperanan besar menonjolkan calon tersebut. Calon mengadakan majlis cara besar-besaran apabila panel daripada Jabatan Belia Negeri meninjau lokasi perniagaan. Balai kanopi yang boleh memuatkan 400 orang jemputan didirikan. Jabatan Belia ada memberikan biodata calon di akhbar harian tempatan, antaranya memperakui bahawa calon mempunyai 12 anak syarikat.

Saya hairan bagaimana sebuah syarikat biasa iaitu kontraktor kelas 'F' boleh diperakui mempunyai anak syarikat sebanyak 12 buah. Di sinilah letaknya ke tebalan Jabatan Belia Negeri menonjolkan calon yang sepatutnya tidak boleh disenaraikan. Apa yang paling mendukacitakan anugerah ini disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memang mengharapkan ketelusan pegawai-pegawai Jabatan Belia bagi memastikan wujudnya belia yang mempunyai keterampilan sebenar yang boleh bersaing dalam era globalisasi.

Saya berharap kementerian dapat mengambil tindakan terhadap Pegawai Belia Negeri yang terlibat supaya peristiwa yang memalukan kementerian tidak berulang pada tahun-tahun hadapan, apatah lagi berkait rapat dengan imej Menteri yang datang daripada Johor. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Tanjong.

7.47 ptg.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 020000 – Pembangunan Belia dan Sukan. Sejak kebelakangan ini media massa dan media elektronik sering membuat laporan berkenaan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh belia-belia di negara ini. Daripada kesalahan disiplin di sekolah, pesalah juvana, pengangguran hinggalah kepada kes bunuh diri, para belia tidak lari daripada skop media. Memang ada benarnya kenapa media memberikan perhatian khas kepada mereka kerana belia merupakan tonggak utama kepada sesebuah negara dan negara bergantung kepada mereka suatu hari kelak.

Seramai 130,000 belia dari satu juta remaja di negara ini dikategorikan menghadapi tekanan mental sehingga ada daripadanya membunuh diri. Begitulah statistik yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Mohd Tahir Arif. Ini bermakna Tuan Pengerusi, di negara ini kita mempunyai satu bilangan yang besar remaja dan belia yang mempunyai tekanan mental dan berpotensi besar untuk membunuh diri.

Tahun ini juga kita telah membaca di akhbar beberapa kes bunuh diri yang melibatkan belia. Alasan-alasan yang diberikan adalah amat mengguriskan perasaan orang ramai seperti sanggup membunuh diri kerana tidak dapat menyesuaikan diri di asrama universiti dan ingin mati kerana tidak dibenarkan untuk *shopping* pada hari minggu bersama dengan rakan sekolah. Ini adalah amat serius dan tidak munasabah. Masalah penyalahgunaan dadah di kalangan belia juga meningkat dengan Pulau Pinang berada di tangga teratas sebagai negeri yang mempunyai paling ramai penghisap dadah. Di sekolah pula selain daripada kes samseng sudah sampai ke peringkat membunuh dan merogol. Setiap kali masalah ini dibangkitkan budaya sering menyalahkan orang ramai keluar lagi dari mentaliti rakyat kita, tetapi saya berpendapat bahawa kita harus melakukan sesuatu daripada hanya terus bercakap kosong.

Ada juga pihak yang berpendapat kurangnya aktiviti sukan dan pembangunan belia mendorong anak-anak muda untuk terjerumus ke dalam kancah kesalahan. Bilangan-bilangan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kementerian melalui aktiviti pembangunan sukan dan pembangunan belia adalah kurang dan gagal memberi impak. Para remaja juga kurang galakan untuk menyertai aktiviti-aktiviti ini. Remaja kini juga lebih suka kepada permainan komputer, mengagung-agungkan pemain bola sepak Barat mengikut peredaran zaman ataupun mereka lebih berminat mengikuti konsert Siti Nurhaliza daripada menghadiri bengkel kepimpinan anjuran kerajaan yang dihadiri oleh pemimpin negara.

Nampaknya Menteri sendiri pun tidak begitu berminat untuk hadir dalam Parlimen untuk menjadi contoh belia yang berminat dalam politik. Menteri sendiri pun menjadi satu isu, Tuan Pengerusi. Baru-baru ini saya rasa ramai Ahli Parlimen menerima surat layang mengkritik Menteri mempertikaikan pencapaian dan prestasi beliau sebagai pemimpin belia dan sebagai orang yang bertanggungjawab..

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, tidak boleh.....

**Tuan Chow Kon Yeow:** .....atas pembangunan sukan dalam negara ini. Berhubung dengan aktiviti.....

**Tuan Pengerusi:** Kelakuan seorang ahli sama-sama sendiri tidak boleh disebut melainkan ada sebab-sebab, yang demikian hanya boleh buat dengan cara usul ya.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Prestasi beliau, bukan peribadi. Berhubung dengan aktiviti membina generasi belia dan Program Rakan Muda, saya juga ingin menyeru kementerian untuk mengkaji bagaimana para peserta Program Khidmat Negara boleh terus dipimpin dan terus diserapkan kepada pertubuhan belia untuk memastikan ada kesinambungan dalam usaha membina generasi belia yang aktif dan mapan. Apabila golongan belia telah tamat Program Khidmat Negara, Kementerian Belia dan Sukan bertanggungjawab untuk memastikan mereka terus boleh bergiat dalam kegiatan belia dan sukan.

Program seperti perlawanan persahabatan dengan pasukan lain dari luar negara juga harus diperbanyakkan kerana ia boleh menarik minat orang muda untuk menyertai aktiviti-aktiviti sukan dengan lebih aktif lagi. Program perlawanan bola sepak antara

pasukan negara dengan Manchester United dan pasukan dari Brazil telah menarik minat ramai anak muda.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada jaguh Selat Inggeris, Dato' Abdul Malek dari Pulau Pinang atas kejayaannya. Adalah diharap bahawa kejayaan beliau dan ahli-ahli sukan yang lain yang mencipta nama daripada acara mereka menjadi ikutan anak-anak muda di negara ini.

Namun demikian, di sebalik kejayaan beliau, apabila ditemu ramah oleh pihak media beliau ada menyatakan tentang kesukaran untuk mendapat bantuan daripada kerajaan dan juga beliau telah menunggu selama setahun untuk mendapat restu daripada Perdana Menteri tentang hasratnya. Ini menunjukkan bahawa adalah amat sukar untuk seseorang yang berpotensi mendapat bantuan daripada kerajaan atau menerima sokongan.

Saya rasa masih terdapat ramai orang seperti beliau, pendaki gunung Everest dan sebagainya yang berpotensi tetapi mereka tidak diberi perhatian ataupun mungkin mereka ini akan keluar ke negara lain untuk berkhidmat kepada negara-negara itu seperti rakyat Malaysia yang sampai ke puncak Everest untuk negara jiran Singapura.

Tuan Pengerusi, setelah gagal untuk menjadi tuan rumah Sukan Asia dan Sukan Olimpik pada tahun 2006 dan 2008, nampaknya kempen untuk menjadi tuan rumah untuk acara sukan yang berprestij ini tidak lagi dicanang-canakan. Banyak wang telah dihabiskan untuk projek Sukan Asia 2006 dan apakah rancangan jangka panjang kementerian untuk terus memastikan Malaysia akan menjadi tuan rumah untuk Sukan Asia 2010 dan mungkin Sukan Olimpik 2012.

Bukan hanya untuk menang kelayakan untuk menjadi tuan rumah sahaja tetapi kementerian juga harus memastikan bahawa pasukan negara kita bukan sekadar jaguh kampung. Saya percaya bahawa rakyat negara kita mampu meraih kejayaan sekiranya diberi dorongan dan latihan yang baik tanpa mengira bangsa. Kita mempunyai pusat sukan yang bertaraf antarabangsa maka kita juga harus mempunyai ahli sukan yang hebat-hebat belaka dalam pelbagai acara sukan.

Akhirnya saya ingin menyentuh aktiviti Pembangunan Ekonomi Belia di mana di dalam objektif kementerian adalah untuk melahirkan dan meningkatkan bilangan belia menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan serta untuk melahirkan usahawan belia yang berdaya maju, tahan dan berdaya saing. Bilangan belia yang diberikan pinjaman di bawah aktiviti ini dianggarkan hanya 20 orang berbanding dengan 59 orang pada tahun 2002.

Saya ingin mendapat penjelasan dari kementerian kenapa jumlah mereka yang diberikan pinjaman ini begitu sedikit sahaja. Berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk program ini serta apa kriteria kepada mereka yang ingin membuat pinjaman untuk memulakan perniagaan mereka? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Sri Gading.

**7.55 mlm.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya turut bersama-sama membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Saya berkongsi dengan Yang Berhormat bagi Tanjong. Saya sebenarnya ingin hendak menyentuh perkara ini, soal tuan rumah Sukan Asia. Memang benar kita telah pun berusaha dengan begitu hebat di peringkat awal walaupun kita kalah dan sepatutnya usaha ini tidak diberhentikan, seperti mana yang kita maklum bahawa kita telah pun bermodal begitu besar. Ini yang dinamakan 'hangat-hangat tahi ayam'. Ini di mana kelemahannya? Di mana kesalahan ini?

Jadi, saya hendak mengajar Menteri, Timbalan Menteri tidak patut, jadi saya berharap hidupkan kembali semangat juang kita untuk menjadi tuan rumah sukan yang besar yang mempunyai nama yang begitu hebat di bibir peminat-peminat sukan seluruh dunia. Kita mempunyai kemudahan-kemudahan yang lengkap, kemudahan-kemudahan menjayakan Sukan Komanwel itu telah pun memadai. Jadi, kita telah cukup prasarana kita

maka usaha ini harus diteruskan untuk kita terus mendapat menjadi tuan rumah sukan yang besar.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya bercakap mengenai Butiran 020200 - banyak kosong berkaitan dengan pembangunan sukan. Memang kosonglah kita. Saya cukup kesal, Tuan Pengerusi, hendak melahirkan di Parlimen yang mulia ini rasa kesal dan kesal ini sebenarnya dilahirkan oleh peminat-peminat bola sepak negara ini. Kita lawan Iraq boleh kalah 5-1, Iraq ini kalah perang, padang tidak ada, kena letup dengan Amerika, yang main bola ini kaki kudung kena meriam Amerika, kita kalah 5-1!!! *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Taruh dia!

**Seorang Ahli:** Mana Larut?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Pengerusi, Allah Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Ya, hendak marah dekat siapa itu, Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya tidak tahu Timbalan Menteri macam mana hendak menjawab, tentulah Timbalan Menteri akan menjawab, "Kementerian saya tidak bertanggungjawab, yang bertanggungjawab ialah badan sukan", itulah jawapan yang paling sesuai, yang paling logik yang mungkin akan dijawab oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan. Lain tidak ada, lepas tangan! *[Sambil menepuk tangan]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Allah Tuan Pengerusi, apalah nasib kita. Itu sebabnya padang bola sepak sekarang di mana ada pertandingan di stadium, semua kosong, kosong! kosong! Tuan Pengerusi, lebih baiklah pertandingan bola sepak besar-besar dibawa ke Sri Gading sahajalah yang tidak ada stadium, main padang kampung lagi baik, Tuan Pengerusi. Lagi ramai oranglah, bawa ke stadium buat apa, kosong! Kita buat stadium ratus juta, Tuan Pengerusi, kenapa di'anakemas'kan bola sepak sedangkan pencapaian pemain bola sepak, persatuan bola sepak luntur seluntur-lunturnya mengecewakan kita, pembaziran yang paling besar.

Menteri jangan hendak berdalih-dalih soal ini, jangan hendak menjawab hendak cantik-cantik, akui kelemahan ini, jangan hendak jawab cantik dalam Parlimen tetapi tidak menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sukan yang dikatakan bola sepak. Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi:** Ya. Jikalau sekiranya Yang Berhormat boleh.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Okaylah Tuan Pengerusi, saya satu ini cukuplah.

**Tuan Pengerusi:** Ya cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Geram sangat Tuan Pengerusi. Saya kalau lebih pula nanti terlepas cakap tidak tentu pasal, jadi tidak baiklah. Saya cuma hendak lahirkan...

**Tuan Chang See Ten:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Gelang Patah hendak cakap kah? Yang Berhormat Timbalan Menteri, *you* jangan jawab berdalih-dalih, katakanlah ini kelemahan yang memang patut hendak diatasi. Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Bachok.

**8.01 mlm.**

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya menghayati maksud dan mesej yang disampaikan oleh Sri Gading tadi. Itu dalam isu sukan. Mungkin Yang Berhormat bagi Sri Gading tidak balik kawasan untuk main bola sekali dengan Pemuda tetapi saya tiap-tiap hari Jumaat pagi mesti main bola sekali dengan Pemuda dan saya menghayati lebih lagi daripada itu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Huh!

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Sebab saya hendak bangkit, Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara pembangunan belia. Kita lihat sukan ini satu daripada *channel* sahaja untuk membangunkan belia dalam pendekatan supaya mereka ini tidak lepak, tidak terabai masa mereka untuk perkara-perkara yang terbuang begitu sahaja. Namun, dalam isu pembangunan belia sekarang ini, saya menarik satu kajian yang dibuat oleh satu panel pensyarah daripada UPM. Saya ingat kajian itu disempurnakan tahun 2002 di atas tajuknya *Identiti Kontemporari Belia di Malaysia* yang telah membuat satu hujah identiti belia di negara kita yang sekarang ini ada sepuluh identiti. Daripada sepuluh ini, malangnya ramai belia kita terlibat dengan identiti yang bersifat negatif.

Di antara identiti itu ialah identiti, devian, destruktif, dan “*trendy*”. Tiga identiti ini mewakili tidak kurang daripada 20% belia daripada keseluruhan responden yang dibuat kajian, yang berjumlah seramai 2,131 orang. Walaupun 80% lagi ia menggambarkan identiti belia kita bersifat konstruktif, patriotisme, berwawasan, normal, beridentiti sukan dan rekreasi, profesion dan beragama tetapi yang sedihnya 20% ini dalam nilai sosiologi ataupun nilai kemasyarakatan kita lihat ianya duduk di penjuru yang terbiar dan semestinya mereka inilah *chances* ataupun berkemungkinan besar untuk menjadi perosak masyarakat ataupun musuh negara dan mungkin mereka juga penyebar kepada semua budaya-budaya yang merosakkan masa depan bukan sahaja setakat dirinya sebagai belia yang akan mewarisi generasi dewasa, ia mungkin menyebarkan lagi kepada generasi baru daripada kumpulan umur belasan tahun yang belum tentu ketahuan maksud hidup yang sebenar.

Jadi, dalam masalah ini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah pihak kementerian merekomendasikan kajian-kajian seumpama ini untuk dijadikan satu asas kajian di peringkat pelan tindakan belia dalam usaha untuk pembangunan belia negara kita. Kerana dengan peruntukan yang besar dalam projek pembangunan belia ini melebihi RM32 juta ini, saya ingat apa salahnya pihak Kementerian Belia dan Sukan untuk *sponsor* ataupun untuk membiayai kajian-kajian yang boleh membantu pihak kementerian ini untuk menaikkan taraf belia kita kepada suatu pendekatan yang lebih cemerlang dalam pendekatan identiti yang saya maksudkan tadi.

Belia negara kita tidak kurang daripada 41% daripada keseluruhan penduduk yang berumur di antara 15 hingga 30 tahun. Kalau kita nisbahkan dalam pendekatan begini, maknanya angkanya terlalu besar, lebih daripada RM9 juta orang. Ini satu angka yang besar yang perlu dilihat dengan secara serius diprogramkan pendekatan pembangunan belia dengan lebih serius lagi. Lebih-lebih lagi apabila kita dihadapkan dengan isu globalisasi yang tidak mengenal siapa, yang kadangkala kita melihat globalisasi ini musuh kita, kadangkala globalisasi juga merupakan rakan kita tetapi dalam konteks belia masa depan untuk mewarisi semua warisan bangsa dan negara kita ini, kita melihat globalisasi seharusnya ada kedudukan atau *point* yang berhati-hati dan cermat.

Pihak kementerian sendiri seharusnya melihat apabila belia kita berhadapan dengan isu globalisasi ini, satu perkara yang harus kita lihat ialah terdedahnya pelbagai maklumat kepada generasi belia. Apabila disebut pelbagai maklumat, ada maklumat yang ditapis, ada yang tidak ditapis dan ada maklumat yang memberi kesan negatif khusus dalam usaha untuk membina belia yang berwawasan untuk memajukan negara dalam pendekatan ekonomi, sosiobudaya dan seumpamanya. Demikian juga, penyogokan nilai dan gaya hidup yang dianggap baru tetapi sebenarnya lama...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat berucap berkenaan dasar itu. Kita sudah dalam Jawatankuasa.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Maaf Tuan Pengerusi. Saya akan masuk secara spesifiklah.

**Tuan Pengerusi:** Bagi spesifik Yang Berhormat.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Oleh kerana itulah saya melihat perkara-perkara ini, saya hendak mencadangkan supaya pihak Kementerian Belia dan Sukan dapat membuat suatu pendekatan lebih kemas kini khusus dalam melihat kes-kes yang bersifat spesifik yang telah mengancam masa depan belia kita sendiri. Misalnya, sehari dua baru-baru ini apabila berlakunya kes jenayah pembunuhan. Apabila kes yang melibatkan polis begini kita dapati umur belia yang terlibat ialah belasan tahun, belum mencapai 20 tahun.

Kes begini disifatkan sebagai identiti devian. Mereka ini terdiri daripada mereka yang cuba duduk pada kedudukan dalam masyarakat sebagai perosak.

Jadi, imej begini apakah kementerian mempunyai satu maklumat yang terkini ataupun maklumat yang kemas kini untuk memberi satu jawapan kepada peringkat pelaksanaan program bagi mengatasi kes-kes sedemikian. Kita tidak senang dengan label yang dikenakan apabila kes-kes jenayah biasanya dilabel kepada belia India, belia Cina atau belia Melayu dalam pendekatan perkauman, tetapi kita hendak lihat dalam pendekatan lebih harmoni lagi supaya belia-belia kita ini tidak dipadankan dengan imej-imej yang bersifat buruk begitu.

Demikian juga apabila kita lihat program-program pembangunan belia ini misalnya yang panjang dibicarakan dalam Parlimen ini juga ialah Program Rakan Muda. Apabila Rakan Muda banyak diprogramkan kepada pendekatan belia-belia sekolah atau belia-belia dalam belasan tahun masih di IPT tetapi bagaimana mereka yang tercicir di peringkat SPM, mereka gagal untuk ke IPTA atau IPTS. Apakah program Rakan Muda dapat melibatkan mereka khususnya dalam pendekatan persatuan-persatuan belia sekarang? *Support* kepada Rakan Muda di antaranya ialah persatuan-persatuan belia. Kita dapati kelembapan, malangnya persatuan belia di kampung-kampung khususnya yang menyebabkan belia-belia kita tidak ada pedoman atau panduan dari sudut kepimpinan. Mereka banyak terjerumus dengan isu-isu seperti yang saya sebutkan tadi dengan identiti destruktif. Mereka akan melihat semua harta awam itu adalah milik mereka dan mereka akan buat apa sahaja sehingga merosakkan.

Ini adalah bahaya yang pada pandangan saya apabila kajian yang dibuat ini memberi satu maksud jelas kepada kita untuk memprogramkan pembangunan belia ini ke arah pembinaan bangsa di atas nama belia itu sendiri. Kerana kalau hendak membina satu bangsa yang berdaya maju, berdaya saing dan seumpama, sebagaimana menjadi wawasan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan sendiri, kita hendaklah melibatkan di peringkat akar umbi khususnya belia yang baru hendak mengenal dunia yang global ini. Kalau tidak sudah pasti ianya akan mencetuskan suatu kegagalan jika kita gagal untuk mencipta sesuatu terbaik pada peringkat umur ini. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Gelang Patah, selepas itu Kota Melaka, Bukit Mertajam dan selepas itu Menteri menjawab.

**8.08 mlm.**

**Tuan Chang See Tentera [Gelang Patah]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin sentuh Maksud Bekalan dan Pembangunan 45 – Kementerian Belia dan Sukan.

Pertama saya ingin sentuh tentang Butiran 020300 – Persatuan Belia. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang prestasi kegiatan persatuan belia, sama ada dengan usaha kementerian ini ia dapat dipertingkatkan. Dan daripada maklumat yang saya terima bahawa ada yang kata pada tahun 1980-an seperti Gerakan Belia Bersatu Malaysia (*Young Malaysian Movement*) yang mana ahli-ahli mereka ramai terdiri daripada kaum Cina yang mana pada masa sekarang nampaknya aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh mereka kalau dibandingkan dengan tahun 1980 semasa pertubuhan ini baru ditubuhkan. Boleh dikatakan pada masa sekarang nampaknya prestasi adalah kurang baik. Dan saya ingin tahu bagaimanakah pihak Kementerian Belia dan Sukan dapat berusaha membimbing mereka melalui galakan dan kursus kepimpinan belia supaya dapat mempergiatkan persatuan-persatuan belia.

Tuan Pengerusi, kita sekarang menghadapi satu masalah yang mana belia-belia kini ada yang tidak menyertai persatuan belia, kita dapati mereka lebih ghairah mengejar teknologi maklumat termasuk kegilaan berinteraksi menerusi *screen computer*, sebagai satu gejala sosial baru di negara ini dan gejala sosial ini nampaknya sudah mula melanda golongan belia sehingga golongan belia amat berkurangan membabitkan diri dalam perkhidmatan kesukarelaan.

Tuan Pengerusi, sebenarnya tidak salah belia merebut peluang mencari ilmu IT, tetapi jangan sampai melampau sangat hingga tidak menyertai khidmat kesukarelaan,

menyertai kegiatan belia dan tidak berinteraksi sesama manusia iaitu *human touch*, ini adalah perlu digalakkan seiring dengan perkembangan zaman cyber ini, kita perlu mengambil strategi dan tindakan yang berkesan, bagaimana kita dapat menangani masalah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, belia perlu sedar tanggungjawab sosial dan komitmen mereka termasuk pembabitan secara sukarelawan dalam *committee* seperti badan bukan kerajaan (NGO), ini boleh memberi kesan bermakna kepada masyarakat dan khidmat kemasyarakatan akan dapat diwujudkan jika belia aktif dalam persatuan belia, dan ini akan menjadi satu amalan ikatan kemanusiaan sejagat yang dapat mengukuhkan hubungan sesama manusia, jadi nilai sebegini harus dipertahankan oleh generasi belia sekarang. Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya sentuh tentang Butiran 020200 iaitu Pembangunan Sukan.

Saya harap pihak Kementerian Belia dan Sukan dapat menggembelngkan usaha dengan pihak berkuasa yang lain supaya mewujudkan lebih kemudahan-kemudahan sukan seperti di taman-taman perumahan, di kampung-kampung, memperbanyakkan padang bola sepak, gelanggang bola keranjang dan dapat kerjasama daripada pihak berkuasa tempatan, pejabat daerah untuk menggunakan dewan raya untuk aktiviti badminton dan ping pong. Dan di sini saya pun berharap sama ada mana satu kementerian yang dapat menjadi pengerusi untuk mengadakan satu tindakan bersepadu supaya sama-sama menggunakan fasiliti-fasiliti di sesuatu daerah atau di sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan.

Saya nampak pihak Kementerian Belia dan Sukan, ada aktiviti mereka dan pejabat daerah dan pihak berkuasa tempatan, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, sekarang menggunakan Dewan Nur, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menggunakan KRT dan Pusat Khidmat dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui KEMAS, dan semua ini dituju kepada orang ramai, termasuk belia dan beliawanis. Adakah kemungkinan lebih kos efektif jika semua kementerian ini yang mengadakan kegiatan sosial dan aktiviti-aktiviti sukan, kalau boleh menggembelngkan usaha bersama, wujudkan satu jawatankuasa bersama supaya kita akan dapat menjimatkan wang kerajaan dan dapat mendatangkan keberkesanan untuk mengadakan aktiviti-aktiviti kepada golongan belia dan beliawanis dan golongan muda yang lain. Jadi, golongan dewasa bersama dan ini juga dapat menolong wakil rakyat di sesuatu kawasan untuk sama-sama berkhidmat kepada orang ramai.

Dan oleh sebab tanah terhad, dalam Program Rakan Muda, pada mulanya perlu tanah seluas 15 ekar dan setakat ini nampaknya bukan banyak daerah dapat wujudkan tempat Rakan Muda yang seluas 15 ekar, kerana susah dapat tanah dan ini perlu mencari kaedah yang baru, kemungkinan dengan wujudnya kerjasama yang saya sebutkan tadi, supaya kita dapat mendatangkan manfaat kepada golongan belia dan beliawanis melalui usaha bersepadu antara jabatan itu. Tuan Pengerusi, dengan kata-kata demikian, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Bukit Mertajam, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**8.16 mlm.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi, pada 30 tahun yang lalu banyak kampung baru mempunyai satu gelanggang bola keranjang, hari ini banyak kampung baru ini masih mempunyai satu gelanggang bola keranjang, walaupun penduduknya telah berkali ganda.

Di taman-taman kediaman baru juga didapati kekurangan kemudahan-kemudahan sukan, saya rasa itu adalah satu faktor yang penting mengapa belia-belia hari ini kurang berminat dalam sukan dan juga mereka kurang kemudahan-kemudahan bersukan, dan ini telah mendatangkan kesan-kesan yang negatif. Jadi, saya ingin memohon supaya kementerian boleh memperbanyakkan kemudahan sukan di kampung baru, di kampung-kampung, di estet-estet dan juga di semua taman kediaman, supaya ia bukan hanya tertumpu pada sukan yang bertanding sahaja - *competitive* sukan, seperti di Pulau Pinang.

Di Pulau Pinang ada mempunyai dua stadium yang besar, satu ialah PISA, dan satu ialah Stadium Batu Kawan.

Kedua-dua stadium ini kurang digunakan kerana ia dikenakan caj yang sangat mahal, orang biasa tidak mampu untuk menggunakannya. Tetapi tidak ada banyak pertandingan yang besar begitu, *skill* itu yang perlu gunakan stadium-stadium ini, jadi saya ingin memberi cadangan, mencadangkan bahawa seperti di Batu Kawan, ia hanya ada satu stadium di sana, bas tidak boleh sampai sana, tidak ada bas sampai sana, tidak ada asrama, jadi hendak guna untuk pertandingan sekolah pun susah juga, tidak ada asrama, tidak ada perkhidmatan bas. Jadi saya ingin mencadangkan, bolehkah kita mengadakan satu sekolah sukan di sana, supaya kita boleh mengumpulkan semua pelajar yang berpotensi sukan di sekolah itu dan adakan asrama, dan mereka boleh menggunakan kemudahan-kemudahan stadium ini.

Yang kedua, di seluruh Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah tidak mempunyai satu padang iaitu padang awam untuk pertandingan bola sepak, dahulu ia memang ada satu padang dan ada kelab sukan, ia juga ada padang olah raga yang sama-sama satu tempat, tetapi pada tahun 1995 ia telah diambil untuk membina satu *shopping complex* dan dikatakan ia perlu mengganti balik satu padang, tetapi sampai hari ini tidak ada, belum disiapkan lagi. Jadi di seluruh Seberang Perai Tengah pun di kawasan Bukit Mertajam, tidak ada kolam renang untuk orang ramai.

Jadi, kalau kita kurang kemudahan sukan ini, susahlah kita hendak menghasilkan jaguh-jaguh sukan. Jadi, saya memohon supaya di kawasan Bukit Mertajam dan juga di kawasan-kawasan mana juga memperbanyakkan kemudahan-kemudahan sukan ini. Satu gejala yang saya pantau ialah ramai padang telah diambil.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Banyak padang. Banyak padang.

**Tuan Pengerusi:** Banyak. Banyak padang. Ya.

**Puan Chong Eng:** Banyak padang telah diambil untuk dibina sama ada pejabat RT (Rukun Tetangga) ataupun diambil untuk membina Kindergarten Rukun Tetangga. Saya rasa pada satu hari yang akan datang, kita tak ada padang lagi. Semua padang digunakan untuk tujuan yang lain. Jadi, saya harap kementerian ini boleh memberi perhatian supaya padang itu dikekalkan sebagai padang untuk selama-lamanya dan bukan digunakan untuk tujuan yang lain.

Tuan Pengerusi, dari tahun 1997 sampai 31 Julai tahun ini, seramai 23,518 beliawanis telah hilang - 'lost'. Mereka dilarikan oleh sesiapa dan ini saya rasa adalah satu angka yang besar. Bolehkah kementerian ini melalui Program Rakan Muda untuk mengadakan sesuatu program untuk menasarkannya kepada kumpulan ini yang dikatakan oleh pihak polis ramai beliawanis ini adalah dari kawasan luar bandar.

Mungkin mereka kurang kesedaran yang menjadikan mereka senang ditipu. Bolehkah kita mengadakan satu program untuk menasarkannya kepada mereka dan juga saya ingin tahu sama ada Program Rakan Muda ini adakah dia mempunyai *sensitive gender*, adakah dia ingin menarik beliawanis untuk menyertainya atau ia hanya kata program dia adalah neutral. Jadi sesiapa kalau belia lelaki yang datang itulah dia punya *target*. Jadi, saya haraplah kementerian ini boleh memainkan peranan yang lebih penting supaya kita mempunyai lebih banyak kemudahan sukan untuk semua belia. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Menteri menjawab, ya.

**8.23 mlm.**

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada lapan orang Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini.

Sebelum saya menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli yang berkenaan, suka saya menjelaskan bahawa setakat ini tak pernah saya menyatakan bahawa prestasi mana-mana satu acara sukan itu tak ada kena mengena dengan kementerian saya. Itu saya kena buat penafian yang sejelas-jelasnya khususnya kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading.



Kiranya apa yang saya pernah jawab dalam Dewan ini, tidak semestinya dapat memenuhi hasrat mana-mana seorang Ahli, saya minta maaf. Tetapi apa yang saya jawab itu adalah untuk kebaikan kita semua dan saya jawab dengan penuh keikhlasan saya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat habiskan jawapan Yang Berhormat dalam masa 20 minit?

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Pengerusi:** Boleh tak?

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Pengerusi, sebenarnya ada lapan orang Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Ong Tee Keat:** Jadi, nampaknya mungkin saya terpaksa ambil masa yang lebih sedikit daripada apa yang Tuan Pengerusi tetapkan.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah. Baiklah.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Larut mencadangkan satu anugerah diberikan kepada Allahyarham Dato' Seri Harun bin Idris, ini satu-satunya yang saya rasa patut kita memberi pertimbangan yang sewajarnya dan kita turut berasa sedih dan kerugian khususnya dalam bidang pembangunan sukan negara kita.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian saya masih belum ada lagi sebarang anugerah khusus untuk tokoh yang berjasa dalam pembangunan sukan negara. Walau bagaimanapun, Kementerian saya tetap akan menimbangkan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi.

Yang Berhormat bagi Larut juga menyentuh tentang anugerah kepada Jaguh Samudera kita iaitu Yang Berbahagia Dato' Abdul Malek Maidin yang telah pun berjaya menyeberangi Selat Inggeris. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri sebenarnya telah pun memberi pengiktirafan kepada Yang Berbahagia Dato' Abdul Malik Maidin iaitu ganjaran insentif dalam bentuk saham amanah sebanyak RM20,000 dan juga gelaran darjah kebesaran Dato' yang sebenarnya diusahakan dengan bantuan pihak Kementerian. Ini tidak termasuk banyak lagi ganjaran yang lain dari sektor swasta dan individu-individu yang tertentu.

Yang Berhormat bagi Larut juga mencadangkan supaya kita mengenal pasti acara-acara sukan di mana kita lebih *confident*, dengan izin, yang lebih mudah mencapai kejayaan berbanding dengan yang lain khususnya dalam acara-acara sukan yang masih kekurangan persaingan di tahap antarabangsa. Ini memang merupakan satu-satunya yang sejajar dengan apa yang sedang diusahakan oleh pihak Kementerian saya melalui MSN ataupun Majlis Sukan Negara.

Sesungguhnya, Tuan Pengerusi, MSN memilih jenis sukan dalam melaksanakan program pembangunan sukan buat jangka masa panjang berdasarkan kepada beberapa kriteria. Antara lain termasuk rekod pencapaian skuad kita pada masa yang lalu khususnya di peringkat antarabangsa dan kita juga ambil kira bentuk saiz badan dan fizikal yang bersesuaian dengan rakyat kita sebab kita sedia maklum bahawa sekiranya kita hendak bandingkan saiz fizikal kita dengan negara-negara yang tertentu maka inilah satu-satunya yang cukup penting yang perlu kita ambil dalam perhitungan kita.

Sebagai contoh, Program Gemilang 2006 telah pun memilih sebanyak 26 jenis sukan mengikut kriteria yang tersebut di atas. Namun pemilihan ini juga mengambil kira sukan serantau umpamanya Sukan SEA. Oleh itu, jenis-jenis sukan yang dipilih itu adalah untuk memastikan kejayaan negara kita di sukan-sukan yang berkenaan. Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu mendakwa bahawa peruntukan untuk pembangunan belia sebenarnya telah pun disalahgunakan .....

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid:** [Bangun]

**Datuk Ong Tee Keat:** .....khususnya di negeri Terengganu sebab ianya disalurkan melalui .....

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid:** *[Menyampuk]*

**Datuk Ong Tee Keat:** .....Majlis Belia Negeri yang kononnya dikuasai oleh UMNO. Untuk maklumat Yang Berhormat .....

**Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi:** Hmm....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya pun hendak bertanya juga kalau boleh tanya.

**Tuan Pengerusi:** Sekejap. Sekejap. Sekejap *[Ketawa]* Yang Berhormat, kita dah sampai lapan setengah dah.

**Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sedikit sahaja, Tuan Pengerusi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Timbalan Menteri mula-mula tadi cabar saya.....

**Tuan Pengerusi:** Yalah. Yalah. Yalah, nanti besoklah kot. Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Pasal.....

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ..... Timbalan Menteri .....

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ..... ini juga harus diberi pengajaran juga. Jangan dia jawab sembarangan sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Ya, besok Yang Berhormat. Ya, sambung besok.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Pasal dia kata menafikan. Dia pernah menjawab di dalam Dewan ini, apabila kita sentuh prestasi satu-satu sukan, dia kata badan sukan yang berkenaan bertanggungjawab. Itu saya ambil contoh, jawapan itu.

**Tuan Pengerusi:** Yalah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dan Timbalan Menteri jangan hendak menafikan jawapan itu benar. Boleh check dalam jawapan-jawapan yang lepas.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah, besok Yang Berhormat. Yang Berhormat, besok. Minta sambung besok, ya. Majlis bersidang semula.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi besok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 8.30 malam.***